

<b>BAB I</b> <b>PENDAHULUAN</b>
------------------------------------

### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penyebaran dakwah yang berkesan adalah apabila ia mampu mempengaruhi khalayak sasaran. Oleh itu dakwah bukan sekadar seruan terhadap Islam semata-mata, tetapi ia perlu disampaikan dengan teknik dan cara yang bersesuaian dengan tahap sasaran. Aspek-aspek ini penting untuk menarik perhatian sasaran agar mereka suka mendengar dakwah yang disampaikan lantas menerima mesej-mesej tersebut dengan lebih mudah dan menyenangkan<sup>1</sup>. Lantas, pendakwah perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan ilmu berkaitan metodologi dakwah agar dakwah yang disampaikan memberi kesan kepada sasaran.

Mohamed Asin Dollah (2004), menyatakan bahawa seruan dakwah perlu memberi penekanan terhadap usaha mempengaruhi hati dan akal khalayak sasaran. Tumpuan ini dilakukan untuk mempengaruhi khalayak sasaran dan dalam masa yang sama tidak mengabaikan strategi dakwah yang lain. Oleh yang demikian, suatu usaha yang proaktif dan efektif perlu diberi perhatian seperti menyediakan suatu program serta merangka satu perancangan yang menarik dan sesuai dengan sifat semula jadi akal dan jiwa masyarakat pada masa kini.<sup>2</sup>

Metodologi dakwah atau *uṣlūb* dakwah merupakan suatu ilmu yang sistematik dalam membentuk cara untuk berdakwah.<sup>3</sup> Al-Quran telah menjelaskan menerusi *ṣūrāh*

---

<sup>1</sup>Ab. Aziz Mohd. Zin (1995), "Manhaj Dakwah Masakini: Suatu Pengenalan", *Jurnal Usluddin*, bil. 3, Disember, h. 80

<sup>2</sup>Mohamed Asin Dollah (2004), "Ke Arah Memantapkan Gerakan Dakwah Di Malaysia: Cabaran dan Penyelesaian", dlm. Mohd. Fauzi Hamat et al. (Eds.), *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 184-185.

<sup>3</sup>Ab. Aziz Mohd. Zin (2001), *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 2

āl-Nāhl ayat 125 bahawa terdapat tiga cara dakwah yang perlu diberi perhatian iaitu secara āl-Hīkmāh (bijaksana), ūṣlūb āl-Māw‘īzāh āl-Hāṣānāh (nasihat yang baik) dan mūjādālāh bī āl-Lāṭī ḥīyā āḥṣān (berbincang atau berdialog dengan cara yang terbaik). Ṣāyyīd Qūṭb (2005), telah mentafsirkan ayat tersebut dengan merumuskan bahawa penyaluran mesej dakwah perlu dilakukan secara terang, jelas, mudah dan tidak disampaikan semata-mata untuk kepentingan peribadi. Selain itu, ia juga perlu mengelakkan kaedah-kaedah yang boleh membebankan sasaran dan membuatkan mereka merasa berat untuk menerima dan mengamalkannya. Dakwah yang berkesan perlu dilakukan secara berhikmah dengan mempertimbangkan situasi dan keadaan sasaran serta bijak mengaplikasikan kaedah berdialog (jādāl) sekiranya perlu.<sup>4</sup>

Dakwah secara hikmah dilakukan dengan memerhati keadaan dan suasana khalayak sasaran agar pendakwah mampu menghasilkan ‘ubat’ yang bersesuaian dengan ‘kesakitan’ yang dialami mereka<sup>5</sup>. Nasihat secara halus dan menyenangkan boleh menimbulkan rasa tenang dengan cara meniupkan semangat<sup>6</sup> dan memberi rangsangan kepada sasaran untuk berfikir dengan lebih rasional. Manakala, perbincangan atau perbahasan secara terbaik yang bertujuan untuk mencari kesefahaman merupakan unsur penting dalam dakwah untuk mencapai kesepakatan berdasarkan sikap toleransi yang mampu dicapai antara pendakwah dan sasaran<sup>7</sup>.

Keberhasilan suatu proses dakwah juga turut bergantung pada tiga aspek. Ia merangkumi mesej dakwah (māwḍhū’ āl-ḍā’wāh), metodologi dakwah (ūṣlūb āl-ḍā’wāh) dan saluran dakwah (wāṣīlāh āl-ḍā’wāh). Ketiga-ketiga aspek ini merupakan

---

<sup>4</sup>Qūṭb, Ṣāyyīd (2005), *In the shade of the Qur’an* (terj. Adil Salahi). Leicestershire, UK: The Islamic Foundation, h. 114-115

<sup>5</sup>Qūṭb, Ṣāyyīd (1978), *Fi Zīl al-Quran*. Beirut: Dar al-Shuruq, jil. 4, jūzū’ 12-17, h. 2201.

<sup>6</sup>Wan Hussein Azmi (1993), “Kepimpinan Organisasi Dakwah Islamiah”, (Kertas Kerja Seminar Dakwah dan Kepimpinan II, Bangi: UKM, 2-3 Oktober), h. 13

<sup>7</sup>Azmil Zainal Abidin (2007), ‘Fenomena Kerencaman Agama dan Alternatif Usuluddin’ dlm. *Konsep Asas Islam dan Hubungan antara Agama*, Wan Suhaimi Wan Abdullah (Eds.) Kuala Lumpur : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 138

asas utama dalam penyampaian dakwah. Pemilihan mesej yang bertepatan dengan masalah sasaran yang disertai dengan metodologi penyampaian yang betul perlu dilakukan melalui medium yang berkesan agar dakwah yang disampaikan lebih terarah. Saluran yang dipilih perlu bersesuaian dengan keadaan dan situasi masa kini. Oleh kerana dunia pada hari ini memasuki era teknologi maklumat dan komunikasi maka, pendakwah perlu memanfaatkan teknologi dan media masa kini untuk kepentingan dakwah Islam. Saluran-saluran yang boleh mencakupi massa seperti media televisyen, radio dan internet perlu dimanfaatkan sebaik mungkin.

Filem merupakan antara medium yang boleh dimanipulasi penciptaannya untuk tujuan dakwah. Sebagai salah sebuah media massa, ia boleh dimanfaatkan sebagai saluran yang berkesan untuk menyampaikan dakwah. Menerusi penerbitan sesebuah filem, mesej Islam dapat dihayati secara santai dan menyenangkan.

Realiti yang berlaku, penerbitan filem-filem dakwah terutamanya di Malaysia belum mencapai suatu standard yang boleh dibanggakan. Kali terakhir filem berunsur dakwah muncul di Malaysia ialah *SYUKUR 21* (2000) yang diterbitkan oleh seorang ahli perniagaan Cina, David Teo. Namun, filem yang membabitkan kos RM 3.5 juta ini tidak mampu menarik perhatian masyarakat untuk menontonnya. Lantas, filem dakwah tidak lagi diterbitkan kerana sukar mencari penaja dan kurang mendapat sambutan dari masyarakat berbanding filem-filem dari genre lain<sup>8</sup>. Masalah ini berlaku kerana penghasilan filem dakwah dilihat begitu stereotaip dan klise. Mesej dakwah yang disalurkan pula terlalu beku dan statik lantas tidak mampu menterjemahkan dakwah dengan cara yang terbaik dan berkesan. Kaedah penyampaiannya masih belum menarik minat masyarakat dan menggerakkan mereka untuk menonton serta mempengaruhi

---

<sup>8</sup> Mohd Yusman Awang (2004), 'Malaysia Tiada Pakar Filem Dakwah', *Al Islam*, Mac, h. 8-10

mereka sama ada secara *internal* mahu pun secara *external*.<sup>9</sup> Oleh yang demikian satu anjakan perlu dilakukan dalam melahirkan filem-filem dakwah yang lebih berkualiti pada masa hadapan. Ia dapat dilakukan dengan cara mengkaji dan menganalisis sejarah, ruang lingkup dan gaya penontonan filem di Malaysia untuk mengenalpasti strategi dan teknik terbaik dalam menghasilkan filem yang berkualiti dan boleh menarik minat penonton.

Sejarah perkembangan filem di Malaysia mencatatkan bahawa gaya penontonan masyarakat Malaysia lebih dipengaruhi oleh karya-karya dari produksi luar negara terutamanya daripada Bollywood. Situasi ini berlaku sejak awal kedatangan filem di Malaysia. Filem-filem Hindi yang dihasilkan mampu menarik minat dan diterima oleh masyarakat Malaysia. Tambahan, penghasilan filem-filem Melayu pada awalnya, banyak dipengaruhi unsur-unsur yang disadur dari filem Tamil dan Hindustan. Malah, sehingga ke hari ini filem Hindustan masih diminati dan mempunyai permintaan yang tinggi di kalangan penonton di Malaysia.

Senarai filem Hindustan yang dikeluarkan oleh Unit Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dari tahun 2001 sehingga tahun 2010 juga menunjukkan jumlah filem Hindi yang dibawa masuk ke Malaysia tidak pernah kurang dari 20 buah filem. Malah, pada tahun 2010, filem Hindi yang dibawa masuk ke Malaysia meningkat kepada 33 buah filem berbanding 25 buah filem pada tahun 2009. Peningkatan ini menunjukkan filem Hindi menjadi antara filem yang mendapat tempat di kalangan khalayak Malaysia.<sup>10</sup>

---

<sup>9</sup> *Ibid.*, h. 9

<sup>10</sup> Sumber daripada Unit Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Fenomena yang berlaku ini perlu dipandang dari sudut positif oleh pengarah dan produksi filem di Malaysia. Formula-formula yang digunakan dalam penghasilan filem Bollywood perlu dikaji dan dianalisis untuk mencari kekuatan dan keunikannya untuk dimanipulasi dan dimanfaatkan dalam menghasilkan filem dakwah yang berkesan tetapi bersesuaian dengan norma dan budaya masyarakat Malaysia.

Sememangnya, filem-filem keluaran produksi dari India tidak banyak memaparkan nilai-nilai Islam yang tinggi dalam filem terbitan mereka. Bahkan, bilangan filem Hindi berunsur Islam yang dibawa masuk ke Malaysia mencatat jumlah yang sangat kecil iaitu sebanyak dua buah filem sahaja dari tahun 2001-2010. Jumlah yang kecil ini tidak boleh dilihat sebagai suatu kekurangan kerana penghasilan filem Hindi itu sendiri sama ada mempunyai nilai Islam atau tidak, ia masih mampu menarik masyarakat untuk menonton malah mempunyai kekuatan dan kelebihan tersendiri dalam setiap filemnya. Aspek inilah yang perlu dikaji oleh pengarah perfileman Melayu agar filem-filem Melayu yang dihasilkan mampu menarik minat penonton dan dalam masa yang sama berkesan dalam aspek penyampaian mesej khususnya mesej dakwah.

Kesimpulannya, pengaplikasian filem sebagai wadah dakwah masa kini perlulah disertai dan disokong oleh lebih ramai lagi golongan pendakwah. Pendakwah juga perlu lebih proaktif dalam mencari dan membuka ruang untuk bekerjasama dan berkolaborasi dengan pengarah dan penerbit dalam menghasilkan lebih banyak filem dakwah yang berkualiti bukan sahaja dari aspek mesej yang ditampilkan malah kekuatan dari sudut sinematografi yang digunakan agar filem dakwah setanding atau lebih hebat dari filem-filem genre lain. Dalam usaha mencari dan menghasilkan sebuah filem dakwah yang bermanfaat, pengarah serta produksi di Malaysia perlu mengambil kira kekuatan dan

kelebihan filem-filem dari luar agar kualiti yang setanding dapat diaplikasikan dalam menghasilkan filem-filem bermutu mengikut acuan dan budaya di Malaysia.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Islam merupakan agama universal yang tidak menghalang sebarang bentuk teknik dan pendekatan terbaru. Oleh yang demikian, Islam tidak menghadkan mekanisme yang perlu digunakan untuk menyalurkan dakwah, asalkan kaedah tersebut tidak menghina dan menjatuhkan roh dan kesucian Islam. Pemilihan filem sebagai medium dakwah merupakan antara *wāṣilāh* yang berpotensi untuk menyalurkan mesej kepada masyarakat.

Sebagai sebuah karya seni, filem merupakan produk yang mudah untuk mendekati masyarakat kerana filem merupakan hasil idea manusia yang diilhamkan daripada kehidupan seharian mereka. Ia juga antara neraca yang boleh digunakan untuk melihat sejauh mana trend dan perkembangan sesuatu masyarakat dalam menangani sesuatu situasi.<sup>11</sup> Hal ini menunjukkan, filem merupakan sebuah medium yang sangat dekat dengan masyarakat. Maka, tidak menjadi satu kesalahan bagi pendakwah untuk menjadikan seni filem sebagai alat untuk berkomunikasi dengan sasaran dengan tujuan untuk nasihat-menasihati. Oleh yang demikian, pendakwah perlu merebut peluang ini untuk menyumbang idea dan kreativiti bagi menghasilkan sebuah filem dakwah yang bermutu.

Penghasilan sebuah filem dakwah yang baik tidak hanya berpandu pada faktor memanipulasi penciptaan teknologi yang mahal dan tercanggih sahaja. Tetapi, ia dilihat berdasarkan gaya dan pelaksanaan mesej dakwah yang berjaya ditampilkan dalam

---

<sup>11</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim (2006), "Filem Malaysia: Di antara Patriotisme dan Liberalisme". (Seminar Media Seni dan Warisan Ke-II, Kuala Lumpur, 22 September), h. 2

sesebuah filem itu. Mesej yang menyenangkan dan menghiburkan khalayak yang menonton antara faktor daya penarik sesebuah filem. Lantas, bagi menghasilkan sebuah filem dakwah yang baik ciri-ciri sedemikian perlulah diaplikasikan dan dalam masa yang sama, perlu mementingkan teknik-teknik yang lain seperti pemilihan shot yang baik, teknik pencahayaan yang bersesuaian dan beberapa faktor lain yang menyumbang dalam kejayaan sesebuah filem. Selain itu, penghasilan sesebuah filem dakwah juga perlulah menjaga etika dan kualiti roh Islam supaya tidak timbul percampuran hak dan batil dalam menghasilkan sebuah filem dakwah yang benar-benar bermutu dan dalam masa yang sama tidak melampaui standard dan piawaian Islam.

Mana Sikana (1985) menjelaskan bahawa persoalan utama yang perlu dititikberatkan dalam karya Islam ialah isi kandungan atau mesej Islam sebelum dibincangkan aspek teknikal yang akan digunakan bagi menterjemahkan karya tersebut. Isi kandungan sesebuah karya Islam perlu dipelbagaikan dari aspek skop dan isu yang dikemukakan agar Islam tidak dilihat sebagai agama yang sempit dan terhad. Tema dan pokok persoalan yang sering dimasukkan seperti isu kematian, kisah pengibadatan, taubat dan seumpamanya tidak terlalu difokuskan seolah-olah Islam hanya memfokuskan aspek sedemikian.<sup>12</sup> Oleh yang demikian, pembaharuan dalam mengutarakan dan menyampaikan mesej Islam sangat diperlukan untuk menghasilkan sebuah filem dakwah yang segar dan menarik.

Pendakwah perlu sedar bahawa musuh-musuh Islam telah berani menggunakan medium ini untuk menyalurkan mesej-mesej yang boleh memberi imej buruk terhadap Islam kepada masyarakat dan senjata memusnahkan sosio-budaya masyarakat Islam. Serangan barat terhadap Islam tidak lagi berpaksikan pada serangan fizikal semata-

---

<sup>12</sup> Mana Sikana (1985), *Tanggapan Sastera*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd., h. 142

mata, mereka tidak pernah lelah untuk melumpuhkan jentera penggerak Islam dalam apa jua cara termasuklah menerusi penerbitan filem-filem dengan menyalurkan mesej yang memberi impak negatif kepada masyarakat Islam. A. Wahab Hamzah (2005), menyatakan bahawa filem-filem Barat terutamanya dari Amerika selalu memaparkan imej-imej rakyat dunia ketiga umpamanya sebagai yang bertaraf rendah, miskin, jahat, diktator dan penganas. Walaupun tidak secara terang-terangan memaparkan imej orang Islam dalam keadaan sedemikian tetapi, kecenderungan untuk melakukannya telah mula kelihatan selepas berlakunya peristiwa 9 November 2001. Hari demi hari, semakin banyak filem yang mempamerkan wajah sedemikian seperti dalam filem *HEAVENLY KINGDOM* (Ridley Scott, 2005) dan *ALADDIN* (1992, John Musker dan Ron Clements) yang telah digarap dan dikupas dari sudut pandang mereka sahaja. Islam dan umatnya menjadi unsur yang diperalatkan untuk menterjemahkan pandangan serong dan prejudis mereka menerusi filem-filem yang dihasilkan.<sup>13</sup> Perkara ini antara strategi senjata perang saraf masa kini yang digunakan untuk melumpuhkan idealisme dan kekuatan umat Islam. Lantas, tidak hairanlah Islam merupakan antara agama yang paling salah difahami oleh masyarakat. Tambahan, situasi masyarakat Islam pada hari ini menampilkan satu budaya yang lebih menyanjungi filem-filem keluaran barat berbanding filem-filem Islam.

Masalah lain yang berlaku dalam industri filem tempatan ialah terikut-ikut dengan rentak filem terbitan barat yang menyimpang dari budaya kesopanan Melayu. Prof. Madya Rushdi Kubon menerusi pendapatnya yang diutarakan dalam Majalah *Al-Islam* keluaran Mac 2004 menyatakan bahawa simptom terikut-ikut dengan rentak barat dalam menerbitkan filem tempatan memberi impak buruk kepada masyarakat dan usaha

---

<sup>13</sup> A. Wahab Hamzah (2005), "Penyelesaian Islami dalam Filem Tempatan", (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pemikiran Kebudayaan dan Islam di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 18-20 November), h.7



tersebut dilihat gagal. Perkara tersebut umpama membiarkan budaya keruntuhan moral di kalangan remaja dan masyarakat Melayu pada hari ini semakin menjadi-jadi. Selain itu, juga penyaduran filem berasaskan rentak barat sebagaimana yang ditampilkan dalam filem *SYUKUR 21* juga turut gagal dan kelihatan janggal dengan realiti masyarakat tempatan.<sup>14</sup> Walaupun aplikasi teknologi tinggi yang digunakan dalam filem ini begitu mengujakan namun, pengisiannya hambar dan tidak mampu memberi daya tarikan kepada masyarakat untuk menontonnya.

Budaya terikut-ikut dengan rentak penghasilan filem Barat (Hollywood) dan penerimaan filem-filem luar seperti filem Hindustan (Bollywood) untuk ditonton masyarakat di Malaysia sudah menjadi kebiasaan dalam industri filem di negara ini. Perkara ini boleh dilihat dengan meninjau sejarah kemasukan dunia perfileman di tanah air sendiri. Filem Hindustan di Tanah Melayu mula diperkenalkan pada tahun 1880 oleh pedagang India. Kemasukan Mendu atau Wayang Parsi merupakan titik awal pengenalan filem Hindustan di Tanah Melayu walaupun revolusi perfileman belum terjadi pada waktu itu. Wayang Parsi atau dikenali juga sebagai bangsawan pada tahun-tahun berikutnya ditayangkan kepada masyarakat umum secara pementasan. Kemasukan teater bangsawan telah berjaya menarik minat masyarakat Melayu untuk menontonnya. Sejak itu, filem-filem dari India mula memberi pengaruh besar kepada masyarakat di Tanah Melayu kerana ia bersesuaian dengan selera masyarakat. Pengarah-pengarah filem dari India juga telah memainkan peranan penting dalam menerbitkan filem-filem tempatan. Ketiadaan pengarah-pengarah tempatan pada awal perkembangan dunia filem negara telah memberi peluang kepada pengarah-pengarah dari India memperkembangkan budaya mereka ke dalam filem-filem penghasilan

---

<sup>14</sup> Mohd. Yusman Awang (2004), *op. cit.*, h. 10.

mereka sebagaimana terhasilnya filem *LAILA MAJNUN* (1933, B.S. Rajhans) yang dihasilkan oleh dua warganegara dari Bombay iaitu Christy dan B.S. Rajhans<sup>15</sup>. Penghasilan filem-filem tempatan juga turut diserapkan unsur-unsur filem Tamil dan Hindustan sama ada dari segi isi dan bentuknya. Maka, terhasilnya banyak filem-filem tempatan yang telah disaduri oleh filem Tamil dan Hindi seperti Filem *PENARIK BECA* (1955, P. Ramlee), *PERMATA DI PERLIMBAHAN* (1952, Haji Mahadi) dan *NOOR ASMARA* (1949, B.S. Rajhans) yang disadurkan ceritanya daripada filem-filem Hindi serta disesuaikan dengan budaya setempat<sup>16</sup>.

Selain itu, filem-filem Hindi juga merupakan filem yang amat disukai oleh masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi kerana unsur-unsur dalam filem tersebut memenuhi citarasa masyarakat Melayu.<sup>17</sup> Oleh itu, filem-filem Hindustan ternyata dekat dengan hati dan jiwa masyarakat Melayu. Unsur-unsur yang sinonim dengan filem Hindustan seperti tarian di bilik dan di taman bunga, babak-babak nyanyian seperti sudah menjadi kebiasaan dalam filem Hindi.<sup>18</sup> Oleh yang demikian, gaya penontonan masyarakat di Malaysia dilihat sudah terbiasa dengan filem-filem berkonsepkan Hindi.

Filem-filem Bollywood sepertimana filem Hollywood banyak mempromosikan gaya hidup bebas, menggalakkan sifat boros dan bersifat sekular. Unsur-unsur yang diterapkan secara langsung atau tidak langsung dalam filem-filem tersebut digunakan untuk melumpuhkan senjata dan menyesatkan umat Islam.<sup>19</sup> Melihat kepada perkembangan ini, filem-filem Hindi ternyata telah meninggalkan kesan dan pengaruh yang besar terhadap corak hidup masyarakat Islam. Mohd. Kamal Bin Hassan (2008),

---

<sup>15</sup> Baharudin Latif (1989), 'Kemunculannya (*The Beginning*)' dlm. *Cintai filem Malaysia = Love Malaysian Films*. Kuala Lumpur: Perbadanan Perusahaan Filem Nasional, h. 45

<sup>16</sup> M. Amin (1998), *Layar Perak dan Sejarahnya*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, h. 10&18

<sup>17</sup> *Ibid.*, h. 6-8

<sup>18</sup> Baharudin Latif (1989), *op. cit.*, h. 58

<sup>19</sup> Wan Azilina Wan Ahmad (2008), "Gejala Sosial Fenomena Jahiliyyah Moden", *Majalah Milenia Muslim*, Oktober, h. 21

dalam artikelnya “Keutuhan Budaya dan Moral” turut bersetuju bahawa hiburan tempatan banyak dipengaruhi oleh trend budaya hiburan ala Bollywood dan Hollywood yang bersifat keterlaluan apabila diukur dari kaca mata Islam dan nilai-nilai moral yang murni. Filem-filem dari luar membawa mesej berunsur keganasan dan keseronokan nafsu. Perkara ini memberi cabaran besar terhadap budaya dan moral masyarakat Islam di negara ini kerana mesej yang diselitkan jelas berlawanan dengan nilai kesopanan dan ketamadunan masyarakat Islam. Antara lain, filem-filem Hindustan juga banyak menunjukkan aspek pergaulan bebas, pemakaian dan perhiasan diri yang menyimpang dari budaya setempat, penampilan tarian yang merangsang nafsu, mengeneipkan dan menghilangkan norma peradaban dalam tindakan yang dipaparkan. Perkara-perkara tersebut jika tidak terus dibendung dan dikawal, dikhuatiri boleh memberi kesan buruk kepada masyarakat dan ia juga merupakan cabaran yang perlu didepani oleh masyarakat Islam dewasa ini.<sup>20</sup> Isu sedemikian juga pernah ditegur oleh Majlis Mufti-Mufti Se-Malaysia yang diwakili oleh Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria dengan menyarankan agar penayangan filem-filem Hindustan dikurangkan kerana ia menjurus kepada budaya keruntuhan akhlak. Ia juga didapati mudah mendorong masyarakat Islam untuk terjebak dengan perlakuan sumbang muhrim jika penayangannya tidak dikawal.<sup>21</sup>

Oleh yang demikian, Bahagian Kawalan Filem, Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang bertanggungjawab memberi perlepasan terhadap sesebuah filem untuk ditayangkan perlu lebih meneliti dan membuat pemilihan yang tepat sebelum meluluskan sesebuah filem. Ia penting agar filem-filem yang ditayangkan tidak membawa unsur yang boleh merosakkan sosio budaya tempatan yang kaya dengan nilai

---

<sup>20</sup>Mohd. Kamal Bin Hassan (2008), *Keutuhan Budaya dan Moral*, Masjid Kampung Tunku, [http://www.masjidkampungtunku.com/index.php?option=com\\_content&task=view&id=58&Itemid=78&limit=1&limitstart=0](http://www.masjidkampungtunku.com/index.php?option=com_content&task=view&id=58&Itemid=78&limit=1&limitstart=0), 29 April.

<sup>21</sup> Utusan Online, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0215&pub=utusan\\_malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_04.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0215&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_04.htm&arc=hive), 15 Februari 2001

adab dan sopan. Pemilihan filem-filem Hindustan yang mempunyai mesej positif dan mampu mengangkat nilai dan budaya Islam pada tahap yang sepatutnya perlu diberi sokongan.

Lantaran itu, filem-filem Hindustan yang mempromosi budaya dan sistem hidup masyarakat Islam perlu diberi ruang, peluang serta bantuan promosi yang lebih untuk ditayangkan kepada penonton. Filem-filem seperti *MY NAME IS KHAN* (2010, Karan Johar) dan filem *JODHAA AKBAR* (2008, Ashutosh Gowariker) merupakan perkembangan baik yang boleh diberi perhatian. Corak pembikinan filem Hindi termasuklah filem Hindi yang berunsur Islam perlu dikaji untuk menghasilkan suatu penemuan positif yang akan membantu mempertingkatkan perkembangan dunia filem Islam di Malaysia. Langkah itu, bukan untuk menukar identiti filem Malaysia sebagaimana filem-filem Hindi. Tetapi ia boleh dijadikan panduan untuk menghasilkan lebih banyak lagi filem-filem dakwah yang mampu mempengaruhi masyarakat sebagaimana strategi yang digunakan oleh filem Hindi yang berupaya mempengaruhi jiwa dan minat penonton.

Kajian ini dilakukan bagi menganalisis filem Hindustan yang boleh memberi input dan pengajaran baik kepada masyarakat khususnya menerusi penonjolan mesej dan nilai-nilai ke Islaman yang ditampilkan dalam babak-babak filem tersebut. Filem *MY NAME IS KHAN* arahan Karan Johar dan filem *JODHAA AKBAR* arahan Ashutosh Gowariker merupakan dua buah filem Hindi yang dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Filem tersebut akan diteliti mesej-mesej dakwah (Islam) yang terdapat di dalamnya lantas akan dianalisis metodologi *āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh* yang diaplikasikan. Kajian ini penting untuk mencari suatu pandangan yang lebih segar dan dinamik berkaitan filem dakwah. Hasil kajian ini diharap boleh dijadikan panduan kepada penerbit-

penerbit serta pengarah di Malaysia untuk menghasilkan sebuah filem dakwah yang bermutu.

Filem *MY NAME IS KHAN* dan *JODHAA AKBAR* sarat dengan mesej dakwah yang ditampilkan dari aspek akidah, syariat dan akhlak. Filem tersebut memberi kelainan dari filem-filem Hindi yang biasa dihasilkan kerana menerusi filem ini Islam ditonjolkan sebagai subjek utama. Ia juga menampilkan mesej-mesej dakwah yang disampaikan secara menarik dan menyenangkan. Kehadiran filem-filem sebegini boleh memberi nafas baru dalam dunia perfileman Islam serta mampu menjadi antara model filem dakwah yang baik kerana ia membawa sudut pandang atau *world-view* baru terhadap Islam yang selama ini menjadi agama yang sering disalahtanggapi dan disalahtafsirkan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang perlu dikaji semula agar setiap babak yang ditonjolkan tidak terkeluar dari matlamat asal dalam penyampaian mesej Islam di samping mengekalkan kesucian Islam sebagai agama yang murni.

Lantas, kajian ini akan melihat keupayaan dan kemampuan filem sebagai medium alternatif dakwah berdasarkan beberapa persoalan yang timbul;

1.2.1 Apakah filem dakwah?

1.2.2 Kenapakah sebuah filem dikatakan menyampaikan dakwah?

1.2.3 Bagaimanakah dakwah disampaikan menerusi media filem?

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif kepada kajian ini:

1. Menghurai konsep filem dakwah yang berfungsi sebagai salah sebuah medium penyampaian maklumat Islam.
2. Menginterpretasi mesej dakwah yang ditampilkan dalam filem-filem Hindustan berunsur Islam yang terpilih.
3. Meneliti dan menghuraikan metode penyampaian dakwah menerusi metode *āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh* dalam filem-filem Hindustan terpilih.

### 1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Filem merupakan instrumen media komunikasi yang berupaya menyalurkan mesej dan maklumat yang pelbagai kepada masyarakat. Peranannya tidak terhad sebagai alat hiburan malah, ia juga boleh menyalurkan maklumat Islam menerusi teknik yang sangat berkesan supaya sasaran mampu menyerap idea yang disalurkan lantas mampu mempengaruhi cara berfikir dan bertindak sebagaimana yang disarankan dalam Islam.

Namun, kekurangan filem dakwah terutamanya di Malaysia menjadikan medium ini tidak diaplikasikan dengan baik lantas ia menjadi suatu kerugian dalam gerak kerja dakwah. Masalah ini berlaku kerana kurangnya kepakaran dalam penghasilan filem dan lemahnya pengetahuan dan pemahaman dalam kalangan pendakwah dan dalam kalangan penggiat seni dalam memahami teknik dan pendekatan yang sesuai untuk mengaplikasikan mesej dakwah. Lantas, usaha murni ini perlu agar penghasilannya benar-benar berkualiti dan mampu menarik perhatian sasaran dan dalam masa yang sama tidak terkeluar dari dasar syariat Islam.

Menerusi kajian ini, mesej dakwah dikesan dalam filem Hindustan yang berunsur Islam. Kajian ini memilih filem *MY NAME IS KHAN* dan *JODHAA AKBAR* untuk diteliti dan dianalisis mesej-mesej dakwah dan ciri-ciri yang diaplikasikan dalam filem tersebut dari aspek pelaksanaan mesej dan *uṣlūb*.

Kajian terhadap filem Hindustan yang berunsur Islam ini penting untuk mengesan kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam filem dakwah versi Bollywood. Ia dikenalpasti menerusi beberapa penelitian dan kaedah analisis terhadap mesej-mesej yang berbentuk akidah, syariah dan akhlak serta pengaplikasian metodologi *āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh* yang menjadi fokus utama kajian ini.

Pemilihan mesej yang sesuai dan menepati kehendak Islam amat penting dalam mempengaruhi masyarakat. Aspek inilah yang menjadi ciri penting dalam penghasilan sesebuah filem dakwah. Ia tidak dihasilkan sekadar untuk memberi hiburan dan mengaut keuntungan semata-mata, tetapi penghasilannya mendorong masyarakat untuk memahami Islam dari kaca mata yang sebenar tanpa prejudis. Mana Sikana (1985) menyatakan bahawa teori kritikan sastera Islam sangat menekankan aspek isi atau mesej. Beliau sendiri mengambil contoh tindakan nabi Muhammad SAW yang sangat memberatkan isi kandungan syair yang dapat memberi pengaruh serta mengajak manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan kemungkaran sebagai unsur utama dalam kesenian. Isi karya yang dapat membina ufuk pemikiran manusia serta mampu menjadi jambatan untuk menuju kehidupan akhirat merupakan mesej yang perlu diutamakan dalam setiap naskah kesenian dan sastera dan ini termasuk juga unsur yang perlu diutamakan dalam menghasilkan filem dakwah.<sup>22</sup>

---

<sup>22</sup> Mana Sikana (1985), *op. cit.*, h. 133

Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan asas untuk memahami konsep, isi kandungan dakwah, tema, pemikiran dan tujuan dalam menghasilkan sebuah naskah yang menyeru kepada kebaikan.

Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk memberi kesedaran dan panduan kepada penerbit dan pengarah serta pendakwah khususnya di Malaysia untuk saling bekerjasama dalam memurnikan medium ini agar ia tidak disalah guna ke arah usaha untuk menjatuhkan nilai dan kemurniaan Islam. Oleh yang demikian, kajian ini juga dilakukan untuk memberi kesedaran bahawa umat Islam seharusnya menyahut cabaran dan menjadikan filem sebagai ‘medan tempur’ baru untuk mempertahankan kemuliaan Islam di mata dunia. Ini boleh dilakukan melalui penghasilan filem-filem yang berupaya menyebarkan risalah keamanan dan kedamaian seperti yang dianjurkan oleh agama.

Kajian ini dirasakan perlu bagi menggalakkan penerbitan filem-filem yang berunsur Islam dipergiatkan walaupun wujudnya cabaran-cabaran semasa. Kajian ini juga boleh dijadikan suatu penanda aras dan kayu pengukur kepada para pengarah dan pendakwah yang ingin menerbitkan sebuah filem dakwah. Akhirnya, kajian ini juga dihasilkan untuk mengisi kelompongan dan kekosongan terhadap kajian-kajian yang telah dihasilkan dalam bidang yang sama bagi penyelidikan akademik yang dijalankan.

## 1.5 LIMITASI KAJIAN

Kajian ini akan difokuskan kepada filem Hindustan berunsur Islam. Asasnya, filem yang berunsur Islam mempunyai tafsiran dan fokus tertentu. S. Othman Kelantan (1997)



mendefinisikan karya-karya berunsur Islam sebagai sebuah karya yang mempunyai nilai-nilai Islam di dalamnya<sup>23</sup>.

Oleh yang demikian, plot dan jalan cerita yang menampilkan nilai Islam perlu diketengahkan dalam filem-filem berunsur Islam. Namun, penghasilan dan penilaian sebuah filem Islam perlu lebih praktikal tanpa menyempitkan skop serta teknik pengolahan jalan cerita dalam membawa mesej Islam kepada masyarakat. Proses mempelbagaikan metode dan kaedah yang lebih anjal dengan situasi serta permasalahan masyarakat serta aplikasi teknik sinematografi yang baik mampu menarik minat masyarakat untuk menonton filem berunsur Islam. Aspek-aspek ini perlu diaplikasi dalam filem-filem berunsur Islam untuk menjadikannya lebih berkualiti.<sup>24</sup>

Oleh itu, kajian ini telah memfokuskan dua buah filem yang berunsur Islam iaitu filem *MY NAME IS KHAN* dan *JODHAA AKBAR*. Kedua-dua filem ini dipilih sebagai sampel kajian kerana kedua-duanya mempunyai unsur serta daya tarikan tersendiri dalam menyampaikan mesej Islam secara mudah dan menyenangkan

Kajian ini akan dibataskan kepada;

1.5.(i) Perkembangan filem-filem yang ditayangkan di Malaysia sahaja.

1.5.(ii) Filem Hindustan yang ditayangkan di Malaysia sahaja.

Pemilihan filem Hindi sebagai sampel kajian dilakukan berdasarkan faktor-faktor tertentu. Skop pemilihan filem untuk dijadikan sampel hanya melibatkan filem Hindi yang mempunyai status ‘Lulus Bersih’ dari KDN dari tahun 2001-2010. Tahun

---

<sup>23</sup> S. Othman Kelantan (1997), “Ciri Penulis Sastera Islam”, *Dewan Sastera*, Ogos, jil. 27, bil. 8, h. 34

<sup>24</sup> Dipetik dari pandangan Dr. Muhaimin Sulam, *Wacana Industri Lakonan dan Dunia Artis Menurut Islam*, Januari 20, 2011, Kuala Lumpur: Dewan Masjid Saidina Abu Bakar Bangsar .

2001 difokuskan dalam pencarian filem Hindi berunsur dakwah rentetan daripada kejadian 9 November 2001 yang mengakibatkan runtuhnya bangunan *World Trade Center* di bandaraya New York. Peristiwa tersebut memberi kesan hebat kepada Islam dan masyarakatnya kerana dituduh merancang dan melakukan pembunuhan terhadap banyak nyawa. Islam dituduh sebagai agama yang teroris dan kejam. Golongan anti-Islam telah mengambil peluang tersebut menyebarkan pelbagai tohmahan dan propaganda terhadap Islam. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan dengan mula memfokuskan tahun 2001-2010 untuk melihat senario penghasilan filem Hindi berunsur Islam selepas peristiwa tersebut. Bagaimanakah pengisian-pengisian dan tema-tema Islam yang diangkat dalam filem hindi setelah kejadian 9 November?, dan apakah aplikasi serta teknik yang digunakan dalam memberi penilaian positif masyarakat terhadap Islam?

Senarai filem Hindustan dari tahun 2001-2010 yang dikeluarkan oleh Unit Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri (KDN) menunjukkan bahawa terdapat hanya dua buah filem Hindi berunsur Islam daripada 277 buah filem Hindi yang telah dihasilkan dan dibawa masuk ke Malaysia. Jumlah ini menunjukkan bilangan yang sangat kecil dalam penghasilan filem Hindustan berunsur Islam. Kedua-dua filem tersebut ialah filem *JODHAA AKBAR* yang dihasilkan pada tahun 2008 dan filem *MY NAME IS KHAN* pada tahun 2010.<sup>25</sup>

Filem *MY NAME IS KHAN* dipilih kerana mempunyai garapan cerita yang baik di samping menyelitkan mesej Islam yang mudah difahami masyarakat. Filem ini juga tidak melibatkan unsur nyanyian dan tarian yang menggiurkan sebagaimana kebanyakan filem-filem Hindustan lain. Filem *JODHAA AKBAR* arahan Ashutosh

---

<sup>25</sup> Sumber daripada Unit Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Gowariker pula dipilih kerana ia menampilkan mesej dakwah yang baik. Menerusi filem ini, agama Islam sebagai *āl-Dīn* dan cara hidup masyarakat Islam yang positif digambarkan menerusi watak-watak yang terdapat dalam filem ini.

Akhirnya, kajian ini hanya memfokuskan penilaian terhadap mesej dakwah dalam bentuk akidah, syariah dan akhlak yang diaplikasi dalam filem tersebut serta menganalisa metode *āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh* yang disampaikan menerusi model 5T. Pendekatan 5T yang dimaksudkan ialah *al-Tārghīb*, *āl-Tārḥīb*, *āl-Tāzkiyyāh*, *āl-Tānḏīr* dan *āl-Tābṣyīr*. *Ūṣlūb 5T* merupakan pendekatan dakwah dalam usaha mendekati jiwa dan hati sasaran dakwah serta mendorong manusia ke arah kebaikan.

*Ūṣlūb* ini dilihat mempunyai persamaan dari sudut konsep dan matlamat dalam teori motivasi yang digunakan untuk mendorong dan membangkitkan semangat seseorang untuk berubah kepada suatu perkara yang ingin dibentuk. Menerusi, *ūṣlūb āl-Tārghīb dān āl-Tārḥīb* dalam *āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh* yang diaplikasikan dalam filem, sasaran akan mudah tersentuh jiwa dan naluri lantas akan melahirkan suatu dorongan untuk berubah kepada tingkahlaku yang dikehendaki khususnya dalam Islam. Perkara ini merupakan suatu usaha yang baik sebagaimana dakwah itu sendiri yang merupakan usaha menyeru dan menarik manusia untuk menjadikan diri mereka selalu tetap di jalannya.

## 1.6 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan dua metode penyelidikan yang utama bagi memudahkan usaha membuat rujukan serta mencari bahan dalam kajian ini. Sesuatu kajian itu akan menjadi lebih bermutu apabila metode kajian yang digunakan bersesuaian dan bertepatan dengan tujuan dan objektif kajian tersebut dijalankan. Apabila membincangkan proses-proses

yang berlangsung dalam penyelidikan, ia lebih bermaksud kaedah-kaedah yang digunakan sepanjang kajian dijalankan. Proses ini termasuklah **kaedah mengumpul data**; cara untuk menguji kaedah yang dibentuk untuk memastikan kekuatannya dan akhirnya menganalisa data tersebut dengan kaedah **analisis data** yang tertentu.<sup>26</sup>

### 1.6.1 Metode Pengumpulan Data

Metode ini merupakan usaha-usaha yang dilakukan untuk mendapatkan data yang paling lengkap sebelum dianalisis. Ia adalah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu disiplin, kegiatan dan sebagainya.<sup>27</sup>

Kajian ini menggunakan kaedah **persampelan bertujuan** (*purposive sample*). Ia merupakan salah satu daripada ciri pemilihan sampel tidak berkemungkinan (*Non-probability sample*). Kaedah ini berlangsung dengan cara memilih sampel berdasarkan subjek, elemen dan sifat yang tertentu yang dikehendaki penyelidik lantas entiti selainnya tidak mempunyai kemungkinan dijadikan sebagai sampel.<sup>28</sup> Dengan maksud lain subjek kajian dipilih mengikut kriteria yang ditetapkan sesuai dengan tujuan kajian berkenaan dijalankan.<sup>29</sup> Daripada 277 buah filem hindustan yang di bawa masuk ke Malaysia dari tahun 2001-2010, hanya dua buah filem yang menepati dan mencapai kriteria pemilihan filem yang mempunyai unsur-unsur Islamik di dalamnya iaitu *My MY NAME IS KHAN* dan *JOODHA AKBAR*.

---

<sup>26</sup> Idris Awang, (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Selangor: Intel Multimedia and Publication, h. 49.

<sup>27</sup> Cheng, Song Huat (edit. 1, 1998), *Kamus Perwira*. Selangor: Penerbit Daya Sdn Bhd, h. 925.

<sup>28</sup> Roger D. Wimmer & Joseph R. Dominick (2006), *Mass Media Research: An Introduction*. CA : Thomson, Wadsworth, h. 91&92

<sup>29</sup> Maire Messenger Davies & Nick Mosdell (2006), *Practical Research Methods for Media and Cultural Studies*. Edinburgh University Press Ltd, h. 64

Dalam proses pengumpulan data ini, kaedah penyelidikan yang digunakan ialah:

### **Metode Perpustakaan**

Ia merupakan antara cara atau teknik yang wajib digunakan oleh seseorang penyelidik untuk mendapatkan fakta, data, maklumat, dan bukti melalui kajian dan rujukan ke atas bahan-bahan seperti buku, majalah, surat khabar, kertas kerja seminar dan pelbagai sumber lain yang dapat membantu untuk mendapatkan sumber maklumat dengan mudah, cepat dan pada masa yang sama setiap maklumat yang diperolehi adalah tepat dan benar. Metode pengumpulan data ini diaplikasikan untuk memahami konsep, mencari '*literature review*' dan digunakan dalam memahami teori-teori yang berkaitan.

#### 1.6.2 Metode Analisis Data

Pelbagai kaedah boleh digunakan untuk menganalisis data. Kajian ini akan menggunakan analisis isi kandungan kualitatif dalam membincangkan mesej dakwah dan metode *āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh* dua buan filem yang telah dipilih menjadi sampel kajian.

### **Analisis Kandungan**

Kajian teks atau kandungan merupakan salah satu daripada kajian berasaskan teks. Teks yang dianalisis termasuklah makalah, cerpen, novel, rancangan radio dan rancangan televisyen.<sup>30</sup>

---

<sup>30</sup> Idris Awang (2001), *op.cit*, h. 37-38.

Rubin, Rebecca B. (1999) mengatakan bahawa kaedah ini diaplikasikan dengan cara melihat ciri-ciri mesej dalam komunikasi. Ia bertujuan untuk mempelajari kandungan mesej dan tentang mereka yang menghasilkan mesej.<sup>31</sup>

Maire Messenger Davies & Nick Mosdell (2006), mengatakan bahawa kaedah analisis ini merupakan kaedah yang memerlukan usaha mencari maklumat yang dikehendaki dalam sesebuah kandungan atau bahagian tertentu dalam teks yang perlu dianalisis.<sup>32</sup> Metode ini telah dipopularkan oleh Vladimir Brokriede pada akhir tahun 1920 dan sering diaplikasi dalam kajian-kajian kritikan, antropologi, semiologi dan teori-teori filem. Kaedah analisis ini sering dilakukan dengan dua cara iaitu *syntagmatic*; memfokuskan situasi yang berlaku dan mencari perkaitan pada tindakan watak dalam sesebuah situasi dan *paradigmatic*; memfokuskan maksud di sebalik watak, perwatakan, teks dan subteks.<sup>33</sup>

Kaedah ini digunakan bersesuaian dengan fokus kajian iaitu menganalisis mesej dakwah dan metode *āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh* yang terdapat kedua-dua filem yang dikaji. Ia diaplikasi secara pengamatan dan kemudiannya akan dibuat pernyataan terhadap aspek yang diperkatakan, dibaca, didengar dan ditonton dalam filem<sup>34</sup>.

Jadual penontonan dan analisis kandungan adalah seperti di bawah:

KAEDAH	HURAIAN
PENONTONAN 1	- Memahami Jalan Cerita Filem: 1) Menghasilkan Sinopsis Filem <i>MY NAME IS KHAN</i> dan <i>JOODHA AKBAR</i>
PENONTONAN 2	- Menganalisis Mesej Akidah dalam Filem

<sup>31</sup> Rubin, Rebecca B. (1999), *Communication Research: Strategies and Sources*. Belmont, CA : Wadsworth Thomson Learning, h. 191

<sup>32</sup> Maire Messenger Davies & Nick Mosdell (2006), *op.cit*, h. 99

<sup>33</sup> Potter, W. James. (1996), *An Analysis of Thinking and Research About Qualitative Methods*. Mahwah, N.J. : Erlbaum, h. 139

<sup>34</sup> Nor Raudah Siren (2009), *Metodologi Penyelidikan*, <http://teknikpenulisanilmiah.blogspot.com/2009/10/kuliah-4-5-metodologi-penyelidikan.html>, 22 Oktober

PENONTONAN 3	- Menganalisis Mesej Syariah dalam filem
PENONTONAN 4	- Menganalisis Mesej Akhlak dalam Filem
PENONTONAN 5	- Menganalisis Metode <i>āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh</i> dalam Filem
LAPORAN ANALISIS	- Laporan akan dihasilkan dalam Bab 4 dan Bab 5

Jadual 1: Proses Analisis Kandungan

### Analisis Kualitatif

Bagi melaksanakan analisis kandungan ini, metode kualitatif digunakan dalam memahami mesej dakwah dari konteks akidah, syariah dan akhlak yang terkandung dalam setiap filem. Seterusnya menganalisa penggunaan *uṣlūb āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh* yang diaplikasi dalam filem-filem tersebut.

Oleh itu, kajian ini akan dilakukan dengan menggunakan tiga kaedah menganalisis data iaitu secara induktif, deduktif dan komparatif.

Kaedah induktif ini merupakan proses membuat rumusan, prinsip atau hukum berdasarkan sampel yang telah diberikan.<sup>35</sup> Menerusi metode ini, maklumat dan data akan dikumpulkan secara berterusan bagi menjelas atau menghurai fenomena yang dikaji.<sup>36</sup> Kajian ini dilakukan dengan memerhati dan membuat penontonan terhadap dua buah filem yang dipilih. Seterusnya, mencari dan menganalisis mesej dakwah dan *uṣlūb āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh* yang terdapat dalam filem-filem tersebut.

Deduktif pula ialah proses analisis dengan membuat kesimpulan atau rumusan menerusi tinjauan ke atas fakta atau maklumat yang ada.<sup>37</sup> Melalui metode ini landasan teori yang digunakan dalam bab 3 akan dijadikan sebagai rangka kerja untuk melaksanakan analisis ini. Mesej-mesej dakwah dan metode *āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh*

<sup>35</sup> *Comprehensive Malay Dictionary*. Selangor: Pelanduk Publication Sdn. Bhd., (2000), h. 128

<sup>36</sup> Idris Awang (2001), *op. cit.*, h. 83.

<sup>37</sup> Kelana C., Lai Choy, (1998), *op. cit.*, h. 289.

yang dikenalpasti dalam filem akan dikaitkan dengan teori yang dibina bagi mendapatkan suatu penjelasan berkaitan kajian yang dilakukan.

Kaedah terakhir ialah menerusi metode komparatif. Melalui metode ini, data yang dikumpulkan daripada pelbagai aspek dan sumber dalam ruang lingkup masalah kajian akan dibandingkan untuk menjelaskan sesuatu keadaan dan mendapatkan data yang terbaik dalam menyelesaikan masalah kajian.<sup>38</sup> Oleh itu, analisis akan dilakukan terhadap dua filem untuk mencari mesej dakwah dan metode *āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh* yang digunakan dalam filem tersebut. Seterusnya, data-data yang diperolehi akan dibandingkan berdasarkan kedua-dua filem untuk mengenalpasti kelebihan dan kekurangan yang terdapat di dalamnya.

## 1.7 KESIMPULAN

Kajian ini dihasilkan bagi meneliti konsep filem dakwah dan memahami kaedah yang betul dalam menghasilkan sebuah filem dakwah. Ia juga antara lain dihasilkan untuk menilai dan menganalisa mesej dakwah dan metodologi *āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh* yang diaplikasikan dalam filem *MY NAME IS KHAN* dan *JODHAA AKBAR*.

---

<sup>38</sup> Carl V. Patton & David S. Sawicki (1993), *Basic Methods of Policy Analysis and Planning* (2<sup>nd</sup> Edit.). New Jersey: Prentice-Hall, Inc., h. 234.



<p>BAB II</p> <p><b>KAJIAN PERPUSTAKAAN</b></p>
---

## 2.0 PENDAHULUAN

Bahagian ini akan melihat dua bidang utama dalam kajian ini iaitu konsep filem dan konsep dakwah. Seterusnya, diperincikan konsep filem dakwah menerusi elemen-elemen yang terdapat dalam sesebuah filem dakwah. Akhirnya, beberapa pandangan Islam dalam konteks penghasilan filem untuk tujuan dakwah akan dinyatakan.

### 2.1 DEFINISI FILEM

Filem boleh difahami dalam dua bentuk iaitu sebagai:

*Benda tipis yang dirakamkan di atasnya citra bergerak dengan menggunakan kamera filem dan wayang gambar yang boleh ditonton oleh orang ramai sebagai satu karya seni.<sup>39</sup>*

Darwis Harahap (1993), menjelaskan bahawa filem adalah hasil daripada sebuah cerita yang dijemakan menerusi gambar hidup. Penjelmaan gambar hidup tersebut akan terhasil sekiranya dihidupkan oleh watak manusia atau watak sesuatu yang dimanusiakan. Unsur yang penting dalam sebuah filem pula ialah cerita, hasil penggambaran, lakonan dan teknik yang digunakan. Beliau juga menyatakan bahawa filem atau drama merupakan satu gambaran budaya dalam sesebuah masyarakat<sup>40</sup>

---

<sup>39</sup> Muhammad Ghazali Shafie (1993), *Laporan Panel Perunding Dasar Perfileman Negara*. Selangor: FINAS, h. 49.

<sup>40</sup> Harahap, Darwis (1993), *Mengamati Filem Cereka*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 13

Filem juga merupakan satu hasil sains seni dan seni sains yang dekat dan sinonim dengan kehidupan manusia sebagaimana yang disebut oleh Abu Hassan Hasbullah (2006):<sup>41</sup>

*“Wayang gambar alias filem sebagai satu hasil sains seni atau seni sains sudah tentu berhubungan langsung dan amat sejati dengan bentuk akal fikir dan akal rasa mengenai kehidupan kerana kepengkaryaan wayang gambar itu sendiri dan sifatnya tawarikhnya, sejak awal lagi adalah satu mahsul yang didatangkan dari sebuah gerakan pemerhatian, pengolahan, pembentukan dan pembinaan atas penghidupan manusia”*

Ini bererti, untuk menghasilkan filem bukan satu tugas yang mudah dan boleh diambil enteng. Ia memerlukan penelitian yang penuh dan penyelidikan yang serius agar ia tidak menyimpang dari nilai moral dan etika manusia normal.

Syd Field (1993) menyebut filem merupakan satu perjalanan cerita yang dramatik.<sup>42</sup> Asas ini menjadikan filem sama dengan sebuah drama. Maka, filem tidak boleh lari dari menampilkan ciri-ciri dramaturgi yang sempurna sebagaimana yang disebut oleh Abu Hassan Hasbullah (2006). Setiap filem yang dihasilkan perlu mencapai peringkat dramaturgi yang tertinggi dengan cara menonjolkan aspek keintelektualannya iaitu dengan menitikberatkan struktur penceritaan dan disepadukan dengan elemen rekabina (termasuklah penggunaan kamera, cahaya, *cuts* dan *shots*, pergerakan, montaj dan sebagainya)<sup>43</sup>.

Filem merupakan salah satu dari medium komunikasi massa yang bertujuan untuk menyampaikan berbagai jenis pesan. Ia juga merupakan medium ekspresi artistik

---

<sup>41</sup> Abu Hassan Hasbullah (2006), “Filem sebagai ar-Risalah-Menemukan Keimanan dan Kebajikan Dramaturgi Wayang Gambar Melayu”, (Seminar Penulisan Dramatik, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), 2-3 Disember), h. 2

<sup>42</sup> Syd Field (2006), *Lakon Layar: Asas Penulisan Skrip* (terj. Raja Omar Ibrahim). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.1

<sup>43</sup> Abu Hassan Hasbullah (2006), *op. cit.*, h. 12

iatu medium yang boleh digunakan oleh para seniman untuk mengekspresikan idea dan gagasan pemikiran dalam menterjemahkan keindahan dan mengutarakan sesuatu isu.<sup>44</sup>

Filem yang baik sebagaimana yang dinyatakan oleh Hassan Abd Muthalib (2006) ialah filem yang memperkatakan sesuatu di samping menghiburkan dan memperlihatkan budaya, pemikiran dan falsafah sesuatu kaum dan bangsa.<sup>45</sup>

Rosmawati Mohamad Rasit (2011) mengatakan bahawa sebagai alat penyampaian mesej secara visual dan audio yang mempunyai peranan dan fungsi yang pelbagai. Ia boleh digunakan untuk menyatakan propaganda ideologi politik, sebagai penyambung warisan kebudayaan, sejarah dan untuk memartabatkan sistem sosial sesuatu bangsa dan digunakan juga demi kepentingan agama.<sup>46</sup> Ini bererti filem merupakan salah satu alat media massa yang terhasil dari kreativiti manusia dan diterbitkan secara kreatif yang sarat dengan unsur-unsur hiburan, pembelajaran, pembujukan, budaya, dakwah dan emosi yang mampu disampaikan kepada masyarakat.

## 2.2 Sejarah Perkembangan Filem Dunia

Sejarah filem umumnya sudah wujud sejak manusia mula menggunakan medium visual untuk tujuan komunikasi. Kemunculan imej-imej yang terlukis di dinding-dinding gua menunjukkan bahawa manusia purba telah mempunyai idea untuk menggunakan imej-imej visual sebagai satu bentuk komunikasi.<sup>47</sup>

---

<sup>44</sup> Marselli Sumarno (1996), *Dasar-Dasar Apresiasi Film*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Widiasarana Indonesia, h. 27

<sup>45</sup> Hassan Abd Muthalib (2006), "Filem dan Nawaitu Karyawan", (Seminar Penulisan Dramatik 2006, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, Kuala Lumpur, 2-3 Disember), h. 4

<sup>46</sup> Rosmawati Mohd Rasit & Md Rozalafri Johori (2011), "Analisis Penerapan Dakwah di dalam Filem Semerah Padi" dlm. *Representasi Islam dalam Media*. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), h. 195

<sup>47</sup> Abu Hassan Hasbullah (2006), "Wayang Gambar: Menelaah Scene Sejarah Perkembangan, Sempadan Teori dan Studi Masa Depan." dlm. Hamed Mohd Adnan & Rahman Shaari, *Media di Malaysia Mendukung Citra Bangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 171

Tahun demi tahun, kemajuan penciptaan filem berkembang dalam konteks teknologi dan inovasi. Dari aplikasi *obscura*<sup>48</sup> seterusnya berkembang kepada penghasilan projektor<sup>49</sup> oleh Kircher, filem bisu pertama hasil kreativiti William Kennedy Laurie Dickson (1860-1935) berjaya dihasilkan sekitar tahun 1889. Sharifah Zinjuaher H. M. Ariffin (1980), mengatakan bahawa walaupun usaha awal penghasilan inovasi filem berlaku di Amerika, tetapi belum wujud pada ketika itu idea menajadikan filem sebagai sebuah perusahaan yang komersial.<sup>50</sup> Maka, dua saudara yang berbangsa Perancis yang digelar Lumiere Brothers mula membuka *Lumieres' Cinematographe* di sebuah bilik bawah tanah di Grand Café pada tahun 1895<sup>51</sup> dan para penonton telah dikenakan bayaran untuk menonton aksi dalam inovasi baru dalam *Kinestoscope*.<sup>52</sup>

Pada tahun 1896 pula, George Méliès (1861-1938) membina studio kacanya sendiri dan memperkenalkan teknik-teknik *mise-en-scène* secara kreatif.<sup>53</sup> Beliau juga merupakan pembuat filem pertama yang memperkenalkan teknik pembikinan filem dengan cara menterjemahkan unsur realiti ke dalam filem yang dihasilkan. Filem *A TRIP TO THE MOON* (1902) merupakan antara karya yang cemerlang pernah dihasilkan beliau.<sup>54</sup>

---

<sup>48</sup> *Camera Obscura* antara idea awal penciptaan wayang gambar yang dikembangkan penciptaan oleh Leonardo Da Vinci (1452-1519). Ia merupakan sebuah idea asas dari kamera yang dibuat sebuah lubang halus dan boleh dilihat daripadanya pemandangan luar yang terbalik dan songsang pada dinding yang bertentangan dengan lubang kecil yang terbina. Imej yang terhasil merupakan pantulan dari imej yang berjaya dirakam menerusi kamera tersebut. Lihat, Wikipedia, The Free Encyclopedia, [http://en.wikipedia.org/wiki/Camera\\_obscura#History](http://en.wikipedia.org/wiki/Camera_obscura#History), 12 Januari 2012. Lihat juga, Abu Hassan Hasbullah (2006), h. 173

<sup>49</sup> Projektor adalah konsep *Magic Lantern* yang merupakan hasil idea kreatif yang dicipta Athanasius Kircher (1602-1680). Inovasi ini merupakan idea awal penciptaan *projector* yang berfungsi sebagai pemantul imej yang dihasilkan terlebih dahulu gambarnya melalui lukisan tangan dan seterusnya dipaparkan di skrin putih dengan bantuan lampu. Lihat, Abu Hassan Hasbullah (2006),

“Wayang Gambar: Menelaah Scene Sejarah Perkembangan, Sempadan Teori dan Studi Masa Depan”, *op. cit.*, h. 173

<sup>50</sup> Sharifah Zinjuaher H. M. Ariffin (1980), *Sejarah Filem Melayu :The History of Malay Motion Pictures*. Kuala Lumpur : Penerbitan Sri Sharifah, h. 12

<sup>51</sup> David Bordwell & Kristin Thompson ( 2004), *Film Art: An Introduction*. New York : McGraw Hill, h. 466

<sup>52</sup> Abu Hassan Hasbullah (2006), “Wayang Gambar: Menelaah Scene Sejarah Perkembangan, Sempadan Teori dan Studi Masa Depan”, *loc. cit.*, h. 185

<sup>53</sup> David Bordwell & Kristin Thompson ( 2004), *op. cit.*, h. 467

<sup>54</sup> Abu Hassan Hasbullah (2006), “Wayang Gambar: Menelaah Scene Sejarah Perkembangan, Sempadan Teori dan Studi Masa Depan”, *loc. cit.*, h. 189

Tahun 1905-1906 memperlihatkan kebangkitan dalam sinema di Itali. Naskah-naskah filem yang sempurna dengan aplikasi teknikal, arkitektur, seni lakon, seni muzik dan penggunaan kaedah-kaedah pembikinan filem yang baharu berhasil menerbitkan filem-filem yang lebih bermutu. Kebijaksanaan ini diungguli oleh Filotea Alberini (1865-1937) yang merupakan individu yang bertanggungjawab menubuhkan studio filem di Roma dan menerbitkan naskah filem yang bermutu.<sup>55</sup>

Pembaharuan ini juga terjadi dalam perfileman di Amerika iaitu terhasilnya inovasi filem bersuara. Kebijaksanaan mendiang Walt Disney (1901-1966) untuk menubuhkan Syarikat Walt Disney bersama abangnya Roy Oliver Disney (1893-1971) yang bertujuan untuk meneroka dunia kanak-kanak mencetuskan inovasi baru dalam perfileman dunia. Maka, filem kartun *Mickey Mouse* yang bertajuk *STEAMBOAT WILLIE* (1928) telah dihasilkan secara hitam putih dan bersuara. Beliau merupakan individu pertama yang meletakkan suara dalam filem *genre* sebegini dalam filem penghasilannya. Adapun, filem dalam *genre* lain seperti *MONTE CARLO* (1930, Erust Lubitsh), *APPLAUSE* (1929, Rouben Mamoulian) antara filem-filem bersuara awal yang dikeluarkan.<sup>56</sup>

Filem berwarna pula diperkenalkan pada tahun 1950 selepas berlangsungnya perang dunia yang kedua. Inovasi *Technicolour*, 3D, *Cinerama*, *Cenimascope* pula diperkenalkan pada tahun-tahun berikutnya.<sup>57</sup> Perkembangan filem-filem dari tahun ke tahun menunjukkan pelbagai inovasi dan penciptaan baru yang ditemui hasil dari kreativiti manusia. Penghasilan filem bergerak seiring dengan kemajuan peradaban manusia dan ia merupakan medium komunikasi massa yang menghubungkan manusia.

---

<sup>55</sup> *Ibid.* h. 196

<sup>56</sup> Sharifah Zinjuaher H. M. Ariffin (1980), *op. cit.*, h.14

<sup>57</sup> *Ibid.* h. 15

Abu Hassan Hasbullah (2005) mengatakan bahawa kedudukan filem pada hari ini mula menjadi media paling berkuasa untuk membentuk gaya komunikasi masyarakat ditambah dengan kemajuan peralatan dan aplikasi yang berinovasi tinggi menjadikan media filem sebagai media yang memberi impak baru terhadap perjalanan kehidupan manusia.<sup>58</sup>

### 2.3 Sejarah Perkembangan Filem di Malaysia

Sejarah perkembangan filem di Malaysia boleh diklasifikasikan pada dua tahap iaitu sebelum mencapai kemerdekaan dan selepas Malaya mencapai kemerdekaan. Sejarah permulaan filem di tanah Melayu bermula apabila filem-filem “bisu” dari Amerika dan Eropah diimport secara terbatas sekitar tahun 1938. Maka, pengaruh filem bisu ini memberi pengaruh terhadap masyarakat untuk menonton filem.<sup>59</sup>

Sebahagian daripada penyelidik filem berpendapat bahawa filem Melayu pertama yang dihasilkan ialah filem *NELAYAN* (1938, Hou Yau).<sup>60</sup> Namun, ada juga yang berpandangan bahawa filem *LAILA MAJNUN* (1933, B. S. Rajhans) merupakan filem Melayu pertama yang ditayangkan di tanah Melayu.<sup>61</sup>

Usaha awal membuka dan memperkembangkan industri filem di tanah Melayu dibuat oleh dua orang adik beradik iaitu Runme dan Run Run Shaw (Shaw Brothers) selepas melihat kejayaan yang dicapai filem *LAILA MAJNUN*. Mereka kemudiannya

---

<sup>58</sup> Abu Hassan Hasbullah (1995), “Filem: Memenuhi Fungsi Material dan Fungsi Falsafah sebagai Seni Ketujuh dan Metafizik Manusia”, *Beringin: Jurnal Akademi Seni Kebangsaan*, bil. 1, Disember, Kuala Lumpur: Akademi Seni Kebangsaan, h. 30

<sup>59</sup> M. Amin (1998), *Layar Perak dan Sejarahnya*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 5

<sup>60</sup> Abi (1987), *Filem Melayu Dahulu dan Sekarang*. Shah Alam: Marwilis Publisher Sdn. Bhd., h. 2

<sup>61</sup> Jamil Sulong (1989), “Pengaruh bangsawan dalam filem Melayu = Bangsawan's influence in Malay films” dlm. *Cintai filem Malaysia = Love Malaysian Films*. Kuala Lumpur: Perbadanan Perusahaan Filem Nasional, h. 56

memilih Jalan Ampas sebagai pusat pengeluaran filem-filem Melayu dan membina sebuah studio untuk penggambaran filem-filem yang akan dikeluarkan.<sup>62</sup>

Setelah memiliki peralatan dan studio sendiri, Shaw Brothers mula menerbitkan filem-filem seperti *Mutiara* (1940, Hou Yau), *IBU TIRI* (1941, Miss Yen dan Wan Hai Ling) dan *BERMADU* (1940, Miss Yen dan Wan Hai Ling).<sup>63</sup>

Usaha pengeluaran filem terhenti pada zaman pemerintahan Jepun. Kedatangan tentera Jepun ke Tanah Melayu menyebabkan alat-alat perfileman yang digunakan oleh syarikat Melayu dirampas dan digunakan oleh syarikat perfileman Jepun untuk menghasilkan filem dalam bentuk propaganda. Maka, selama penjajahan Jepun di tanah Melayu selama tiga tahun menyebabkan tiada sebuah pun filem Melayu diterbitkan.<sup>64</sup>

Selepas Malaya bebas dari Jepun, fasa seterusnya ialah usaha membangunkan dunia perfileman Melayu. Filem pertama, *SERUAN MERDEKA* (1974, B. S. Rajhans), diterbitkan 2 tahun selepas perang berakhir sebagai usaha menyuntik semangat masyarakat untuk menuju kemerdekaan. Namun, filem ini gagal mendapat sambutan kerana tiadanya pawagam kesan dari peperangan. Ini menyebabkan, penerbitnya, Christy mengambil keputusan untuk kembali ke India.<sup>65</sup>

Akibat pengunduran Christy, B. S. Rajhans yang sering bergabung tenaga dengannya mengubah haluan dengan menyertai *Shaw Brothers*. Nama *Shaw Brothers* telah ditukar kepada *Malay Film Production Limited* untuk memberi nafas baru kepada

---

<sup>62</sup> Baharudin Latif (1989), "Kemunculannya = *The Beginning*" dlm. *Cintai filemMalaysia = Love Malaysian Films*. Kuala Lumpur: Perbadanan Perusahaan Filem Nasional, h. 6

<sup>63</sup> Hamzah Hussin (2004), *Memoir Hamzah Hussin: Dari Keris Film ke Studio Merdeka*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 12.

<sup>64</sup> M. Amin (1998), *op. cit.*, h. 7

<sup>65</sup> *Ibid.*, h. 4

aktiviti perfileman Malaya. Dari sinilah bermulanya pertumbuhan filem-filem Melayu sehingga lahirnya P. Ramlee dan beberapa seniman lain.<sup>66</sup>

Pemilik pawagam terbesar pada ketika itu ialah Pertubuhan Shaw & Cathay. Pada tahun 1976, dari sejumlah 449 buah pawagam yang dibina, Shaw & Cathay memiliki 123 buah (27 peratus) daripadanya. Jumlah bakinya sebanyak 326 pula dimiliki oleh pertubuhan yang lebih kecil dan juga orang perseorangan.<sup>67</sup>

Industri perfileman di Malaysia hanya berkembang pesat pada tahun 1960-an. Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan bahagian penerbitan filem sendiri iaitu Filem Negara<sup>68</sup> yang dahulunya dikenali sebagai *Malayan Film* di bawah Kementerian Penerangan Malaysia. Tetapi, tujuan awal penubuhannya hanya memfokuskan filem rencana atau dokumentari untuk televisyen Malaysia dan Jabatan Penerangan Kementerian tersebut sahaja.<sup>69</sup>

Pada dekad ini industri drama dan perfileman negara mula menyentuh persoalan realiti semasa yang berlaku dalam konteks ekonomi, sosial dan pendidikan negara serta diterjemahkan dalam karya-karya yang dihasilkan. Satu bentuk pemikiran dan aliran baru diterjemahkan dalam pembinaan drama dan filem pada abad ini iaitu bentuk realisme.<sup>70</sup> Realisme merupakan satu ideologi yang mula diperkenalkan oleh dua tokoh utama dari Perancis iaitu Andre Bazin dan Siegfried Kraucauer. Pendukung realisme percaya bahawa filem merupakan satu bentuk rakaman kejadian sebenar yang berlaku disekeliling manusia. Maka, unsur foto dan grafik yang dijelmakan dalam filem

---

<sup>66</sup> *Ibid.*, h. 8

<sup>67</sup> Mansor Ahmad Saman (1983), *Media di Malaysia: Satu Kumpulan Esei*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 11&12

<sup>68</sup> Naim Haji Ahmad *et al.* (eds.), *Bicara media 1*. Negeri Sembilan: KUIM, h.12

<sup>69</sup> Mansor Ahmad Saman(1983), *loc.cit.*, h.11

<sup>70</sup> Mana Sikana (2006), *op.cit.*, h.21&22



merupakan satu pemaparan tentang realiti. Mengutip kenyataan Kraucauer (1960) dalam V. F. Perkins (1972) berkaitan unsur realisme dalam penghasilan filem:<sup>71</sup>

*Film is essentially an extention of photography and therefore shares with this medium a marked affinity for the visible world around us.*

Perkembangan pemikiran realisme di Malaysia didorong oleh beberapa faktor antaranya wujud kesedaran dari pembikin drama dan filem terhadap keperluan pembangunan sosial hasil dari kemerdekaan tanah air yang dicapai pada 1957 dan pembentukan Malaysia 1963. Faktor lain ialah kesedaran industri terhadap permasalahan sosial yang wujud dalam masyarakat. Lantas, konflik dan permasalahan sosial diangkat sebagai subjek dalam karya yang dihasilkan. Faktor ketiga ialah kesedaran karyawan terhadap kepentingan pendidikan di kalangan masyarakat dan menjadikan isu tersebut sebagai salah satu konsep pembangunan karya mereka.<sup>72</sup>

Pada tahun 1970-an, karyawan, penerbit dan penggerak industri filem negara mula meninggalkan corak pembentukan filem secara realisme dan mula berpindah kepada satu bentuk baru dalam pembikinan karya mereka iaitu surrealisme dan absurdisme.

Surrealisme merupakan satu bentuk gerakan dalam bidang kesusasteraan dan seni lukis yang mula digunakan oleh Andre Breton. Ia mula berkembang di barat dari tahun 1924-1929. Ideologi ini digunakan bagi memberi kebebasan kepada pengkarya untuk memvisualkan karya mereka secara bebas dan menuntut daya imaginasi yang tinggi dan bersifat aneh. Oleh yang demikian, surrealisme merupakan karya yang secara terang-

---

<sup>71</sup> Perkins, V. F. (1972), *Film as Film : Understanding and Judging Movies*. New York : Penguin Books, h. 29

<sup>72</sup>Mana Sikana (2006), *op.cit.*, h.23

terangan menolak penceritaan biasa kerana ia mengandungi falsafah yang diselitkan dalam filem.<sup>73</sup>

Selain dari aliran surrealisme, industri drama dan filem Malaysia turut dipengaruhi pemikiran absurdisme. Albert Camus merupakan tokoh barat yang memperkenalkan aliran ini. Di Malaysia, bentuk absurd ini diaplikasi mengikut acuan masyarakat Malaysia yang lebih peka tentang persoalan agama, tatasusila dan keperibadian diri. Ia merupakan karya yang bersifat anti-realisme dan anticerita. Bentuk karya ini membuang watak dalam masyarakat dan digantikan dengan lambang tertentu dalam memberi penjelasan berkaitan sesuatu isu yang ingin ditampilkan. Karya seperti *BUKAN LALANG DITUIP ANGIN* (1972, Nordin Hassan) dan *ANA* (1976, Dinsman) merupakan antara karya yang menjelmakan absurd dalam jalan ceritanya.<sup>74</sup>

Peringkat seterusnya memperlihatkan dunia perfileman maju setapak ke hadapan. Pada era ini, inovasi dan kemajuan dunia teknologi mula diaplikasi dalam penerbitan filem. Karyawan filem mula mengambil pendekatan digital dalam penerbitan filem-filem melayu. Filem-filem seperti *GEDEBE* (2003, Nam Ron)<sup>75</sup>, *DI AMBANG MISTERI* (2004, Silver Chung)<sup>76</sup>, *PONTIANAK HARUM SUNDAL MALAM 2* (2005, Suhaimi Baba)<sup>77</sup> mula menggunakan *High Definition Camera* (HDC) bagi membolehkan teknik animasi *Computer Generated Image* (CGI) lebih mudah untuk diaplikasikan.<sup>78</sup> Filem *SYUKUR 21*, (2000) juga antara filem yang mendapat sentuhan dari teknik *Computer-generated imagery* (CGI) dalam penerbitannya. Filem berunsur

---

<sup>73</sup> David Bordwell & Kristin Thompson (2003). *Film Art an Introduction* (7<sup>th</sup>. Edit). New York: McGraw-Hill, h.477

<sup>74</sup> Mana Sikana (2006), *op.cit.*, h.27

<sup>75</sup> Filem ini menggunakan teknik Video Digital. Lihat, Filem Malaysia, [http://www.filemkita.com/filem/g/gedebe\\_01.html](http://www.filemkita.com/filem/g/gedebe_01.html), 20 Februari 2010.

<sup>76</sup> Filem ini menggunakan teknik Video Digital HD. Lihat, Filem Malaysia [http://www.filemkita.com/filem/d/di\\_ambang\\_misteri\\_01.html](http://www.filemkita.com/filem/d/di_ambang_misteri_01.html), 20 Februari 2010

<sup>77</sup> Filem ini menggunakan teknik Video Digital HD atau 35mm. Lihat, Filem Malaysia, [http://www.filemkita.com/filem/p/pontianak\\_harum\\_sundal\\_malam2\\_01.html](http://www.filemkita.com/filem/p/pontianak_harum_sundal_malam2_01.html), 20 Februari 2010

<sup>78</sup> Mahadi J. Murat (2006), *op. cit.*, h. 15

futuristik dan berlatar belakang tahun 2021 ini banyak mengaplikasikan teknik animasi 3D dalam penghasilannya. Antara lain, filem ini merupakan filem dakwah alaf baru yang dihasilkan di Malaysia.<sup>79</sup>

Kesimpulannya, perkembangan dunia perfileman dari tahun ke tahun menunjukkan peningkatan dan perkembangan. Kemajuan dari aspek teknikal, gaya dan corak persembahan filem menunjukkan adanya permintaan terhadap bidang ini dalam masyarakat.

#### 2.4 Filem Hindi dalam Sinema Malaysia

Perkembangan filem Hindi dalam sinema Malaysia dikesan dari kewujudan seni bangsawan. Bangsawan mula diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1880.<sup>80</sup> Ia dibawa masuk ke Tanah Melayu melalui rombongan seni drama dari India yang dikenali sebagai “Rombongan Mendu”.<sup>81</sup> Sebelum dikenali sebagai Bangsawan, ia dikenali sebagai Mendu atau Wayang Parsi. Wayang Bangsawan mendapat sambutan masyarakat antara tahun 1920-an hingga 1940-an.<sup>82</sup>

Persembahan awal seni bangsawan dilakukan di Pulau Pinang. Cerita-cerita bangsawan yang dipertontonkan kepada masyarakat dibuat dalam bentuk lakonan, tarian dan nyanyian. Ia mempunyai pengaruh India kerana seni ini dibawa oleh saudagar dan pedagang dari India. Bangsawan merupakan panggilan yang ditujukan kepada golongan

---

<sup>79</sup> Lihat, Filem Malaysia, [http://www.filemKita.com/filem/s/syukur21\\_01.html](http://www.filemKita.com/filem/s/syukur21_01.html). Lihat juga, Sinema Malaysia, [http://www.sinemamalaysia.com.my/main/clippingnews/Filem\\_dakwah\\_kedua\\_MIG\\_selepas\\_28\\_filem\\_2245](http://www.sinemamalaysia.com.my/main/clippingnews/Filem_dakwah_kedua_MIG_selepas_28_filem_2245), 20 Februari 2010.

<sup>80</sup> M. Amin (1998), *op. cit.*, h. 4

<sup>81</sup> Rahmah Bujang (1975), *Sejarah Perkembangan Drama Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 18-20

<sup>82</sup> M. Amin (1998), *op. cit.*, h. 4

manusia yang berkedudukan atasan dalam masyarakat. Apabila diaplikasikan dalam bentuk seni ia mengangkat seni ini ke tahap yang tinggi dalam masyarakat.<sup>83</sup>

Antara cerita-cerita bangsawan yang pernah dipentaskan seperti *JULA JULI BINTANG TIGA* (1959, B. A. Rao), *BATU BELAH BATU BERTANGKUP* (1959, Jamil Sulong), *LAILA MAJNUN* (1933, B.S. Rajhans), *SI TANGGANG* (1961, Jamil Sulong) dan banyak lagi. Perkembangan pentas bangsawan bergantung kepada keadaan penjajahan di Tanah Melayu. Setelah Kerajaan British berjaya menakluki Tanah Melayu, pelbagai perubahan dilakukan dalam konteks infrastruktur dan sebagainya. Pentas bangsawan juga secara tidak langsung menerima pelbagai kemudahan baru walaupun perubahan tersebut dilakukan semata-mata untuk faedah kepada pihak British.<sup>84</sup>

Kemajuan dan kemudahan yang dibawa masuk ke Tanah Melayu menjadi titik permulaan perubahan dunia perfileman. Bangsawan diberi suntikan perfileman dengan menggunakan teknik perfileman yang masih dalam bentuk yang asal seperti sebuah lakonan pentas tetapi difilemkan. Pada tahap ini, dunia perfileman melayu berkembang dengan membuat penggambaran serta rakaman cerita-cerita (bangsawan) ke dalam bentuk filem. Filem berperanan sebagai medium untuk bercerita kepada masyarakat. Filem membawa kesinambungan bangsawan ke pentas layar perak.<sup>85</sup>

Pelakon-pelakon, pengarah dan pembantu pentas Bangsawan diserapkan ke dalam industri perfileman.<sup>86</sup> Filem *LAILA MAJNUN* merupakan filem melayu pertama

---

<sup>83</sup> Rahmah Bujang (1975), *loc. cit.* h. 18-20

<sup>84</sup> Sharifah Zinjuaher H. M. Ariffin (1980), *Sejarah filem Melayu : The History of Malay Motion Pictures*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sri Sharifah, h. 7

<sup>85</sup> Shahrom Mohd. Dom (1981), "Realisme dan Realiti Filem-Filem Melayu-Satu Perbandingan Ringkas Sejarah Seni dan Perfileman". (Seminar / Bengkel Industri Perfileman Malaysia, Kuala Lumpur, 3 Mac), h. 16

<sup>86</sup> Rahmah Bujang (1989), "Kisah Purba - Plot Moden = Ancient Tales - Modern Plots" dlm. *Cintai filem Malaysia = Love Malaysian Films*. Kuala Lumpur: Perbadanan Perusahaan Filem Nasional, h. 53

yang berorientasikan bangsawan yang dibawa ke pentas perfileman pada tahun 1933.<sup>87</sup> Filem tersebut telah mendapat sentuhan pengarah dari India iaitu B. S. Rajhans yang diterbitkan oleh *Motilal Chemical Company* dan mendapat sambutan yang menggalakkan.<sup>88</sup>

Perkembangan filem Hindi di tanah Melayu boleh dikatakan bermula dari pengaruh yang dibawa oleh pengarah-pengarah dari India seperti B. N. Rao, Phani Majumdar, K. M. Busker, K. R. S Sastry, V. Girimaji dan Dhiresh Ghosh. Perkembangan pesat filem-filem di India menyebabkan Shaw Brothers membawa masuk pengarah-pengarah tersebut untuk menjadikan industri perfileman di Malaya berkembang sebagaimana di India. Tambahan pula, kedudukan sosial dan budaya India hampir sama dengan kedudukan sosial dan budaya Melayu. Masyarakat Melayu juga dilihat semakin menggemari filem-filem dari India maka, kemasukan pengarah-pengarah tersebut dilihat memberi kelebihan dalam menghasilkan filem-filem Melayu.<sup>89</sup>

Pengaruh dari filem Hindi berlarutan walaupun setelah Malaya bebas dari penjajahan. Selepas perang berakhir, B. S. Rajhans kembali membuka syarikat perfilemannya dan diberi nama *Malay Film Productions* (MFP). Filem-filem yang dihasilkan dan diterbitkan oleh MFP banyak diambil dan dipetik dari cerita-cerita masyarakat, cerita purba India dan disadur dari filem-filem asing termasuk dari India. Ini dapat dilihat dari beberapa filem yang dihasilkan yang masih mengekalkan teknik persembahan bangsawan dengan diselang-selikan penceritaan dan nyanyian. Pengaruh

---

<sup>87</sup> Jamil Sulong (1989), "Pengaruh bangsawan dalam filem Melayu = Bangsawan's influence in Malay films" dlm. *Cintai filem Malaysia = Love Malaysian Films*. Kuala Lumpur: Perbadanan Perusahaan Filem Nasional, h. 56

<sup>88</sup> M. Amin (1998), *op. cit.*, h. 6

<sup>89</sup> *Ibid*, h. 16

India dalam filem masih ketara terutama dalam babak-babak nyanyian turut diselitkan gerak tari seperti tarian di dalam bilik dan di taman-taman bunga.<sup>90</sup>

Filem-filem dari India dan dihasilkan oleh sutradara India memberi kesan kepada industri perfileman negara. Malah, sehingga ke hari ini filem-filem Hindi masih mendapat tempat di hati penonton Melayu. Ini dikesan dari kemasukan filem-filem import dari India yang tidak pernah susut bilangannya. Senarai filem Hindi yang di Kementerian Dalam Negeri (KDN) dari tahun 2001 sehingga tahun 2010 contohnya menunjukkan jumlah filem Hindi yang diimport ke Malaysia tidak pernah kurang dari 20 buah filem dan semakin meningkat dari tahun ke tahun<sup>91</sup>. Maka, pengaruh filem Hindi boleh dikatakan tidak pernah susut dan masih berlanjutan walaupun Malaysia telah mencapai kemerdekaan selama 54 tahun.

Kesimpulannya, kajian ini mengambil filem Hindi sebagai teks kajian kerana kedekatan pengaruh filem Hindi dalam identiti budaya melayu, tentang faktor pengaruh ke atas gaya penontonan masyarakat atau pembudayaan Islam yang ditampilkan dalam filem yang dikaji.

## 2.5 Jenis-jenis Filem (Genre)

Genre filem adalah istilah yang digunakan bagi menggambarkan aliran dan teori yang wujud dalam sesebuah filem. Dari aspek teori perfileman, genre adalah cara mengklasifikasikan atau mengkategorikan sesebuah filem.<sup>92</sup>

Mengikut Seksyen 2, Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Akta 244), 1981, menjelaskan bahawa “filem-filem” itu termasuk filem cereka, filem

---

<sup>90</sup> Jamil Sulong (1989), *op. cit.*, h. 58

<sup>91</sup> Sumber daripada Unit Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri (KDN).

<sup>92</sup> Ubaidullah Mustaffa (2008), *Prinsip Filem Dokumentari-Penilaian, Penceritaan dan Kritikan*. Selangor: FINAS, h. 2

pendek, filem subjek ringkas, *trailer*, dokumentari, filem kecil iklan dan apa-apa rakaman pada apa-apa jenis bahan termasuk pita video dan cakera laser berupa arca-arca bergerak sama ada disertai dengan bunyi atau tidak untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai.<sup>93</sup> Kenyataan tersebut terlalu luas dalam mengenalpasti kategori atau genre filem.

Kebanyakan sarjana Barat berpendapat bahawa filem sukar untuk didefinisikan mengikut genre atau jenis-jenisnya secara terperinci. Ini kerana, sebahagiannya mempunyai tema dan subjek tersendiri yang cuba dipaparkan. Tambahan pula kebanyakan filem mengaplikasikan banyak tema dan subjek dalam plot yang dipaparkan. Sebagai contoh, sekiranya dikategorikan sesebuah filem itu sebagai *thriller* ia juga mempunyai genre lain seperti *horror*, *investigation*, *hostage* dan sebagainya. Antaranya filem *DIE HARD* (1988, John McTiernan) atau filem *SPEED* (1994, Jan De Bont) menyelitkan beberapa kombinasi genre seperti komedi, *horror* dan penyiasatan.<sup>94</sup>

---

<sup>93</sup> Muhammad Ghazali Shafie (1993), *op. cit.* h. 49

<sup>94</sup> David Bordwell & Kristin Thompson (2003), *op. cit.*, h. 109

Braudy, Leo.(2004) juga mengeluarkan pandangan yang sama. Genre dalam sesebuah filem boleh dikategorikan mengikut beberapa komponen asas dalam filem seperti plot, karakter, *set*, tema, gaya dan pelbagai aspek lain.<sup>95</sup> Genre-genre filem ditentukan menerusi kisah dan jalan cerita yang disampaikan dalam filem seperti mempunyai unsur komedi, sains fiksi, fantasi, *thriller*, *horror*, musikal, animasi. Antara lain, genre-genre juga sering digabung dalam sesebuah filem contohnya menggabungkan komedi, musikal, *horror* dalam sesebuah filem.<sup>96</sup> Pembuat filem biasanya akan mengambil beberapa filem yang berjaya dan menggabungkannya, kemudian dikeluarkan satu konsep filem yang baru<sup>97</sup>. Aspek-aspek ini menjadikan sesebuah filem sukar dikategorikan mengikut genre-genre yang khusus.

Antara lain David Bordwell (2003), melihat bahawa penonton berpotensi untuk meletakkan genre filem yang sedia ada dan yang baru dihasilkan hasil dari penontolan mereka terhadap sesebuah filem. Sebagai contoh seandainya seorang penonton tidak pernah menonton filem *PLEASANTVILLE* (1998, Gary Ross), mereka akan bertanya pada teman-teman yang telah menontonnya dan jawapan yang diberikan biasanya akan mengaitkan filem lain yang mempunyai gaya penceritaan yang sama untuk memberitahu jenis filem tersebut. Contohnya, filem *PLEASANTVILLE* (1998), seperti gabungan dua filem lain iaitu *THE TRUMAN SHOW* (1998, Peter Weir) dan *BACK TO THE FUTURE* (1985, Robert Zemeckis).<sup>98</sup>

Senario demikian turut berlaku di Malaysia, kebanyakan filem turut menggabungkan pelbagai bentuk genre. Antaranya filem *WIRA ANGKASA* (1987, Aziz

---

<sup>95</sup> Braudy, Leo. (2004), *Film Theory and Criticism: Introductory Readings*. New York: Oxford University Press, h.691

<sup>96</sup> *Ibid.*, h.657

<sup>97</sup> David Bordwell & Kristin Thompson (2003), *loc. cit.*, h. 116

<sup>98</sup> *Ibid*



Jaafar)<sup>99</sup>, *CINTA METROPOLITAN* (1996, Zulkeflie M. Osman)<sup>100</sup> yang menggabungkan genre aksi dan romantik, *HANG TUAH* (1956, Phani Majumdar)<sup>101</sup> menggabungkan tema drama dan aksi, *HATI BUKAN KRISTAL* (1990, Raja Ahmad Alauddin)<sup>102</sup> yang menggabungkan genre drama dan komedi.

Oleh yang demikian, kombinasi yang wujud ini terhasil menerusi subjek dan sub-genre yang dimasukkan dalam filem. Sebagai contoh filem *PAPADOM* (2009, Afdlin Shauki) dikategorikan sebagai filem cereka dan dalam masa yang sama, filem tersebut juga diselitkan dengan genre komedi, kekeluargaan dan drama.<sup>103</sup> Ini bererti, genre utama bagi filem ini ialah berbentuk cereka manakala selain daripadanya adalah sub-genre.

Walau bagaimanapun, sebuah filem yang dihasilkan ditunjangi oleh dua karakter sama ada berbentuk fakta atau rekaan semata-mata. David Bordwell (2003), menyatakan bahawa terdapat pelbagai bentuk genre yang telah dihasilkan menerusi filem, genre asas yang perlu diketahui ialah cereka (*fiction*) atau dokumentari, animasi, eksperimental.<sup>104</sup> Manakala, aspek-aspek lain yang dinyatakan dalam filem seperti komedi, romantik, drama, aksi, seram, muzikal, *horror* boleh dinyatakan sebagai sub-genre atau subjek yang diangkat dalam sesebuah filem.

---

<sup>99</sup> Filem Malaysia, [http://www.filemKita.com/filem/w/wira\\_angkasa\\_01.html](http://www.filemKita.com/filem/w/wira_angkasa_01.html), diambil pada 21 Februari 2010.

<sup>100</sup> Filem Malaysia, [http://www.filemKita.com/filem/c/cinta\\_metropolitan\\_01.html](http://www.filemKita.com/filem/c/cinta_metropolitan_01.html), diambil pada 21 Februari 2010.

<sup>101</sup> Filem Malaysia, [http://www.filemKita.com/filem/h/hang\\_tuah\\_01.html](http://www.filemKita.com/filem/h/hang_tuah_01.html), 21 Februari 2010.

<sup>102</sup> Filem Malaysia, [http://www.filemKita.com/filem/h/hati\\_bukan\\_kristal\\_01.html](http://www.filemKita.com/filem/h/hati_bukan_kristal_01.html), 21 Februari 2010

<sup>103</sup> Sinema Malaysia, [http://www.sinemamalaysia.com.my/film/info/?id=Papadom\\_718](http://www.sinemamalaysia.com.my/film/info/?id=Papadom_718), 21 Februari 2010.

<sup>104</sup> David Bordwell & Kristin Thompson (2003), *op cit.*, h.126

### **Filem Cereka atau Fiksyen:**

Fiksyen berasal dari istilah *latin* yang bermaksud ‘*to make by shaping*’, ‘*to think up*’, ‘*to make up*’.<sup>105</sup>

Kamus Dewan Bahasa (2002) mendefinisikan cereka dan fiksyen sebagai suatu perkara yang mempunyai pengertian yang sama. Fiksyen ialah karya sastera yang dicipta dari imaginasi seperti novel, cerita pendek<sup>106</sup>. Cereka ialah cerita yang diadakan, dikarang dan bukannya berasaskan kejadian atau peristiwa yang sebenar<sup>107</sup>. Ini bererti filem cereka atau fiksyen merupakan filem rekaan sendiri dan bukannya berasaskan fakta yang tepat. Ia lahir dari ilham seorang penulis, pengarah atau golongan yang terlibat dalam sesebuah produksi filem.

Keadaan realiti semasa boleh dimanipulasi menerusi fiksyen. Ia boleh dijadikan lebih baik dari realiti atau lebih buruk dari apa yang menjadi pegangan kita. Cereka juga boleh memperlihatkan watak sebenar manusia sebagai sang wira atau memanipulasi watak tersebut untuk diperbodohkan.<sup>108</sup> Aspek ini memperlihatkan bahawa filem cereka mengadaptasi pelbagai perwatakan manusia dan situasi sekeliling untuk ditampilkan dalam sebuah filem.

Kamarul Ariffin (1989), dari pandangan seorang produser filem, filem cereka dihasilkan berdasarkan beberapa sebab dan alasan seperti tujuan komersial untuk menjadikan filem tersebut tersenarai dalam *box office*, untuk menghasilkan karya yang memberi kesan mendalam kepada penonton, menonjolkan nilai estetika tanpa

---

<sup>105</sup> Lothe, Jakob (2000), *Narrative in Fiction and Film: An Introduction*. Oxford: Oxford University Press, h. 4

<sup>106</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *Kamus Dewan Bahasa* (Edit 3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 354

<sup>107</sup> *Ibid.*, h.233

<sup>108</sup> Scholes, Robert E. (1978), *Elements of Literature: Essay, Fiction, Poetry, Drama, Film*. New York : Oxford University Press, h. 106

mementingkan faktor untung atau rugi dari filem yang dihasilkan dan dihasilkan tanpa berpaksi pada tujuan dan matlamat tertentu.<sup>109</sup> Aspek ini menjadikan filem cereka yang dihasilkan mempunyai skop dan gaya penceritaan yang pelbagai berdasarkan hasrat dan niat sesebuah filem itu dihasilkan. Sekiranya ia dihasilkan untuk memberi kesan mendalam kepada penonton, maka filem berunsur pengajaran dan pendidikan akan dijadikan subjek dalam menghasilkan filem cereka.

Filem cereka masih dilihat sebagai bahan utama dan wakil utama sebagai produk kepada industri perfileman di Malaysia berbanding filem dokumentari. Ia digemari oleh penonton sama ada di Malaysia atau luar negara kerana perjalanan ceritanya berkisar watak dan identiti masyarakat, gelagat dan budaya sesebuah negara. Perkara ini menjadikan filem cereka lebih dekat dengan penonton.<sup>110</sup>

### **Filem Dokumentari:**

Istilah filem dokumentari (filem doku) merupakan suatu istilah yang dikombinasikan antara dokumentari dan filem. Ini kerana, menurut sejarah, pembikinan dokumentari pada awalnya dibuat dengan menggunakan 'filem'. Robert Flaherty merupakan individu pertama yang berjaya menghasilkan filem dokumentari yang terawal iaitu pada tahun 1922. Filem doku yang dihasilkan adalah berbentuk penceritaan seolah-olah seperti sebuah filem cereka. Namun, pada hari ini, walaupun 'filem' tidak lagi digunakan bagi menghasilkan dokumentari kerana kewujudan penciptaan teknologi yang serba moden,

---

<sup>109</sup> Kamarul Ariffin (1989), "Penerbitan Filem Cereka - Daripada Kaca Mata Seorang Produser" dlm. *Cintai filem Malaysia*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia, h. 206

<sup>110</sup> *Ibid.*, h. 229

istilah filem dokumentari masih tetap dikekalkan namanya oleh penggiat karya dokumentari.<sup>111</sup>

Filem dokumentari merupakan filem yang berasaskan dokumen iaitu daripada naskah dan kertas yang mempunyai maklumat tertentu. Naskah yang diperolehi akan diolah semula untuk dijadikan sebuah filem berbentuk dokumentari. Oleh itu, filem dokumentari biasanya dinilai sebagai filem berasaskan fakta dan bukannya sebuah fiksyen.<sup>112</sup> Namun, filem dokumentari bukan terhad terhadap filem yang memaparkan fakta benar sahaja. Ia boleh dipelbagaikan sama seperti filem bercorak fiksyen. Walaupun, ia dikenali sebagai filem bukan fiksyen kerana memaparkan fakta dari kisah yang diperolehi namun, ia boleh menghasilkan plot dan motif berasaskan filem bercorak fiksyen.<sup>113</sup>

Aspek ini pernah diaplikasi oleh Robert Flaherty dalam menghasilkan filem dokumentari berasaskan bukan fiksyen yang berjudul *NANOOK OF THE NORTH* (1992, Robert J. Flaherty). Menerusi filem tersebut, realiti dan fantasi kehidupan bangsa Eskimo dikombinasikan dalam plot filem. Sebagai contoh, pemilihan lokasi sebenar di Artik dan pemilihan pelakon sebenar dari Artik iaitu dari orang Eskimo sendiri telah menonjolkan ciri realiti filem ini. Akan tetapi, susunan plot bagi filem ini telah direka atau difantasikan oleh Robert semata-mata untuk menghidupkan tema kasih sayang di Artik. Keadaan ini bagi menarik minat khalayak untuk menonton filem tersebut dan mengelakkan dari kebosanan. Aspek lain yang menyokong bahawa penghasilan filem dokumentari bukan merupakan paparan realiti sebenar ialah pembinaan semula Iglu oleh tenaga produksi sebagai tempat kediaman orang Eskimo tanpa menggunakan Iglu

---

<sup>111</sup> Ubaidullah Mustaffa (2008), *op. cit.*, h. 2-4

<sup>112</sup> *Ibid.*, h. 26

<sup>113</sup> *Ibid.*, 25

sebenarnya dalam rakaman filem tersebut. Maka, ciri-ciri tersebut menunjukkan bahawa filem doku bukan hanya sebuah paparan realiti sahaja.<sup>114</sup>

Di Malaysia, dokumentari merupakan jenis filem terawal dihasilkan iaitu sekitar tahun 1920-an. Selain filem pendek, dokumentari juga biasanya mengambil masa tayangan yang singkat berbanding filem cereka dan ia juga biasanya tidak dihasilkan untuk tayangan di pawagam. Dokumentari yang dihasilkan bersifat merakamkan sesuatu peristiwa atau tajuk-tajuk khusus yang dilihat penting dan bakal menjadi bahan sejarah sesebuah negara. Ia juga dihasilkan untuk menjadi bahan kajian ilmiah dan sumber rujukan alternatif selain bahan-bahan bacaan yang sering menjadi rujukan utama. Selain itu, dokumentari juga sering dijadikan bahan propaganda pihak tertentu dan selalu juga berjaya mempromosikan sektor pelancongan dan budaya sesebuah negara. Oleh kerana matlamat penghasilannya bukan untuk hiburan atau eksperimen maka, dokumentari di Malaysia lebih cenderung dihasilkan oleh agensi kerajaan dan syarikat korporat umumnya.<sup>115</sup>

Filem dokumentari yang dihasilkan di Malaysia pada awalnya diterbitkan oleh Filem Negara dan Jabatan Penyiaran Malaysia. Kebanyakannya dihasilkan untuk tujuan pendidikan dan propaganda. Filem dokumentari berkaitan membangun semangat kebangkitan dalam perjuangan rakyat banyak diterbitkan selepas kemerdekaan antaranya menerusi filem *MERDEKA OF MALAYA* pada tahun 1958, *BAPA MALAYSIA*, *MATA PERMATA* dan *BIRTH OF MALAYSIA* pada 1964. Filem-filem dokumentari berkisar pertanian turut dihasilkan seperti *MASTER FARMER KUM YENG* pada tahun 1960 dan *GENTLE FARMERS* pada 1969. Filem-filem dokumentari ini ditayangkan di merata tempat dengan menggunakan van bergerak oleh Jabatan

---

<sup>114</sup> *Ibid.*, h. 4&5

<sup>115</sup> Filem Malaysia, [http://www.filemkita.com/filem/1/dokumentari\\_01.html](http://www.filemkita.com/filem/1/dokumentari_01.html), diambil pada 11 Februari 2010

Penyiaran Malaysia. Ia ditayangkan di kampung-kampung yang tiada kemudahan elektrik dan tiada pawagam. Oleh yang demikian, penerbitan filem doku pada zaman ini cenderung sebagai medium bagi kerajaan menyampaikan maklumat kepada masyarakat.<sup>116</sup>

Filem dokumentari boleh membawa pelbagai jenis tema penceritaan sama ada dalam bentuk kejadian sebenar realiti kehidupan atau sentuhan kreatif pada realiti kehidupan atau rekaan kreatif fiksyen semata-mata atau sebagai bahan propaganda pihak tertentu sepertimana filem *LOUISIANA STORY*<sup>117</sup> (1948, Robert J. Flaherty).<sup>118</sup> Ini bermakna, filem dokumentari boleh menyelitkan unsur kreativiti dalam penceritaan seperti filem cereka. Perkara ini adalah kerana filem dokumentari merupakan tafsiran terhadap sesuatu fakta dan bukannya statik sebagai fakta yang tidak boleh diubah. Maka, perbezaan antara fakta dan tafsiran terhadap fakta perlu jelas kerana ia membantu meningkatkan kreativiti dalam penghasilan sesebuah filem dokumentari.<sup>119</sup>

Perkembangan zaman menunjukkan peningkatan dari sudut kuantiti filem dokumentari yang dihasilkan. Filem-filem dokumentari yang dihasilkan dibezakan menerusi falsafah, subjek atau tema yang diaplikasikan. Antara bentuk-bentuk filem dokumentari ialah:

- a) Filem dokumentari berteraskan sejarah. Falsafah filem ini membawa pengisian berbentuk garapan sejarah untuk memberi pengajaran, kesedaran dan keinsafan tentang sesuatu kejadian. Ia merupakan filem yang dimanipulasi dari kisah

---

<sup>116</sup> Rohani Hashim (2003), 'Filem Bukan Fiksyen: Kedudukan dan Masalah' dlm. Ramli Mohamed (Ed.), *Sinema Penontonan di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. h. 79.

<sup>117</sup> Filem '*Louisiana Story*' merupakan filem doku yang membawa mesej bahawa menggali minyak tidak akan mencemarkan alam sekitar. Sebuah syarikat petroleum telah mengeluarkan kos penerbitan bagi menerbitkan filem ini sebagai suatu proraganda untuk menentang aktivis pencinta alam. Rentetan itu, aktivis pencinta alam telah menunjukkan penentangan mereka terhadap usaha membina pelantar minyak di kawasan berpayu di Louisiana. Lihat, Ubaidullah Mustaffa (2008), *op. cit.*, h. 7

<sup>118</sup> Ubaidullah Mustaffa (2008), *op. cit.*, h. 8

<sup>119</sup> *Ibid.*, h.9

sejarah sesebuah negara.<sup>120</sup> Antara filem bagi kelompok ini ialah filem *SARJAN HASSAN* (1958, Lamberto Avellana & P. Ramlee) dan *EMBUN* (2002, Erma Fatima)

- b) Filem dokumentari berbentuk keagamaan. Jenis ini mengandungi falsafah pendakwaan iaitu mengajak manusia untuk memahami intisari agama dan menjadi pengikut setia pada agama. Falsafah mengajak ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran dijadikan asas dalam penerbitan filem dokumentari ini. Antara filem doku yang dikategorikan dalam kumpulan ini ialah *JEJAK RASUL* (terbitan TV3) dan *SYAHADAh* (terbitan Radio Televisyen Malaysia)
- c) Filem dokumentari dalam bentuk Biografi. Ia mendedahkan sifat positif dan pengorbanan watak sehingga mampu mencapai kejayaan luar biasa. Falsafah filem ini menggalakkan manusia ke arah kejayaan dengan memaksimumkan usaha yang dilakukan. Antara filem doku yang terhasil ialah berkaitan Biografi Yang di-Pertuan Agung ke-13 yang bertajuk *RAJA DAN RAKYAT DIPISAH JANGAN* pada tahun 2006.<sup>121</sup>
- d) Dokumentari berbentuk majalah. Ia merupakan filem yang bercorak laporan wartawan dan majalah seperti *NONA* dan *MAJALAH TIGA* dan berteraskan fakta-fakta ilmu seperti *NATIONAL GEOGRAPHIC*<sup>122</sup>. Falsafah filem ini menyetengahkan pendedahan kejadian sebenar dan semasa yang diperkatakan dalam masyarakat seperti isu penyeludupan dadah, ilmu hitam dan sebagainya.<sup>123</sup>

---

<sup>120</sup> *Ibid.*, h. 23

<sup>121</sup> *Ibid.*, h. 22

<sup>122</sup> *Ibid.*, h. 20

<sup>123</sup> Rohani Hashim (2003), *op. cit.*, h. 8.

Rohani Hashim (2003), meletakkan tiga ciri asas dalam sebuah filem dokumentari iaitu dokumentari lakonan semula. Ia dihasilkan dengan mencari pengalaman manusia-manusia tertentu yang terlibat dengan sesuatu kejadian dan peristiwa. Pengalaman tersebut akan dilakonan semula dan dinaskahkan dalam bentuk filem. Kedua, ialah dokumentari yang dapat membina masyarakat. Dokumentari yang dihasilkan menerusi ciri ini berbentuk laporan berita dan kajian berkaitan sesuatu peristiwa. Individu yang berautoriti akan diberi ruang untuk menyatakan maklumat secara terus kepada penonton. Pandangan khalayak umum juga diambil menerusi wawancara secara langsung. Ciri yang terakhir ialah *direct cinema* iaitu dokumentari yang dirakamkan secara langsung ketika kejadian atau peristiwa itu berlaku tanpa memalsukannya. Ia dihasilkan dengan menggunakan kamera *hand-held* untuk merakamkan setiap perkara yang berlangsung.<sup>124</sup>

Filem dokumentari sukar mendapat sambutan kerana mempunyai corak persembahan yang membosankan. Malah, penerbitan bagi filem sebegini sukar mendapat tajaan. Oleh yang demikian, usaha-usaha menaiktaraf filem dokumentari perlu dipergiatkan antaranya dengan menyelitkan unsur-unsur fiksyen di dalamnya agar ia menjadi menarik untuk ditonton.

### **Filem Animasi:**

Animasi merupakan satu bidang perfileman yang menggunakan lukisan atau model bukan hidup. Istilah animasi berasal dari Latin (*animate*); *verb* (*animare*) yang bermaksud 'to make alive' atau 'to fill with breath'. Ia merupakan paparan terhadap

---

<sup>124</sup> *Ibid.*, h 75-76



dunia realiti. Menerusi animasi, impian dan dunia ciptaan boleh digambarkan dalam dunia nyata .<sup>125</sup>

Filem animasi bermula dengan idea *trick of animation* menerusi *flipbook*. *Flipbook* merupakan sebuah buku kecil yang boleh dibalik-balikkan menggunakan hujung jari lantas membentuk satu gerakan. Idea *flipped book* ini terhasil rentetan dari konsep animasi itu sendiri iaitu merupakan sebuah *trick play on the eye*. Konsep ini menggambarkan *still image* yang sama akan disusun akan dapat ditanggapi oleh penglihatan sebagai sebuah imej yang bergerak sekiranya dibalik-balikkan dengan pantas.<sup>126</sup>

Filem animasi pertama yang diterbitkan ialah *DISNEY'S SNOW WHITE AND THE SEVEN DWARFS* (1937, David Hand).<sup>127</sup> Kemajuan teknologi masa kini turut mempengaruhi penghasilan filem animasi. Lantas, filem animasi kini menjadi semakin mudah, cepat dan senang dihasilkan kerana wujudnya rangkaian dan inovasi teknologi komputer dan perisian-perisian yang baharu. *Pixar Film* merupakan antara syarikat awal yang mula mengadaptasi kemudahan teknologi dalam penghasilan filem animasi. Maka, terhasilnya filem pendek animasi *LUXO JNR*. pada tahun 1986. Walau bagaimanapun, aplikasi teknologi yang digunakan pada waktu ini tidak menyeluruh dan hanya pada tahun 1995 barulah ia diaplikasikan secara optimum menerusi filem *TOY STORY*.<sup>128</sup>

Filem animasi juga merupakan antara genre filem yang dikategorikan dalam industri perfileman di Malaysia. Antara filem animasi yang dihasilkan ialah *HIKAYAT SANG KANCIL* (1978), *SANG KANCIL DAN MONYET* (1984), *GAGAK YANG BIJAK*

---

<sup>125</sup> Jean Ann Wright (2005), *Animation Writing and Development*. USA: Focal Press Publication Sdn.

Bhd., h. 1

<sup>126</sup> *Ibid.*, h. 5&7

<sup>127</sup> *Ibid.*, h. 6

<sup>128</sup> *Ibid.*, h. 11

(1984) dan banyak lagi. Filem-filem animasi ini dikeluarkan oleh Filem Negara Malaysia (FNM).<sup>129</sup> Perkembangan filem animasi di Malaysia memperlihatkan bahawa ia masih mendapat tempat dalam bidang perfileman negara. Sehingga ke hari ini penghasilan dan penerbitan filem-filem animasi tidak berhenti malah terdapat filem animasi hasil dari pengarah tempatan telah berjaya menembusi pasaran luar seperti Timur Tengah<sup>130</sup> iaitu filem *GENG: PENGEMBARAAN BERMULA* (2009, Mohd Nizam Abdul Razak).

### **Filem Eksperimental:**

Filem eksperimental adalah sebuah hasil kerja yang bersifat *independent*. Ia juga dikenali dengan nama *avant-garde* yang menghasilkan filem-filem secara *underground*. Ia juga merupakan sebuah filem yang berbeza daripada filem-filem *mainstream* sedia ada di mana ia dilihat dari konteks idealisme yang dibawa, sinematografi, isu yang diangkat sebagai tema, modal atau bajet, lakon-layar, pelakon dan lain-lain aspek yang dianggap menimbulkan kontradiksi dengan filem-filem sedia ada.<sup>131</sup>

Filem ini dihasilkan bagi tujuan yang pelbagai. Menerusi filem ini, pengarah dapat mengekspresikan pengalaman dan pandangan peribadinya dalam sisi luar yang lari dari kebiasaannya.<sup>132</sup> Sebagai contoh filem *THE BEAUTIFUL WASHING MACHINE* (2004, James Lee) mengisahkan permasalahan masyarakat Cina yang terjebak dengan budaya *workaholic*, curang dan kongsi gelap. Namun, pendekatan yang dibawa dalam filem ini tidak menjurus kepada isu tersebut secara langsung, tetapi ia dikaburi dengan kemunculan sebuah *washing machine* dan seorang wanita yang tidak

---

<sup>129</sup> Muhammad Ghazali Shafie (1993), *op. cit.*, h. 27

<sup>130</sup> Sinema Malaysia, [http://www.sinemamalaysia.com.my/main/clippingnews/Upin\\_Dan\\_Ipin\\_ke\\_Timur\\_Tengah\\_3242](http://www.sinemamalaysia.com.my/main/clippingnews/Upin_Dan_Ipin_ke_Timur_Tengah_3242), diambil pada 21 Februari 2010.

<sup>131</sup> David Bordwell & Kristin Thompson (2003), *op. cit.* h. 140&141

<sup>132</sup> *Ibid.*

diketahui asal kewujudannya. Maka, ia menuntut pemikiran yang tinggi daripada khalayak penontonnya untuk memahami mesej sebenar yang cuba disampaikan daripada aspek fizikal yang dipaparkan.

Tema filem sebegini mengutarakan plot yang terlalu jujur, terlalu real, tidak berselindung dan mempunyai matlamat yang tersendiri. Filem *BUKAK API* (2000, Osman Ali) umpamanya mengisahkan realiti kehidupan pelacur yang kebanyakannya dari golongan lelaki lembut atau mak nyah di sekitar kawasan Chow Kit yang terpaksa berdepan dengan pandangan serong masyarakat sekeliling. Filem ini juga memaparkan adegan 'pemakaian kondom' atau 'pengkisahan seks' secara terang-terang. Perkara ini seolah-olah mengajar 'penontonnya' cara-cara mengadakan hubungan seks dan membawa mesej berkaitan pendidikan seks yang selama ini hanya menjadi suatu perkara dalam masyarakat. Namun, matlamat yang cuba dibawa menerusi filem ini adalah jalan terbaik mencegah kejahatan ialah sebelum kejahatan itu terjadi.<sup>133</sup>

## 2.6 Etika Media dan Akta Filem

### **Etika Media:**

Etika berfungsi untuk memberikan beberapa prinsip atau ukuran asas dalam menentukan tingkahlaku yang betul dan tingkahlaku yang salah.<sup>134</sup> Setiap masyarakat mempunyai nilai moral yang dijadikan garis asas dalam kehidupan mereka. Etika menggambarkan nilai yang dipercayai oleh masyarakat dalam menentukan kelakuan yang benar dan salah dalam sebuah masyarakat.

---

<sup>133</sup> FilemKita Malaysia, [http://www.filemKita.com/khys/topik\\_malaysian\\_independent\\_film\\_festival\\_01.html](http://www.filemKita.com/khys/topik_malaysian_independent_film_festival_01.html), 22 Februari 2010.

<sup>134</sup> Mohd Yusof Hussain (1987), *Etika Perhubungan Awam untuk Organisasi-Organisasi Islam*. Serdang: Jabatan Komunikasi Pembangunan, Universiti Pertanian Malaysia, h. 12

Media pula merupakan medium yang digunakan untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Oleh kerana sifatnya yang luas, maka ia mampu memberi kesan yang besar terhadap kefahaman dan kepercayaan masyarakat. Ini bermakna, media berperanan dalam memastikan maklumat yang disebarkan berada dalam lingkungan yang tepat dan tidak ditokok tambah. Ia berkait dengan etika media.

Sebagai satu seni yang luas, penghasilan filem perlu mematuhi dan mengikut had dan ukuran yang ditetapkan dan tidaklah sepenuhnya bebas dan berkuasa untuk memvisualkan sesuatu tanpa mempedulikan kesan-kesan yang akan diterima khalayak. Filem yang dihasilkan perlu mempunyai nilai etika, moral dan bertanggungjawab terhadap persoalan yang ditampilkan.<sup>135</sup>

Oleh yang demikian, filem berdiri di atas etika media yang mengikat dan memandu pengamal media dengan satu garis panduan yang perlu dipatuhi dalam menangani bahan dan fakta yang ingin disebarkan kepada masyarakat supaya tidak menimbulkan sebarang bentuk hasutan, kecelaruan dan memalukan pihak-pihak tertentu. Ia memastikan maklumat yang disampaikan kepada masyarakat adalah tepat dan boleh dipercayai.

Realitinya, Malaysia sebuah negara yang demokrasi. Walaupun mengamalkan sistem tersebut, kawalan terhadap bidang penyiaran tetap dilakukan. Ia penting supaya penulatan filem yang tidak sihat terhadap masyarakat dapat dihalang.

Kod etika yang terdapat di Malaysia ialah etika kewartawanan dan pengiklanan yang tertumpu pada media cetak. Kebebasan media di Malaysia masih terikat dengan

---

<sup>135</sup> Abu Hassan Hasbullah (1995), *op. cit.*, h. 32-33

akta-akta seperti Akta Penapisan Filem 2002<sup>136</sup>, Akta Hak Cipta 1948 (dipinda pada tahun 1974), Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Hasutan 1948 (dipinda pada tahun 1071), Akta Kemasukan Bahan-Bahan Bercetak 1958 dan sebagainya. Akta tersebut digubal sebagai panduan kepada pengamal media dalam menangani bahan untuk disebarlan menerusi medium media. Akta juga antara lain digubal untuk memelihara budaya profesionalisme pengamal media di samping menjaga keamanan masyarakat dan negara.<sup>137</sup>

Etika Media Massa di Malaysia belum mencapai tahap yang memuaskan dan tidak menyeluruh. Pengamal media tidak bersepakat dalam mengamalkan media bersesuaian dengan kod etika yang sedia ada. Maka, ia medium ini agak sukar untuk ditangani seara berhikmah kerana masing-masing mempunyai pandangan sendiri dalam mengendalikannya. Tambahan bidang penyiaran lebih terikat dengan akta-akta berbanding kod etika yang sedia ada. Dalam hal ini, kod etika tidak lagi menjadi sesuatu yang utama yang bertanggungjawab mengawal tingkahlaku pengamal media berbanding kuasa yang ada pada akta-akta.

Realitinya, akta yang digubal bukan bertujuan menyekat kebebasan dunia penyiaran. Akan tetapi, ia lebih kepada bentuk pengawalan berdasarkan kesan serta pengaruh besar media terhadap masyarakat. Seandainya, tiada sebarang bentuk pengawalan dilakukan, ia boleh disalah gunakan sekadar mengaut keuntungan tanpa mengambil kira kesan terhadap maklumat yang disebarlan. Maka, kehendak khalayak yang selalunya bercorak hiburan dan keseronokan dilayan secara maksimum walaupun mesej dan nilai yang disampaikan hanya akan merosakkan jati diri dan budaya

---

<sup>136</sup> Kementerian Dalam Negeri, <http://www.moha.gov.my/template04.asp?SectionID=9&SectionContentID=118>, diambil pada 11 Februari 2010.

<sup>137</sup> Mansor Ahmad Saman (1983), *op. cit.*, h. 16

masyarakat setempat. Perkara tersebut tidak memberi sebarang sumbangan kepada pembentukan mental dan jati diri masyarakat.

### **Akta Media Filem:**

Filem merupakan antara media yang tertua berbanding media elektronik seperti radio, televisyen dan komunikasi massa. Sejak awal lagi ia digunakan sebagai alat komunikasi oleh Kerajaan British sebelum perang dunia kedua. Oleh yang demikian, hal-hal berkaitan perundangan pada permulaannya mengenai import, penerbitan dan pengedaran filem adalah dalam bentuk ordinan dan enakmen.<sup>138</sup>

Peraturan ini telah digubal oleh Majlis Perundangan Persekutuan sebagai Ordinan Filem Sinematograf, No. 76 tahun 1952. Tatanama ini ditukar kepada Akta Filem (penapisan) yang dikuatkuasa di Semenanjung Malaysia dari 1 Mei 1954. Ia kemudiannya disemak dan diterbit sebagai undang-undang di Malaysia Akta 355, pada 10 Ogos 1971 dan dilanjutkan ke Malaysia Timur.<sup>139</sup> Akta ini seterusnya dipinda pada 2002.

Seksyen 5 membincangkan peruntukan bagi perkara-perkara teknikal berkaitan dengan kawalan ke atas filem-filem lucah yang ingin diterbitkan. Akta 6 pula membincangkan peruntukan bagi perkara-perkara berkaitan pengedaran dan tayangan filem yang belum diluluskan lembaga penapisan filem dan Akta 7 membincangkan peruntukan bagi filem-filem import.<sup>140</sup> Intisari akta ini ialah untuk mengawal filem dan video terutama berkaitan aktiviti import, pengedaran dan tayangan. Hal ini disebabkan oleh kemahuan kerajaan menentukan bahawa filem-filem yang menonjolkan unsur-

---

<sup>138</sup> Shad Sakeem Faruqi & Sankaran Ramanathan (2000), *Undang-Undang dan Peraturan Media di Malaysia* (terj. Halimahton Shaari). Singapura: Ais Media Information and Communication Centre (AMIS), h. 105

<sup>139</sup> *Ibid.*

<sup>140</sup> Akta Penapisan Filem, 2002, (Akta No. 620)

unsur keganasan, seks atau nilai-nilai yang dianggap tidak sopan kepada pembangunan masyarakat Malaysia dihalang dari diterbitkan dan ditayangkan.<sup>141</sup>

Kesimpulannya, undang-undang mengenai filem adalah luas dan menunjukkan ada sistem tapisan yang dilakukan sebelum sesebuah filem diluluskan untuk tayangan umum. Namun begitu, penerbitan dan peredaran filem kebelakangan ini dilihat terdapat sedikit kelonggaran. Banyak filem yang dihasilkan seolah-olah mengeksploitasi wanita seperti menampilkan adegan berkemban dan aksi-aksi bebas seakan menjadi ‘alah bisa tegal biasa’. Malah, ia diluluskan untuk ditayangkan. Hakikatnya, sejauh mana akta-akta ini mampu mengawal filem luar dan filem tempatan yang menonjolkan unsur-unsur yang tidak sihat kepada masyarakat?, dan sejauh mana akta ini mampu menjadikan filem sebagai medium merakyatkan bangsa yang tetap teguh dengan nilai Islami dan adab kesopanan yang diamalkan sejak sekian lama?

## 2.7 Filem Dakwah

Penyebaran dakwah pada hari ini perlulah disesuaikan dengan kehendak, keperluan dan situasi semasa. Ia penting supaya penyampaian dakwah diterima secara mudah dan menyenangkan golongan sasaran. Dalam hal ini, Ab Aziz Mohd. Zin (2006) menyatakan bahawa usaha dakwah memerlukan suatu pendekatan yang rasional dan relevan dengan *wāqī'* iaitu situasi atau keadaan sasaran dalam memastikan keberkesanan penerimaan dakwah. Maka, unsur-unsur tarikan, pengaruh dan rangsangan antara pendekatan yang boleh diaplikasikan.<sup>142</sup>

Usaha dakwah juga memerlukan pendekatan yang lebih dinamik dan bersesuaian dengan masyarakat. Jika hari ini masyarakat lebih dekat dengan seni dan

---

<sup>141</sup> Shad Sakeem Faruqi & Sankaran Ramanathan (2000), *op. cit.*, h. 106&107.

<sup>142</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 96

hiburan, pendakwah juga perlu mengatur langkah yang sama untuk turut serta mengaplikasikan kelebihan seni untuk tujuan dakwah. Peluang dan kesempatan tersebut perlulah direbut dan dimanfaatkan oleh para pendakwah.

Dakwah Islam pada hari ini tidak boleh dilaksanakan secara tradisional semata-mata seperti menerusi medium syarahan, ceramah, forum dan seumpamanya. Pendekatan ini hanya berkesan bagi sebahagian kelompok dan membosankan bagi sesetengah pihak terutama golongan muda. Pendekatan yang lebih segar dan baru khususnya dalam konteks medium yang digunakan perlulah diberi perhatian. Dalam hal lain, medium-medium baru dan alat-alat komunikasi massa seperti filem perlu diberi roh dan nilai Islam sebelum ditayangkan kepada masyarakat kerana medium ini sering dicemari unsur-unsur luar yang lebih menjejaskan nilai manusiawi daripada diaplikasikan ke jalan kebaikan.<sup>143</sup>

Antara filem-filem di beberapa negara di dunia yang mempunyai mesej yang baik dan memberi kesan positif kepada penonton ialah filem keluaran Iran, *THE WHITE BALLON* (1995, Jafar Panahi); filem ini mengisahkan usaha dan azam seorang kanak-kanak perempuan yang kehilangan wangnya untuk membeli seekor ikan emas serta bagaimana wang itu diperolehi semula dengan pertolongan dan semangat kemasyarakatan yang ditonjolkan oleh penduduk di sekitarnya. Filem lain seperti filem dari Morocco, *MOHAMMAD, MESSENGER OF GOD* (1976, Moustapha Akkad); kronologi kisah kehidupan nabi Muhammad SAW dan kisah yang mengangkat kredibiliti Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah, filem keluaran Egypt, *EL NASER SALAH EL DINE - SALADIN* (1963, Youssef Chahine); kisah pahlawan Islam iaitu sebuah filem sejarah Islam yang diadaptasi dari kisah benar pahlawan yang menentang tentera

---

<sup>143</sup> Abdul Ghani Shamsuddin (1990), "Konsep seni dalam Islam" (Seminar Islam dan Kesenian, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 5-8 November), h. 9



salib untuk membebaskan Bandar āl-Qūḍṣ tempat suci umat Islam, filem keluaran Indonesia, *KETIKA CINTA BERTASBIH* (2009, Chaerul Umam); adaptasi dari novel Habiburrahman El Shirazy; kisah perjuangan seorang penuntut di Universiti al-Azhar yang berjuang menuntut ilmu Allah dan dalam masa yang sama bertanggungjawab menyara keluarganya di Indonesia. Filem-filem tersebut antara filem yang mempunyai nilai moral dan peradaban yang tinggi dan dimanipulasi dengan cemerlang untuk menyalurkan mesej yang baik sekaligus menafikan unsur yang merosakkan kepada penonton.

Siti Rugayah Haji Tibek (1999) dalam tesis kedoktorannya menyatakan bahawa drama atau filem dakwah memberi kesan yang baik kepada penonton. Ini kerana, penghasilannya dapat memberi kesedaran kepada mereka untuk menjadi Muslim yang baik dan sedar akan tanggungjawab yang perlu dipikul. Ia juga antara lain dapat menjadi medium untuk memperbetulkan akidah Islam.<sup>144</sup> Oleh itu, drama atau filem dakwah mempunyai potensi yang besar untuk dimanfaatkan sebagai medium dakwah.

Islam merupakan sebuah agama yang realistik, anjal dan berupaya menyesuaikan sesuatu perkara dengan keadaan semasa. Islam bukan sebuah agama yang keras dan membataskan tujuan hidup pada beribadat sahaja. Allah menciptakan manusia agar mereka bersenang-senang, ketawa dan bermain sebagaimana diciptakan bagi manusia keinginan makan dan minum.<sup>145</sup> Oleh yang demikian, Islam tidak menghalang umatnya untuk berhibur atau melakukan apa jua perkara dengan syarat tidak melebihi batas-batas syariat.

---

<sup>144</sup> Siti Rugayah Haji Tibek (1999), 'Peranan Drama dalam Dakwah: Kajian Drama Dakwah TV1 dan TV3', (Tesis Doktor Falsafah Universiti Malaya), h. 266

<sup>145</sup> Yusuf al-Qardhawi (1995), *Halal dan Haram dalam Islam* (terj. Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Islamiyah Pte Ltd., h. 471

Firman Allah SWT:

يَبْنِيْءَ اٰدَمَ خُذُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوْا وَاشْرَبُوْا  
وَلَا تُسْرِفُوْا ۚ اِنَّهٗ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِيْنَ ﴿٣١﴾

(Sūrāḥ al-‘Ārāf, (7): 31)

*“Hai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah di setiap (memasuki) masjid, makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan.”*

Oleh itu, seni dalam Islam perlu dilakukan atas dasar ‘Seni Kerana Allah’ dan bukanlah untuk memperjuangkan ‘Seni untuk Seni’ sebagaimana yang didokong oleh kebanyakan penggiat seni terutama di barat. Ralph Stephenson (1989) menjelaskan bahawa konsep ‘art for art’s sake’ merupakan hasil seni yang berusaha untuk imitate segala bentuk dan situasi sekeliling yang bersifat realiti. Tiada sebarang syarat dikenakan dalam menentukan had kesenian kerana segala yang terhasil dari karya tersebut merupakan suatu seni yang indah.<sup>146</sup> Sedangkan Islam tidak membenarkan sebarang usaha peniruan untuk diaplikasikan dalam seni kerana projek seni Islam melalui proses-proses penafsiran, penilaian dan penjelasan kepada sesuatu aspek yang boleh diambil daripadanya.<sup>147</sup>

Adapun ‘Seni Kerana Allah’ boleh diperjelaskan melalui ‘Teori Ṭakmilāḥ’ yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar. Teori ini membincangkan berkaitan karya sastera yang bertujuan mengangkat sifat-sifat kesempurnaan Allah SWT sebagai Pencipta dan

<sup>146</sup> Stephenson, Ralph (1989), *The Cinema as Art*. London: Penguin Books, h. 17

<sup>147</sup> Abu Hassan Hasbullah (2006), *op. cit.*, h. 17

Tuhan sekalian makhluk di bumi ini.<sup>148</sup> Maka, sifat kesempurnaan Allah menjadi satu sandaran kepada makhluk untuk berkreativiti secara sempurna dan indah dan berusaha menjadi insan kamil yang menuju kepada tanggungjawab sebagai khalifah Allah.<sup>149</sup>

Teori ini juga menitikberatkan sifat *ṭākmīlāḥ* yang perlu ada dalam kandungan sesebuah karya. Kandungan sesebuah karya yang baik perlu memiliki sifat *ṭākmīlāḥ* dari segi zahir (lahiri) atau tersirat (maknawi). Aspek yang zahir ialah teknik pengkaryaan seperti plot, watak, diksi, nada, asonasi dan ciri-ciri yang dapat dilihat dengan jelas. Manakala, aspek yang tersirat pula ialah isi, tema, idea, mesej, sudut pandang dan sebagainya.<sup>150</sup> Maka, karya-karya yang bersifat sempurna ini merupakan manifestasi dalam mengungkap sifat *Jāmāl* Allah (keindahan Allah) yang mencerminkan sifat Maha Sempurna-Nya.<sup>151</sup>

Pengkarya Muslim membawa mesej kesempurnaan Islam dalam pelbagai aspek. Maka, teori ini mengimplementasi tiga unsur penting dalam Islam yang dapat melahirkan hasil karya dan pengkarya yang sempurna iaitu akidah, syariah dan akhlak.<sup>152</sup> Malah, mesej-mesej ini perlu disampaikan dengan ungkapan-ungkapan yang baik sebagaimana nila dan ciri estetika yang wujud dalam al-Quran sebagai sumber utama bagi mesej Islam. Ciri-ciri ini merupakan usaha mencapai *ṭākmīlāḥ* dalam berkarya.<sup>153</sup>

Pemahaman terhadap konsep ini dapat membantu masyarakat supaya tidak melanggar atau melampaui batas dan tata cara Islam kerana manusia hanya berperanan

---

<sup>148</sup> Shafie Abu Bakar (1996), "Takmilah:Teori, Falsafah dan Prinsip", *Dewan Sastera*, bil. 11, jil. 26, h. 26

<sup>149</sup> Ummi Hani (2011), 'Drama Dakwah di Malaysia: Kajian tentang Proses Penulisan Skrip', (Disertasi Universiti Malaya), h. 53

<sup>150</sup> Shafie Abu Bakar (1996), *loc. cit.*, h. 30.

<sup>151</sup> *Ibid.*, h. 26

<sup>152</sup> *Ibid.*, h. 29

<sup>153</sup> Shafie Abu Bakar (1997), "Estetika dan Takmilah", (Seminar Seni dan Sastera Melayu, Pulau Langkawi, Kedah, 25-27 April), h. 3-4

sebagai hamba Allah yang hanya mengharapkan daya dari Allah SWT yang memiliki segala kesempurnaan. Dalam hal ini, umat Islam dipandang sebagai umat yang memiliki sikap *wāṣāṭiyyah* dalam kehidupan sehari-harian mereka.

Firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا

(*Ṣūrāḥ āl-Bāqārāḥ*, (2):134)

*“Dan demikian (pula) kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan..”*

Seni merupakan satu yang abstrak dan mampu menarik perhatian manusia. Seni juga mampu bermain dengan jiwa dan perasaan manusia. Oleh sebab itu, pendekatan seni dalam dakwah merupakan suatu pendekatan sesuai untuk diaplikasikan. Penggunaan unsur hiburan dan kesenian untuk tujuan berdakwah mula diaplikasikan sejak dulu lagi. Ini dapat diperhatikan menerusi pengislamisasian seni wayang kulit dan seni suara yang telah digunakan oleh Wali Songo di kepulauan Jawa sebagai pendekatan untuk menarik perhatian dan mempengaruhi sasaran dakwah pada zaman tersebut.<sup>154</sup>

Kesenian merupakan antara media dakwah yang efektif dan sesuai untuk semua golongan sasaran. Perkembangan media komunikasi khususnya filem merupakan antara hiburan yang dekat dengan masyarakat. Sebagai salah sebuah medium komunikasi, filem berupaya mempengaruhi dan menyalurkan mesej dan informasi. Kewujudan dan kemajuannya membolehkan mesej dakwah juga turut disampaikan melalui pendekatan tersebut. Ia terselit pelbagai manfaat yang boleh memberi sumbangan kepada Islam. Ia

---

<sup>154</sup> Ab Aziz Mohd. Zin (2001), *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 74-76

juga boleh dianggap sebagai mekanisme jihad masa kini, alatan untuk nasihat-menasihati dengan kesabaran dan kebenaran serta medan bagi *āmār mā'rūf* dan *nāhī mūnkār*. Oleh yang demikian, ia juga merupakan salah satu medium alternatif yang boleh diaplikasikan oleh pendakwah.

Perbincangan berkaitan filem dan agama turut menjadi antara topik penyelidikan dan kajian di barat. Tambahan, golongan tersebut telah mengiktiraf satu bentuk agama dalam filem iaitu *religion genre*. Walau bagaimanapun, filem-filem bercorak keagamaan ciptaan barat lebih menumpukan usaha mempromosi agama kristian yang secara tidak langsung menyentuh aspek yang berkaitan Jesus Chirst.<sup>155</sup>

*Film has two main approaches to religion and so we divide the course into two sections. First, there are films on religious topics, which can be subdivided into biblical stories, such as The Ten Commandments(1956) and Jesus Christ Superstar (1973), and religious stories, such as Brother Sun, Sister Moon (1973). Second, there are essentially secular films that use religious imagery and symbolism for a variety of purposes. These purposes include narrative structure (The Rapture [1991]), social commentary (The Exorcist [1973]), and political persuasion (When Worlds Collide [1951])....*

Aspek ini jelas terkeluar dari teori sastera Islam yang ditampilkan dalam filem-filem dakwah. Nurazmi Kuntum (1991) menggariskan tiga teori sastera Islam yang boleh dijadikan asas penting dalam pembikinan sebuah karya Islam iaitu:<sup>156</sup>

a) Teori manusia sempurna (*tākmlāh*) yang membincangkan berkaitan usaha yang perlu dilakukan oleh pengkarya sastera Islam untuk meningkatkan diri ke arah kesempurnaan sendiri.

---

<sup>155</sup> Paul V. M. Flesher & Robert Torry (1998), "Teaching Religion and Film", bil. 2, no. 3, *Journal of Religion and Film* <http://www.unomaha.edu/jrf/Fleshart.htm>, 1 Januari 2012. Lihat juga, Gregory J. Watkins (2008), "Teaching Religion and Film", *Journal of Religion and Film*, <http://www.unomaha.edu/jrf/BookReviews/FieldingWatkins.htm>., 1 Januari 2012

<sup>156</sup> Nurazmi Kuntum (1991), *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 216-218

b) Mengandung mesej dakwah yang mampu menggalakkan amalan kebaikan dan memerangi amalan kekufuran.

c) Karya yang mampu menghubungkan manusia sesama manusia dalam kerangka yang ditetapkan Allah dan karya yang mampu menghubungkan manusia dengan pencipta-Nya iaitu Allah SWT.

Kerangka teori filem dakwah yang mengangkat filem sebagai *āl-Riṣālāh* yang dipelopori oleh Abu Hassan Hasbullah (2006) juga boleh dijadikan satu parameter dalam membincangkan aspek filem dakwah. Filem bukan hanya dihasilkan rentetan daripada realiti masyarakat yang berlaku dan bagaimana minat, kondisi, kejayaan dan tata cara hidup manusia dijadikan subjek untuk menghasilkan filem. Unsur-unsur realisme, formalisme, naturalisme, eksperimentalisme yang menjadi teori-teori barat perlu dibuat sedikit penghijrahan atau diasimilasikan agar ia memberi satu nilai tambah dan memberi keistimewaan kepada filem dakwah. Teori filem dakwah menghargai manusia sebagai suatu ciptaan yang agung dan sentiasa disandarkan kepada yang Maha Agung.<sup>157</sup>

Teori filem sebagai *āl-Riṣālāh* mempunyai bentuk dan kandungan yang mampu menegakkan keimanan, megukuhkan ketaqwaan dan berusaha mempertahankan kebenaran dan keadilan. Ini kerana media ini adalah sebuah media yang sarat dengan mesej-mesej etika, akhlak dan cara interaksi Muslim yang bersesuaian dengan kesucian dan adab-adab Islam. Maka, mesej-mesej yang menyalurkan fitnah, kepalsuan, isu murahan dan kezaliman merupakan media yang tidak dikira sebagai media Islam dan

---

<sup>157</sup>Abu Hassan Hasbullah (2006), "Filem sebagai ar-Risalah-Menemukan Keimanan dan Kebajikan Dramaturgi Wayang Gambar Melayu", *op. cit.*, h. 11-12

tidak diyakini untuk menyampaikan mesej Islam.<sup>158</sup> Oleh kerana media Islam merupakan media yang bersifat *āl-Riṣālāh* maka, ia menjadi antara medium dakwah yang menyampaikan mesej Islam dalam konteks yang lebih bersih, aman dan tenang dari sebarang bentuk kepalsuan dan penipuan.

Pandangan Muhammad Qutb yang dikumpulkan dalam Abdul Ghani Shamsuddin (1990) menjelaskan bahawa filem dakwah (Islam) ialah filem yang boleh menimbulkan kefahaman terhadap Islam kepada golongan individu dan masyarakat dalam konteks alam kehidupan, realiti, peristiwa serta dalam konteks yang lebih luas mampu menampilkan segala hakikat peristiwa berdasarkan bahasa yang indah dan menemukan aspek kehidupan berteraskan *ṭāṣāwwūr* Islam.<sup>159</sup>

Islam agama yang indah. Maka, ia tidak menjadikan hidup ini kaku dan kosong tanpa warna-warni kehidupan yang diselangi dengan hiburan dan keseronokan, dengan syarat, matlamat hidup sebenar tidak diketepikan. Perkara ini dapat dilihat menerusi hadis-hadis nabi yang tidak melarang kesenian dan hiburan dalam kehidupan.

Antaranya, menerusi hadis riwayat Bukhari:

قالت الربيع بنت معوذ بن عفراء : جاء النبي ( ص ) فدخل حين بنى علي ، فجلس على فراشي كمجلسك مني ، فجعلت جويريات لنا يضربن بالدف ويندن من قتل من آباني يوم بدر إذ قالت إحداه ن : وفينا نبي يعلم ما في غد ، فقال : ((دعي هذه وقولي بالذي كنت تقولين))<sup>160</sup>

( رواه البخاري )

<sup>158</sup> Abu Hassan Hasbullah (2011), "Dakwah Menerusi Media Baru", (Bicara Dakwah kali ke 10. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 17

<sup>159</sup> Abdul Ghani Shamsuddin (1990), *op. cit.*, h. 32

<sup>160</sup> Ṣaḥīḥ Būkhārī, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Ḍarabā al-Ḍūf al-Nikāḥ wa al-Walīmāḥ, ḥādīṣ no. 5147, ḥ. 445, Ṣalīḥ bin 'Ābd Āzīz bin Mūḥammād bin Ibrāḥīm (1999), *al-Kitāb al-Ṣiṭṭāḥ*. Rīyāḍḥ: Dār al-Sālām lil al-Nāṣyr wa al-Ṭāwzi.

*Maksudnya: Rābī' bīntū Mū'āwwīz ibn 'Āfrā' berkata: Nabi SAW datang ke majlis perkahwinanku, lalu Baginda duduk di tempat tidurku seperti engkau duduk. Beberapa orang gadis memukul kompang dan menyanyikan lagu kesedihan mengenang bapa mereka yang terbunuh semasa peperangan Badar, sehingga salah seorang mereka berkata: "Di sisi kami ada seorang nabi yang mengetahui apa yang akan berlaku pada hari esok". Baginda bersabda: "Jangan engkau berkata begitu, katalah apa yang engkau katakan sebelum itu."*

Antara hadis lain yang menunjukkan bahawa nabi SAW tidak melarang hiburan dan kesenian. Sepertimana yang diriwayatkan oleh Bukhari dari 'Aisyah r.a:

عن عائشة أنها زفت امرأة الى رجل من الأنصار فقال النبي (ص): يا عائشة ما كان معكم لهو فإن الأنصار يعجبهم اللهو<sup>161</sup>  
(رواه البخاري)

*Maksudnya:Seorang wanita berkahwin dengan lelaki Ansar, Baginda SAW Bersabda:“Wahai Aisyah! mengapakan tiada bersamamu hiburan? Orang Ansar sukakan hiburan.*

Berdasarkan kedua-dua hadis tersebut, jelas menunjukkan bahawa seni merupakan antara aspek hiburan yang tidak dilarang. Tambahan, Islam juga bukanlah agama yang ganas dan bersifat serius. Islam itu bersifat mudah dan universal. Atas aspek keuniversalan yang ada pada Islam, ia boleh disesuaikan pada sasaran dalam apa jua keadaan.

Namun, dalam membenarkan sesuatu aspek atau perkara, Islam juga meletakkan garis panduan supaya manusia tidak tersasar dari landasan yang telah digariskan. Ia penting supaya manusia tidak sampai menzalimi diri mereka yang akhirnya menjerumuskan mereka ke lembah kemusnahan.

<sup>161</sup> Ṣaḥīḥ Būkhārī, Kitāb al- Nīkāḥ, Bāb Nīṣwāḥ allatī yāḥdīnā al- Mār'ah ilā zāwījīḥā wā dū'āilḥinnā, no. ḥādīṣ 5162, ḥ. 446, Ṣāliḥ bin 'Ābd Āzīz bin Mūḥammād bin Ībrāḥīm (1999), *al-Kitāb al-Ṣiṭṭāḥ*. Rīyāḍḥ: Dār al-Ṣalām lil al-Nāsyir wā al-Ṭāūzī'.



Memetik kenyataan Raja Azmi dalam temubual yang dilakukan dengan akhbar Utusan Malaysia yang mendakwa filem arahan terbarunya *Anu Dalam Botol* (2011, Raja Azmi)<sup>162</sup> sebagai filem dakwah<sup>163</sup>;

*“Saya mahu paparkan adegan itu untuk ditatap kepada umum. Ia menyampaikan mesej bahawa cinta sejenis adalah salah. Dilarang dalam Islam. Saya nak tunjukkan bagaimana kesalnya seseorang lelaki itu apabila dia membuang kemaluan dia. Benda tu salah. Saya tak mahu lebih ramai "lelaki" yang sanggup buang anu mereka. Saya nak tonjolkan penyesalan supaya mereka yang ada cita-cita nak buat benda tak baik itu akan berfikir dua kali tindakan tersebut. Itulah dakwah saya tetapi melalui filem.”*

Dalam hal ini, adakah kenyataan yang tersebut sesuai diambil sebagai panduan dalam menentukan ciri-ciri dalam sesebuah filem dakwah? Adakah Islam membenarkan suatu usaha dakwah dicampuradukkan dengan sesuatu perilaku yang diharamkan dalam Islam untuk membentuk suatu pengajaran kepada masyarakat?

Asri Zainul Abidin (2010) menjelaskan bahawa Islam bukanlah agama yang jumud yang hanya menuntut agar filem dakwah yang dihasilkan perlu meletakkan suatu personaliti ‘lebai’ atau sentiasa berkopiah atau dipenuhi dengan bacaan nas al-Quran semata-mata untuk tujuan dakwah. Usaha menampilkan aspek-aspek tersebut dalam menonjolkan sebuah filem dakwah tidak bermakna tidak melanggar batas syariat. Namun, perkara yang penting ialah aspek penampilan kandungan yang berdisiplin perlulah dipraktikkan. Sebuah filem dakwah juga tidak perlu steriotaip sehingga tidak dapat dipasarkan kepada generasi baru. Dalam hal ini, pendekatan yang relevan dengan

---

<sup>162</sup> Filem yang berkisar mengenai kehidupan cinta sejenis pasangan lelaki itu memestikan pelakon lelaki melakukan adegan berlaga hidung, bercium mulut, meraba serta beberapa aksi separuh bogel di ranjang. Lihat, Utusan Malaysia Online, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0118&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0118&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_02.htm), 9 Mac 2010.

<sup>163</sup> *Ibid.*

minat masyarakat perlulah diseimbangkan dengan syariat.<sup>164</sup>

Siti Rugayah Tibek (1999) telah memetik beberapa pandangan ulamak berkaitan memasukkan unsur jahat dalam drama dakwah. Perkara tersebut diharuskan dengan niat memberi pengajaran selagi tidak mengarahkan kepada maksiat seperti bersentuhan lelaki dan perempuan dan pendedahan aurat.<sup>165</sup>

Kesimpulannya, dakwah menerusi medium filem merupakan pendekatan yang perlu diaplikasikan. Ia merupakan suatu bentuk alternatif yang memberi kemudahan kepada sesebuah mesej dakwah disampaikan dalam konteks yang lebih mempengaruhi dan menarik perhatian. Oleh itu, kemudahan ini perlulah dimanipulasikan sebagai sebuah jambatan dalam menghubungkan manusia dengan penciptanya yakni Allah SWT. Usaha ke arah mengislamisasikan medium ini menjadi medan penyebaran maklumat Islam adalah penting. Namun, penentuan garis panduan dan penetapan nilai yang sewajarnya dalam sesebuah filem dakwah perlulah diambil kira dan diberi perhatian supaya mesej Islam yang disampaikan tidak dicampuradukkan dengan aspek-aspek yang bercanggah dengan tuntutan syara'.

## 2.8 Elemen-Elemen Filem Dakwah

Sesebuah filem dihasilkan menerusi beberapa elemen. Elemen utama dalam sebuah filem ialah skrip atau lakon layar. Skrip atau Lakon layar ialah sebuah cerita bergambar yang mempunyai bahagian permulaan, pertengahan dan pengakhiran.<sup>166</sup> Daripada sebuah teks naskah, ia seterusnya akan diterjemahkan ke dalam bentuk realiti mengikut daya kredibiliti dan kreativiti seorang pengarah filem. Pada tahap ini, pengarah akan

---

<sup>164</sup> Mohd Asri Zainul Abidin (2010), *Mengemudi Bahtera Perubahan Minda*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 165.

<sup>165</sup> Siti Rugayah Haji Tibek (1999), *op. cit.*, h. 312

<sup>166</sup> Syd Field (1993), *op. cit.*, h. 1

memastikan setiap plot yang dihasilkan dapat membentuk sebuah jalan cerita yang menarik. Ia dibantuk dengan gerakan kamera, ambilan ‘*shot*’ dan perkara-perkara teknikal semasa penggambaran adalah di bawah tanggungjawab seorang pengarah. Zabidi Mohamed (2009) yang diambil dari Umm Hani Abu Hassan (2010), mengatakan bahawa naskah skrip bukan sekadar dialog semata-mata tetapi ia juga mengandungi visual, sub-teks, audio, muzik dan latar yang menjadi sebahagian unsur daripadanya<sup>167</sup>.

Sesebuah filem yang dihasilkan juga tidak hanya bergantung kepada skrip dan pengarah. Ia turut dihidupkan oleh watak-watak yang menggerakkan jalan ceritanya. Watak adalah antara asas dalam lakon layar, ia merupakan nadi dalam sebuah penceritaan.<sup>168</sup> Maka, watak boleh difahami sebagai pelakon yang berperanan untuk menggerakkan sebuah penceritaan.

Siti Rugayah Haji Tibek (1999), sewaktu membincangkan berkaitan drama dakwah telah menyatakan bahawa untuk menghasilkan sebuah drama dakwah yang bermutu dan berkualiti kepakaran menjadi satu perkara yang sangat penting. Semua individu yang terlibat seperti produser, penulis skrip, pengarah, pelakon dan semua krew yang terlibat perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi di samping mendalami ajaran Islam dan terus dibimbing oleh pendakwah yang memahami ajaran Islam keseluruhannya.<sup>169</sup>

Maka, filem dakwah bukan sekadar filem yang dihasilkan berlatarbelakangkan Islam semata-mata. Ini kerana, filem dakwah merupakan karya sastera Islam yang menitikberatkan aspek kemurniaannya bermula daripada pemilihan skrip, penulis skrip serta aspek pengarahan filem yang mempunyai ciri-ciri tersendiri. Kesemua aspek ini

---

<sup>167</sup> Ummi Hani (2010), *op. cit.*, h. 57

<sup>168</sup> Syd Field (1993), *loc. cit.*, h. 17

<sup>169</sup> Siti Rugayah Haji Tibek (1999), *op. cit.*, h. 304

perlu diberi penelitian agar filem dakwah yang dihasilkan mempunyai kualiti dan kesan terbaik dalam menyampaikan mesej Islam kepada penonton.

### **Penulis Skrip:**

Elemen pertama yang dititikberatkan dalam filem dakwah ialah pemilihan penulis skrip. Penulis skrip yang bertindak sebagai penulis Islam mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menghasilkan skrip yang memiliki nilai Islam yang tinggi. Sebagai seorang penulis Islam juga, penulis skrip perlu memiliki daya kreativiti yang baik bagi menghasilkan sebuah skrip dakwah yang mampu menarik minat masyarakat untuk menonton. Daya kreativiti yang dimaksudkan ialah pengaplikasian teknik yang menarik untuk menjadikan sebuah karya filem tidak bosan untuk ditonton dan dalam masa yang sama mampu memberi kesan yang mendalam kepada khalayak.

Setiap penulis skrip akan menulis mengikut ideologi dan pemikiran yang dipengaruhinya. Pemikiran tersebut akan turut mempengaruhi aspirasi si penulis. Maka, kita dapat menilai sama ada karya yang dihasilkan tersebut terpengaruh dengan idea yang datang dari ruang lingkup realisme, formalisme, absurdisme dan sebagainya.<sup>170</sup>

Maka, seorang penulis skrip dakwah juga memiliki aspirasi dan ciri-ciri tertentu untuk digarap dalam filem dakwah yang dihasilkan. Apakah penulis filem dakwah Islam juga perlu dipengaruhi oleh aliran dan pemikiran yang sedia ada atau perlu berlandaskan pada suatu had atau pegangan? Lantas, bagaimanakah ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang penulis sastera Islam? Adakah sebuah skrip drama Islam boleh menerima idea dan karya dari penulis yang bukan Islam?

---

<sup>170</sup> A. Rahman Napiah (2006), "Teori Penulisan Teks Drama: Pemikiran dalam Wacana Sejagat dan Kontekstual Budaya", (Seminar Penulisan Dramatikm Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, Kuala Lumpur, 2-3 Disember), h.3

Bagi menjawab persoalan ini, pandangan dari beberapa sasterawan negara boleh diambil kira. S. Othman Kelantan (1997), menyatakan bahawa sastera Islam ialah sastera yang perlu melengkapkan ciri-ciri Islam dan suci dari dicampuri perkara-perkara yang melanggar nilai Islam. Oleh yang demikian, ia perlu ditulis oleh penulis Islam yang beriman dan taat pada Allah. Namun, bagi sastera berunsur Islam pula, ia ditulis oleh orang Islam atau bukan Islam yang mempunyai nilai-nilai Islam di dalamnya. Adapun sastera yang berkisar masyarakat Islam pula ialah sastera yang ditulis oleh penulis Islam yang hidup dalam suasana masyarakat bukan Islam. Walau bagaimanapun, karya-karya berunsur Islam perlulah menyembunyikan dan membataskan realiti yang buruk dan disampaikan secara sederhana dan berlapik.<sup>171</sup> Menerusi pandangan tersebut, jelas menunjukkan bahawa sastera Islam dan sastera yang berunsur Islam masing-masing menampilkan mesej berkaitan Islam. Walau bagaimanapun, sastera Islam itu sendiri perlu dikendalikan oleh penulis Islam dan suci dari perkara yang boleh mengotori ciri-ciri Islam bermula dari proses pasca-penerbitan sehingga *post*-penerbitan berlangsung. Manakala, karya berunsur Islam masih boleh diterima sebagai wahana untuk menyampaikan mesej Islam selagimana karya yang dihasilkan tidak bertentangan dengan ciri dan nilai Islam seperti pendedahan realiti sebenar yang boleh memberi kesan negatif kepada budaya penontonan masyarakat seperti penonjolan aksi-aksi ranjang, unsur-unsur ganas, budaya songsang dan unsur-unsur kejahatan yang boleh menjejaskan filem yang membawa imej Islam.

Ismail Hamid (1993) turut menyatakan bahawa sastera Islam yang dihasilkan oleh seorang Muslim boleh memberi kesan yang positif kepada masyarakat. Ini kerana identiti seorang Muslim yang baik dari segi amalannya dan pelaksanaan nilai hidup

---

<sup>171</sup> S. Othman Kelantan (1997), "Ciri Penulis Sastera Islam", *Dewan Sastera*, Ogos, jil. 27, bil. 8, h. 34

Islam mampu mengubah paradigma masyarakat dalam menilai sebuah karya Islam. Ada pun, karya Islam yang dihasilkan oleh orang yang bukan Islam akan cenderung ke arah hipokrasi terhadap Islam kerana mereka melakukannya dengan daya imaginasi semata-mata. Keadaan ini akan menghasilkan sebuah karya yang tidak memenuhi sifat sebuah karya Islam yang sebenar.<sup>172</sup>

Ternyata kedua-dua pandangan yang dikeluarkan bersetuju bahawa penghasilan karya sastera Islam perlulah dikendalikan oleh seorang Islam bagi menjamin kredibiliti karya Islam itu sendiri. Oleh yang demikian, penulis-penulis Islam yang menghasilkan sebuah karya Islam perlulah komited dan berusaha menjadikan diri mereka seorang Muslim yang sejati agar karya yang dihasilkan mampu memberi impak kepada masyarakat.

Seorang penulis Islam perlu mengukuhkan diri dan identiti keIslaman dalam diri mereka dengan ilmu dan sahsiah yang tinggi. Berpaksikan pada nilai yang tinggi, seorang penghasil karya-karya Islam perlu melengkapkan diri mereka dengan asas-asas keilmuan Islam khususnya dari aspek akidah, syariat dan tasawwuf serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Selain itu, mereka juga perlu mempunyai ilmu-ilmu tambahan bagi melengkapkan pakej sebagai seorang pengkarya Islam.<sup>173</sup> Seseorang pengkarya Islam bukan sahaja perlu mahir dalam bidang agama tetapi mereka perlu melengkapkan pengetahuan mereka tentang ilmu-ilmu dalam lapangan lain agar ia dapat membantu untuk memberi sedikit idea kepada mereka perihal yang berlaku dalam masyarakat. Perkara ini lebih memudahkan mereka untuk menghasilkan karya Islam yang lebih dekat dengan masalah sasaran.

---

<sup>172</sup> Ismail Hamid (1993), "Konsep, Teori dan Prinsip Sastera Islam", *Dewan Sastera*, Ogos, jil. 23, bil. 8, h. 8

<sup>173</sup> Shafie Abu Bakar (1997), "Sastera Islam", *Dewan Sastera*, Disember, jil. 27, bil. 12, h. 8&9

Aspek ini juga pernah disentuh oleh Yusuf āl-Qārdhāwī sebagaimana yang ditulis oleh Ab. Aziz Mohd. Zin (2006) bahawa pendakwah masa kini perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu masa lain seperti ilmu sains, teknologi dan astronomi untuk kepentingan dakwah.<sup>174</sup> Kelebihan-kelebihan daripada pengetahuan yang ada ini dapat memberi nilai tambah kepada para pendakwah untuk mempergiatkan usaha dakwah ke arah yang lebih dinamik.

Selain itu, seorang penulis sastera Islam perlu mempunyai ciri-ciri tertentu agar kreadibiliti sebagai penulis Islam tidak dipertikaikan. Abdul Ghani Samsudin(1995) menyatakan bahawa penulis Islam perlu mempunyai jati diri yang kuat dan komited terhadap nilai-nilai asas seperti keimanan yang kuat pada Allah, takwa, adil dan persaudaraan, bantu membantu dan nilai-nilai mulia yang harus dipupuk<sup>175</sup>. Nilai dan identiti Islam yang kuat dalam diri seseorang penulis Islam akan menghasilkan karya Islam yang mempunyai roh dan nilai yang baik serta mampu memberikan kefahaman yang benar kepada masyarakat.

Penulis skrip yang berperanan sebagai pengarang perlu mempunyai ideologi tersendiri dalam menghasilkan isi teks. Ideologi yang terbina akan membezakan ciri seorang pengarang dengan yang lainnya. Maka, sebagai seorang penulis skrip dakwah, ideologi pengarang perlu diasaskan kepada ideologi Islam agar karya yang dihasilkan tidak lari dari standard dari garis panduan Islam yang sedia ada.<sup>176</sup>

---

<sup>174</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 49

<sup>175</sup> Abdul Ghani Shamsuddin (1995), "Penulisan dan Nilai-Nilai Islam", (Seminar Kebangsaan Etika dalam Penulisan dan Kewartawanan, Kuala Lumpur, 28-29 Oktober), h. 7

<sup>176</sup> A. Rahman Napiah (2006), *op. cit.*, h. 10

Zawawi Ahmad (1995), menggariskan empat peranan seorang penulis Muslim iaitu bertanggungjawab untuk menjelaskan kebenaran, sentiasa berwaspada dalam usaha menyampaikan sesuatu idea, bijak menyaring maklumat yang diterima dan perlu bertindak balas dalam memerangi serangan musuh dan memperbetulkan salah faham yang berlaku dalam masyarakat terutama menerusi media massa yang ada.<sup>177</sup> Sastera Islam yang dihasilkan oleh penulis yang komited akan menghasilkan bukan sekadar idea yang berkualiti malah mampu dihayati dengan baik oleh masyarakat. Oleh itu, penulis Islam perlulah menjauhkan diri dari nilai-nilai yang negatif agar identiti mereka sebagai penghasil karya Islam tidak dipandang enteng malah merencatkan proses dakwah kepada masyarakat. Penulis Islam yang hidupnya melawan hukum Allah akan melahirkan idea-idea yang menurut acuan pemikirannya sahaja lantas berpotensi untuk berbohong terhadap dirinya dan orang lain<sup>178</sup>.

Selain itu, penulis yang menjauhkan diri mereka dan melepaskan diri dari ikatan Iman dan nilai Islam serta menumpukan penulisan ke arah karya yang melambangkan budaya negatif dan tidak sihat seperti pemujaan arak, perempuan, paparan adegan-adegan lucah serta karya yang boleh merendahkan pejuang-pejuang Islam antara contoh karya yang berbentuk sekular dan dangkal. Karya-karya sebegini perlulah diperangi kerana mampu memberi impak negatif terhadap Islam.<sup>179</sup>

Penulis Islam perlulah kembali kepada tujuan hidup yang sebenar iaitu tujuan diciptakan manusia di atas muka bumi ini untuk beribadat pada Allah. Oleh itu, setiap hasil karyanya perlulah sentiasa kukuh di atas landasan moral dan akhlak Islam dan bukannya mengikut keindahan dan tuntutan nafsu dan emosi yang menyimpang dari

---

<sup>177</sup> Zawawi Haji Ahmad (1995), "Etika Menurut Kaca Mata Islam", (Seminar Kebangsaan Etika dalam Penulisan dan Kewartawanan, Kuala Lumpur, 28-29 Oktober), h. 8&9

<sup>178</sup> Awang Yahya Haji Ibrahim, Haji (1993), "Persoalan Akhlak dalam Sastera", (Simposium Serantau Sastera Islam, Universiti Brunei Darulssalam, 16-18 November, bil. 1), h. 13

<sup>179</sup> Abdul Ghani Shamsuddin (1995), *op. cit.*, h. 8



akhlak Islam yang sebenar. Akan tetapi, ia perlulah lahir dari keindahan karya yang sentiasa tunduk pada keindahan yang diredhai Allah.<sup>180</sup>

Oleh yang demikian, penglibatan para dakwah secara komited dalam membangunkan Islam perlu lebih kreatif terutama bagi pendakwah yang memilih medium ini sebagai alternatif untuk menyalurkan mesej dakwah mereka. Maka, kesungguhan tersebut perlu diberikan terhadap penghasilan idea dan skrip yang lebih menarik agar lebih banyak filem dakwah yang berkualiti akan dihasilkan pada masa akan datang.

### **Skrip Filem:**

Elemen kedua dalam menghasilkan filem dakwah ialah penghasilan skrip. Skrip antara elemen penting dalam penghasilan drama, teater dan filem. Justeru, sudah semestinya penghasilan skrip perlu dititikberatkan sebelum sesebuah filem dihasilkan. Skrip filem merupakan naskah atau teks yang mengandungi jalan cerita sesebuah filem. Sebagai naskah utama, skrip merupakan antara instrumen penting yang menghasilkan plot dalam filem. Oleh yang demikian, kualiti sebenar sebuah filem Islam bergantung kepada kualiti dan nilai dalam penulisan sesebuah skrip.

Skrip bagi sesuatu filem lebih bekualiti sekiranya ditulis oleh seorang yang profesional di dalam industri. Ia juga boleh dihasilkan oleh pengarah sendiri dan secara bersama dengan pemberi idea asal sesebuah filem. Ia boleh didapati melalui pelbagai sumber seperti kehidupan seharian rakyat, novel, khayalan dan ilham.<sup>181</sup>

---

<sup>180</sup> Mohammad Haji Abd. Rahman, Haji (1993), "Seni Islam : Pengertian dan Penghayatan", (Simposium Serantau Sastera Islam, Universiti Brunei Darulssalam, 16-18 November), h. 27

<sup>181</sup> Harahap, Darwis (1993), , *Mengamati Filem Cereka*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 13-14

Skrip yang baik dalam menghasilkan karya sastra Islam boleh memberi manfaat kepada penonton. Oleh yang demikian, dalam menghasilkan sebuah naskah Islam, skrip dakwah perlulah melengkapinya ciri-ciri Islam dan menjauhi kekejian dan kemungkarannya. Dalam menghasilkan sebuah karya Islam yang berkualiti, ia mempunyai kaitan rapat dengan karakter penulis Islam itu sendiri. Pengkarya yang mempunyai nilai Iman dan Islam yang tinggi akan menghasilkan skrip yang lengkap dengan *mood*, persepsi, sensitiviti dan imaginasi yang berteras Islam. Karakter penulis itu sendiri yang akan mencetuskan ilham dalam menghasilkan sesebuah skrip yang baik. Ia memberi kelebihan dalam penghasilan sebuah skrip yang mempunyai nilai Islam yang tinggi.<sup>182</sup>

Gaya penulisan skrip yang menepati ciri penulisan Islam perlulah tidak lari dari nilai-nilai Islam dan dalam masa yang sama kreatif. Oleh yang demikian, skrip dakwah perlulah lahir dari karya-karya yang indah berkaitan alam, kehidupan dan manusia yang berasaskan tasawwur Islam itu sendiri. Tugas membangun karya Islam bukan suatu usaha yang mudah. Lantas, ia perlu disemai menerusi sistem nilai Islam yang bersifat universal, dilengkapi dengan ilmu dan kefahaman Islam yang mendalam untuk mengaplikasikannya dalam suasana realiti iaitu menerusi filem-filem yang dihasilkan.<sup>183</sup> Ini bererti, sastra Islam bukan karya yang bosan, beku dan tidak realistik. Akan tetapi, ia suatu karya yang bersifat realiti yang pada akhirnya tetap menekankan nilai yang suci dan mulia sebagaimana Islam itu sendiri. Maka, sebuah skrip dakwah bukan hanya sebuah skrip yang menekankan unsur-unsur kebaikan yang perlu dilakukan oleh masyarakat Islam. Akan tetapi, ia juga boleh diolah secara realiti iaitu dengan memasukkan adegan yang bersifat realiti seperti masalah sosial yang berlaku dengan syarat tidak melangkaui nilai-nilai Islam itu sendiri. Aspek penting yang perlu dihayati

---

<sup>182</sup> Shafie Abu Bakar (1997), *op. cit.*, h. 9

<sup>183</sup> Abdul Ghani Shamsuddin (1995), *op. cit.*, h. 7

ialah sejauh mana masyarakat boleh mengambil penghayatan dan pengajaran dari jalan cerita yang ditampilkan.

Penceritaan mengikut tatacara Islam ialah konsep yang bersifat *functional* iaitu jalan cerita yang dapat memberi iktibar dan mampu mendidik masyarakat secara internal mahupun *external* daripada peristiwa, plot dan perjalanan watak yang ada. Al-Quran sebagai sumber yang suci banyak menampilkan cerita-cerita yang boleh dijadikan panduan. Kisah-kisah para nabi seperti di zaman nabi Yusuf a.s yang telah digoda oleh Zulaikha disampaikan secara indah dan penuh pengajaran. Sifat mulia dan jujur yang ada dalam diri Nabi Yusuf a.s. berjaya menangkis dan menepis kemungkarannya dan kemaksiatan yang timbul dari godaan Zulaikha. Kisah tersebut memberi pengajaran yang baik kepada manusia agar mampu mempertahankan kebenaran dan kesucian Islam dalam apa jua keadaan yang berlaku.<sup>184</sup> Keikhlasan yang terpancar dari keperibadian Nabi Yusuf yang terus mempertahankan kesucian dirinya dan Islam berakhir dengan sebuah kemenangan apabila kemungkarannya yang dilakukan Zulaikha dapat dibuktikan. Selain kisah Nabi Yusuf a.s, terdapat banyak lagi kisah-kisah yang dinukilkan dalam al-Quran yang mampu dijadikan iktibar. Lantas, karya-karya Islam yang dihasilkan oleh penulis-penulis skrip dakwah perlu bersifat sedemikian dan disampaikan dengan cara yang indah dan penuh nilai-nilai estetika agar ia mampu menarik khalayak untuk menonton.

Shafie Abu Bakar (1997) berpendapat bahawa dalam menghasilkan sesebuah karya, nilai estetika iaitu keindahan dalam berkarya merupakan eset yang penting.<sup>185</sup> Sebuah karya Islam perlu dibina atas dasar estetika kerana seni Islam itu mengandungi nilai dan unsur yang indah-indah. Bahkan, karya Islam yang tidak mempunyai nilai

---

<sup>184</sup> Shafie Abu Bakar (1997), *op. cit.*, h. 11

<sup>185</sup> *Ibid.*

estetika tidak dapat dikategorikan sebagai sebuah karya sastra Islam yang berkualiti. Lantas, dalam mengaplikasi nilai keindahan dalam sesebuah karya, ia seharusnya akur pada sistem dan penilaian Islam.<sup>186</sup> Ini kerana seni Islam bukan seperti seni Barat yang hanya mengangkat nilai ‘seni untuk seni’ dan bebas menghasilkan karya atas nama seni walaupun karya tersebut menampilkan adegan yang buruk dan kotor. Nilai estetika dalam karya Islam perlulah dibangunkan atas dasar seni untuk Allah yang nilai akhirnya bertujuan menilai ciptaan Allah untuk memuja kebesaran-Nya.

Penulisan dan penghasilan karya Islam berubah dari hari ke hari. Perubahan itu juga termasuklah dari aspek tema dan pendekatan yang digunakan. Ia penting untuk mengekalkan kesegaran dalam penghasilan sebuah karya Islam. Skrip dakwah dan penghasilan filem dakwah juga perlu melalui perubahan yang serupa. Jika sastra tradisi yang berunsur Islam menggunakan tema dan persoalan yang hampir dengan Islam seperti ketuhanan, kenabian, penceritaan berkaitan orang-orang yang salih, kini tema-tema tersebut boleh berpindah kepada teknik dan pengolahan dalam aspek lain. Tema-tema kemanusiaan yang lebih bersifat sejagat boleh diaplikasikan dalam sesebuah karya. Walaupun ia tidak menggunakan tema Islam secara terus menerus, namun ia masih lagi berada dalam lingkungan Islam sekiranya nilai, akhlak dan penceritaan masih bersifat Islamiah.<sup>187</sup> Tema sastra yang berbentuk moden ini perlu masuk dalam karya-karya sastra seni Islam untuk menampilkan tema yang lebih pelbagai dan dalam masa yang sama masih ditunjangi oleh akar Islam yang kukuh agar karya seni Islam mampu bersaing dengan karya-karya lain.

---

<sup>186</sup> Ismail Hamid (1993), *op. cit.*, h. 7

<sup>187</sup> Shafie Abu Bakar (1993), “Sastra Islam di dalam Peradaban Ummah”, (Simposium Serantau Sastra Islam, Universiti Brunei Darulssalam, 16-18 November), h. 57

## **Pelakon Filem:**

Pelakon atau disebut sebagai aktor merupakan individu atau tokoh dalam sesebuah sandiwara.<sup>188</sup>

Darwis Harahap (1993), menyatakan pelakon sebagai individu yang berfungsi untuk menghidupkan jalan cerita. Pelakon terdiri di kalangan manusia atau bukan manusia seperti patung dan haiwan yang ‘dimanusiakan’. Pelakon perlu menghayati setiap aspek lakonannya sedari watak, gerak, dialog, perasaan dan rasa untuk menyampaikan jalan cerita yang ingin dihasilkan. Sekiranya pelakon tidak mampu menghayati watak, maka dia telah gagal meyakinkan penonton terhadap jalan cerita sesebuah filem<sup>189</sup>

Seseorang pelakon mempunyai watak dan perwatakan yang berbeza yang boleh dinilai menerusi jasmani, psikologi dan sosial hidupnya. Watak-watak yang diberikan kepada pelakon akan berdasarkan salah satu atau kesemua watak peribadi yang dimunculkan dari fizikalnya. Pelakon yang baik perlu mempunyai pengalaman dari aspek batin dan rohani yang tinggi agar dia mampu memberi tafsiran yang baik terhadap watak yang diperlukan dan berjaya menangani watak secara mendalam.<sup>190</sup>

Persoalannya, bagaimanakah peribadi seorang pelakon yang berlakon dalam sebuah drama dakwah? Adakah ciri-ciri khusus yang perlu ada untuk menjadi pelakon filem atau drama dakwah?

Abu Hassan Hasbullah (2006) mengatakan bahawa watak manusia yang ditampilkan dalam dramaturgi filem perlu mewakili watak manusia yang beriman.

---

<sup>188</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *op. cit.*, h 748

<sup>189</sup> Harahap, Darwis (1993), *op. cit.*, h. 14

<sup>190</sup> Harahap, Darwis (1982), *Asas-Asas Cerita Rekaan dan Seni Lakon*. Petaling Jaya : Eastern Universities Press, h. 55&56

Watak yang ditampilkan bertanggungjawab membawa tugas kedai'an iaitu menyampaikan yang benar dan mengajak masyarakat kepada tauhid Islam.<sup>191</sup>

Fatimah Ali (1990), berpendapat bahawa pelakon atau seniman Islam dan semua krew produksi perlu mengamalkan gaya hidup Islam yang berpaksikan kepada tauhid dan akidah Islam yang utuh sama ada dalam kehidupan seharian atau dunia kesenian mereka. Selain itu, pelakon Islam perlu mengelakkan dari lakonan yang menyimpang dari sumber keimanan. Isu ini perlu diambil berat oleh para pelakon filem dakwah agar mereka tidak hanyut membawakan sesuatu watak yang menyimpang dari asas tauhid dan akidah Islam. Filem-filem Greek contohnya memperlihatkan budaya mengagungkan manusia dan menjadikan manusia sebagai Tuhan dan menonjolkan ciri-ciri kemanusiaan yang unggul melebihi Tuhan Pencipta Alam. Sikap dan budaya hidup mereka ini turut diterjemahkan dalam filem-filem yang dihasilkan.<sup>192</sup> Selain itu seorang pelakon filem dakwah juga perlu mengurangkan adegan yang memerlukan interaksi antara watak lelaki dan wanita. Sekiranya watak tersebut perlu diadakan ia perlu mengelakkan budaya bersentuhan bukan hanya semasa penggambaran berlangsung tetapi semasa di belakang set penggambaran terutama semasa latihan berjalan.<sup>193</sup>

Penjagaan aurat juga perlulah dipelihara. Penjagaan aurat dalam sesebuah produksi filem boleh diselesaikan sekiranya kesemua krewa produksi termasuk pelakon menyedari batasan aurat masing-masing dan berusaha mematuhi.<sup>194</sup>

---

<sup>191</sup> Abu Hassan Hasbullah (2006), *op. cit.*, h. 19

<sup>192</sup> Fatimah Ali (1990), "Islam dan Seni Lakon", (Seminar Islam dan Kesenian, 5-8 November, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h. 8

<sup>193</sup> *Ibid.*, h. 13

<sup>194</sup> *Ibid.*, h. 14

Pelakon Islam juga antara lain perlu menjaga imej diri sebagai individu yang membawa mesej Islam di samping cuba melengkapkan ilmu dan amalannya khususnya menjalani proses *ṭazkiyyāh āl-Nāfṣ* untuk menjadi lebih baik.<sup>195</sup>

### **Pengarah dan Pengarahan:**

Pengarah atau disebut sutradara merupakan individu yang bertanggungjawab ke atas setiap penghasilan sesebuah filem. Pengarah bertanggungjawab dalam mengarah keseluruhan filem bermula dari aspek sinematografi. Pengarah perlu memikirkan teknik dan langkah agar naskah yang terhasil berjaya dizahirkan dengan baik dalam filem. Keberhasilan sesebuah filem dapat dilihat menerusi keupayaan pengarahnya.<sup>196</sup>

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, karya Islam merupakan karya yang mempunyai nilai estetika yang tinggi. Mansor Puteh (2006), menyatakan bahawa filem yang boleh menaikkan imej agama, bangsa dan negara merupakan filem yang mempunyai nilai artistik yang tinggi. Manakala, filem yang menampilkan nilai liberalisme hanya menampilkan adegan-adegan yang lucu, anti-sosial dan anti-agama. Filem-filem seperti ini hanya akan dihasilkan oleh individu-individu yang tidak bermoral. Situasi ini menggambarkan bahawa penilaian terhadap hasil kerja seorang pengarah boleh dibuat berdasarkan pegangan dan nilai moral dan agama yang ada pada diri mereka. Seandainya, filem tersebut dihasilkan oleh pengarah yang mempunyai pemikiran dan moral yang bersifat liberal maka, filem yang bakal dihasilkan juga turut memaparkan adegan-adegan yang liberal dan tanpa batasan. Ini kerana, bagi mereka, filem yang bersifat realiti perlu menampakkan aspek realiti secara sempurna. Maka,

---

<sup>195</sup> *Ibid.*, h. 13

<sup>196</sup> Harahap, Darwis (1993), *op. cit.*, h. 15

pengarah yang berada dalam pemikiran sebegini ternyata masih kabur dan tidak kreatif dalam merealisasikan skrip dalam lingkungan yang sepatutnya.<sup>197</sup>

Seorang sutradara atau pengarah filem boleh diandaikan sebagai *storyteller* yang menciptakan *Mise-en-scène*. *Mise-en-scène* adalah istilah Perancis yang bermaksud “*putting into the scene*” atau meletakkan dalam *scene*. Ia merupakan seni perekaan filem yang berkaitan dengan aspek *setting*, *props*, tata cahaya, *costume*, *movement* dan sebagainya. Sesetengah sarjana filem berpendapat bahawa seorang pengarah berperanan mengawal situasi dan peristiwa yang dimunculkan dalam filem menerusi kebijakan pengawalan *mise-en-scène*-nya. Namun, sesetengah teoritis filem berpendapat bahawa pengarah juga tidak perlu membuat perancangan tentang apa yang bakal keluar dalam satu-satu *scene* kerana keadaan yang natural juga kadang-kala membantu dalam memberi kesan yang baik terhadap filem.<sup>198</sup>

Realitinya usaha menghasilkan sebuah karya Islam bukan suatu tugas yang mudah dan boleh diambil ringan. Ia perlulah dilakukan dengan berbekalkan keimanan, keilmuan dan kefahaman yang tinggi terhadap sistem Islam untuk menjelmakan ke alam realiti. Dalam masa yang sama, sastra Islam bukan suatu karya yang terkongkong dengan mensyaratkan penghasilan karya-karya yang hanya menampilkan ruang-ruang positif sepanjang masa. Tetapi, karya Islam yang bermutu ialah karya yang mampu menjawab persoalan manusia dan permasalahan masyarakat dan dalam masa yang sama masih mengekalkan ciri-ciri keampuhan Islam yang suci dan tinggi.<sup>199</sup>

---

<sup>197</sup> Mansor Puteh (2006), *Filem Malaysia: Di Antara Patriotisme Dan Liberalisme*. (Seminar Media Seni dan Warisan Ke-II, Kuala Lumpur, 22 September), h. 1

<sup>198</sup> David Boardwell & Kristin Thompson (2003). *op. cit.*, h. 176. Lihat juga, Brian McDonnell (1998), *Fresh Approaches to Film*. New Zealand: Addison Wesley Longman New Zealand Ltd., h. 123

<sup>199</sup> Abdul Ghani Shamsuddin (1995), *op. cit.*, h. 8



Oleh yang demikian, konsep ‘memberitahu’ tanpa perlu melibatkan aspek penonjolan perilaku ke dalam bentuk realiti bagi menzahirkan sesuatu yang buruk dan munkar boleh diaplikasikan. Aspek ini bukan sahaja dapat memberikan pengajaran bagi yang lalai dan melakukan dosa dan kemusnahan malah ia boleh membuktikan bahawa karya Islam bukan karya yang kaku dan beku.

Teknik ini juga banyak terdapat dalam al-Quran. Ia digunakan bagi memberi pengajaran kepada manusia yang alpa dan leka. Sebagai contoh, kekejian yang berlaku di zaman kaum Lut, Hud dan Salih a.s yang dilakukan oleh kaum ‘Āḍ dan Ṭhāmūḍ. Kaum ini hidup dalam suasana yang penuh dengan budaya homoseksual dan kerosakan yang dahsyat. Namun, al-Quran sebagai kitab yang suci tidak langsung menggambarkan bagaimana cara hidup dan perlakuan homoseksual yang berlaku pada zaman itu secara terperinci. Penonjolan kesan dan akibat dari memungkir dan mengabaikan dakwah para nabi dijadikan suatu pengajaran berguna kepada manusia zaman kini bahawa bagi yang melakukan kerosakan dan dosa maka azab Allah yang pedih akan menanti. Maka, kaum-kaum tersebut akhirnya ditimpa azab yang teruk sebagai pembalasan.<sup>200</sup> Ternyata, gaya penceritaan yang ditampilkan dalam al-Quran untuk menceritakan sesebuah peristiwa dilakukan dengan penuh cermat dan berkesan. Teknik sebegini perlu diaplikasikan dalam filem-filem dakwah. Penonjolan suatu keadaan yang rosak dan negatif secara melampau perlu ditangani dengan baik kerana ditakuti memberi impak negatif kepada masyarakat. Kaedah dan teknik ini perlu didalami terlebih dahulu oleh pengarah yang ingin menghasilkan filem dakwah agar filem yang dihasilkan dapat membawa manfaat kepada masyarakat.

---

<sup>200</sup> S. Othman Kelantan (1997), *op. cit.*, h. 34

Pengarahannya merupakan peringkat dan usaha menzahirkan sesebuah naskah atau skrip kepada filem perlu dilakukan dengan penuh kreativiti. Ini kerana, usaha menzahirkan teks ke alam realiti memerlukan penghayatan yang lebih dalam menghidupkan watak daripada skrip ke bentuk yang nyata. Lantas, kaedah bagaimanakah yang perlu diaplikasikan dalam menghasilkan sebuah filem dakwah? Adakah semua perkara boleh dizahirkan dalam bentuk realiti agar mesej yang ingin disampaikan benar-benar dapat difahami khalayak?

Maka, teknik dramaturgi Islam perlu diaplikasikan agar teknik-teknik yang boleh merosakkan kemurniaan dan keintelektualan filem dakwah boleh dihapuskan. Abu Hassan Hasbullah (206) menjelaskan bahawa dramaturgi Islam berusaha memancarkan mesej Islam dalam setiap elemen filem yang dihasilkan. Ia bukan sekadar naskah yang menarik tetapi unsur-unsur memanipulasi situasi untuk menggerakkan kepada unsur ketauhidan perlu dititikberatkan. Elemen-elemen seperti teks dan subteks, montaj dan muzik, watak dan aksi, latar dan atmosfera filem yang membawa mesej yang baik kepada penonton merupakan elemen dramaturgi Islam yang membantu memvisualkan naskah filem dakwah dengan baik.<sup>201</sup>

## 2.9 Dasar Penentuan Hukum Islam

Dasar penentuan hukum Islam berpandu pada dua keadaan sama ada dapat memberi faedah kepada manusia atau keburukan. Apabila sesuatu perkara itu mempunyai nilai buruk yang lebih banyak dari faedah yang boleh diperolehi darinya, maka ia ditegah dan diharamkan. Namun jika sebaliknya, ia tidak dihalang dan diharuskan.<sup>202</sup>

---

<sup>201</sup> Abu Hassan Hasbullah (2006), "Filem sebagai ar-Risalah-Menemukan Keimanan dan Kebajikan Dramaturgi Wayang Gambar Melayu", *op. cit.*, h. 19

<sup>202</sup> Yusuf al-Qardhawi (1995), *op. cit.*, h. 43

Filem sebagai unsur kesenian berfungsi untuk menghibur, menenangkan jiwa yang gelisah, mengubati penyakit tertentu, menenangkan fikiran, mendorong untuk meneroka rahsia alam kehidupan serta mampu mengajak manusia untuk menghayati dan memikirkan ayat-ayat Allah. Islam melihat filem suatu unsur kesenian yang hukumnya mūbāḥ. Akan tetapi, suatu yang mūbāḥ boleh menjadi sunnat, wajib, makruh serta haram berdasarkan sifat dan keadaannya.<sup>203</sup> Ini bermaksud sekiranya suatu perkara yang asalnya mūbāḥ dicampuri dengan unsur-unsur yang bertentangan dengan syariat Islam, maka penetapan hukum terhadapnya akan berubah.

Ab. Aziz Mohd. Zin (1996) merumuskan bahawa, penentuan hukum halal pada satu perkara itu bergantung pada asas:<sup>204</sup>

- a) Matlamat secara jelas yang ingin dicapai.
- b) Keuntungan yang akan diperolehi daripada aspek tersebut secara jelasnya lebih banyak dari keburukannya.
- c) Bukanlah untuk kepentingan peribadi.

Namun, sekiranya, ketiga-tiga aspek tersebut tidak dipenuhi atau terdapat salah satu dari aspek-aspek tersebut dimungkiri, maka ia terkeluar dari asas hukum di atas, walaupun disertakan dengan niat yang baik.

Penentuan hukum tersebut juga boleh diaplikasikan dalam menentukan hukum berkaitan penggunaan filem untuk tujuan dakwah. Sekiranya filem yang dihasilkan mempunyai matlamat yang jelas, disertai mesej yang jelasnya lebih membawa manfaat kepada penonton dari keburukan dan tidak dihasilkan untuk tujuan peribadi maka,

---

<sup>203</sup> Hasymy, A. (Ali) (1990), "Konsep Seni yang Bagaimana yang Bersesuaian dengan Islam (*The concept of art which is suitable for Islam*)", (Seminar Islam dan Kesenian, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 5-8 November), h. 10

<sup>204</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin (1996), 'Babak-babak dalam Drama Dakwah: Suatu Penjelasan ke arah Penentuan Hukum', *Jurnal Syariah*, bil. 2, Julai. Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 268

penghasilannya adalah suatu yang diharuskan syarak.

Āl-Şyārbāşī yang dikumpulkan pandangannya oleh Siti Ruqayah Tibek (1999), menjelaskan bahawa drama merupakan satu paparan hidup untuk memperlihatkan keburukan yang mesti dijauhi dan dalam masa yang sama, ia menggalakkan sifat-sifat mulia. Namun, batas atau suatu garis panduan terhadap perkara yang mesti dijauhi seperti menimbulkan keinginan nafsu, pendedahan aurat dan perkara yang melampaui hukum agama perlu diwujudkan.<sup>205</sup> Sebagai salah satu medium penyaluran maklumat Islam, filem dakwah perlulah mengikut garis panduan-garis panduan yang tertentu agar penghasilannya benar-benar memberi mesej dan manfaat yang baik kepada penonton.

Filem dakwah telah wujud meskipun dalam bentuk yang terlalu sederhana serta terhad jumlahnya. Ia masih perlu dibuat pengubahsuaian agar hasrat melahirkan filem dakwah dalam konteks yang lebih menyeluruh dapat direalisasikan. Pengubahsuaian dari aspek kandungan teks ke arah yang lebih dinamik boleh diaplikasikan untuk menjadikannya berupaya menjadi tarikan kepada sasaran masa kini.<sup>206</sup>

Realiti yang berlaku pada hari ini menunjukkan filem-filem yang memaparkan adegan-adegan yang bersih dari sebarang unsur yang ditegah Islam, sudah pasti tiada sambutan daripada masyarakat. Filem-filem komersial yang mempunyai naratif yang mudah menarik dan mempengaruhi jiwa dan emosi khalayak, mementingkan penglibatan bintang-bintang popular malah ada yang turut sama menyelitkan unsur-unsur seks dan kekerasan lebih mudah meraih perhatian penonton daripada filem-filem yang sarat dengan mesej dan nilai yang baik<sup>207</sup>. Oleh itu, pendakwah perlu memikirkan

---

<sup>205</sup> Siti Ruqayah Haji Tibek (1999), "Seni Lakon (Drama, Teater dan Filem) dari Perspektif Islam", (Seminar Kebangsaan Islam dan Rekreasi, Kuala Lumpur, 23-24 September), h. 11

<sup>206</sup> Abdul Ghani Shamsuddin (1990), *op. cit.*, h. 32

<sup>207</sup> A. Wahab Hamzah (2005), "Penyelesaian Islam dan Filem Tempatan", (Seminar Kebangsaan Pemikiran Kebudayaan dan Islam, Balai Budaya DBP, Kuala Lumpur, 18-20 November), h. 4

kaedah dan strategi yang tetap agar pemilihan mesej dan sinematografi yang digunakan untuk menghasilkan sebuah filem dakwah menarik dan bersesuaian dengan kehendak penonton dan dalam masa yang sama berusaha menjaga kualiti filem yang diterbitkan agar tidak terkeluar dari landasan yang digariskan Islam.

Hasmy, A. (1990) menerusi artikelnya “Konsep seni yang bagaimana yang bersesuaian dengan Islam”, menjelaskan bahawa, antara karya seni yang baik ialah.<sup>208</sup>

- a) mendorong masyarakat melakukan *āmār mā’rūf dān nāhī mūnkār*
- b) bertujuan menegakkan agama Allah. Aspek ini dapat dicapai sekiranya pelakon yang menjayakannya terdiri dari individu yang melakukan amal salih.
- c) cenderung membenarkan sesuatu yang haq dan menjelaskan perkara yang salah, mengharamkan yang haram dan menghalalkan yang halal. Aspek-aspek yang boleh ditonjolkan ialah seperti watak-watak yang selalu melaksanakan syariat Islam, menjauhi kemungkaran, tidak menipu, tidak membuat mungkar dan seumpamanya,
- d) mendorong melahirkan masyarakat yang adil dan makmur menerusi penonjolan watak-watak yang menyokong kebenaran dan memperjuangkan kebenaran menerusi cara yang benar.
- e) menonjolkan elemen masyarakat Islam. Maka, kebaikan dan faedah masyarakat yang hidup dalam suasana Islamiah ditonjolkan faedah dan kebaikan yang diperolehi.

---

<sup>208</sup> Hasmy, A. (Ali) (1990), *op. cit.*, h.7

Konsep seni yang dinyatakan oleh Hasymy, A., antara cara yang boleh digunakan untuk mengenalpasti filem dakwah. Ciri-ciri yang berlawanan dari perkara-perkara yang disebutkan menjadikan filem yang dihasilkan lari dari konsep filem dakwah walaupun hasrat utamanya untuk memberi pengajaran kepada masyarakat. Sebagai contoh, sekiranya sebuah filem dihasilkan bertujuan memberi pengajaran kepada penonton dan dalam masa yang sama turut diselitkan adegan-adegan yang secara jelasnya bersalahan dengan hukum Islam seperti bersentuhan antara lelaki dan wanita, zina, minum arak serta adegan yang secara jelas cuba menjatuhkan Islam maka, filem tersebut tidak termasuk dalam ciri-ciri filem dakwah.

Dalam hal ini, Ab. Aziz Mohd. Zin (1996) cuba menjelaskan berkaitan penggunaan babak-babak yang dianggap ditegah oleh syarak untuk dijadikan tujuan dakwah. Menurutnya, terdapat dua pandangan yang dikemukakan berkaitan perkara tersebut. Pandangan pertama secara jelasnya menolak dan menegah babak-babak yang bertentangan syarak walaupun untuk tujuan dakwah. Walau bagaimanapun, pandangan kedua memberi sedikit ruang perbincangan berkaitan aspek tersebut di mana sesuatu perkara yang membawa faedah dan unsur baik yang lebih banyak dari yang buruk, maka ia dibolehkan untuk tujuan dakwah. Dengan mengambil beberapa contoh berkaitannya seperti kaedah yang digunakan oleh al-Quran dan hadis yang cuba mendedahkan keburukan dan kerosakan kaum-kaum terdahulu yang bertujuan memberi peringatan kepada umat manusia agar tidak lagi berada dalam keadaan yang rosak.<sup>209</sup> Penonjolan cerita-cerita tersebut untuk dijadikan pengajaran tidak menjadi suatu yang salah. Ia perlu disampaikan secara bijak dan kreatif. Namun, aspek tersebut tidak boleh

---

<sup>209</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin (1996), *op. cit.*, h. 264&265

dipaparkan secara melampau sehingga boleh memberi kesan buruk kepada masyarakat. Sekiranya berlaku, maka ia terkeluar dari hukum tersebut.

Perkara ini boleh difahami dengan mengambil pandangan dari S. Othman Kelantan (1997), berkaitan karya sastera yang berunsur Islam<sup>210</sup>. Menurutnya, karya sastera yang berunsur Islam perlulah menyembunyikan atau membataskan paparan realiti masyarakat sebenar yang negatif dan disampaikan secara sederhana dan berlapik. Maka, pendedahan realiti sebenar yang ternyata memberi kesan buruk kepada penonton seperti pemaparan aksi-aksi di ranjang dan unsur-unsur kejahatan yang ternyata memberi kesan negatif perlulah disembunyikan dan dibataskan.<sup>211</sup>

## 2.10 KESIMPULAN

Filem dakwah adalah filem yang cuba menonjolkan elemen-elemen yang menjurus kepada perlakuan positif dan menggalakkan masyarakat melakukan kebaikan dan dalam masa yang sama perlu mentiberatkan aspek dramaturgi yang bersesuaian dengan falsafah Islamik dalam usaha membantu memvisualkan mesej yang cuba disampaikan. Pemaparan unsur-unsur realiti yang menggambarkan budaya yang tidak sihat bukanlah suatu idea yang baik untuk menghasilkan filem dakwah kerana ia tidak mungkin mampu untuk membentuk dan mengubah perilaku masyarakat untuk berubah ke arah kebaikan.

---

<sup>210</sup> Karya Islam dan karya berunsur Islam merupakan dua unsur yang berbeza. Karya Islam merupakan karya yang bermaksud Islam iaitu aman, tenteram, patuh dan bersih daripada segala sesuatu. Manakala, karya sastera yang berunsur Islam merupakan karya yang antara paparnya mengandungi beberapa unsur Islam yang selaras dengan tuntutan Islam. Namun, tidak keseluruhannya bersifat 'Islamik' Antara lain, berkemungkinan salah satu dari aspek naratif, dramatik, sinematografi, semiotik, aplikasi, teknikal dan kontektualnya tidak bercirikan Islam. Lihat, Mohd. Radzi Mohd. Zin (2010), "Buat Filem Juga Dakwah", *Utusan Malaysia*, MEGA, 22 Jun, h. 20

<sup>211</sup> S. Othman Kelantan (1997), *op. cit.*, h. 34

### BAB III

## PEMBINAAN TEORI DAN MODEL MESEJ DAKWAH DAN METODOLOGI

### ĀL-MĀW'ĪZĀḤ ĀL-ḤĀṢĀNĀḤ

#### 3.0 PENDAHULUAN

Penyebaran dakwah merangkumi beberapa aspek iaitu mengandungi usaha menyeru manusia, mengandungi pengajaran menerusi mesej yang disampaikan, disampaikan berpandukan *mānḥāj* dan *ūṣlūb* yang berstruktur dan berpandukan pemilihan saluran media yang tepat.<sup>212</sup> Ini bererti dakwah bukan sekadar satu ajakan biasa, akan tetapi ia perlu mempunyai suatu strategi dan kaedah yang efektif dan kreatif untuk menghasilkan sebuah gerak kerja yang mampu menarik perhatian sasaran dakwah. Pemilihan mesej (*māwḍiḥ*'), cara dakwah (*ūṣlūb*) dan media (*wāṣilāḥ*) perlu dilakukan dengan teliti dan fleksibel agar dakwah yang disampaikan mampu memberi kesan yang baik kepada sasaran.

Pendekatan dakwah pada hari ini perlu bersesuaian dengan situasi dan keadaan semasa. Perkembangan inovasi teknologi dan komunikasi masa kini mendorong pendekatan yang lebih bersesuaian digunakan. Penyebaran dakwah perlu menampakkan perubahan seiring perkembangan semasa. Minat dan keperluan masyarakat terhadap filem dan hiburan umpunya perlu dieksploitasi dengan menerbitkan filem dakwah yang membawa mesej ajakan kepada cara hidup Islam. Dalam hal ini, pendakwah perlu menggunakan kemajuan teknologi yang dikecapi dalam menyalurkan mesej dakwah. Satu strategi dan metodologi yang baru dan lebih inovatif diperlukan dalam menghadapi masyarakat pada masa kini.

---

<sup>212</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin *et al.* (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 39&40



Islam merupakan agama yang fleksibel untuk setiap masa, tempat dan keadaan. Dakwah Islam juga tidak statik dan jumud dalam satu keadaan dan cara sahaja. Ia boleh diberi perubahan sejajar dengan pembangunan zaman.

Implikasi pembangunan zaman dari tahun ke tahun dan kepesatan teknologi maklumat khususnya dalam bidang komunikasi pula memungkinkan suatu perubahan besar dalam membentuk pendekatan dakwah yang lebih dinamik dengan suasana masa kini.

Perubahan-perubahan tersebut dapat dilakukan menerusi beberapa aspek tertentu seperti kandungan dakwah, cara penyebaran kandungan dakwah dan saluran yang lebih efektif.<sup>213</sup> Ketiga-tiga aspek ini merangkumi unsur-unsur dakwah sebagaimana yang dinyatakan oleh Zaydan (1992).<sup>214</sup>

- a) Isi atau kandungan dakwah (māwḍiḥū' āl-Ḍā'wāḥ)
- b) Media atau saluran dakwah (wāṣīlāḥ āl-Ḍā'wāḥ)
- c) Cara dakwah (ūṣlūb āl-Ḍā'wāḥ)

### 3.1 MESEJ DAKWAH (Māwḍiḥū' āl-Ḍā'wāḥ)

Mesej dakwah atau disebut māwḍiḥū' dakwah merupakan asas penting dalam menyebarkan dakwah. Māwḍiḥū' dakwah ialah ajaran Islam itu sendiri. Islam sebagai cara hidup perlu disebarkan kerana ia merupakan risalah yang dturunkan kepada para nabi dan rasul. Manusia juga perlu memahami Islam kerana ia merupakan satu-satunya agama yang diredhai. Islam juga agama yang mampu membangun tamadun manusia ke

---

<sup>213</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 49.

<sup>214</sup> Zāyḍān, 'Ābd āl-Kārim. (1992), *Ūṣūl āl-ḍā'wāḥ*. āl-Mānṣūrāḥ : Ḍār āl-Wāfā', h. 411

arah satu pencapaian yang gemilang dan bergerak jauh dari kepompong Jāhīlīyyāh yang mundur.

Firman Allah SWT:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

(*Ṣūrāh āli- 'Imrān* (3): 19)

*“Sesungguhnya Agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.”*

Sejarah telah mencatatkan kejayaan tamadun Islam membangun tamadun yang gilang-gemilang. Islam mula mengorak langkah di tengah kehidupan masyarakat Jāhīlīyāh. Dalam mengharungi situasi tersebut, Nabi Muhammad SAW serta para sahabat berusaha membawa Islam ke tengah masyarakat dan berjaya membawa manusia keluar dari dzūlūmāt Jāhīlīyāh. Penghijrahan ini membawa masyarakat memasuki era baru di bawah naungan Islam. Kejayaan tersebut menjadikan kehidupan umat Islam lebih teratur, mempunyai kerajaan yang adil, bertamadun tinggi dengan dihiasi nilai kemanusiaan yang mantap. Dalam hal ini, Islam berjaya merubah nilai negatif dalam budaya Jāhīlīyāh ke arah dimensi yang lebih bertamadun.<sup>215</sup> Ternyata, posisi agama memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan komposisi masyarakat bertamadun. Pengutusan para nabi dan rasul merungkai permasalahan demi permasalahan masyarakat Jāhīlīyāh lantas masyarakat Islam yang lebih maju dari segala aspek mampu dilahirkan.

---

<sup>215</sup> Zakaria Stapa (2004), “Tasawuf dan Pembangunan Hakiki Ummah”, dlm. Wan Suhaimi Wan Abdullah & Che Zarrina Sa’ari (Eds.), *Tasawuf dan Ummah*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 65-66.

Islam sebagai cara hidup perlu disebar dan diajarkan kepada semua umat manusia. Kehidupan manusia yang sering bergerak dan berkembang pesat seiring dengan arus permodenan zaman menjadikan mereka memerlukan suatu pedoman dan panduan yang boleh memandu mereka agar tidak tersasar jauh dari kehidupan yang diredhai lantas mewujudkan kerosakan dan kemusnahan. Oleh yang demikian, tuntutan dakwah kepada manusia wajib dilaksanakan kerana dakwah itu sendiri merupakan suatu usaha menyeru kepada kebaikan yang merangkumi usaha menyebarkan dan memberi kefahaman kepada manusia berkaitan *ṭāṣāwūr* Islam sebenarnya<sup>216</sup>.

Sebagai agama yang syumul, ajaran Islam merangkumi perilaku yang lahir dari batin dan zahir. Perilaku yang lahir dari batin adalah membenarkan dengan hati, manakala perilaku yang lahir dari zahir adalah tindak tanduk yang ditonjolkan menerusi perilaku. Maka, ia boleh diibaratkan sebagai suatu unsur yang merangkumi aspek akidah, syariah dan kesannya ditampikan dalam bentuk akhlak. Jibril a.s pernah bertanya pada nabi berkaitan Islam, Iman dan Ihsan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَارِزًا يَوْمًا لِلنَّاسِ فَأَتَاهُ جِبْرِيلُ فَقَالَ: ((مَا الْإِيمَانُ قَالَ: الْإِيمَانُ أَنْ تَوْمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَبِلِقَائِهِ وَرَسُولِهِ وَتُؤْمِنَ بِالْبَعْثِ)). قَالَ: ((مَا الْإِسْلَامُ قَالَ: الْإِسْلَامُ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا تَشْرِكَ بِهِ وَتَقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتُؤَدِيَ الزَّكَاةَ الْمَفْرُوضَةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ)). قَالَ: ((مَا الْإِحْسَانُ قَالَ: ((أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ)))). قَالَ: ((مَتَى السَّاعَةُ؟)) قَالَ: ((مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ))<sup>217</sup>

(رواه البخاري)

<sup>216</sup> Wan Adli Wan Ramli (2004), "Memahami Islam Melalui Tekno-Da'ir". (Seminar Jalanan Ukhuwah Bersepadu 2004, Pulau Pinang: Hotel Gurney, 2 Disember), h.1

<sup>217</sup> Hadis riwayat Bukhari, Kitab al-Iman, Bab Pertanyaan Jibrail kepada Nabi berkaitan Iman, Islam dan Ihsan, no. 50, h.6; al-Imam Muslim (Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Iman, no: [93]1-(8), h.681; al-Tirmizi, Kitab al-Iman, no. 2610, H.1914, beliau berkata: hadis ini *ṣḥāḥih ḥāṣan*; Abu Dawud, Kitab al-Sunnah, no:4695, h.1568, Ibn Majah, Kitab al-Sunnah, no: 62 dan 63, h. 2481. Ṣāliḥ bin 'Abd 'Azīz bin Muḥammād bin Ibrahim (1999), *al-Kitāb al-Ṣiṭṭah*. Riyāḍ: Dār al-Ṣalām lil al-Nāṣir wā al-Ṭāwīzī.

*Maksudnya: Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a katanya: Pada suatu hari, ketika Rasulullah SAW berada bersama kaum Muslimin, datang seorang lelaki kemudian bertanya kepada baginda: Wahai Rasulullah! Apakah yang dimaksudkan dengan Iman? Lalu baginda bersabda: Kamu hendaklah percaya iaitu beriman kepada Allah, para Malaikat, semua Kitab yang diturunkan, hari pertemuan dengan-Nya, para Rasul dan percaya kepada Hari Kebangkitan. Lelaki itu bertanya lagi: Wahai Rasulullah! Apakah pula yang dimaksudkan dengan Islam? Baginda bersabda: Islam ialah mengabdikan diri kepada Allah dan tidak menyekutukan-Nya dengan perkara lain, mendirikan sembahyang yang telah difardukan, mengeluarkan Zakat yang diwajibkan dan berpuasa pada bulan Ramadan. Kemudian lelaki tersebut bertanya lagi: Wahai Rasulullah! Apakah makna Ihsan? Rasulullah s.a.w bersabda: Engkau hendaklah beribadat kepada Allah seolah-olah engkau melihat-Nya, sekiranya engkau tidak melihat-Nya, maka ketahuilah bahawa Dia sentiasa memerhatikanmu. Lelaki tersebut bertanya lagi: Wahai Rasulullah! Bilakah Hari Kiamat akan berlaku? Rasulullah SAW bersabda: Sememangnya orang yang bertanyakannya lebih mengetahui dariku.*

Hadis di atas, secara tidak langsung telah menjelaskan mengenai persoalan akidah, syariah dan akhlak. Walaupun penggunaan istilah-istilah tersebut tidak digunakan secara zahir tetapi, perkataan *āl-Īmān* itu sendiri telah digunakan untuk menggambarkan maksud akidah Islam. Penggunaan istilah '*āl-Īmān*' dalam menerangkan konsep akidah turut digunakan oleh ulamak lain seperti Imam Ahmad bin Hanbal dan *āl-Qāṣim Ībn Ṣālām āl-Bāghḍādī* dalam kitab akidah mereka. Selain itu, konsep akidah juga turut dijelaskan dengan istilah Tauhid atau ilmu Tauhid. Istilah tersebut diambil daripada perbincangan utama dalam akidah, iaitu mentauhidkan Allah yang merupakan perbincangan terpenting dalam akidah Islam. Antara ulamak yang menggunakan kaedah tersebut ialah *Ībn Kḥūzāimāḥ*. Istilah akidah juga turut disebut sebagai *usuluddin*. Ia digunakan bagi menterjemahkan konsep akidah yang membincangkan hal berkaitan usul, asas dan prinsip utama dalam Islam.

Ilmu Kalam juga merupakan sebahagian dari akidah Islam. Dorongan menggunakan istilah ini ialah kerana ia membincangkan persoalan Kalam Allah yang

diperbincangkan oleh ulamak akidah.<sup>218</sup> Walaupun pelbagai istilah digunakan bagi menggambarkan konsep akidah Islam, namun perbincangannya masih berlegar dalam ruang lingkup keimanan dan keyakinan pada Allah SWT, Malaikat, Rasul, Hari Kiamat dan Qāḍā' dan Qāḍār-Nya.

Begitu juga perkaitannya dengan istilah Islam yang dinyatakan dalam hadis tersebut. Islam yang dimaksudkan ialah ajaran Islam yang tersusun dalam konsep syariat Islam yang merangkumi hal-hal ibadah, muamalat, siasah, ekonomi dan peraturan-peraturan Islam yang lain. Konsep Ihsan pula umumnya berkaitan dengan akhlak Islam yang harus dipraktikkan dalam kehidupan seorang Muslim dengan meyakini bahawa segala perlakuan yang dilakukan tidak lepas dari pengetahuan Allah.

Jelasnya, māwḍḥū' dakwah ialah ajaran Islam itu sendiri. Āḥmād Ghālwāsh (1978), merumuskan konsep ḍā'wāḥ Ḍīlāmīyyāḥ yang membawa ajaran Islam sebagai mesej utama menerusi 3 intipati. Pertama, ia merupakan suatu peraturan yang lengkap yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Kedua, mengandungi ūṣlūb berkaitan tingkahlaku dan akhlak yang diajar menerusi tatacara dan akhlak yang dibawa oleh baginda Nabi Muhammad SAW kepada umat manusia dan akhirnya ia juga mengandungi kesan dan akibat dari tatacara dan kelakuan manusia dalam kehidupan mereka sama ada berhak menerima pahala atau hukuman di akhirat kelak.<sup>219</sup> Definisi yang dibawakan ini, jelas menunjukkan dakwah Islam mengandungi mesej Islam yang merangkumi tiga aspek utama iaitu akidah, syariah dan akhlak.

---

<sup>218</sup> Fatimah Ali (2008), "Akidah Islam dan Pengajiannya di Universiti Malaya", dlm. Ahmad Najib Abdullah (ed.) *Pengajian Islam dan Isu-Isu Kontemporari*. Kelantan: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 80-81

<sup>219</sup> Ghālwāsh, Āḥmād Āḥmād (1978), *al-Ḍā'wāḥ al-Ḍīlāmīyyāḥ : Ūṣūlūḥā wā-Wāṣā'ilūḥā*. al-Qāḥīrāḥ : Dār al-Kīṭāb al-Mīṣrī, h. 13

MAWDHU' DAKWAH	AKIDAH	<p>1)Menimbulkan pengetahuan terhadap kewujudan Allah, Malaikat, Para Nabi dan Rasul, Hari Akhirat dan Qāḍā' dan Qāḍār</p> <p>2)Menggerakkan kesedaran dan keyakinan kepada Allah, Malaikat, Para Nabi dan Rasul, Hari Akhirat dan Qāḍā' dan Qāḍār</p>
	SYARIAH	<p>1)Kewajipan fārḍhū (syariat yang perlu): Tanggungjawab utama yang perlu dijalankan ialah mengabdikan diri pada Allah SWT dan melaksanakan perintahnya seperti menunaikan solat, berpuasa, membayar zakat dan menunaikan haji.</p> <p>2)Fārḍhū kifāyāḥ (syariat yang dikehendaki) :</p> <p>Perkara-perkara yang dapat mengatur kehidupan manusia dalam seluruh aspek yang berkaitan sosial, politik, ekonomi, pertanian, pendidikan.</p>
	AKHLAK	<p>Mengandungi unsur baik dan buruk;</p> <p><u>Kriteria Pengukur:</u></p> <p>1) Syariat (Kewajipan Fārḍhū ḍān Fārḍhū kifāyāḥ)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- akhlak yang baik: tindak tanduk yang bertepatan syariat</li> <li>- akhlak yang buruk: tindak tanduk yang menyalahi syariat</li> </ul> <p>2)Akal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- akhlak yang baik: Perbuatan yang diterima baik oleh akal manusia sekalipun tidak diperhalusi penerangannya menerusi syariat Islam</li> <li>- akhlak yang buruk: menyalahi perbuatan yang baik yang diterima akal manusia walaupun tidak diperhalusi penerangannya dalam syariat Islam</li> </ul>

Jadual 1:- Mesej Dakwah dalam Filem

a) Akidah Sebagai Mesej Dakwah

Akidah ialah suatu ikatan simpulan erat dalam hati dan jiwa. Secara objektifnya, akidah Islam ialah bahan asas dan dasar yang semestinya diyakini dan diimani manakala secara subjektifnya ia adalah nilai atau kualiti yang berhubung dengan rasa sehingga meresap

dan sehati dalam jiwa dan hati dan tidak begitu mudah untuk terurai dan terhakis.<sup>220</sup> Akidah Islam jelas bebas dari sangkaan dan dakwaan yang salah. Ini kerana, Islam itu sendiri bersumberkan pada dua bukti yang benar iaitu al-Quran dan hadis.

Dakwah perlu memberi kefahaman yang jelas dan betul kepada manusia berkaitan Islam dan ajarannya<sup>221</sup>. Aspek pertama yang perlu disampaikan kepada umat manusia adalah berkaitan akidah. Akidah yang kukuh mampu menjadikan manusia itu seorang muslim yang kuat dan utuh pendirian mereka terhadap Islam. Menerusi akidah, Muslim bukan sekadar mengenal Tuhannya malah beriman dengan sebenar keyakinan yang ada untuk mengabdikan diri kepada-Nya. Oleh yang demikian, akidah merangkumi amalan hasil dari kepercayaan yang timbul dari keyakinan kepada Allah dan akhirnya keimanan itu bertaut kepada keyakinan terhadap Rasul, Kitab, Malaikat, Hari Kiamat dan Qāḍā' dan Qāḍār Allah.

Sejarah penyebaran dakwah pada awalnya bermula dengan seruan pementapan akidah. Ia bermula dari zaman Nabi Nuh a.s. yang menyeru kaumnya agar tidak mempersekutukan Allah. Seruan dakwah Islam yang dilakukan pada zaman tersebut adalah untuk mengembalikan tauhid dan akidah Islam umat manusia. Pelbagai usaha dilakukan oleh nabi Nuh a.s untuk menyeru umatnya meninggalkan penyembahan berhala yang diwarisi mereka dari nenek moyang mereka.

Mesej akidah telah diaplikasikan sebagai subjek utama yang berperanan memerangi kesyirikan dalam peribadatan yang menyelubungi umat manusia pada zaman tersebut. Usaha menyeru manusia di zaman tersebut dilancarkan agar manusia

---

<sup>220</sup> Mohd. Sulaiman Yasin (1997), *Ahli Ṣunnāh wā āl-Jāmā'ah (Aqidah, Penamaan, Manhaj, Dasar-Dasar Dan Aliran-Alirannya)*. Selangor: Yayasan Salman, Bangi, h. 1-5

<sup>221</sup> Ghālwaṣṣh, Āḥmād Āḥmād (1978), *op. cit.* h. 14

kembali beriman dan menyembah pada Tuhan Yang Esa.<sup>222</sup> Penyebaran Islam dan usaha pemurnian akidah Islam di kalangan masyarakat terus digerakkan pada zaman nabi-nabi selepas Nuh a.s seperti di zaman Nabi Ibrahim a.s. Nabi Ibrahim berperanan dalam mengembalikan akidah umatnya yang terpesong akibat perhambaan kepada cakerawala di langit dan raja-raja mereka seperti Namrud. Zaman Musa a.s pula menyaksikan usaha baginda berusaha membawa kaumnya beriman kepada pencipta langit dan bumi iaitu Allah. Beliau berdepan dengan kezaliman Firaun yang mengaku dirinya tuhan serta melepaskan kaumnya dari kepercayaan yang salah kepada keimanan kepada Allah SWT.

Penyebaran dakwah seterusnya disambung oleh Nabi Isa a.s. Beliau diutus kepada Bani Israel untuk menyeru mereka mentauhidkan Allah. Pelbagai usaha dilakukan termasuklah membersihkan fahaman umatnya yang mendakwa bahawa beliau ialah Anak Tuhan dan Tuhan. Fasa kemuncak seruan dakwah para nabi dan rasul disempurnakan dan dilengkapi dengan pengutusan Rasul terakhir iaitu Nabi Muhammad SAW. Baginda SAW menjalankan usaha dakwah berlegar pada pemurniaan akidah umatnya sekitar 13 tahun sewaktu baginda masih di Makkah. Baginda SAW berusaha membersihkan bumi Makkah dari penyembahan berhala dan patung-patung lantas membawa umatnya keluar dari penyelewengan agama yang selama ini menyelubungi mereka.<sup>223</sup> Kejayaan dan keberhasilan perjuangan aqidah baginda SAW dan para nabi dan Rasul terdahulu menyaksikan Islam masih bertahan dan berkembang maju sehingga ke hari ini. Perjuangan dakwah yang bermula dengan akidah menjadikan manusia yakin untuk menjalankan dan mematuhi peraturan Islam dengan penuh khusyuk dan redha.

---

<sup>222</sup> al-Ālūrī, Ādām `Ābd Āllāh (1980), *Tārīkh al-Dā`wāh al-Īslāmīyah min al-Āms ilā al-Yāwm*. Bāyrūt: Dār Maktābat al-Hāyah. h. 10

<sup>223</sup> *Ibid*, h. 12



Abdullah Muhammad Zin (1997), menjelaskan akidah boleh difahami sebagai suatu ‘dimensi teori’. Ia tidak lebih dari sekadar suatu pengakuan dan kesedaran yang terbit dari hati manusia agar mereka meyakini atas perkara yang wajib mereka yakini. Konsep ini terbit sebelum lahirnya dimensi-dimensi lain yang menggerakkan tingkah laku manusia dalam melaksanakan suruhan Allah dan menjauhi larangan-Nya. Sebagai sebuah dimensi berasaskan teori, akidah mempunyai hubungan dengan urusan hati yang tugasnya membenarkan keyakinan tersebut muncul dari hati manusia lantas redha dan merasa selesa terhadap keyakinan yang wujud itu.<sup>224</sup> Dalam konteks tersebut, manusia tidak mampu untuk menjalankan dan melaksanakan syariat Allah dengan rasa ikhlas, tunduk dan patuh tanpa diserapkan konsep keyakinan dan keimanan teguh kepada Allah, Malaikat, Para Nabi dan Rasul, Hari Akhirat dan kepercayaan kepada Qāḍā’ dan Qāḍār. Maka, akidah merupakan tunjang dan usuluddin atau teras agama yang awal yang perlu disebarkan kepada umat manusia agar perjalanan hidup mereka di muka bumi ini berpaksikan pada fitrah penciptaan manusia iaitu sebagai khalifah Allah SWT.

Mohd. Fauzi Hamat (2007), menjelaskan bahawa hilangnya akidah penganut agama samawi selain dari Islam apabila mereka menolak untuk mentauhidkan Allah dan mengikuti ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Maka, aspek akidah ini perlu dijelaskan dengan sebaiknya sebelum syariat atau hukum Islam diperjelaskan.<sup>225</sup>

Ciri penting yang terkandung dalam akidah ialah iman. Ia merupakan persoalan asas dalam akidah. Bahasa al-Quran atau *lūghāḥ* yang digunakannya dalam

---


<sup>224</sup> Abdullah Muhammad Zin (1997), “Akidah Asas Kesempurnaan Insan” dlm. Che Yusoff Che Mamat (Eds.) *Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 1-4

<sup>225</sup> Mohd. Fauzi Hamat (2007), ‘Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Pluralisme Agama’ dlm. *Konsep Asas Islam dan Hubungan antara Agama*, Wan Suhaimi Wan Abdullah (Eds.) Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h.105&106.

memperkirakan persoalan akidah ialah ‘Iman’<sup>226</sup>. *Āl-Īmān* dari sudut bahasanya ialah membenarkan (*tāṣḍīq*) dengan hati (*ān-Nīāt*), mengucapkan dengan perkataan (*āl-Qāul*) dan melakukan dengan perbuatan (*āl-‘Āml*) terhadap aspek-aspek yang wajib diimani. Asas utama dalam akidah ialah keimanan yang didasarkan kepada Allah, Malaikat, al-Kitab, Para Rasul, Hari Kiamat dan *Qāḍā’* dan *Qāḍār* tanpa wujud sebarang prasangka, tanpa menidakkan dan membohonginya.<sup>227</sup>

Oleh yang demikian, berdakwah dengan mengemukakan isu akidah kepada sasaran merupakan langkah awal dalam menetap dan meyakinkan sasaran dakwah terhadap keimanan mereka kepada Allah yang seterusnya akan merangkumi keimanan kepada perkara-perkara lain yang wajib diimani oleh seorang muslim yang *mū’min*. Hal berkaitan ketuhanan, malaikat, konsep kenabian, pengutusan rasul, penciptaan hari kiamat dan adanya *Qāḍā’* dan *Qāḍār* perlu diperteguhkan sebelum mengemukakan hal-hal berkaitan syariat Islam. Kesemua aspek ini perlulah disampaikan secara bijaksana agar ia dapat meresap dalam jiwa *māḍū’*. Terdapat pelbagai contoh yang boleh diambil daripada kaedah-kaedah penyampaian dakwah para nabi dan rasul terdahulu dalam meyakinkan sasaran dakwah terhadap isu akidah tertentu. Al-Quran juga banyak menceritakan pelbagai kisah dakwah para nabi dan rasul dalam memerangi umat manusia yang menyelewang dari akidah Islam.

Firman Allah SWT:

 وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

(Ṣūrāḥ *āl-‘Ānbiyā’* (21):107)

<sup>226</sup> *Ibid*, h. 4

<sup>227</sup> Ṣālam, Āḥmād (1994), *Mūqāddimāḥ fi Fīqh Ūṣūl al-Dā`wāh : Ṣḥārḥ Ḥādīṭḥ Jibrīl (āl-Īṣṭām wā āl-Īmān wā āl-Īḥṣān)*. Bāyruṭ: Ḍār Ibn Ḥāzm, h. 78&79

*Dan tidaklah Kami mengutuskan engkau (Wahai Muhammad),  
melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.*

Nabi Muhammad SAW diutus sebagai seorang Rasul yang membawa rahmat kepada alam. Pengutusan Baginda SAW kepada kelompok manusia yang dikelilingi kepercayaan dan penyembahan terhadap berhala, api dan masih dinaungi *zūlūmāt Jāhīliyyāh* bertujuan membawa ajaran Islam yang benar kepada manusia. Islam diajar dan disebarkan agar manusia berjaya membina tamadun Islam yang mampu memberi kebahagiaan kepada mereka.

Terdapat pelbagai kisah yang berkaitan isu-isu akidah yang dinyatakan dalam al-Quran. Antaranya, dapat dilihat menerusi ayat-ayat yang menyentuh kisah perjuangan dan cara atau kaedah dakwah Nabi Ibrahim dalam menyeru kaumnya. Isu akidah dijadikan subjek utama yang diperjuangkan baginda a.s agar umatnya tidak mempersekutukan Allah serta kembali meyakini-Nya sebagai Pencipta Yang Agung.

Firman Allah SWT:

فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ اللَّيْلُ رَأَىٰ كَوْكَبًا ۖ قَالَ هَٰذَا رَبِّي ۖ فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَا أُحِبُّ

الْأَفْلِينَ ﴿٧٦﴾

(*Ṣūrāḥ āl-Ān'ām*, (6):76 )

*Maka ketika ia berada pada waktu malam yang gelap, ia melihat sebuah bintang (bersinar-sinar), lalu berkata: "Inikah Tuhanku?" Kemudian apabila bintang itu terbenam, ia berkata pula: "Aku tidak suka kepada yang terbenam hilang".*

Sejarah dakwah Nabi Ibrahim bermula apabila baginda a.s diutuskan kepada kaum ‘Āḍ dan Ṭhāmūḍ. Dikisahkan bahawa kaum ‘Āḍ dan Ṭhāmūḍ sangat kuat dalam mempertahankan berhala serta menjadikan bintang, cakerawala di langit seperti langit, bulan dan matahari sebagai sembah mereka.<sup>228</sup> Usaha Nabi Ibrahim dalam mengembalikan keyakinan kaumnya untuk kembali beriman kepada Allah dapat diceritakan menerusi potongan ayat di atas. Baginda a.s berusaha menyeru kaumnya untuk berfikir terhadap kekurangan dan kelemahan sembah mereka dalam usaha mengembalikan tauhid mereka terhadap KeEsaan hanya pada Allah SWT.

Strategi dakwah yang digunakan oleh Nabi Ibrahim dalam mengemukakan isi dakwah ialah mengemukakan isu akidah sebagai isu utama. Ini kerana, latar belakang kelompok manusia pada zaman tersebut masih dibelenggu dengan pegangan yang songsang dari agama kebenaran perlu dijernihkan terlebih dahulu sebelum dikemukakan Islam kepada mereka. Tanpa ditetapkan iman yang utuh, mustahil bagi mereka untuk mempercayai perkara-perkara lain yang terkandung dalam syariat Allah.

Keimanan pada Allah merupakan tunjang dalam konsep akidah. Lantas, mengembalikan kepercayaan terhadap Allah Pencipta Alam mampu meyakinkan mereka kepada malaikat, para nabi dan rasul, hari kiamat dan qāḍā’ dan qāḍār Allah.

---

<sup>228</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin (1997), *op. cit.*, h. 52.

Selain itu, al-Quran juga menceritakan perihal al-Quran sebagai kitab Allah yang benar. Firman Allah:

الْم ﴿١﴾ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

(*Ṣūrāḥ āl-Bāqārāḥ* (2):1-2)

*Alif, Laam, Miim(1) Kitab Al-Quran ini tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertakwa;(2)*

Al-Quran juga menceritakan perihal hari Kiamat dan bagaimana Nabi SAW berusaha meyakinkan Musyrikin berkaitan persoalan Kiamat yang hanya berada dalam pengetahuan Allah. Ia dinyatakan dalam beberapa surah dan ayat dalam al-Quran antaranya dalam *Ṣūrāḥ āl-Qārī'āḥ* (101:1-11) dan *āl-'Ārāf* (7:187).

Kesimpulannya, isu akidah perlulah diajarkan kepada sasaran dakwah sebelum hal-hal lain berkaitan Islam ditekankan. Namun, akidah yang diajarkan itu bukanlah sekadar menimbulkan pengetahuan sasaran berkaitan dengan kewujudan Allah SWT semata-mata, kerana mengetahui wujudnya pencipta alam ini sememangnya merupakan fitrah manusia. Akidah yang perlu diajarkan adalah akidah yang mampu menggerakkan kesedaran dan rasa patuh serta tunduk kepada Allah SWT serta usaha menyelaraskan akidah dalam setiap tutur kata, pemikiran dan tindakan sasaran. Kaedah ini bukan sekadar memberi pengetahuan akan wujudnya Allah, akan tetapi menyebabkan sasaran dakwah akan merasai suatu kesedaran yang lahir dari hati mereka lalu mewujudkan rasa penghambaan hanya kepada Allah SWT. Aspek ini perlu diambil berat bagi membina dan mewujudkan pemikiran dan tingkahlaku manusia berteraskan Islam sebagai asas permulaan bagi menjiwai makna Islam keseluruhannya. Seterusnya, apabila teras Islam

sudah kukuh dalam diri sasaran, maka usaha memahamkan syariah Islam sebagai mesej kedua dalam *māwḍū'* dakwah dapat diketengahkan.

#### b) *Ṣyārī'āḥ* Sebagai Mesej Dakwah

*Ṣyārī'āḥ* ialah jalan yang digariskan untuk dijalani di atasnya dan apa yang dimaksudkan dengannya ialah kewajipan yang zahir yang dilaksanakan oleh anggota tubuh. Ia mengandungi kewajipan dalam konteks *fārḍḥū* (syariat yang perlu) dan *fārḍḥū kifāyāḥ* (syariat yang dikehendaki). Sebagai seorang Muslim, tanggungjawab utama yang perlu dijalankan ialah mengabdikan diri pada Allah SWT dan melaksanakan perintah-Nya seperti menunaikan solat, berpuasa, membayar zakat dan menunaikan haji. Perkara-perkara tersebut menjadi satu *kefārḍḥūan* ke atas semua orang Islam untuk menunaikannya. Bahkan, meninggalkannya akan menjadikan manusia berdosa dan ganjaran pahala akan diberi pada setiap kewajipan yang dilaksanakan.

Manakala, *fārḍḥū kifāyāḥ* pula ialah yang perkara-perkara yang dapat mengatur kehidupan manusia dalam seluruh aspek yang berkaitan siasah, ekonomi, pertanian dan sebagainya.<sup>229</sup> *Ālī Ṣyārī'āḥī* (1982), turut berpandangan bahawa *ṣyārī'āḥ* secara teorinya telah merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia termasuk soal peribadi, sosial, politik dan intelektual. Manakala, dari sudut praktikalnya, *ṣyārī'āḥ* memberi pengertian terhadap perilaku manusia dalam kehidupan duniawi mereka.<sup>230</sup> Hal tersebut jelas menunjukkan, konsep syariat tidak tergantung pada tahap ibadah semata-mata, bahkan ia memberi inteprestasi yang lebih luas iaitu merangkumi hal-hal *mū'āmālāḥ*, *mūnākāḥāḥ*, *jīnāyāḥ* dan seluruh tatacara hidup yang berpandukan peraturan Islam.

<sup>229</sup> Ghālṣḥ, Āḥmād (1978), *op. cit.*, h. 25

<sup>230</sup> *Ṣyārī'āḥī, Ālī* (1982), *Tentang Sosiologi Islam* (terj. Saifullah Mahyudin). Yogyakarta: Ananda, h. 107

Abdullah Muhammad Zin (1997), menterjemahkan *ṣyārī'āḥ* kepada suatu dimensi amali. Berbeza dengan konsep akidah yang menjurus pada dimensi teori, *ṣyārī'āḥ* membincangkan persoalan berkaitan peraturan yang disyariatkan Allah SWT bagi mengatur hidup manusia serta menjadi suatu cara bagi manusia berinteraksi dengan Allah, sesama manusia dan alam sekelilingnya.<sup>231</sup>

Konsep *ṣyārī'āḥ* dikenali sebagai “amal soleh” apabila ia dinyatakan dalam al-Quran. Ia mempunyai hubungan yang signifikan dengan akidah yang dikenali sebagai “iman” dalam al-Quran. Terdapat banyak ayat yang menyebut kedua-dua dimensi secara bersama bagi menggambarkan hubungan yang kuat antara keduanya, dan peri pentingnya kepada umat Islam untuk difahami dan dihayati.

Firman Allah SWT:

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

(*Ṣūrāḥ āl-‘Āṣḥr* (103):1-3)

*Demi Masa! (1) Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian (2) Kecuali orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar (3).*

Syariat Islam mengandungi hukum dan peraturan Islam. Peraturan-peraturan tersebut dibuat bertujuan membawa manusia untuk terus hidup dalam kebahagiaan. Sebagai contoh, hukuman bagi pesalah zina dibuat bertujuan untuk memelihara akhlak manusia dan mencegah mereka dari kerosakan yang boleh membinasakan bukan sahaja individu

<sup>231</sup> Abdullah Muhammad Zin (1997), *op. cit.*, h. 2

malah keluarga dan masyarakat. Ini kerana, perlakuan zina yang tidak dicegah boleh mendatangkan mudarat yang akhirnya menjadi wabak bagi pelbagai penyakit. Zina juga menyebabkan kondisi dan institusi kekeluargaan menjadi kucar kacir dan boleh menghancurkan kebahagiaan sesebuah keluarga.<sup>232</sup>

Dalam hal ini, *ṣyārī'āḥ* yang biasanya digambarkan hanya sebagai “hukum Islam” sebenarnya bertindak lebih luas dari kebiasaan yang sering digambarkannya. Syariah bukan sahaja merangkumi peraturan Islam malah ia merupakan suatu sistem etika dan nilai serta suatu metodologi yang bertindak lebih pragmatik. Oleh itu, ciri-ciri keIslaman dalam peradaban Muslim boleh diukur menerusi keberhasilan perlaksanaan syariat yang dituruti.<sup>233</sup> Hal ini menggambarkan, syariat Islam bukan hanya suatu peraturan kehidupan manusia malah ia bertindak sebagai suatu sistem nilai yang mampu memandu etika dan keperibadian manusia.

Kesimpulannya, *ṣyārī'āt* Islam yang perlu disampaikan kepada sasaran dakwah bukan hanya tertumpu pada persoalan ibadah semata-mata, malah perlu mencakupi hal ehwal ekonomi, mu'amalah, siasah, tatacara kehidupan dan berkaitan undang-undang serta perlaksanaan hukum Islam. Kaedah dan uslub yang baik perlu diaplikasi agar sasaran dakwah dapat memahami tujuan perlaksanaan sesebuah hukum dan faktor diwujudkan sesuatu peraturan dalam Islam. Pemahaman dan penghayatan berkaitan Islam juga turut diaplikasikan oleh Rasulullah SAW semasa pemerintahan baginda SAW di Madinah. Perjuangan memurnikan akidah umat Islam pada zaman Makkah dibawa ke tahap yang lebih tinggi dengan menyebarkan hal-hal berkaitan hukum Islam setelah teras Islam terbina semasa dakwah baginda di Makkah.

---

<sup>232</sup> Zāydan, 'Abd al-Kārim (1980), *Dasar-dasar ilmu dakwah* (terj. Asywadi Syukur). Jakarta: Media Dakwah, h. 82-83

<sup>233</sup> Syari'ati, Ali (1982), *op. cit.*, h. 113



### c) Akhlak Sebagai Mesej Dakwah

Islam merupakan agama yang menyeru kepada kebaikan. Ia merupakan suatu ajaran yang baik dan mampu memperbaiki manusia serta membentuk akhlak mereka. Islam memperbaiki manusia dengan memperbaiki jiwanya terlebih dahulu, membersihkannya dan menanamkan sifat-sifat yang terpuji. Ini kerana, akhlak itu sendiri merupakan suatu entiti yang lahir dari jiwa dan dalaman manusia. Lantas, ia akan mengeluarkan sikap sama ada baik atau sebaliknya.

‘Ābdūl Kārīm Zāyḍān (1980), menjelaskan bahawa akhlak memberi pengaruh yang sangat besar dalam membentuk perbuatan manusia. Tindak-tanduk manusia pula bertepatan dengan pembawaan dan sifat yang ada dalam jiwa dan hati mereka.<sup>234</sup> Oleh yang demikian, akhlak sebagai mesej dakwah perlu diterapkan kepada sasaran dakwah sebagai usaha memperbaiki jiwa dan membersihkan hati mereka dalam mengenal dan menghayati Islam yang terpuji.

Peranan akhlak sangat penting dalam kehidupan Muslim. Ini bertepatan dengan tujuan diciptakan Rasulullah SAW iaitu sebagai penyempurnaan akhlak. Ketinggian dan keluhuran akhlak baginda SAW diterangkan dalam sebagaimana dalam firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

(Ṣūrāḥ āl-Qālām (68):4)

*“Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.”*

---

<sup>234</sup> Zāyḍān, ‘Ābdūl Kārīm (1980), *op. cit.*, h. 99

Ternyata kebangkitan dan pengutusan baginda Rasulullah SAW kepada umat manusia adalah bagi menyempurnakan akhlak. Kemelut jiwa dan pergolakan yang berlaku pada umat terdahulu seperti terbelenggu dalam kancah Jāhīlīyyāh, terjerumus dalam pelbagai kerosakan dan peningkatan jumlah penindasan kepada golongan lemah merupakan antara tujuan Rasulullah diturunkan. Asming Yalawae (2007), berpendapat bahawa baginda SAW bukan hanya diturunkan untuk menyeru umat manusia agar mereka mengabdikan diri pada Allah SWT malah, baginda turut diutuskan sebagai penyelamat umat dalam memperbaiki akhlak-akhlak buruk yang merosakkan. Natijah pengutusan baginda SAW menunjukkan bahawa akhlak merupakan satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan manusia bahkan kemuliaan dan penghormatan pada satu-satu bangsa juga bergantung pada akhlak ahlinya.<sup>235</sup>

Akhlak secara asasnya terbahagi kepada dua unsur iaitu akhlak yang baik dan akhlak yang buruk. Akhlak yang baik adalah sopan dan mulia. Ia akan dapat dipancarkan menerusi perkataan dan kelakuan yang baik. Manakala, akhlak yang buruk adalah adab yang buruk yang akan dipancarkan menerusi kata-kata dan kelakuan yang buruk.<sup>236</sup> Dalam hal ini, akhlak dilihat sebagai suatu dimensi kerohanian yang merujuk pada bahagian dalaman iaitu kejiwaan manusia yang dipancarkan atau dimanifestasikan dari bahagian luaran iaitu perbuatan. Akhlak yang baik akan merealisasikan perbuatan yang baik manakala akhlak yang jahat akan merealisasikan perbuatan yang keji.<sup>237</sup>

Mohd. Nasir Omar (2010) telah merujuk pendapat Ibn Miškāwāyḥ dan Imam Ghazali mengenai kaedah mengukur kriteria akhlak yang direalisasikan oleh perbuatan baik atau buruk. Oleh yang demikian, akhlak dapat dikenalpasti menerusi dua kayu ukur

---

<sup>235</sup> Yalawae, Asming (2007), "Akhlak Warisan Rasulullah S.A.W Membawa Kemuliaan Umat", *Jurnal Usuluddin*, bil. 26, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 74

<sup>236</sup> Al-'Ābd, 'Ābd al-Lā'if Mūḥāmmād (1985), *al-Ākhlāq fī al-Īslām*. Qāḥīrah: Maktābat Dār al-'Ulūm, h. 7&8

<sup>237</sup> Mohd. Nasir Omar (2010), *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 84

iaitu syariat dan akal. Dalam konteks ‘syariat’, segala tuntutan syariat yang dilakukan seseorang individu merupakan akhlak yang baik manakala mengingkari semua tuntutan syariat adalah akhlak yang buruk. Dalam hal ini, tuntutan syariat yang dimaksudkan bukan hanya pada hal-hal ke $\bar{f}$ ard $\bar{h}$ ūan malah ia juga menyangkut hal lain yang menjadi tuntutan seperti dalam persoalan muamalah, sosial, politik dan sebagainya.

Kriteria yang kedua pula adalah menerusi ‘akal’. Perbuatan yang diterima baik oleh akal manusia sekalipun tidak diperhalusi penerangannya menerusi syariat Islam juga adalah baik seperti menjaga kemudahan awam, membasmi kemiskinan, memperluaskan peluang pekerjaan dan sebagainya. Manakala, melanggar perbuatan yang baik yang diterima akal manusia merupakan suatu perkara yang buruk walaupun tidak diperhalusi penerangannya dalam syariat Islam seperti merosakkan tandas, merosakkan pondok telefon, melanggar peraturan jalan raya dan sebagainya.<sup>238</sup>

‘Abd Kārim Zāyḍān (1980), telah menggariskan beberapa cara yang dapat digunakan untuk memperbaiki dan membentuk akhlak yang mulia. Antaranya ialah dengan menguasai ilmu pengetahuan agar mampu mengetahui konsep akhlak dengan baik. Kaedah ini dilakukan agar manusia dapat mendekati diri pada Allah, sering berwaspada dan hati-hati dalam setiap tindakan, tidak terdorong untuk melakukan akhlak yang keji dan mampu menyelami maksud akidah Islamiah ke dalam jiwa dan merealisasikan tuntutan syariat dengan sempurna kerana akhlak mempunyai kaitan dengan konsep akidah dan syariat Islam.<sup>239</sup> Jelasnya, penguasaan terhadap ilmu akhlak mampu membentuk tingkah laku dan mengarahkan individu tersebut ke arah kebaikan dan ketinggian peribadi di samping, menjauhi perkara yang bahaya dan buruk agar

---

<sup>238</sup> *Ibid.*, h. 84&85

<sup>239</sup> Zāyḍān, ‘Abd āl-Kārim (1980), *op. cit.*, h. 132-144

dapat berusaha menjauhkan diri daripada terjebak dengan pengaruh-pengaruh yang negatif.

Konsep akhlak Islam tidaklah bersandarkan pada konsep beribadatan atau yang berkaitan dengan tingkah laku dan pergaulan dengan masyarakat sahaja. Bahkan, ruang lingkup akhlak Islam itu jauh lebih syumul dan merangkumi kedua-duanya. Ia melibatkan *rūḥāniyyāḥ*, *jāsmāniyyāḥ*, agama, dunia, akal, perasaan, peribadi dan masyarakat. Kesemuanya ini telah digariskan sebagai kaedah dan cara hidup yang mulia.<sup>240</sup> Oleh yang demikian, akhlak Islam itu dapat difahami sebagai suatu tatacara hidup Islam yang menyeluruh. Seseorang yang berakhlak dengan akhlak Islam, dia bukan sahaja menguruskan persoalan makan dan minumannya supaya tidak berlebihan, bahkan dia juga mementingkan keperluan ibadat dan perhambaan kepada Allah. Seorang yang mempunyai akhlak Islam, dia bukan sahaja mampu mensucikan hati, akal dan fikirannya malah dia juga mampu memimpin keluarganya dengan baik. Seseorang individu yang mengamalkan akhlak Islam bukan sahaja menjaga hubungannya dengan Allah, bahkan dia juga tidak sesekali mengenyepikan hubungannya dengan ibu, bapa, saudara, masyarakat serta alam sejaratnya.

Konsep akhlak yang dituntut dalam Islam sememangnya telah dihuraikan dalam hadis Nabi menerusi persoalan Jibril berkaitan Islam, iman dan ihsan. Istilah ihsan yang dijelaskan dalam hadis tersebut membawa pengertian bahawa ibadah yang dilakukan kepada Allah (dalam keadaan) perlu dilaksanakan seolah-olah kita melihat Allah; jikalau kita tidak dapat melihat-Nya, maka kita perlu yakin seolah-olah Allah melihat kita. Ironinya, ihsan itu sendiri merangkumi kualiti keyakinan diri terhadap Allah SWT

---

<sup>240</sup> Mūḥāmmād Yūṣūf Qārḍḥāwī (1983), *Islam Dakwah Yang Syumul* (terj. Mohd Rivai Batubara). ABIM: Angkatan Belia Islam Malaysia, <http://www.muslimdiary.com/downloads/islam%20da'wah%20yg%20syumul.pdf>. Diambil 5 Mei 2011

tanpa mengira saat dan ketika. Perasaan tersebut perlu dipupuk dan dirasai oleh setiap muslim serta dapat diterjemahkan menerusi perilaku seharian.

Ini bererti, kualiti akidah yang kukuh yang disertai perlakuan dalam menyempurnakan syariat Allah akan disertai dengan perbuatan yang ditampilkan tanpa ada unsur paksaan dan desakan. Malah, ia diterjemahkan secara natural menerusi zahir yang ditunjukkan oleh seorang Muslim yang berperibadi tinggi.<sup>241</sup> Aspek ini dapat menjelaskan bahawa, jika seseorang Muslim yang telah yakin dengan kewujudan Allah, maka dia akan menuruti segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya berdasarkan memenuhi tuntutan syariat Islam yang diperintah seperti solat dengan sebenar-benarnya, puasa dengan penuh rasa keinsafan dan sebagainya. Perlakuan-perlakuan yang dizahirkan lahir dari sifat ihsan yang wujud dari keadaan iman yang dipupuk. Lantas, seorang muslim itu mampu mendidik dirinya menjadi seorang insan yang mulia kerana setiap perlakuannya dirasakan diperhatikan oleh Pencipta. Akhirnya, terbenamlah segala perlakuan buruk dan jahat hasil daripada ketiga-tiga unsur ajaran Islam yang disampaikan kepada umat manusia.

### 3.2 METODE *ĀL-MĀW'ĪZZĀH ĀL-HĀṢĀNĀH*

Penggunaan tutur kata yang baik menerusi *āl-Māw'īzzāh āl-Hāṣānāh* mempunyai beberapa bentuk antaranya kata-kata yang berterus-terang tetapi dengan aplikasi nada yang lembut dan halus, mengingatkan nikmat-nikmat yang boleh membawa kepada kesyukuran, menjelaskan tentang pujian, celaan dan janji-janji Allah SWT. dengan

---

<sup>241</sup> Zakaria Stapa (2004), *op. cit.*, h. 78&79

kemenangan dan kekuatan serta merangsang dengan rangsangan-rangsangan yang baik dari Allah dan janji-janji buruk dari-Nya yang menakutkan.<sup>242</sup>

Āl-Ālūṣī (1978), mendefinisikan *āl-Māw'izzāh āl-Ḥāṣānāh* sebagai pengajaran yang baik yang boleh memberi manfaat kepada sasaran. Ia juga merupakan ucapan-ucapan yang bernas dan peringatan-peringatan yang boleh memberi kesedaran dan dapat menghindarkan manusia dari keburukan.<sup>243</sup> Definisi ini jelas menunjukkan bahawa nasihat yang baik mengandungi unsur *tārghīb*, *tārḥīb*, *tāndzīr* dan *tābṣyīr* yang akhirnya membawa kepada proses penyucian jiwa (*tāzkiyyāh*).

Ternyata, nasihat yang baik itu bukan hanya diterjemahkan sebagai tutur kata yang sopan dan penuh kata-kata manis sahaja, tetapi ia turut merangkumi unsur-unsur peringatan agar sasaran memahami mesej yang hendak disampaikan sehingga timbulnya penyesalan atas kesalahan yang dilakukan.

Selain itu, ia turut mengaplikasikan kaedah-kaedah yang boleh memberi rangsangan positif yang membangunkan jiwa (*al-Tārghīb*), Menimbulkan rasa kewaspadaan dalam jiwa terhadap dosa dan amalan buruk (*al-Tārḥīb*), Menimbulkan rasa gerun terhadap ancaman yang dijanjikan Allah (*āl-Tāndzīr*), Menimbulkan gerak nurani untuk melakukan kebaikan melalui janji yang di berikan Allah (*āl-Tābṣyīr*) dan melibatkan proses penyucian jiwa melalui pembinaan potensi hati (*āl-Tāzkiyyāh*).


---

<sup>242</sup> āl-Bāyanūnī, Mūḥammād Ābū al-Fāṭḥ (1995), *āl-Mādkhāl ilā 'Ilm al-Dā'wāh: Dirāsāt Mānḥājīyāh Shāmilāh li-Tārīkh al-Dā'wāh wā-Ūṣūlīhā wā-Mānāḥijīhā wā-Āṣālībīhā wā-Wāṣā'ilīhā wā-Mūṣhkilātīhā fi Dāw' al-Nāql wā al-'Aql*. Bāyrūt: Mū'assāsāt al-Riṣālāh, h. 259

<sup>243</sup> Āl-Ālūṣī Ābū Fāḍḥl Shīḥāb Āl-Dīn Āl-Ṣāyyīd Āl-Bāḡdādī (1978), *Rūḥ al-Mā'ānī fi al-Tābṣyīr al-Qūrān al-Karīm wā al-Ṣāb'a al-Māṭḥarī*, jil. 2. Beirūt: Dār al-Fīkr, h. 254

Kesemua lima *uṣlūb* ini melibatkan usaha dakwah dengan cara menyentuh emosi, jiwa dan hati manusia agar wujud satu dorongan dan membangkitkan semangat serta kesedaran dalam membentuk suatu tindakan yang diinginkan.

Untuk memudahkan pemahaman tentang *uṣlūb-uṣlūb* yang ada dalam metode *āl-Māw'izzāh āl-Hāṣānāh*, di bawah ini dikemukakan Modul 5T, seperti berikut:



Rajah 1:- Rujukan Sumber: Model metode *āl-Māw'izzāh āl-Hāṣānāh* (5T)

Kesemua *uṣlūb-uṣlūb* yang dinyatakan ini banyak diaplikasi dalam al-Quran menerusi ayat-ayat yang menyentuh kisah-kisah perjuangan dakwah para nabi dan rasul dalam menyeru umat manusia di zaman terdahulu agar mengubah pemikiran dan pegangan mereka kepada pemikiran dan pegangan berteraskan Islam. Dalam hal ini, *uṣlūb* nasihat yang baik juga menjurus pada usaha memberi peringatan kepada sasaran supaya mereka sentiasa diingatkan kepada balasan Allah menerusi kisah-kisah dan kejadian yang pernah menimpa umat manusia terdahulu. Menerusi *uṣlūb* ini, sasaran akan mendengar dengan teliti nasihat yang disampaikan kerana ia tidak

berhajat pada pertengkaran dengan perkataan, malah ia mampu memberi kesan kejiwaan yang baik terhadap sasaran dakwah<sup>244</sup>.

Sikap dan naluri manusia mengandungi dua situasi umumnya. Pertama, ia boleh membawa manusia kepada keburukan, kemusnahan yang menjerumuskan manusia ke lembah kehinaan dan yang kedua ia boleh membawa kepada kebaikan yang mampu mendorong manusia untuk berada pada jalan yang benar. Maka menerusi aplikasi *ūṣlūb tārgħīb ḍān ṭārħīb* manusia boleh didorong ke arah kebenaran serta mengubah kelakuan sumbang dan buruk lantas menyemai sikap baik dan mulia dalam diri.<sup>245</sup>

Oleh itu, unsur *tārgħīb* dalam nasihat diterjemahkan sebagai suatu rangsangan yang diaplikasikan kepada sasaran dengan hasrat membawa sasaran ke arah kebaikan manakala *tārħīb* diterjemahkan sebagai suatu ancaman yang dibentangkan kepada sasaran dengan hasrat menjauhkan sasaran daripada suatu yang buruk.

Nasihat dengan membentangkan unsur *tārgħīb ḍān ṭārħīb* mampu memberi kesan dalam jiwa sasaran dakwah serta mampu memandu manusia dan mengubah tingkahlaku mereka untuk terus hidup dalam ketaatan kepada Allah. Ia juga mampu membangkitkan rasa mengharap ganjaran Allah dan menimbulkan rasa takut terhadap siksa dan balasan-Nya.

---

<sup>244</sup> Syed Abdurahman Syed Hussin (1996), *op. cit.*, h. 63

<sup>245</sup> Ahamad Asmadi Sakat (2002), 'Perbandingan Antara Teori Motivasi Barat dengan Metode *āl-Tārgħīb* dan *āl-Tārħīb* Menurut al-Quran dan al-Sunnah : Perlaksanaannya dalam Konteks Dakwah Serantau', (Seminar Antarabangsa Pengajian Dakwah Malaysia-Indonesia, bil. 2, Indonesia: Medan, 18 Mei), h. 11




Firman Allah SWT:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ  
الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾ وَأَنَّ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ أَعْتَدْنَا  
لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٠﴾  
(Şūrāh al-Īsrā' (17):9-10)

*Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang benar (agama Islam), dan memberikan berita yang mengembirakan orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar (9) dan bahawa orang yang tidak beriman kepada hari akhirat, Kami sediakan bagi mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya.(10)*

### 3.2.1 Ūṣlūb al-Ṭarḡhīb dalam āl-Māw‘īzāh al-Hāṣānāh



Rajah 2:- Pembahagian Uṣlūb Ṭarḡhīb

Ṭarḡhīb merupakan istilah daripada bahasa Arab yang diambil dari kata kerja rā-ghī-bā. Apabila istilah ini dimasukkan huruf ‘في’ selepasnya, ia bererti suka dan inginkan pada sesuatu<sup>246</sup> dan apabila ia disusuri dengan huruf ‘عن’ ia bererti benci pada sesuatu dan

<sup>246</sup> Osman Haji Khalid (2006), *Kamus Besar Arab - Melayu Dewan = al-Mu`jam al-`Arabi al-Malayuwi al-Kabir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 923

tidak menyukai lalu ingin meninggalkannya<sup>247</sup>. Oleh yang demikian, istilah *rā-ghī-bā* ini mengandung dua perincian makna iaitu suatu perasaan suka dan mengingini serta perasaan benci akan sesuatu. Menerusi kedua-dua pengertian di atas, Ahamad Asmadi Sakat (2002), telah merumuskan bahawa istilah *tārghīb* menunjukkan sesuatu perkara yang disukai yang menyebabkan wujudnya rasa benci pada sesuatu perkara yang tidak disukai<sup>248</sup>.

Definisi di atas menunjukkan bahawa *uṣlūb tārghīb* digunakan sebagai suatu galakan kepada suatu perkara dengan menggunakan sesuatu yang digemari dan disukai. Apabila suatu perkara tersebut digemari dan disukai, ia secara langsung akan menimbulkan rasa benci terhadap perkara lain. Sebagai contoh, sekiranya seorang pendakwah mahu sasarannya rajin solat, dia perlu mendorong dengan cara membentangkan perkara-perkara yang boleh menarik minat sasaran untuk bersolat seperti mengaitkan hikmah solat dengan teori kesihatan. Lantas, apabila sasaran mula tertarik dengan maklumat tersebut, dia akan mula rajin bersolat dan benci pada perkara-perkara yang boleh menyebabkan dia melalaikan dan meninggalkan solat.

Istilah *tārghīb* mempunyai persamaan dengan istilah motivasi dalam ilmu psikologi. Motivasi merupakan suatu dorongan untuk mencapai suatu matlamat. Perkataan motivasi itu sendiri bererti 'untuk menggerak'. Ia menggambarkan suatu keadaan dalaman yang menggerakkan tingkahlaku untuk mencapai sesuatu matlamat<sup>249</sup>

Konsep motivasi ini pula mengandungi dua istilah yang sinonim dengannya iaitu kehendak dan dorongan. Kedua-duanya sangat dekat dengan kehidupan manusia. Kedua-duanya diperlukan bagi menggerakkan manusia berupaya memenuhi sesuatu

<sup>247</sup> *Ibid.*, h. 924, *Liha*, t. Jāmā'ah min Kibār al-Lāghwīyyin al-Ārāb (t.t), *Mū'jam al-'Arabi al-'Asāsī*. Mūnāzzimāh al-Ārābiyah lil Tārbiyyah wā al-Ṭḥāqāfah wā al-'Ulūm, h. 533

<sup>248</sup> Ahamad Asmadi Sakat (2002), *op. cit.*, h. 1

<sup>249</sup> Ma'rof Redzuan (2008), *Psikologi*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill, h. 169

matlamat dalam hidup mereka. Kehendak pada asalnya merupakan entiti keperluan, namun apabila ia diperlukan dalam keadaan yang segera, keperluan tersebut akan menjadi kehendak. Makanan umpamanya merupakan keperluan bagi manusia. Apabila manusia berada dalam keadaan sakit, mereka memerlukan makanan yang berzat dan berprotein bagi memelihara kesihatan badan. Dalam hal ini, makanan menjadi suatu kehendak yang segera untuk dipenuhi. Istilah kedua yang sinonim dengan motivasi ialah dorongan. Manusia memerlukan dorongan untuk mencapai sesuatu perkara. Orang yang sakit memerlukan dorongan untuk sembuh dan seorang anak memerlukan dorongan untuk belajar dengan bersungguh-sungguh. Dorongan-dorongan tersebut berfungsi sebagai suatu penggerak yang mencetuskan semangat untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut.<sup>250</sup>

Dakwah juga memainkan peranan yang sama seperti motivasi iaitu memberi galakkan dan dorongan kepada sasaran untuk melakukan sesuatu atau mempengaruhi sasaran berubah ke arah yang lebih baik. Dorongan dan galakkan tersebut merupakan motivasi kepada sasaran. Oleh yang demikian, nasihat yang disertai unsur *tārghīb* merupakan suatu motivasi kepada sasaran. Apabila pendakwah bijak menyelitkan unsur-unsur dorongan dan galakkan serta mampu memenuhi kehendak sasaran, maka ia memberi perkembangan positif terhadap usaha dakwah.

Ahmad Asmadi Sakat (2002) juga menyatakan bahawa *āl-Ṭārghīb* dan motivasi mempunyai persamaan dari sudut konsep dan matlamat. Kedua-duanya menjanjikan ganjaran yang baik dan menitikberatkan usaha membangkitkan semangat, dorongan dan motivasi untuk beramal dan beribadat. Akan tetapi, konsep *āl-Ṭārghīb* dalam Islam lebih menarik dan menyeluruh, di mana ia bukan hanya menjanjikan kesenangan dan

---

<sup>250</sup> Mahmood Nazar Mohamed (1990), *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 290

ganjaran di dunia malah ia turut mengandungi janji-janji baik sehingga ke akhirat. Di samping itu, ia turut menitikberatkan persoalan akhlak dan etika di sepanjang jalan untuk mengecapi nikmat dan ganjaran. Perkara ini berbeza dengan konsep motivasi yang dicipta barat di mana kesenangan dunia yang dijanjikan tanpa menghiraukan aspek akhlak dalam setiap perbuatan yang dilakukan.<sup>251</sup>

a) Naluri

Tingkhilaku manusia boleh digerakkan dengan pelbagai cara. Kaedah pertama ialah dengan menggunakan naluri. Naluri ialah pola tingkhilaku yang tetap, semulajadi dan tidak dipelajari. Naluri akan menghasilkan emosi yang akan digambarkan menerusi tingkhilaku. Antara contoh-contoh emosi manusia termasuk kasih sayang, keriangn, kegembiraan.<sup>252</sup> Oleh yang demikian, emosi-emosi manusia boleh dimanipulasi secara baik untuk kegunaan dakwah. Penyampaian nasihat secara *tārghīb* iaitu dengan menyampaikan mesej secara menggembirakan dan mampu menyentuh emosi serta dapat menarik perhatian sasaran. Bentuk bercerita sangat sesuai digunakan untuk mempengaruhi emosi sasaran. Ia sangat sesuai diaplikasikan kepada khalayak umum kerana *ūṣlūb* ini digemari oleh semua lapisan masyarakat. Malah, fitrah seorang manusia juga suka bercerita dan mendengar cerita.<sup>253</sup> Selain itu, bentuk syair dan pantun antara alternatif lain yang boleh memberi kesan pada jiwa dan emosi sasaran. Kedua-dua bentuk penyampaian ini boleh memikat jiwa dan hati sasaran.<sup>254</sup>

---

<sup>251</sup> Ahamad Asmadi Sakat (2002), *op. cit.*, h. 9&10

<sup>252</sup> Ma'rof Redzuan (2008), *op. cit.*, h. 172

<sup>253</sup> Abdullah Hassan (2002), *Psikologi Moden Untuk Pendakwah*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 57

<sup>254</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin (2001), *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbita Universiti Malaya, h. 166

## b) Dorongan

Kaedah kedua ialah menerusi Pengurangan Dorongan. Teori ini diperkenalkan oleh Clark–Hull. Teori pengurangan dorongan menyatakan bahawa manusia akan terdorong melakukan sesuatu untuk memenuhi kehendak mereka. Kehendak yang masih tidak dapat dipenuhi akan menjadikan manusia terdorong dengan lebih kuat untuk memenuhi kehendak tersebut. Menerusi teori ini manusia berhasil untuk mengurangkan dorongan apabila sesuatu kehendak diperolehi.<sup>255</sup> Mengikut ‘Hierarki Keperluan Manusia’ yang dibentangkan oleh Abraham Maslow, manusia mempunyai 5 tingkat keperluan dan cuba untuk memenuhi keperluan-keperluan tersebut iaitu keperluan fisiologi seperti makan dan minum, keperluan keselamatan iaitu keperluan untuk rasa selamat dari ancaman fizikal dan psikologikal, keperluan untuk bersosial iaitu untuk disayangi, menyayangi, diterima dan menerima orang lain, keperluan sendiri iaitu untuk merasa diri dihormati dan dihargai dan akhirnya keperluan penyempurnaan sendiri iaitu keinginan untuk menjadi seperti yang diinginkan.<sup>256</sup> Antara objektif dakwah ialah mendorong sasaran supaya mengubah sikap dan perilaku kepada yang baik dan lebih baik. Oleh yang demikian, uslub nasihat secara *ṭarḡhīb* boleh diaplikasikan dengan menyempurnakan kehendak-kehendak yang diperlukan sasaran. Dakwah dengan menggunakan rangsangan status iaitu dengan menyatakan status umat Islam sebagai umat yang baik, mulia, adil, beruntung dan mempunyai sifat-sifat yang mulia boleh dikemukakan. Apabila status-status tersebut dinyatakan kepada sasaran terutamanya golongan non-muslim, maka ia boleh menarik perhatian sasaran untuk menerima dakwah Islam.<sup>257</sup>

---

<sup>255</sup> Ma’rof Redzuan (2008), *op. cit.*, h. 172

<sup>256</sup> Mahmood Nazar Mohamed (1990), *op. cit.*, h. 295-297

<sup>257</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin (2001), *op. cit.*, h. 211

### c) Pemberian Insentif dan Peneguhan

Kaedah ketiga ialah Teori Insentif dan Peneguhan. Insentif menekankan faktor rangsangan secara luaran. Menerusi kaedah ini, manusia akan dirangsang berdasarkan insentif yang dapat menarik minat mereka. Rangsangan tersebut akan ‘menarik’nya ke arah matlamat yang dikehendaki. Kebiasaannya, ia dikaitkan dengan dorongan, namun konsepnya lebih mendalam.<sup>258</sup> Ganjaran-ganjaran positif ataupun digunakan sebagai istilah *reward* dalam ilmu psikologi ialah pemberian sesuatu seperti hadiah, kasih sayang, pelukan dan keprihatinan apabila berjaya membuat suatu perkara yang diinginkan. Namun, pemberian ganjaran ini kurang berkesan sebagaimana Peneguhan. Mengikut konsep Peneguhan, ganjaran bukan sahaja diberi apabila suatu tindakan atau perilaku yang dikehendaki dilakukan tetapi sejauh mana kelakuan tersebut dapat diperteguhkan dengan lebih baik dan lebih lama<sup>259</sup>. Teknik ini setidak-tidaknya mengajar untuk lebih jujur dan ikhlas dalam melakukan perubahan atau melakukan sesuatu perkara. Apabila suatu nasihat diberikan kepada sasaran, ia bukan sahaja terhenti di saat perubahan itu berlaku dalam masa itu sahaja, namun nasihat yang benar-benar berkesan ialah selagimana perubahan tersebut berjaya dikekalkan oleh sasaran dan berupaya membentuk diri ke arah yang lebih baik.

Terdapat banyak ayat yang dibawakan dalam al-Quran yang menonjolkan nikmat dan ganjaran baik kepada sesiapa yang mengikut panduan dan tatacara hidup Islam.

---

<sup>258</sup> Ma'rof Redzuan (2008), *loc. cit.*, h. 175

<sup>259</sup> Ray Flora (2004), *The Power of Reinforcement*. Albany: State University of New York Press, h. 15

Sebagai contoh, dalam sūrah āl-Nāḥl ayat 30, Allah berfirman:

﴿ وَقِيلَ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا مَاذَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ قَالُوا خَيْرًا لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ وَلَنِعْمَ دَارُ الْمُتَّقِينَ ﴾

(Sūrah āl-Nāḥl 16:(30))

*Dan ditanya pula kepada orang-orang yang bertaqwa: "Apakah yang telah diturunkan oleh Tuhan kamu?". Mereka menjawab: "Kebaikan". Orang yang berbuat kebaikan di dunia ini beroleh balasan yang baik, dan sesungguhnya balasan negeri akhirat itu lebih baik lagi; dan memanglah negeri akhirat ialah sebaik-baik negeri bagi orang yang bertakwa.*

Menerusi ayat di atas, manusia yang berbuat kebaikan akan dibalas dengan ganjaran yang baik bukan sahaja di dunia malah di akhirat kelak. Ganjaran yang dijanjikan boleh menjadi suatu bentuk insentif dan peneguhan (*reinforcement*) kepada sasaran agar mereka mampu membentuk akhlak selaras dengan keperibadian Islam. Oleh yang demikian, manusia yang ingin menerima ganjaran kebaikan dalam hidup, mereka perlu sentiasa berbuat kebaikan sepanjang masa dan menjauhi perkara-perkara kejahatan. Aspek ini menjadi suatu insentif yang dapat memperkukuhkan motivasi sasaran dan dalam masa yang sama memberi pengukuhan agar ia diaplikasikan secara berterusan untuk mendapat kebaikan sehingga ke akhirat kelak.

Stephen Ray Flora (2004) menyatakan bahawa motivasi mudah terbentuk menerusi ganjaran-ganjaran positif yang disalurkan dan diberikan pada seseorang. Ganjaran-ganjaran positif yang tidak kelihatan dari bentuk fizikal seperti galakkan, sokongan dan pujian ialah antara bentuk insentif yang boleh menaikkan motivasi untuk

mencapai sesuatu matlamat yang dikehendaki.<sup>260</sup> Perkara tersebut boleh merangsang dan mempengaruhi sasaran untuk mengikutinya. Pengaplikasian *uṣlūb tārghīb* dengan diselitkan teori insentif dan peneguhan boleh memberi pengaruh yang besar kepada sasaran untuk menerima nasihat dan ajakan ke arah kebaikan. Ganjaran-ganjaran tersebut menjadi suatu daya tarikan yang amat baik untuk mendekati sasaran dakwah dalam usaha membentuk akhlak Islam dalam diri sasaran.

#### d) Jangkaan

Kaedah keempat pula menggunakan Jangkaan. Menerusi kaedah ini, manusia berpotensi untuk membuat jangkaan terhadap kesan dan akibat yang akan terjadi setelah sesuatu tingkahlaku atau tindakan dilakukan. Jangkaan tersebut boleh menjadikan mereka lebih bermotivasi untuk mengikut sesuatu yang diarahkan. Ia begitu signifikan dengan motif pencapaian yang diinginkan oleh setiap manusia. Keinginan untuk mencapai suatu kelayakan serta pencapaian tertentu dan keinginan untuk berkuasa antara motif yang sering dijangkakan manusia sekiranya mereka melakukan sesuatu perkara. Oleh yang demikian, dakwah dengan menyelitkan bentuk-bentuk jangkaan yang akan diperolehi sasaran di masa hadapan seperti kejayaan masa hadapan, dikurniakan nikmat syurga yang pelbagai serta dianugerahkan nikmat keselesaan dan keselamatan hidup antara jangkaan lebih mudah untuk mempengaruhi jiwa dan emosi sasaran untuk bertindak sebagaimana tingkahlaku yang diinginkan. Menerusi kaedah tersebut, sasaran akan menjangkakan suatu perkara yang baik yang akan diperolehinya pada masa hadapan sekiranya melakukan sesuatu yang baik. Selain itu, ia juga boleh menggerakkan minat, rasa dan keinginan sasaran untuk mendengar, memahami lantas menghayati mesej dakwah yang disampaikan.

---


<sup>260</sup> *Ibid.*, h. 117



Walaupun teori-teori yang dibentangkan di atas ialah teori yang dipelopori oleh sarjana-sarjana barat, namun ia boleh dimanipulasikan untuk tujuan membangunkan Islam. Al-Quran juga banyak mengemukakan *uṣlūb-uṣlūb* sebagaimana yang dinyatakan dalam teori-teori tersebut. Walau bagaimanapun, *uṣlūb ṭarḡḥīb* yang dianjurkan dalam Islam lebih anjal dan menyeluruh iaitu meliputi ganjaran dan nikmat bukan hanya di dunia malah di akhirat. Tidak sepertimana teori konvensional yang hanya menjanjikan ganjaran-ganjaran material tanpa mengaitkan dengan ganjaran serta balasan di akhirat.

Kesimpulannya, aplikasi nasihat menerusi *ṭarḡḥīb* mempunyai pelbagai teknik dan bentuk yang boleh diaplikasi. Maka, ia boleh digunakan dalam usaha menyampaikan nasihat kepada sasaran tanpa membebankan mereka. Penyampaian nasihat secara *ṭarḡḥīb* iaitu dengan memberi rangsangan positif yang membangun jiwa akan menjadikan nasihat yang disampaikan mudah dan senang untuk diterima kerana kaedah ini membangkitkan dorongan dari dalaman dan dizahirkan menerusi tindakan secara sendiri oleh sasaran tanpa ada unsur paksaan. Maka, dakwah yang disampaikan lebih mudah diterima dan kaedah ini dapat mengelakkan sasaran melarikan diri dari pendakwah serta menjauhkan diri dari Islam.

### 3.2.2 *Uṣlūb al-Ṭarḡḥīb* dalam *al-Maw'izāh al-Hāsānāh*



Rajah 3:- Pembahagian *Uṣlūb Ṭarḡḥīb*

Ṭārḥīb merupakan istilah Arab yang berasal dari kata kerja rā-ḥī-bā (rāḥībā-yārḥābū-rāḥbāṭān) yang bererti takut (خاف) pada sesuatu yang baik.<sup>261</sup> Apabila ditambah pada awalnya huruf ‘أ’ menjadi (أرهب) iaitu bererti (أخاف), menakutkan<sup>262</sup> atau sesuatu perkara yang membuatkan seseorang berasa takut dan gerun yang mengakibatkan wujudnya kebencian pada sesuatu yang buruk lantas ingin meninggalkan perkara tersebut.<sup>263</sup>

Ṭārḥīb digunakan untuk membawa manusia mengingati kehidupan akhirat menerusi dorongan untuk mengutamakan hidup di dunia ini dengan amal kebajikan bagi menuju kehidupan di akhirat berbanding hanya memfokuskan kenikmatan di dunia sahaja. Ia perlu untuk memandu manusia yang lemah jiwa dan mudah terpesona dengan nikmat dunia sehingga lalai dan leka untuk menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah di dunia ini. Perkara ini menjadikan manusia terjerumus kepada kemungkar dan kemaksiatan kerana kurangnya daya tahan untuk mengawal nafsu yang sering mengatasi akal kewarasan dan keiman pada Tuhan yang Esa.<sup>264</sup>

Ūṣlūb ṭārḥīb juga seperti ṭārḥīb iaitu boleh disampaikan menerusi pelbagai bentuk. Antaranya, ia boleh dinyatakan dengan cara memberi amaran dan peringatan kepada sasaran tentang kemurkaan Allah dan menyebutkan beberapa firman-Nya yang boleh menakutkan mereka yang melakukan kemungkar supaya mereka sedar terhadap kekhilafan dan kesalahan yang dilakukan. Ia juga dinyatakan dengan membentangkan balasan-balasan buruk yang akan menimpa diri mereka dan keluarga mereka serta

---

<sup>261</sup> Āl-Fīrūzābādī, Mūḥammād ibn Yā`qūb (t.t), *āl-Qāmūs āl-mūḥīṭ. āl-Qāḥīrah* : Mū`aṣṣāṣāḥ āl-Ḥālābī wā-Ṣḥārīkāḥ, h. 76. *Lihat juga* Osman Haji Khalid (2006), *op. cit.*, h. 973

<sup>262</sup> Āl-Fīrūzābādī, Mūḥammād Ibn Yā`qūb (t.t), *loc. cit.*, h. 76

<sup>263</sup> Ahamad Asmadi Sakat (2002), *op. cit.*, h. 2

<sup>264</sup> Syed Abdurahman Syed Hussin (2005), “Pendekatan Ṭārḥīb dan Ṭārḥīb Dalam Penyampaian Dakwah”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 21. Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h.130-131

dalam masa yang sama boleh pendakwah boleh mencetuskan dan menjelmakan dalam hati mereka rasa pengharapan dan mahu kembali pada jalan-Nya.<sup>265</sup>

Manusia terdiri daripada dua kelompok, iaitu yang gemar pada kebaikan dan sentiasa segera berusaha mencari cahaya dan petunjuk-Nya. Ada juga dikalangan manusia yang suka memilih jalan kemungkaran semata-mata untuk memenuhi syahwat, nafsu dan kebendaan. Maka, golongan sebegini perlulah dibantu dan dikejutkan dengan suatu mekanisme yang berkesan dan bersesuaian dengan masalah yang mereka hadapi. *Ūṣlūb ṭārḥīb* boleh diaplikasikan untuk menyekat, menakutkan dan memberi ancaman serta amaran agar manusia kembali sedar atas kekhilafan yang dilakukan dan berusaha menanam keazaman untuk berubah.<sup>266</sup> Antara *ūṣlūb ṭārḥīb* yang boleh diaplikasikan ialah:

a) Naluri

*Ṭārḥīb* adalah *ūṣlūb* dakwah yang menyamai konsep bangkitan dalam amalan psikologi. Bangkitan merupakan suatu situasi berjaga-jaga yang terhasil dari rangsangan luaran seperti ancaman dan dari rangsangan dalaman seperti ketakutan. Bangkitan yang berlaku terhasil dari beberapa kejadian yang menyentuh emosi manusia lantas menyebabkan suatu kuasa atau desakan yang dapat mengubah tingkahlaku manusia.

Oleh yang demikian, dakwah perlu memanipulasikan fitrah ini secara bijaksana. Emosi-emosi manusia seperti rasa marah, takut, terancam dan kecewa perlu dimanipulasi untuk mengubah cara manusia bertindak dan dalam masa yang sama meningkatkan potensi diri mereka. Salah satu kaedah yang boleh diaplikasikan ialah

---

<sup>265</sup> *Ibid.*, h.130-131

<sup>266</sup> *Ibid.*, h. 126

menerusi ‘Teori Desonansi Kognitif’ yang dihasilkan oleh Leon Festinger. Teori ini menyatakan bahawa ketenteraman jiwa manusia yang terganggu dan terancam berpunca dari pemikiran dan konflik perasaan yang dialami manusia. Maka, pendakwah boleh memanipulasi keadaan ini dengan cara merosakkan keimbangan jiwa sasaran agar sasaran merasa terganggu dan bertindak untuk mengubah tingkahlaku mereka untuk mendapatkan semula keseimbangan jiwa yang hilang.<sup>267</sup> Tindak balas yang terhasil dari situasi ini dinamakan bangkitan yang menyebabkan manusia bertindak untuk mengubah tingkahlaku mereka. Emosi-emosi manusia seperti takut, marah, bimbang dan duka cita serta benci antara emosi yang boleh dimanipulasi untuk merosakkan keimbangan dalam jiwa sasaran dan melahirkan rasa tidak tentaram dan tidak selesa. Sebagai contoh, dalam usaha menasihatkan sasaran yang telah hanyut dengan duniawi dan diselubungi hawa nafsu, pendakwah perlulah mewujudkan rasa takut dengan ancaman Allah, melahirkan rasa marah pada kejahilan diri sendiri, bimbang dan dukacita akan azab Allah agar wujud rasa tidak selesa dan tidak tenteram yang akhirnya menyebabkan mereka bertindak untuk mengubah diri mereka dan keluar dari kepompong kemungkaran.

Oleh yang demikian, dakwah boleh dilakukan dengan menyatakan jenis-jenis amalan, sikap dan perbuatan buruk yang tidak mengandungi sebarang faedah kepada manusia untuk mereka merefleksikan diri kembali agar tidak terus sesat dari jalan-Nya. Kaedah ini dinyatakan agar ia mampu mencetuskan semula rasa insaf dan pengharapan kepada Allah.

---

<sup>267</sup> Abdullah Hassan (2001), *op. cit.*, h. 47&50

## b) Ancaman dan Balasan

Syed Abdurahman Syed Hussin (2005), juga menyatakan antara bentuk *tārḥīb* yang boleh diaplikasikan ialah dengan cara menyebutkan sesuatu perubahan keadaan dan situasi yang akan dialami sekiranya mereka lalai dan leka iaitu keadaan yang penuh dengan kenikmatan akan dibalas dengan kecelakaan dan keadaan yang penuh kesenangan akan diganti kepada kekeringan dan kemarau untuk mewujudkan rasa bimbang dan gusar dalam hati sasaran. Kesemua peringatan-peringatan tersebut boleh diaplikasikan dalam usaha mengembalikan sasaran agar mereka kembali ke jalan kebenaran.<sup>268</sup>

Terdapat banyak ayat yang disebut dalam Al-Quran yang menyatakan ancaman dan balasan-balasan buruk yang diterima golongan manusia yang lalai dalam mentaati Allah sehingga terjerumus ke lembah kemusnahan.

Firman Allah SWT:

إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَهُ النَّارُ<sup>ط</sup> وَمَا  
لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ ﴿٧٢﴾

(Ṣūrāḥ āl'-Mā'idāḥ (5):72)

*Bahawasanya sesiapa yang menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya syurga, dan tempat kembalinya ialah neraka; dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang yang berlaku zalim".*

<sup>268</sup> Syed Ābdūrāḥmān Syed Ḥuṣṣīn (2005), *op. cit.*, h. 130-131

c) Jangkaan


Ahmad Asmadi Sakat (2002), menyatakan bahawa golongan yang beriman pada Allah dan mempercayai konsep *āl-Ṭārḥīb* sebagaimana juga *āl-Ṭārghīb* akan menjadikan dirinya sentiasa berada dalam keadaan yang patuh dan tunduk hanya pada jalan-Nya. Maka, sebagai orang yang beriman, mereka suda pasti mengetahui setiap arahan-Nya dan memahami setiap larangan-Nya. Mereka juga tahu berkaitan ganjaran serta balasan pedih dan buruk akibat melanggar janji-janji-Nya.

Lantas, dalam kehidupan manusia dalam dunia yang penuh berliku ini. Iman manusia yang senipis kulit bawang kadang kala tidak mampu mengawal nafsu dan keinginan yang berlawanan dengan fitrah mereka sebagai khalifah. Maka, dengan akal dan kewarasan yang masih ada, mereka sudah pastinya boleh menjangkakan bahawa, penglibatan dalam perkara-perkara yang di murkai Allah akan mengakibatkan mereka mendapat balasan di akhirat kelak.

Maka, konsep jangkaan ini boleh diaplikasikan dalam dakwah. Menerusi kaedah ini, pendakwah boleh cuba memberi gambaran kepada sasaran dengan mengaitkan jangkaan yang akan berlaku atau balasan yang akan mereka terima sekiranya mereka terjebak dengan perkara-perkara yang negatif. Perkara ini akan menimbulkan rasa gerun dalam hati mereka kerana dosa dan kesalahan yang dilakukan bukan hanya merosakkan masa hadapan mereka, malah memusnahkan hati dan jiwa yang akhirnya menyebabkan mereka terjebak dengan pelbagai kerosakan yang lain.

### 3.2.3 Ūṣlūb āl-Ṭābṣyīr dalam āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh

Istilah ṭābṣyīr berasal dari kata dasar bāṣyṣyārā-yūbāṣyṣyīrū yang bermaksud memberi khabar gembira. Ia adalah suatu tindakan yang digunakan untuk menggembirakan seseorang dan jauh dari cara penyampaian yang membuat orang menjauhkan diri (tānfīr) kerana merasa tertekan dengan apa yang disampaikan.



Rajah 4:- Pembahagian Ūṣlūb Ṭābṣyīr

#### a) Naluri

Sebagaimana ūṣlūb ṭārghīb dan ṭārḥīb, ūṣlūb ṭābṣyīr juga boleh dikemukakan dengan memanipulasi naluri sasaran. Namun, dalam ūṣlūb ini naluri yang mendorong khalayak sasaran untuk merasa gembira dan selesa dimanipulasi dalam konteks penyampaian dakwah Islam. Isu-isu dan mesej yang menggembirakan dan menyenangkan digunakan sebagai subjek utama penyampaian dakwah Islam.

Firman Allah SWT:

وَدَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا  
الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رِزْقًا قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ  
قَبْلُ وَأُتُوا بِهِ مُتَشَبِهًا وَلَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

(Ṣūrāh āl-Bāqārāh (2):25)

*“Dan berilah khabar gembira kepada orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata: "Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu"; dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan-pasangan, isteri-isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selama-lamanya.”*

Menerusi ayat di atas, Allah SWT telah memberi berita gembira kepada orang yang beriman dengan-Nya dan sentiasa tekun dalam membuat amal soleh. Mereka telah dijanjikan pelbagai kenikmatan di akhirat kelak. Maka, khabar yang menggembirakan ini akan membuatkan manusia sentiasa senang dan merasa bahagia untuk membuat amal kebaikan kerana ia dapat memberi kebaikan dan manfaat kepada manusia bukan sahaja di dunia malah di akhirat. Kebahagiaan di dunia ialah merasa tenang dan selamat dengan nikmat iman dan Islam yang dianugerahkan Allah dan kebahagiaan di akhirat ialah dikurniakan pelbagai ganjaran di akhirat nanti. Oleh itu, suatu perkara yang ingin disampaikan kepada sasaran perlulah disampaikan dengan cara yang boleh menyenangkan dan membahagiakan sasaran. Perkara-perkara syariat seperti solat, puasa, pengharaman arak, babi dan sebagainya juga perlu disampaikan dengan cara yang menyenangkan iaitu dengan nasihat menerusi *uṣlūb ṭābṣyīr*. Nasihat secara *ṭābṣyīr* ini bukan hanya boleh membuatkan sasaran selesa malah ia secara tidak langsung mendekatkan diri mereka dengan Islam kerana *uṣlūb* yang diaplikasikan dalam Islam tidak memaksa dan membebankan manusia.

Rasulullah SAW juga diutus sebagai pembawa atau pemberi kabar gembira (*bāṣyīr*) kepada umatnya dan pemberi ancaman (*nāḍẓīr*) kepada musuh-musuhnya dan musuh-musuh Islam. Bahkan tugas para rasul lain juga tidak terlepas dari dua sifat ini.



وَمَا نُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ <sup>ط</sup> فَمَنْ ءَامَنَ وَأَصْلَحَ فَلَا  
خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

(Sūrah āl-Ān'ām, (6):48)

*“Dan tiadalah kami utuskan rasul-rasul itu melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pembawa amaran; kemudian sesiapa yang beramal soleh, maka tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka tidak akan berdukacita.”*

Konsep *tābšyīr* adalah suatu konsep yang boleh dikatakan sama dengan *tārghīb* iaitu memberi dorongan positif kepada sasaran untuk melakukan sesuatu yang baik. Tetapi, masing-masing mempunyai kelainan yang tersendiri, di mana, menerusi *tābšyīr*, suatu khabar gembira itu dinyatakan untuk memberi keselesaan dan ia juga akan membuatkan seseorang itu rasa seronok atas ungkapan yang dikatakan kepadanya. Perkhbaran gembira tersebut boleh jadi seiring dengan perkara yang disukai oleh manusia atau suatu perkara yang dapat membuatkan sesiapa sahaja berasa gembira dan suka. Secara dasarnya, ia menyamai *tārghīb*, tetapi, menerusi *tārghīb* perkhbaran gembira tersebut bukan hanya suatu khabaran sahaja tetapi iaitu juga melibatkan usaha pendakwah untuk mendorong atau merangsang sasaran berasaskan suatu matlamat untuk menggerakkan sasaran mengubah tingkahlaku mereka atau membentuk tingkahlaku mereka ke arah kelakuan dan tingkahlaku positif yang diinginkan.

Ensiklopedia al-Qur'an (2007), mendefinisikan *tābšyīr* sebagai pemunculan sesuatu yang baik dan indah sebagai gambaran dari keadaan batin. Maka, keadaan tersebut akan menyebabkan ia kelihatan pada wajah dan air muka seperti gembira. Sebab itu, istilah *bāšyšyār-bāšyšyārāh* adalah kulit manusia yang jelas kelihatan dan bukannya kulit haiwan yang tidak kelihatan walaupun ia memberi reaksi dari suatu

perkara yang dialaminya. Tambahan, haiwan tidak dikurniakan perasaan sebagaimana perasaan yang dialami oleh manusia seperti perasaan sedih apabila ditimpa sesuatu berita yang gembira dan akan rasa gembira dan tersenyum apabila mendapat suatu berita yang baik. Maka, istilah *bāsyṣyār* ini merupakan berita gembira kerana seseorang yang menerima berita gembira akan tambah di wajahnya suatu keseronokkan yang jelas dan wajah mereka akan berseri-seri.<sup>269</sup>

Firman Allah SWT:

وَجَاءَتْ سَيَّارَةٌ فَأَرْسَلُوا وَارِدَهُمْ فَأَدْلَى دَلْوَهُ<sup>ط</sup> قَالَ يَبِشْرَى هَذَا غُلْمٌ<sup>ج</sup>  
وَأَسْرُوهُ بَضْعَةً<sup>ج</sup> وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿١٩﴾

(Sūrāḥ Yusuf (12):19)

*“Dan (semasa Yusuf dalam perigi) datanglah ke tempat itu satu rombongan (Ahli perniagaan) yang sedang dalam perjalanan; lalu mereka menghantarkan seorang pencari air bagi mereka; (setelah sampainya ke perigi itu) Dia pun menghulurkan timbanya (dan manakala ia melihat Yusuf bergantung pada timbanya) ia berseru dengan katanya: "Hai, (ini) sungguh mengembirakan! ini adalah seorang budak lelaki (yang cantik parasnya)". (setelah mengetahui hal itu, saudara-saudara Yusuf pun datang) serta mereka sembunyikan keadaan Yusuf yang sebenarnya (untuk dijual) sebagai barang dagangan. dan Allah Maha mengetahui akan apa yang mereka lakukan.”*


Menerusi ayat di atas, istilah *būṣyrā* yang digunakan dalam ayat tersebut menunjukkan bahawa suatu perasaan yang wujud akibat gembira sekumpulan pencari air bagi sekumpulan musafir. Mereka berasa gembira kerana menemukan satu ‘barang’ yang berharga bagi mereka iaitu nabi Yusuf yang boleh dijadikan barang dagangan bagi

<sup>269</sup> M. Quraish Shihab et al., (2007), *Ensiklopedia al-Qur'an : Kajian Kosakata*, bil 1. Jakarta : Lentera Hati, h. 138-139

menambah sumber kewangan mereka. Maka, istilah tersebut menunjukka bahawa bertapa gembiranya wajah musafir tersebut kesan daripada menemui nabi Yusuf a.s.<sup>270</sup>

### 3.2.4 Ūṣlūb āl-Ṭāndẓīr dalam āl-Māw‘īzāh āl-Ḥāṣānāh

Istilah Ṭāndẓīr mempunyai tiga suku kata iaitu nūn-ḍzāl-rā. Ṭāndẓīr bererti memberi peringatan. Istilah nāḍẓr dalam al-Quran digunakan sebanyak 130 kali dalam 51 buah surah<sup>271</sup>. Mahmud Yunus (1991), mendefinisikan nāḍẓīr sebagai memberi peringatan dengan sesuatu yang ditakuti.<sup>272</sup>



Rajah 5:- Pembahagian Ūṣlūb Ṭāndẓīr

#### a) Naluri

Ūṣlūb Ṭāndẓīr juga tidak terlepas dari memanipulasi naluri manusia untuk tujuan menyampaikan āl-Māw‘īzāh āl-Ḥāṣānāh. Menerusi uslub ini, emosi takut digunakan dalam usaha menyedarkan manusia atas kesalahan dan kekhilafan yang mereka lakukan di dunia. Ketakutan yang ditimbulkan ini adalah untuk mendekatkan manusia dengan pencipta-Nya. Apabila rasa takut wujud dalam diri maka, secara tidak langsung manusia akan jauh dari melakukan kesilapan dan dosa akibat takut dengan azab Allah SWT.

<sup>270</sup> Ṣhīḥāb, Moḥ. Qūrāīṣh (2004), *Tafsir Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*. Jakarta : Lentera Hati, h. 415

<sup>271</sup> *Ibid*, h. 684

<sup>272</sup> Mahmud Yunus (1991), *Kamus Arab Indonesia*. Selangor: Klang Book Centre, h. 447

Ibn Faris menyatakan bahawa istilah nāḍẓr mempunyai kaitan dengan (خَوْف) makna menakut-nakuti atau (تَخَوُّف) merasa takut. Ibn Faris juga bersetuju mendefinisikan nāḍẓr sebagai suatu peringatan yang sifatnya menakut-nakuti.<sup>273</sup>

Sebagaimana yang dikatakan oleh āl-Mārāghī:

«النذر هو التبليغ مقترن بتخويف من العقاب علي الكفر والمعاصي»<sup>274</sup>

*Maksudnya: “Nāḍẓr adalah penyampaian yang disertai dengan perbuatan menakut-nakuti akan azab Allah atas kefasikan dan kemaksiatan.”*”

#### b) Ancaman

Selain memanipulasi emosi manusia untuk tujuan kebaikan, ūṣlūb ṭānḍẓīr juga digunakan sebagai salah satu cara memberi nasihat dalam konteks memberi ancaman dan peringatan kepada manusia.

Ūṣlūb ini digunakan untuk mengembalikan golongan-golongan yang sesat, fasik dan jauh dari jalan Allah agar mereka kembali kepada-Nya dengan cara memberi perkhabaran dan peringatan serta ancaman yang dapat menakutkan sasaran. Maka, ketakutan yang ditimbulkan tersebut bukan membuatkan sasaran lari dari pendakwah akibat rasa takut. Tetapi, ia mendorong dan memberi rangsangan kepada sasaran untuk taat dan kagum dengan kebesaran serta kekuasaan Allah SWT hasil dari ḥindẓār yang disampaikan.

Rasulullah SAW sendiri merupakan mūnḍẓīr iaitu pemberi ancaman dan peringatan disamping pembawa berita gembira.

<sup>273</sup> Ṣḥīḥāb, Moḥ. Qūrāīṣḥ. (2004), *loc. cit.*, h. 684

<sup>274</sup> *Ibid.*, h. 684

Firman Allah SWT:

وَمَا نُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ ۖ فَمَنْ ءَامَنَ وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفٌ  
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٤٨﴾

(*Ṣūrāḥ al-Ān'ām*, (6):48)

*Dan tiadalah Kami utuskan rasul-rasul itu melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pembawa amaran; kemudian sesiapa yang beramal soleh, maka tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka tidak akan berdukacita.*

Allah mengutus dan melantik para rasul sebagai pemberi peringatan dan ancaman kepada pembuat maksiat dan pelaku dosa selain daripada memberi perkhabaran gembira atas kebaikan yang dilakukan. Maka, sebagai umat Muhammad SAW, kita tidak akan terlepas dari tanggungjawab untuk memberi *tānḏẓīr* iaitu suatu peringatan kepada golongan yang membuat maksiat.

Peringatan dan ancaman boleh dilakukan dengan cara membentangkan balasan-balasan dan akibat buruk yang akan diperolehi manusia sekiranya mereka terus melakukan kerosakan dan kemusanahan di dunia ini. Ia juga boleh disampaikan dengan menceritakan balasan-balasan buruk yang pernah menimpa kaum-kaum terdahulu yang leka, ingkar dan terus-terusan menafikan kebenaran Islam. Ia disampaikan untuk memberi peringatan dan sebagai amaran kepada golongan yang ingkar dari jalan Allah.

Terdapat pelbagai ayat dalam al-Quran yang boleh dijadikan panduan untuk mengadaptasi *uṣlūb* ini dalam seruan dakwah kepada sasaran. *Tānḏẓīr* dalam konteks ini, banyak digunakan untuk memberi peringatan tentang kemurkaan Allah kepada

golongan yang tegar untuk mengakui kebenaran Islam, golongan sombong dan golongan fasik dari jalan-Nya.

Firman Allah SWT:

قُلْ هَلْ أَنْبِئُكُمْ بِشَرِّ مِّنْ ذَلِكَ مَثُوبَةً عِنْدَ اللَّهِ مَن لَعَنَهُ اللَّهُ وَغَضِبَ عَلَيْهِ  
وَجَعَلَ مِنْهُمْ الْقِرَدَةَ وَالْخَنَازِيرَ وَعَبَدَ الطَّاغُوتِ أُولَئِكَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضَلُّ

عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ ﴿٦٠﴾

(Sūrah āl-Māāīdāh (5):60)

*Katakanlah: "Mahukah, aku beritahu kepada kamu tentang yang lebih buruk balasannya di sisi Allah daripada yang demikian itu? Ialah orang yang dilaknat oleh Allah dan dimurkai-Nya, dan orang yang dijadikan di antara mereka sebagai kera dan babi, dan penyembah Ṭāghūṭ. Mereka inilah yang lebih buruk kedudukannya dan yang lebih sesat dari jalan yang betul".*


Menerusi ayat di atas, jelas menunjukkan bagaimana suatu amaran dan peringatan telah diberikan kepada golongan yang dimurkai Allah dengan tegas. Di samping itu, ia turut menyebut bahawa terdapat balasan yang buruk yang akan diterima kepada golongan-golongan tersebut. Maka, dalam konteks ṭandzīr, amaran dan ingatan tersebut boleh menimbulkan rasa takut dalam jiwa sasaran lantas menimbulkan kewaspadaan untuk tidak terjebak dengan perkara-perkara yang boleh menjadikan mereka bersekutu dengan golongan yang dimurkai Allah.

Dakwah dalam konteks dunia hari ini juga masih boleh mengadaptasi ūṣlūb-ūṣlūb sebagaimana yang dianjurkan al-Quran kerana al-Quran itu sendiri bersifat anjal dan bersesuaian sepanjang masa dan zaman. Maka, dakwah dengan menyampaikan

nasihat menerusi *uṣlūb ṭānḍẓīr* ini boleh menjadi suatu perangsang kepada sasaran untuk melakukan kebaikan lantas meninggalkan sifat-sifat buruk yang boleh menjauhkan mereka dari rahmat Allah menerusi amaran-amaran yang diselitkan suatu peringatan yang jelas terhadap balasan sebagaimana yang diterima oleh golongan umat terdahulu.

### 3.2.5 Ṭāzkiyyāh āl-Nāfṣ dalam āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh

Perkataan *ṭāzkiyyāh* berasal dari istilah *zākkā-yūzākkī* yang bererti menumbuhkan, membaiki dan mensucikan.<sup>275</sup> *Nāfṣ* pula bererti roh, nyawa, tubuh, diri seseorang, kehendak, jiwa.<sup>276</sup> Oleh yang demikian, *ṭāzkiyyāh āl-Nāfṣ* merupakan suatu cara atau kaedah untuk membaiki dan mensucikan jiwa atau diri seseorang manusia. Proses penyucian diri ini akan menjadikan individu lebih dekat dengan pencipta-Nya.



Rajah 6:- Pembahagian Ṭāzkiyyāh āl-Nāfṣ

#### a) Penyucian Jiwa

Pengaplikasian *uṣlūb ṭāzkiyyāh āl-Nāfṣ* sangat penting dalam kehidupan Muslim. Tanpa usaha penyucian jiwa ini, manusia akan terus tersesat kerana memilih jalan kemungkaran dan kerosakan akibat kejahilan yang membelenggu diri. Kelakuan dan sifat buruk ini memberi kesan negatif terhadap individu, keluarga, agama, masyarakat dan negara. Contohnya, dalam konteks dakwah *Īṣlāmīyyāh*, individu Muslim yang

<sup>275</sup> Osman Haji Khalid et. al (2006), *op. cit.*, h. 1033

<sup>276</sup> Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 462

sentiasa membuat penipuan dan pecah amanah tanpa berusaha untuk menyucikan kembali dirinya akan memberi impak kepada Islam itu sendiri. Peribadi dan akhlak māz̄mūmah yang sentiasa dilakukannya akan membuatkan masyarakat bukan Islam memandang serong dan prejudis terhadap Islam. Maka, proses penyucian diri ini penting agar manusia kembali berada pada landansannya dan memperbaiki diri ke arah yang diredhai-Nya.

Kebersihan merupakan suatu elemen yang ditekankan dalam Islam. Allah SWT juga menyukai orang-orang yang bersih.

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

(Ṣūrāh āl-Bāqārāh (2):222)

*“Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang yang mensucikan diri.”*

Kebersihan dalam Islam bukan hanya ditekankan pada persoalan lahiriah sahaja, namun Islam juga turut mementingkan kebersihan dalaman atau rohani. Pelbagai usaha dan cara yang boleh dilakukan untuk membersihkan jiwa dan menggilap jiwa manusia agar jauh dari unsur-unsur yang boleh merosakkannya.

Kejayaan seseorang Muslim bergantung terhadap proses menyucikan dan membersihkan jiwa dan dirinya dari dosa dan kesalahan. Manakala, manusia dianggap sebagai individu Muslim yang gagal apabila jiwa yang dikurniakan Allah SWT tidak dipelihara dengan sebaik-baiknya serta dicemari oleh perkara keji dan kotor. Allah menegaskan perkara ini melalui firman-Nya yang bermaksud:



*“Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya – yang sedia bersih – bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya – yang sedia bersih – itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).”*

(Sūrāḥ Āsy-Syāms (91):9 – 10).

Jiwa yang suci ialah jiwa yang baik dan murni serta akan memancarkan akhlak yang baik pada si pelakunya. Allah SWT telah bersumpah dengan menjanjikan kejayaan ke atas orang yang membuat kebaikan dan sentiasa menjaga kesucian hatinya.

Firman Allah SWT:

وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا ﴿١﴾ وَالْقَمَرِ إِذَا تَلَّهَا ﴿٢﴾ وَالنَّهَارِ إِذَا جَلَّهَا ﴿٣﴾ وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَاهَا ﴿٤﴾ وَالسَّمَاءِ وَمَا بَنَاهَا ﴿٥﴾ وَالْأَرْضِ وَمَا طَحَاهَا ﴿٦﴾ وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾

(Sūrāḥ āsy-Syāms (91):1-8)

*“Demi matahari dan cahayanya yang terang-benderang; dan bulan apabila ia mengiringinya; dan siang apabila ia memperlihatkannya dengan jelas nyata; dan malam apabila ia menyelubunginya (dengan gelap- gelita), demi langit dan yang membinanya (dalam bentuk yang kuat kukuh; yang melambangkan kekuasaan-Nya); serta bumi dan yang menghamparkannya (untuk kemudahan makhluk-makhluk-Nya); demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertakwa;”*

Allah menciptakan āl-Nāfs (jiwa) dengan sebaik-baik ciptaan. Selain diberi potensi kebaikan, ia juga didatangkan potensi keburukan. Kejadian ini bagi menilai sejauh

mana ketaatan manusia kepada pencipta-Nya. Perkara tersebut bergantung pada diri manusia sendiri sama ada hendak memilih untuk berada pada jalan kebenaran atau keburukan. Keputusan yang dibuat oleh manusia ditentukan dengan ilmu yang diperolehi menerusi pendidikan atau tarbiah khususnya *ṭarbiyyāh āl-Rūḥāniyyāh*.<sup>277</sup>

Kualiti *nāḥ* atau jiwa seseorang individu bergantung pada tabiat dan kelakuan yang dikehendaknya. Manusia diberi kebebasan untuk mengendalikan hala tuju diri mereka sama ada memilih untuk terus berada dalam lingkungan keredhaan-Nya atau terjerumus jauh dari landasan Ilahi. Proses *tāzkiyyāh āl-Nāḥ* berlaku apabila seseorang manusia mempraktikan segala kebaikan dan dalam masa yang sama menghindari perkara-perkara yang buruk.

Ini bererti, kelakuan dan perbuatan baik akan menghalakan jiwa manusia kepada kesucian manakala perbuatan dan tindakan yang buruk akan menyebabkan jiwa dan diri manusia dicemari noda dan dosa yang akhirnya menjadikan manusia menyimpang dari jalan kebenaran. Oleh itu, manusia memerlukan suatu aktiviti dan usaha untuk sentiasa memelihara kesucian jiwa dan dirinya. Aspek inilah yang dinamakan *Ṭāzkiyyāh āl-Nāḥ*.

Dakwah yang diiringi *uṣlūb* yang baik serta didasarkan kepada hujah serta bukti yang benar iaitu al-Quran dan hadis dapat memberi kepuasan terhadap hati dan akal, maka ia mampu membangkitkan perasaan serta menggerakkan unsur yang baik dalam diri agar melakukan kebaikan.<sup>278</sup> Dalam hal ini, unsur nasihat yang baik serta di sampaikan dengan cara yang berkesan mampu memberi kesan yang baik kepada sasaran

---

<sup>277</sup> Malik, Imam (2005), *Ṭāzkiyyāt āl-Nāḥ* (Sebuah Penyucian Jiwa). Surabaya: Lembaga Kajian Agama dan Filsafat (elkaf), h.141-142

<sup>278</sup> Syed Ābdūrāḥmān Syed Ḥūṣṣīn (1996), *op. cit.*, h. 63

dakwah. Nasihat dengan mengaplikasikan teknik Ṭārḡhīb dan Ṭārḡīb mampu membujuk jiwa dan perasaan sasaran tanpa membangkitkan kemarahan mereka. Metode dakwah dengan menggunakan kata-kata yang kesat dan kasar dalam berdakwah bukan sahaja menyebabkan masyarakat menjadi semakin jauh terhadap Islam malah menjadikan mereka takut untuk mendekati Islam. Akhirnya wujud pelbagai salah faham terhadap Islam lantas menyemarakkan budaya Islamophobia dalam masyarakat massa.

Situasi ini lebih parah sekiranya Islam turut dianggap sebagai agama yang tidak boleh berkompromi, menakutkan dan menganjurkan kekerasan.

Hakikatnya, Islam sangat mementingkan tutur kata dan tutur bicara yang baik, mudah dan menyenangkan. Bahkan, individu yang selalu menuturkan kata-kata yang baik tergolong dalam insan yang sangat tinggi akhlaknya. Maka, sebaik-baik tutur kata yang dilafazkan ialah mereka yang selalu saling mengingatkan pada jalan Allah.

Firman Allah SWT:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ

الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

(Ṣūrāḥ *āl-Fūṣṣillāt* (41) 33)

*Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!"*

### 3.3 KESIMPULAN

Uṣlūb āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh boleh dilakukan dengan pelbagai cara dan teknik. Ia merupakan metode yang boleh memberi kesan yang baik kepada sasaran. Tutur kata dan bicara yang lemah lembut dan dalam masa yang sama penuh ketegasan menampakkan ciri-ciri Islam yang matang dan bukannya agama yang boleh dipermainkan. Ketegasan dalam tutur kata bukan bererti kasar dan keras. Tetapi, ia menunjukkan setiap ajaran dan tuntutan Islam perlu dituruti demi kesejahteraan manusia sejagat serta setiap peraturan yang diwujudkan tidak sesekali merosakkan manusia.

Oleh itu, āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh bukan sahaja mengandungi ucapan yang hanya berbentuk tutur kata yang manis tetapi ia mestilah disertakan dengan kata-kata yang penuh ketegasan dan dalam masa yang sama ikhlas dan berupaya memberi manfaat kepada sasaran atas setiap nasihat yang diucapkan.

Nasihat yang baik yang ingin disampaikan juga perlu bergantung kepada situasi dan perbezaan tertentu seperti keimanan dan kekufuran, antara kebaikan dan kejahatan, antara taat dan maksiat dan antara halal dan haram. Maka, sebagai khalifah di muka bumi ini, manusia perlu saling ingat-mengingati agar tidak terpesong dari jalan-Nya. Allah mewujudkan alam ini serta kejadian-kejadian disekelilingnya untuk manusia sering menṭādābbūr-nya. Episod-episod umat terdahulu yang lalai dan alpa boleh dijadikan suatu pedoman agar kita tidak terus mengabaikan kewajipan yang diamanahkan ke atas kita. Maka, setiap kejadian yang berlaku perlulah dijadikan suatu peringatan agar kesalahan tersebut tidak diulangi demi mencari redha-Nya.

## BAB IV

### ANALISIS MESEJ DAKWAH DALAM

#### “FILEM MY NAME IS KHAN” DAN “JODHAA AKBAR”.

#### 4.0 PENDAHULUAN

Filem *MY NAME IS KHAN* dan *JODHAA AKBAR* merupakan dua buah filem hindi yang mengandungi unsur-unsur Islam yang boleh diteliti pengaplikasiannya dalam menyampaikan mesej dakwah. Maka, bab ini akan meneliti segala mesej dakwah yang meliputi mesej akidah, syariah dan akhlak menerusi kedua-kedua filem tersebut.

#### 4.1 LATAR BELAKANG FILEM *MY NAME IS KHAN*

##### 4.1.1 SINOPSIS

Filem ini mengisahkan seorang lelaki Muslim bernama Rizwan Khan (Shahrukh Khan) yang membesar bersama adiknya Zakir (Jimmy Shergill) dan ibunya (Zarin Wahab) dalam lingkungan keluarga pertengahan di kawasan Borivali di Mumbai. Sejak dilahirkan, Rizwan (watak kanak-kanak Rizwan dilakonkan oleh Anay Chheda) menghidap penyakit *Asperger syndrome* iaitu sejenis penyakit *autism* yang merupakan kecacatan neurologi yang melibatkan fungsi otak. Ia memberi masalah terhadap hubungan sosial, komunikasi, emosi dan pola berkaitan minat, aktiviti dan tindak tanduk penghidap simptom tersebut. Walau bagaimanapun, penyakit tersebut tidak diketahui oleh ibunya kerana kurang pengetahuan berkaitan penyakitnya. Dalam kekurangan yang dihadapi, Rizwan dikurniakan kemampuan yang luar biasa disebalik kekurangan yang dialaminya. Beliau merupakan kanak-kanak yang pintar dan mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang mekanikal dan teknikal.

Kekurangan yang dialami Rizwan menyebabkan ibunya memberi tumpuan yang lebih kepadanya dan sanggup berkorban apa sahaja dalam kapasiti untuk memberikan pendidikan yang terbaik secara informal mahupun formal kepada Rizwan untuk menjadikannya anak yang baik di masa hadapan. Perkara ini telah menyebabkan adiknya, Zakir mencemburui keprihatinan yang diberikan ibunya kepada Rizwan. Zakir akhirnya menyambung pengajian dan seterusnya berkerja di Amerika Syarikat (USA).

Setelah kematian ibunya, Zakir memikirkan keselamatan abangnya yang tinggal berseorangan di Mumbai dan akhirnya membuat keputusan membawa Rizwan untuk tinggal bersamanya dan isterinya di sana. Sewaktu tinggal bersama, isteri Zakir, iaitu Haseena (Sonya Jehan) mula mengenalpasti bahawa adik iparnya mempunyai sindrom *Asperger*. Haseena yang berkerja sebagai doktor berusaha mengubati dan memberi latihan-latihan fizikal kepada Rizwan. Rizwan mula bekerja di tempat kerja Zakir sehinggalah dia bertemu dengan Mandira (Kajol), seorang ibu tunggal yang beragama Hindu dan bekerja di salon rambut. Mandira mempunyai seorang anak hasil dari perkahwinan pertamanya iaitu Sameer atau Sam (Yuvaan Makaar). Melihat kepada sifat dan keintelektualan yang digambarkan dalam watak Rizwan menjadikan Sam yang pada awalnya tidak menyukai Rizwan menjadi bertambah rapat dan mesra. Perkenalan antara Rizwan dan Mandira berakhir dengan perkahwinan. Perkahwinan tersebut ditentang oleh adiknya kerana Mandira beragama Hindu. Akan tetapi, Rizwan tetap meneruskan perkahwinan tersebut dan berpindah ke sebuah bandar di *Banville*.

Rizwan, Mandira dan anak tirinya, Sam hidup bahagia sehingga tragedi runtuhannya *World Trade Centre* (WTC) di New York pada 9 September. Kejadian tersebut memberi tamparan hebat kepada umat Islam sedunia termasuklah keluarga Rizwan. Kesan kejadian tersebut telah mengubah pandangan dunia Barat terhadap Islam. Islam

difitnah sebagai dalang terhadap runtuhannya tersebut dan dituduh sebagai agama yang teroris. Peristiwa tersebut juga telah menyebabkan Mandira bertekad untuk berpisah dengan Rizwan kerana penentangan barat terhadap Islam dan umatnya turut memberi kesan besar terhadap keluarga mereka sehingga anak mereka Sam dibunuh.

Bagi membuktikan Islam itu bukan agama teroris, Rizwan berjanji kepada Mandira untuk terus memperjuangkan hak dan membersihkan nama keluarga mereka melalui sebuah perjalanannya bertemu dengan Presiden Amerika Syarikat. Hasrat tersebut semata-mata ingin menyatakan satu ungkapan iaitu:

*“My Name Is Khan and I’m Not a Terrorist”*

Sepanjang perjalanannya untuk bertemu Presiden USA, Rizwan terpaksa menempuh pelbagai liku dan halangan antaranya melibatkan masalah kewangan. Kekurangan sumber kewangan menjadikan Rizwan terpaksa membuat kerja tambahan iaitu menawarkan khidmat membaiki pelbagai peralatan. Segala wang yang diperolehinya, mampu membawa Rizwan dari satu daerah ke satu daerah yang lain menuju ke USA. Pelbagai manusia dan masyarakat dijumpainya. Salah seorangnya ialah Mama Jenny, iaitu seorang penduduk yang menganut agama Kristian dan tinggal di Wilhemina, Georgia. Pertemuan tersebut rentetan daripada, anak Mama Jenny yang tercedera akibat jatuh dari basikal. Rizwan menghulurkan pertolongan dengan membawa anaknya pulang ke tempat tinggal budak lelaki tersebut. Perkara tersebut membuatkan Mama Jenny sangat terharu dengan sikap baik Rizwan yang membantu walaupun berbeza agama.

Perjalanan Rizwan diteruskan lagi pada keesokannya, sehingga dia sampai di USA. Sewaktu menghadiri satu perhimpunan bersama Presiden USA, Rizwan telah ditangkap berikutan suatu jeritan yang dilaungkannya untuk memberitahu kepada

Presiden USA bahawa dirinya bukan terrorist. Walau bagaimanapun, keadaan bising pada ketika itu menyebabkan para pengawal kepada Presiden USA dan orang disekelilingnya tersalah dengar ungkapan yang dikeluarkan oleh Rizwan iaitu “*I am a terrorist*”. Perkara tersebut membuatkan keadaan menjadi huru hara kerana mereka menyangkakan bahawa Rizwan mahu bertindak ganas. Lalu, Rizwan ditangkap dan ditahan oleh pihak polis USA.

Ketika dalam tahanan, Rizwan dilayan dengan layanan buruk. *Title* Islam yang dibawanya menyebabkan Rizwan disiksa. Dia diberi tempat yang sangat buruk dan tidak selesa. Perkara ini boleh dilihat sebagai suatu hukuman berat yang tidak hanya dihukum terhadap fizikalnya malah merangkumi siksaan menerusi psikologinya. Kadang-kala suhu bilik tahananannya dipanaskan dan kadangkala dikurangkan membuatkan tubuhnya menjadi sangat sejuk. Ia dilakukan sebagai suatu ancaman kepada Rizwan agar dia mengaku bahawa dirinya merupakan salah seorang dari golongan terrorist yang dicari. Walau sekuat manapun siksaan yang terpaksa dihadapinya, Rizwan masih menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang Muslim, iaitu bersolat dan berdoa kepada Allah SWT.

Keunikan ungkapan Rizwan yang melaungkan “*I’m Not a Terrorist*” semasa perhimpunan bersama Presiden USA telah dirakamkan oleh salah seorang wartawan bebas. Sejurus Rizwan ditangkap, wartawan tersebut merasakan bahawa terdapat suatu salah faham yang berlaku yang membuatkan Rizwan tertangkap. Maka, bermulalah misi menyelamatkan dan mengeluarkan Rizwan dari penjara. Wartawan tersebut telah merayu kepada sebuah syarikat televisyen untuk menyiarkan kisah Rizwan. Siaran tersebut telah mendapat perhatian umum termasuklah syarikat-syarikat guaman yang



ingin menyediakan khidmat bantuan untuk menyelamatkan Rizwan. Akhirnya, Rizwan didapati tidak bersalah dan dilepaskan.

Selepas keluar dari penjara, Rizwan terus menyambung misinya untuk bertemu Presiden USA. Walau bagaimanapun, misinya terpaksa diberhentikan seketika kerana Rizwan mendapat berita dari salah satu saluran televisyen bahawa Georgia ditimpa banjir yang sangat teruk dan kebetulan Rizwan pernah mengenali Mama Jenny semasa beliau berada di Georgia. Maka, atas dasar kemanusiaan dan ihsan, Rizwan menuju ke Georgia menghulurkan bantuan. Kedatangan Rizwan telah membuatkan masyarakat di daerah tersebut yang rata-ratanya beragama Kristian berasa sangat terharu. Keikhlasan Rizwan telah menggembirakan mangsa-mangsa banjir dan seterusnya tindakannya telah memberi impak positif terhadap pandangan non-Muslim kepada Islam. Keikhlasan Rizwan juga telah membuatkan masyarakat yang tinggal di daerah dan negara lain datang ke Georgia untuk menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Wilhemina. Sikap tulus Rizwan membuatkan dunia barat terus membuat liputan berkaitan Rizwan.

Usaha keras dan kejujuran yang ditunjukkan oleh Rizwan untuk membuktikan bahawa dirinya bukan terrorist telah berjaya. Tindakan Rizwan sekaligus dapat memurnikan kembali nama Islam sebagai agama suci dan bukan agama berunsurkan terrorist seperti yang didakwa masyarakat Barat. Semangat dan usaha yang dilakukan oleh Rizwan juga telah berhasil memberi pembelaan ke atas kematian anaknya yang dibunuh akibat propaganda yang disalurkan kepada masyarakat barat bahawa Islam ialah agama terrorist. Perjalanan Rizwan telah menjernihkan kekeruhan yang berlaku dan akhirnya nama Islam kembali jernih dan fahaman bahawa Islam itu bukan agama terrorist dapat disampaikan kepada masyarakat dunia.

Filem ini bukan hanya disampaikan dalam bentuk dialog secara bersemuka antara watak-watak yang ada. Ia juga menampilkan satu teknik yang disebut ‘*voiceover story telling*’ (V.O)<sup>279</sup> oleh watak utamanya. Selain watak utama, Rizwan diberi tanggungjawab sebagai narrator yang bertindak menceritakan kisah perjalanan hidupnya dari permulaan sehingga penghujung filem ini. Aplikasi teknik V.O yang digunakan dalam filem ini sangat menarik kerana ia bukan hanya melibatkan penggunaan suara watak utama yang bertindak sebagai story teller malah, ia seolah-olah menyampaikan hasil cetusan suara hati Rizwan yang dizahirkan setiap kali beliau menulis diari untuk ditujukan kepada Mandira. Malah ia membantu dalam menzahirkan setiap mesej yang dicoretkan Rizwan tentang perjalanannya untuk bertemu dengan Presiden Amerika Syarikat (USA). Penggunaan V.O dalam filem juga boleh dinyatakan sebagai kaedah yang baik untuk menyalurkan mesej kepada penonton. Emosi dan ekspresi narrator dalam menceritakan suatu-suatu babak secara tidak langsung berfungsi sebagai kata-kata yang ditujukan kepada penonton. V.O yang digunakan seolah-olah bercakap dengan penonton dan menyalurkan mesej-mesej dan nasihat yang baik kepada penonton. Sebagai contoh, dalam satu babak ketika Mandira menyalahkan status Rizwan sebagai orang Islam kerana menyebabkan anaknya juga terkorban, Rizwan menjawab kenyataan tersebut dengan hanya menggunakan V.O iaitu menzahirkan emosi dan perasaannya menerusi suara latar tersebut dengan menyatakan: “*Being a Muslim is not a bad thing, Mandira.*”

---


<sup>279</sup> “*Voiceover story telling*’ (V.O): *Voice over is a film technique in which a person, sometimes not present on screen, narrates the action, presents his or her feelings, or summarizes events.* Lihat, Detnovel, <http://www.detnovel.com/Glossary.html>, diambil pada 28 Mac 2011. (Ini bererti, ‘*voiceover story telling*’ merupakan teknik penceritaan dengan menggunakan suara latar yang tidak dizahirkan penampilannya. Narrators hanya berdialog menerusi suaranya untuk menggambarkan perasaan dan perjalanan kisah yang berlaku. Menerusi filem ini, watak Rizwan yang dipikul oleh Shah Rukh Khan diberi tanggungjawab sebagai voiceover story teller yang berperanan menceritakan keseluruhan cerita dan babak-babak yang berlaku menerusi emosi yang dikeluarkan melalui suaranya.)

Selain itu, filem ini juga bermula dengan teknik 'imbas semula' atau disebut sebagai teknik *flash back*. Teknik ini digunakan untuk menceritakan kisah Rizwan di zaman kanak-kanak. Ia turut diaplikasi pada permulaan cerita dengan menggambarkan pandangan stereotaip masyarakat Barat kepada individu dan masyarakat Muslim terutamanya yang menetap di sana. Babak awal ini sudah cukup menggambarkan jalan cerita yang ingin disampaikan dalam filem ini iaitu bagaimana sifat kemanusiaan dan kasih sayang terhakis hasil daripada peristiwa 9 November yang cuba memisahkan hubungan antara dunia Barat dan masyarakat Islam. Babak awal filem ini juga menunjukkan bagaimana sekumpulan pegawai polis di Barat yang menahan Rizwan untuk melakukan soal siasat. Mereka memungkah beg pakaian Rizwan kerana mengesyaki beliau terlibat dengan aktiviti terroris. Perkara tersebut membuatkan Rizwan terlepas jadual untuk menaiki kapal terbang menuju ke Amerika Syarikat (USA) sebagaimana yang dirancang. Maka, bermulalah kisah pengembaraan suka duka Rizwan untuk memurnikan kembali pandangan stereotaip barat terhadap nama 'Khan' yang sangat signifikan dengan nama orang Islam.

Realisme dikesan dalam membentuk perjalanan filem ini dan dalam penyampaian wacana teksnya. Realisme yang bertindak sebagai reaksi kepada realiti berjaya ditonjolkan menerusi peristiwa-peristiwa yang menjelaskan realiti semasa yang berlaku seperti stigma barat terhadap masyarakat Islam, stigma barat terhadap keruntuhan WTC, nilai budaya dan kemasyarakatan dan sebagainya yang digunakan dalam menjelaskan perjalanan cerita *MY NAME IS KHAN*.

#### 4.1.2 PLOT

Plot ialah suatu tindakan yang menghubungkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam sesebuah cerita. Setiap peristiwa perlu berhubungan berdasarkan faktor-faktor sebab dan akibat.<sup>280</sup> Filem merupakan satu medium visual yang mempunyai jalan cerita asas yang dramatik. Maka, ia mempunyai stuktur paradigma atau model penceritaan yang boleh membawa satu penceritaan kepada penceritaan yang lain. Syd Field (1993) menjelaskan struktur paradigma yang perlu diaplikasi dalam menjelaskan berkaitan lakon layar dalam sesebuah filem.<sup>281</sup>



Rajah 1: Struktur Paradigma Moden (Syd Field, 1993)

Sebuah jalan cerita perlu mempunyai kaitan dan hubungan antara bahagian permulaan dan pengakhiran.<sup>282</sup> Permulaan plot adalah peringkat permulaan cerita, iaitu untuk memperkenalkan watak, latar, dan suasana.<sup>283</sup> Babak permulaan ini perlu menonjolkan atau memperkenalkan watak utama dan permasalahan yang berlaku dalam filem. Masalah yang berlaku boleh menimbulkan unsur dramatik untuk menarik perhatian

<sup>280</sup> *The Annenberg Foundation (2011)*, <http://www.learner.org/interactives/literature/read/plot1.html>, diambil pada 15 Mei .

<sup>281</sup> Syd Field (1993), *op. cit.*, h. 1& 2

<sup>282</sup> *Ibid.*, h. 58

<sup>283</sup> *The Annenberg Foundation (2011)*, *loc. cit.*

penonton mengetahui pengakhiran atau perleraian terhadap masalah tersebut. Pada akhir babak permulaan ini, Syd Field (1993) menyarankan titik plot iaitu suatu kejadian atau insiden yang boleh memutarakan perjalanan cerita ke satu arah yang lain. Maka, plot cerita akan bertukar kepada babak pertengahan yang dikenali sebagai konfrontasi.<sup>284</sup>

Babak kedua ini pula akan diisi dengan konflik lakon layar dan ia mengandungi sebahagian besar penceritaan dalam sesebuah lakon layar.<sup>285</sup> Konflik dicipta menerusi pelbagai rintangan yang perlu ditempuhi oleh watak dalam memenuhi keperluannya. Ia juga dihasilkan bagi menarik perhatian penonton dan seterusnya membawa perjalanan cerita ke arah resolusi.<sup>286</sup>

Bahagian terakhir dalam sebuah lakon layar ialah pengakhiran atau resolusi. Sebuah pengakhiran yang kuat akan memberikan resolusi terhadap konflik yang dialami watak secara jelas dan lengkap.<sup>287</sup>

#### Binaan Plot Filem *MY NAME IS KHAN*.

Filem ini diselang seli dengan teknik ‘imbas kembali di awal perjalanan ceritanya. Terdapat tiga babak yang mengaplikasi teknik ‘imbas kembali’ ni. Walau bagaimanapun, filem ini menggunakan paradigma plot permulaan, pertengahan dan pengakhiran yang jelas.

#### **a) Permulaan Plot:-**

Struktur paradigma dalam filem ini bermula dengan memperkenalkan watak utama iaitu Rizwan Khan (Shahrukh Khan) yang ditahan oleh pihak polis semasa dalam proses

---

<sup>284</sup> Syd Field (1993), *op. cit.*, h.2&3

<sup>285</sup> *Ibid.*, h. 3

<sup>286</sup> *Ibid.*, h. 14

<sup>287</sup> *Ibid.*, h. 4

mendaftar masuk untuk menaiki kapal terbang menuju ke Amerika Syarikat (AS). Beliau di tahan kerana keadaan fizikalnya yang aneh dan menimbulkan syak kepada pasukan polis yang mengawal di situ. Khan digambarkan sebagai seorang lelaki yang mempunyai penyakit *authiesme*. Maka, fizikal dan cara pembawakan dirinya digambarkan menimbulkan syak wasangka dikalangan pihak berkuasa di sana. Tambahan pula, namanya berakhir dengan Khan iaitu nama yang sinonim bagi masyarakat di India yang beragama Islam. Semasa dalam tahanan polis di lapangan terbang tersebut, beg pakaiannya diselongkar dan beliau juga disoal siasat oleh pihak polis yang bertugas. Tujuan utama soal siasat tersebut diadakan bagi mengenalpasti sama ada beliau terlibat dengan kumpulan pengganas atau tidak. Titik plot pertama berakhir selepas proses penilaian dan pengeledahan terhadap Rizwan selesai.

Perjalanan cerita seterusnya cuba mengimbas kembali kehidupan Rizwan semasa kecil. Watak-watak sampingan seperti ibu dan adiknya diperkenalkan pada *sequence* awal ketika perjalanan cerita mengimbas kembali kehidupan Rizwan sewaktu kecil. Zaman itu juga ditonjolkan *scene* kesan pergolakan antara Hindu dan Muslim sekita tahun 1983 di kawan rumah mereka. Rizwan membesar di kalangan masyarakat Hindu dan Muslim. Oleh kerana keanehan fizikalnya, Rizwan diasuh dan dilindungi oleh ibunya. Perkara tersebut menyebabkan adiknya cemburu dan bertekad untuk menyambung pelajaran dan bekerja di luar negara. Tidak lama selepas itu ibunya meninggal dunia.

Perjalanan Rizwan Khan ke USA diteruskan digambarkan semula. Cerita kembali kepada situasi Khan setelah bebas dari proses pengeledahan. Namun, penceritaan digambarkan dengan hanya menggunakan teknik *voice over* oleh watak Khan sendiri terhadap nasib dirinya setelah kematian ibunya iaitu terbang ke San

Fransisco dan tinggal bersama adiknya Zakir. Titik plot yang kedua berakhir pada babak keberangkatan Rizwan untuk tinggal bersama adiknya.

Plot kemudiannya bergerak semula kepada kisah kehidupan baru Rizwan dan Fransisco sehingga bertemu dengan Mandira iaitu seorang ibu tunggal yang mempunyai anak lelaki dan berkahwin. Pada permulaannya, kehidupan mereka sangat bahagia. Namun, sejak Mandira menerima panggilan dari rakan baiknya, Sarah berkaitan tragedi runtuhannya WTC pada 9 November 2001, Mandira mula sedar bahawa takdir diri dan keluarganya akan mula berubah selepas kejadian tersebut. Titik plot pada babak ini mengakhiri babak permulaan atau disebut sebagai babak 1 dalam filem ini. Pengakhiran babak permulaan ini diakhiri dengan satu tanda tanya berkaitan nasib yang akan menimpa keluarga Khan dan umat Islam dunia dan khususnya mereka yang tinggal disekitar kawasan perntadbiran Amerika.

#### **b) Pertengahan Plot:-**

Babak dua dimulakan dengan konflik-konflik yang timbul hasil dari kejadian runtuhannya WTC. Konflik digambarkan bukan sahaja terhadap watak-watak utama malah masyarakat sekeliling yang mempunyai identiti yang sama dengan watak utama iaitu sebagai umat Islam. Konflik juga digambarkan pada watak anak tiri Rizwan iaitu Sam yang diperlekehkan oleh rakan-rakannya kerana mempunyai identiti Islam.

Perjalanan cerita dalam filem ini kembali semula menceritakan perjalanan Rizwan untuk bertemu dengan Presiden USA untuk memberitahu kebenaran. Tetapi sekali lagi tidak berhasil.

Teknik imbas kembali yang ketiga digunakan sekali lagi untuk menceritakan kesan kejadian 9 November terhadap keluarga Rizwan dan Mandira. Pada ketika ini, suami kepada jiran mereka digambarkan tekah mati kerana menjadi wakil kepada tentera USA untuk memerangi terroris di Afghanistan. Kejadian itu memberi impak besar kepada kehidupan anaknya Sam kerana individu tersebut merupakan ayah kepada rakan karibnya, Reese. Hubungan antara Sam dan Reese bertambah renggang kerana menyebabkan ayahnya mati. Titi plot dalam babak ini berakhir apabila Sam dibunuh oleh rakan-rakan Reese. Maka, perjalanan cerita ini bertukar kepada plot yang seterusnya iaitu bermulalah perjalanan kehidupan Rizwan dan keluarga yang terpaksa berpisah demi untuk menuntut bela atas kematian anak mereka.

Plot seterusnya bergerak pada usaha Mandira yang cuba untuk mendapatkan hak dan keadilan bagi pihak anaknya yang dibunuh. Namun, atas alasan dia merupakan isteri kepada seorang yang beragama Islam di samping, nama akhirnya sudah ditukar kepada nama Khan, pihak sekolah dan pihak polis secara terus-terusan membiarkan kes tersebut ditutup dengan alasan tiada saksi yang tampil. Dalam *scene* yang berlainan, Rizwan yang dihalau keluar oleh Mandira atas kematian anaknya berusaha untuk mencari peluang bertemu dengan Presiden USA.

Konflik seterusnya dikembangkan kepada masalah lain yang bakal ditempuhi Rizwan Khan. Dalam satu siri pertemuan Presiden AS dengan rakyatnya di suatu daerah, Rizwan juga berkesempatan untuk menghadirinya. Namun, oleh kerana suasana yang bising dan keadaan sekeliling yang dipenuhi oleh orang ramai yang ingin melihat sendiri dan berdepan dengan Presiden, Rizwan hanya mampu menyampaikan mesej yang ingin dinyatakannya kepada presiden dari jarak jauh. Ungkapan yang keluar dari mulutnya iaitu "*Mr. Presiden, My Name Is Khan and I'm Not a Terrorist*" telah



tersalah dengar oleh orang-orang yang berdiri berhampiran dan disekelilingnya. Mereka hanya terdengar bahawa Rizwan menyebut dirinya ialah terroris dan bukannya “*Not a Terrorist*”. Di saat itu, beliau sekali lagi ditahan dan dipenjarakan kerana telah disyaki sebagai salah seorang pengganas yang dikehendaki. Keghairahan pihak barat untuk menangkap pengganas telah menyebabkan mereka sangat prejudis dalam apa jua tindakan yang dilakukan oleh umat Islam. Di dalam tahanan, Rizwan diberi layanan yang sangat buruk. Dia bukan hanya disiksa dari segi fizikal malah siksaan dan paksaan terhadap mentalnya juga turut sama dilakukan oleh pihak berkuasa. Mereka terus memaksa Rizwan mengaku bahawa dia ialah pengganas yang dicari. Titik plot bagi babak kedua berakhirnya di sini sebelum resolusi terhadap permasalahan dan konflik Khan diselesaikan dalam babak pengakhiran.

### **c) Pengakhiran Plot:-**

Babak pengakhiran atau resolusi dalam filem ini dimulakan dengan usaha sekumpulan wartawan bebas yang mempunyai rakaman keseluruhan ungkapan yang telah dinyatakan Rizwan sebelum dia ditahan untuk mendapatkan keadilan bagi pihak Rizwan. Mereka mencari syarikat-syarikat produksi televisyen yang sudi membantu mereka untuk mendedahkan video tersebut sekaligus berhasrat untuk menyelamatkan Rizwan. Hari demi hari, tiada satu stesen televisyen pun yang sudi menyiarkan rakaman tersebut sehinggalah mereka bertemu dengan sebuah stesen yang sudi membantu mereka. Setelah rakaman tersebut disiarkan, berita mengenai Khan mendapat perhatian pelbagai lapangan masyarakat termasuklah dari para peguam yang ingin memberi khidmat mereka untuk mengeluarkannya dari penjara. Titik plot bagi babak ini berakhir setelah Khan berjaya dibebaskan dari penjara.

Resolusi bagi babak ini juga ditampilkan dengan kejayaan Rizwan Khan bertemu dengan Presiden USA. Akhirnya, pada suatu ketika, semasa berlangsungnya suatu perhimpunan bersama Presiden AS, Rizwan berpeluang untuk bertemu dengan beliau. Setelah dijemput ke bahagian hadapan untuk bersama Presiden tersebut, Rizwan mula menyatakan kepadanya mesej yang selama ini ingin disampaikan. Lantas menyebut: “*My Name Is Khan and I’m Not a Terrorist*”. Selain itu, Khan juga turut memberitahu dan menyatakan kepada Mr. Presiden bahawa anaknya, Sam yang tidak bersalah telah dibunuh dan kematiannya tidak mendapat sebarang pembelaan. Ungkapan tersebut sekaligus membuatkan Mandira dan masyarakat sekelilingnya berasa sangat kagum dengan kesungguhan Rizwan. Rizwan bukan hanya berjaya menunaikan janjinya kepada Mandira, dia juga berjaya membersihkan nama keluarganya dan sekaligus membersihkan nama Islam dan umatnya dari simptom *Islamphobia* yang menyerang masyarakat barat.

Rumusan plot bagi filem *MY NAME IS KHAN* boleh dinyatakan seperti berikut:

<b>ACT I</b>	<b>ACT II</b>	<b>ACT III</b>
-Dimulakan dengan memperkenalkan watak utama dan sampingan. Seterusnya dikembangkan dengan kehidupan waktu kecil bagi watak Rizwan sehingga beliau berkahwin	-Konflik bermula setelah kejadian runtuh WTC di New York. Umat Islam di pandangan dengan pandangan yang buruk. Babak ini juga mula dikembangkan atas konflik pembunuhan anak watak utama (Rizwan Khan) dan isteri (Mandira).  -Konflik yang melibatkan watak utama semasa berusaha bertemu presiden USA untuk memperjuangkan hak.  - Konflik lain ditunjukkan	- Babak perleraian atau resolusi ditunjukkan usaha-usaha yang dibuat untuk menyelamatkan watak utama yang dihukum tanpa salah oleh sekumpulan wartawan.  -Babak ini juga menunjukkan kejayaan watak utama bertemu presiden USA yang meleraikan segala salah faham terhadap Islam dan istilah teroris ke atas umat Islam.

	penderitaan yang diterima seperti dipenjarakan, di sisihkan oleh masyarakat akibat dari kejadian runtuh WTC oleh segolongan teroris dikembangkan dalam babak ini.	
--	---	--

Jadual 1: Plot dalam filem *MY NAME IS KHAN*

#### 4.1.3 TEMA

Cerita asal filem ini adalah berkembang dari konsep kasih sayang. Filem ini juga memperkenalkan kepada dunia nilai kemanusiaan dalam usaha membanteras keganasan yang berlaku di dunia Barat.

Konsep kasih sayang digambarkan dalam setiap perjalanan hidup watak utamanya iaitu Rizwan. Sejak kecil beliau telah dijaga dengan penuh kasih sayang dan ditanamkan nilai kemanusiaan yang baik oleh ibunya.

Konsep kasih sayang dan kemanusiaan juga digambarkan di saat Khan menjadi ketua keluarga. Layanan, perhatian dan kasih sayang diberikan kepada anak dan isterinya.

Nilai kemanusiaan dalam diri Rizwan Khan juga ditampilkan dalam *scene di* mana beliau menghadiri majlis pengebumian mangsa kejadian WTC dan menghadiahkan sedikit wang zakat kepada keluarga mangsa yang terlibat.

Menurut Shah Rukh Khan iaitu pelakon utama yang membawakan watak Rizwan Khan dalam filem ini, beliau mengatakan bahawa filem ini bukan hanya

memfokuskan kejadian 9 November dan hubungannya dengan *terrorisme*. Tetapi, mesej yang dibawakan dalam filem ini lebih berbentuk kemanusiaan.

*“MY NAME IS KHAN is "not about terrorism, or 9/11. It's about a relationship between two people, between an individual and the State, and between an individual and the country. In short, there the three important components: love story, Islam and a mild form of autism.”*<sup>288</sup>

Petikan temubual yang dijalankan pada awal Julai 2009, yang dicoretkan di laman peminat Shah Rukh Khan, menceritakan bahawa filem *MY NAME IS KHAN* adalah filem yang memfokuskan hubungan antara barat dan Islam serta bagaimana hubungan itu bertukar dalam sekelip mata akibat dari beberapa siri peristiwa yang berlangsung. Beliau juga turut menggambarkan bahawa watak Rizwan yang dibawanya dapat memberi pengajaran dalam konteks yang lebih luas. Watak Rizwan Khan yang mengalami *autisme* bukan sekadar sebuah watak yang berjuang untuk melawan kecacatan atau penyakit yang dialaminya, bahkan menerusi filem ini, watak Rizwan lebih ditonjolkan sebagai lelaki kurang upaya yang berusaha melawan ke‘cacatan’ atau kerosakan yang bermaharajalela di muka bumi ini.<sup>289</sup>

Konsep kasih sayang dan nilai kemanusiaan sejagat juga ditunjukkan dalam babak di mana Rizwan Khan berusaha untuk memberi bantuan dan pertolongan kepada mangsa banjir di Wilhemnia, Georgia. Walaupun, kesemua mangsa tragedi tersebut beragama Kristian, Khan tetap membantu meringankan beban dan kesusahan mereka. Nilai kemanusiaan dan kasih sayang yang ditampilkan Khan benar-benar membuka mata masyarakat dunia tentang akhlak Islam dan seterusnya berjaya menarik lebih ramai sukarelawan untuk datang membantu.

---

<sup>288</sup> *The Official Fan Site*, [http://www.shahrukh.com/wp\\_mnik.cfm](http://www.shahrukh.com/wp_mnik.cfm), diambil pada 18 Mac 2011

<sup>289</sup> *Ibid.*

Menerusi babak-babak tersebut, satu rumusan dapat dibuat iaitu filem *MY NAME IS KHAN* ini tidak hanya memfokuskan satu mesej berkaitan kesan kejadian 9 September 2001 sahaja. Ia juga membawa mesej yang lebih luas iaitu meliputi unsur kemanusiaan sejagat, toleransi, adab, serta unsur-unsur Islam yang dapat menerangkan realiti dunia Islam sebenar kepada masyarakat dunia dan nilai serta akhlak Islam yang benar.

## 4.2 LATAR BELAKANG FILEM JODHAA AKHBAR

### 4.2.1 SINOPSIS

Filem *JODHAA AKBAR* ini merupakan sebuah film epik yang berlatar belakang abad ke-16. Ia mengisahkan pemerintahan seorang Raja ‘Akbar The Great’ dari kerajaan Mughal<sup>290</sup> yang menikahi seorang puteri dari Rajput bernama Jodhaa Bai demi kepentingan politik.

Rajanya, Jalaluddin Mohammad Akbar seorang waris keturunan Zahiruddin Muhammad Babur yang mendirikan empayar Mughal di India. Empayar Mughal adalah sebuah empayar yang besar dan luas. Jalaluddin menggantikan takhta kerajaan Mughal setelah kemangkatan ayahnya iaitu Humayun. Beliau dilatih untuk menjadi pewaris kerajaan Mughal agar dapat mengembalikan wilayah-wilayah yang pernah berada di bawah naungan kerajaan Mughal dan menguasai wilayah-wilayah baru demi untuk memperluaskan lagi empayar kerajaan Mughal.

---

<sup>290</sup> Kerajaan Mughal adalah kerajaan Islam terakhir di India (1526-1858M). Kerajaan ini bermula dari kepemimpinan Zahiruddin Babur. Jumlah kesemua sultan Mughal yang pernah menjadi pemimpin ialah seramai 29 orang yang bermula dari Sultan Babur hingga Sirajudin Bahadur Syah II. Setelah Sultan Babur mangkat, kuasanya diwarisi oleh puteranya Humayan. Kerajaan Mughal mula dipimpin oleh Jalaluddin Mohammad Akbar iaitu anak Humayaun selama 49 tahun dari 1556M-1605M. Kerajaan Mughal mencapai zaman kegemilangannya semasa pemerintahan Akbar. Lihat, Mohd. Nurhakim (2004), *Sejarah dan Peradaban Islam*. Indonesia: Penerbit Universitas Muhammadiyah Malang, h. 147-148, Shelat, J. M. (1959), *Akbar*. Bombay: Bharatiya Vidya Bhavan Lihat juga, Wikipedia EnsiklopediaBebas, [http://ms.wikipedia.org/wiki/Empayar\\_Mughal](http://ms.wikipedia.org/wiki/Empayar_Mughal).

Peperangan demi peperangan dilakukan demi untuk memiliki dan menguasai wilayah-wilayah lain. Salah satunya dengan mengirim dan menghantar utusan kepada maharaja-maharaja Hindu yang selama ini mencari kesempatan untuk lari dari membayar jizyah atau ufti yang telah ditetapkan oleh kerajaan Islam. Salah satu usaha Akbar bagi meluaskan jajahan dan empayarnya ialah dengan membina hubungan erat antara kerajaan Mughal dengan wilayah-wilayah tertentu. Hubungan tersebut dibina menerusi perkahwinan dengan puteri Ameer iaitu Jodhaa. Dengan perkahwinan tersebut, wilayah Ameer berada di bawah naungan Kerajaan Mughal sekaligus berjaya meluaskan empayarnya.

Konflik mula timbul apabila Jalaluddin atau lebih dikenali sebagai Akbar bertindak menerima lamaran Jodhaa. Penentangan utama diterima dari ibu asuhannya sendiri iaitu Maham Angga. Maham Angga yang kuat pegangan agamanya menganggap perkahwinan tersebut salah di sisi Islam. Namun, beliau tidak menunjukkan penentangan secara terang-terangan kepada Jalaluddin tetapi bertindak menzahirkan penentangan tersebut hanya kepada Jodhaa. Pelbagai cara dan strategi diatur bagi mengusir Jodhaa dari istana. Antaranya dengan menggunakan sepucuk surat milik Jodhaa yang dijumpai dalam tempat menyimpan pakaiannya. Surat tersebut telah ditulis Jodhaa untuk dikirimkan kepada abangnya, Sujamal. Antara isi dalam surat tersebut ialah Jodhaa merayu kepada Sujamal agar datang menyelamatkannya dari terus tinggal di istana kerajaan Mughal kerana tidak bahagia. Hakikatnya, surat tersebut ditulis sebelum Jodhaa berkahwin dengan Akbar. Atas dasar untuk mengusir Jodhaa, Maham Angga nekad menggunakan surat tersebut sebagai bukti kecurangan Jodhaa. Beliau juga telah mengirim surat tersebut kepada Sujamal. Sujamal yang dalam keadaan gelisah mengenangkan Jodhaa dalam keadaan bahaya terus berjanji bertemu dengan Jodhaa di

suatu tempat sulit. Rancangan pertemuan itu juga turut diatur oleh Maham Angga. Beliau menceritakan kepada Akbar mengenainya. Akbar bersetuju untuk menyaksikan pertemuan tersebut. Apabila Akbar melihat pertemuan antara Jodhaa dan seorang lelaki yang dikatakan seorang yang sepatutnya mengahwini Jodhaa sebelum mengahwininya, beliau berasa sangat kecewa dan marah. Lalu, Akbar memerintah pengawalnya untuk menangkap Sujamal. Sujamal berasa tertipu dan rasa dikhianati oleh Jodhaa kerana menyangkakan pertemuan tersebut sengaja dilakukan oleh Jodhaa untuk menangkapnya atas kesalahan lari dari kerajaan Ameer kerana tidak dapat mewarisi kerajaan tersebut. Namun, beliau berjaya melepaskan diri.

Setelah berjaya melepaskan diri, Sujamal yang kecewa dengan peristiwa yang berlaku tekad untuk bergabung tenaga dengan Sharifuddin untuk melawan kerajaan Mughal. Perkara ini menaikkan semangat Sharifuddin untuk terus berjuang mematahkan kekuasaan adik iparnya sendiri iaitu Akbar. Maka, satu cadangan peperangan dikemukakan kepada Akbar. Akbar bersetuju menyahut panggilan peperangan tersebut. Persetujuan tersebut diberikan hanyalah untuk mengumkan Sharifuddin agar mereka dapat bertemu dan menyelesaikan konflik yang berlangsung dengan baik. Semasa kedua-dua pihak bersama-sama angkatan tentera masing-masing menuju ke medan pertempuran, Akbar mengarahkan tenteranya yang memegang bendera keamanan untuk mengangkat bendera tersebut. Namun, menteri-menterinya mempersoalkan tindakan tersebut. Hakikatnya, tujuan tindakan tersebut dilakukan hanya untuk meminta pihak Sharifuddin bertenang dan berdamai tanpa menimbulkan keadaan huru hara yang boleh menghilangkan jutaan nyawa manusia seandainya perang berlaku. Apabila melihat bendera putih yang menandakan permohonan untuk meminta keamanan diangkat oleh tentera Jalaluddin, Sharifuddin dengan helahnya mempersetujui permintaan tersebut.

Peperangan pada hari tersebut tidak berlangsung sebagaimana yang dikehendaki oleh Sharifuddin, tetapi dia cuba mencari suatu helah lain agar Jalaluddin dibunuh. Persetujuannya untuk berdamai bukanlah untuk menghentikan peperangan tetapi untuk mengaburi pandangan dan pemikiran Jalaluddin dan tentera-tenteranya yang sudah tentu menganggap Sharifuddin tidak akan meneruskan hajatnya untuk melangsungkan peperangan. Strategi diatur oleh Sharifuddin. Beliau telah mengumpun seorang dari tenteranya untuk menyamar sebagai pengawal di Raja yang baru dan dihantar ke kawasan Jalaluddin untuk membunuhnya seterusnya membunuh Sujamal agar tiada perebutan kuasa lagi seandainya dia dapat menakluki kerajaan Mughal. Perancangan tersebut didengari oleh Sujamal. Tanpa membuang masa, Sujamal memanggil tentera-tentera yang dipercayainya untuk melakukan sabotaj terhadap rancangan Sharifuddin dengan memaklumkan perkara tersebut kepada Jalaluddin. Sharifuddin berjaya menangkap tentera-tentera Sujamal tanpa sempat mereka bergerak ke kawasan Jalaluddin dan membunuh mereka. Tanpa menyedari maut yang akan menjelma, Sujamal nekad bertemu dengan Jalaluddin untuk memaklumkan rancangan jahat Sharifuddin. Beliau akhirnya menuju ke kawasan pihak Jalaluddin dengan menaiki kuda tunggangannya sambil dikejar oleh tentera-tentera Sharifuddin. Dalam perjalanan tersebut, Sujamal telah dipanah. Sebaik sampai ke kawasan Jalaluddin, mereka mendapatkan Sujamal yang sudah lemah dan berlumuran darah itu. Sujamal terus memaklumkan kepada Jalaluddin mengenai misi jahat Sharifuddin dan sejurus selepas itu beliau mati dalam pangkuan Jalaluddin.

Jalaluddin nekad bertemu dengan Sharifuddin untuk mengetahui niat dan kemahuan sebenar Sharifuddin. Sharifuddin menyatakan bahawa dia ingin memiliki India dan menganjurkan agar mereka berdua berlawan (*duel*). Seandainya beliau



menang, beliau ingin memiliki India. Tetapi, seandainya beliau kalah di tangan Jalaluddin, beliau sanggup untuk taat di bawah kerajaannya sehingga ke akhir hayatnya. Demi menjaga keharmonian rakyat India, Jalaluddin bersetuju dengan kemahuan Sharifuddin untuk berlawan. Perlawanan antara Jalaluddin dan Sharifuddin dimenangi oleh Jalaluddin. Maka, Sharifuddin terpaksa akur dengan perjanjian untuk tidak melakukan sebarang keadaan yang menimbulkan persengketaan pada masa hadapan dan berjanji untuk taat di bawah pemerintahan Akbar.

Akhirnya, kerajaan Mughal berjaya mengekalkan keamanannya. Maka, rakyat mula menerima perkahwinan berlainan agama sebagaimana yang dilakukan oleh Akbar. Tiada sebarang persengketaan yang berlaku kerana polisi yang dibuat oleh Akbar adalah polisi yang dianggap adil untuk setiap agama dan budaya.

#### **4.2.2 PLOT**

##### **Binaan Plot Filem *JODHAA AKBAR***

##### **a) Permulaan Plot:**

Struktur paradigma filem *JODHAA AKBAR* bermula dengan memperkenalkan Hindutsan yang memiliki sebuah kerajaan Islam yang kuat dan besar satu masa dahulu iaitu kerajaan Mughal. Kerajaan ini berjaya memperluaskan jajahan mereka termasuklah memiliki Delhi dan sekaligus berjaya menguasai kerajaan India. Usaha memperluaskan kuasa oleh kerajaan Mughal bermula dengan lebih rancak apabila pewaris Humayun iaitu Jalaluddin Mohamad Akbar (Akbar) mula menaiki takhta Mughal. Setelah berjaya memperluaskan jajahan, Akbar telah mengarahkan orang utusannya untuk menghantar perutusan kepada wilayah-wilayah di seluruh India agar mereka memperakui bahawa

Jalaluddin Mohamad Akbar adalah Maharaja India dan setia untuk membayar cukai-cukai yang diperuntukkan di bawah undang-undang kerajaan Mughal. Sebahagian dari wilayah di India bersetuju untuk memperakui kedaulatan kerajaan Mughal namun, sebahagian lagi menentang dan bertindak kasar dengan mengoyakkan perutusan tersebut sebagai tanda tidak mahu berada di bawah naungan Mughal. Kebanyakannya dari wilayah-wilayah di Rajput. Plot pertama dalam bahagian permulaan ini berakhir dengan kedegilan pembesar-pembesar wilayah lain untuk duduk di bawah pemerintahan Mughal terutama pembesar di Rajput.

Plot ini diteruskan dengan pewarisan takhta Kerajaan Rajput, Ameer oleh Raja Brahmamal (Kulbhushan Kharbanda) kepada Rajkumar Bhagawan. Raja Brahmamal menggantikan takhta Raja Puranmal (ayah kepada Sujamal) sebagai Raja Ameer selepas kemangkatannya. Pewarisan kuasa ini membuat Sujamal (anak saudara Raja Brahmamal-dilakonan oleh Sonu Sood) marah kerana beliau merasa bahawa dialah yang sepatutnya menjadi pewaris kerajaan Ameer. Hal ini mendorong Sujamal keluar dari Ameer lalu, meminta bantuan kepada wilayah-wilayah lain termasuk wilayah Ajmer yang berada di bawah kuasa Sharifuddin (abang ipar Akbar) untuk membela hak dan mendapatkan kembali kuasanya untuk memerintah Ameer.

Sujamal merupakan anak kepada bekas raja Ameer sebelum Raja Brahmamal menaiki tahta. Maka, Sujamal yang tidak dipilih menggantikan Raja Brahmamal menjadi marah dan kesal dengan keputusan tersebut. Beliau bertindak untuk menyerang Ameer. Maka, Raja Brahmamal segera membuat keputusan untuk menerima dan mendaulatkan kerajaan Mughal bagi mengelakkan dari terjadinya kekecohan dan peperangan di Ameer. Sebagai suatu kuasa besar di India, keputusan berada di bawah naungan kerajaan Mughal menjadikan Ameer bebas dari serangan musuh-musuh luar. Maka,

bagi menjalinkan hubungan baik antara dua wilayah ini, Raja Brahmamal bertindak mengahwinkan puterinya Jodhaa (Aishwariya Rai) dengan Jalaluddin Muhammad Akbar (Hirtik Roshan) setelah tunangan anaknya iaitu Ratan Singh dari Ajabgarh bertindak memutuskan tali pertunangan antara mereka rentetan dari keputusan Raja Brahmamal untuk tunduk di bawah naungan Jalaluddin. Keputusan Raja Brahmamal untuk berada di bawah naungan Mughal juga membuatkan wilayah lain memutuskan hubungan dengan Ameer.

Jodhaa menerima permintaan ayahnya untuk berkahwin dengan Akbar dan meletakkan dua syarat kepada baginda iaitu diberi kebebasan untuk menganuti agama asalnya iaitu Hindu dan meminta agar sebuah kuil kecil dibina di dalam kamarnya. Lalu, Jalaluddin mempersetujui syarat tersebut atas tujuan menjaga kepetingan dan keharmonian antara kedua buah negara.

Jalaluddin Mohammad Akbar adalah seorang pemimpin yang beragama Islam dan memerintah sebuah kerajaan Islam. Begitu juga dengan Jodhaa iaitu seorang penganut agama Hindu yang sejati. Akibat dari perbezaan agama yang dianuti, pernikahan antara Jodhaa dan Akbar mencetuskan banyak pertentangan dari pelbagai pihak kerana pernikahan itu merupakan pernikahan antara dua agama yang berbeza.<sup>291</sup>

Plot permulaan ini berakhir dengan tanda tanya nasib Akbar, Jodhaa dan pentadbiran

---

<sup>291</sup> India merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang majoritinya beragama Hindu. Agama Islam hanya muncul di India setelah ada usaha-usaha dari pedagang-pedagang Arab yang datang berniaga di India sambil menyebarkan Islam di sana. Kerajaan Islam yang pertama terbentuk di India ialah kerajaan Sabaktakin pada 1004 M. Kedua-kedua agama ini saling berseteru dan tidak mampu mencapai persepakatan hingga terjadi perpindahan besar-besaran bagi warga India yang beragama Islam sehingga keluar dari India dan lahirlah Pakistan. Memetik kata-kata Sir Sayyid Ahmad Khan yang dikutip dari buku "*Islam in India's Transition to Modernity*", yang menyatakan bahawa sejak British meninggalkan bumi India, kaum Hindu atau Islam tidak dapat disatukan dan tidak akan berkongsi kuasa yang sama kerana berkemungkinan salah satu dari mereka akan menguasai satu yang lain. Lihat, Karandikar, Maheshwar (1969), *Islam in India's transition to modernity*. Westport, Conn. : Greenwood Pub. Corp., h. 159. "Persaingan dan pergaduhan antara Hindu dan Islam di India bermula sejak dari kehadiran umat Islam di bumi India. Ia menjadi lebih sengit sejak Inggeris mula berkuasa dan menyebarkan dasar Imperialismenya di India. Sejak mencapai kemerdekaan pada 1947 sehingga ke hari ini pergaduhan demi pergaduhan berlaku antara dua agama ini. Contoh yang paling besar ialah pada tahun 1982 dan 1984 di mana umat Islam dibunuh dan disembelih dengan kejam oleh masyarakat Hindu." Lihat, Abu Ali Al-Banjari An Nadwi (1992), *Sejarah perkembangan Islam di India*. Pokok Sena, Kedah: Khazanah Banjariyah, h. 234-235

Mughal selepas ura-ura penentangan perkahwinan mereka diterima dari segenap pembesar kerajaan Mughal.

**b) Pertengahan:**

Plot pertengahan ini diisi dengan pelbagai konflik dan konfrontasi yang melibatkan Akbar, Jodhaa dan kerajaan Mughal. Penentangan utama datang dari Maham Angga (Ila Arun) yang merupakan ibu pengasuh Akbar sejak dari kecil. Selain itu, abang iparnya, Sharifuddin turut tidak menyukai perkahwinan tersebut yang secara jelasnya bersalahan dengan pegangan agama. Walau pelbagai penentangan diterima, Akbar tetap meneruskannya untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat Ameer.

Konflik bertambah berat selepas pernikahan antara Akbar dan Jodhaa. Salah satunya telah mengakibatkan Shamsuddin Atka Khan (Perdana Menteri bagi Kerajaan Mughal) dibunuh oleh Adham Khan (putra Maham Angga). Antara faktor lain pembunuha Shamsuddin ialah kerana dia juga telah dapat menghidu penyalahgunaan kuasa kerajaan oleh Adham. Lantas, apabila Shamsuddin bertindak untuk menegurnya, Adham mula berang dan menyatakan ketidakpuasannya terhadap kepimpinan Akbar. Maka, terjadinya pergaduhan kecil antara mereka yang menyebabkan Shamsuddin dibunuh.

Apabila Akbar mengetahui Shamsuddin telah dibunuh oleh Adham, beliau terus mendapatkan Adham yang dalam masa yang sama menuju kepadanya untuk menyatakan ketidakpuasan hatinya kepada pentadbiran Akbar. Akhirnya, Akbar memerintahkan agar Adham dibunuh. Pembalasan ke atas Adham Khan bukan hanya kerana dia telah membunuh Shamsuddin, tetapi kerana Adham telah menyatakan ketidakpuasan hatinya terhadap perkahwinan antara Akbar dan Jodhaa serta telah

bertindak merendah-rendahkan maruah Jodhaa. Perkara ini telah membuatkan Akbar murka. Di tambah dengan kelakuan Adham Khan yang sering menyalah gunakan kuasa yang diberikan seperti menyimpan majoriti harta kekayaan dan tawanan-tawanan serta menggunakan kuasa yang diberikan kepadanya untuk tujuan peribadi. Atas pelbagai kesalahan yang dilakukan Adham, Akbar yang terkenal sebagai seorang yang menyanjungi sifat kasih sayang dan keamanan tidak mampu memaafkan kesalahan Adham dan akhirnya beliau memerintahkan agar Adham dibunuh.

Percubaan demi percubaan untuk menjatuhkan Jodhaa. Kali ini ia dilakukan sendiri oleh Maham Angga, wanita yang dianggap ibu oleh Jalaluddin Akbar. Setelah ibu kandung Akbar, Mallika Hamida Banu (Poonam Sinha) ditugaskan untuk ke luar daerah dalam tempoh masa beberapa hari, beliau mengarahkan seorang gundik untuk memeriksa barang-barang milik Jodhaa dalam tempat menyimpan baju-bajunya. Beliau menemui satu surat lama yang ingin ditunjukkan oleh Jodhaa kepada Rajkumar Sujamal, seorang lelaki yang dianggap sebagai abangnya semasa di Ameer. Selain surat tersebut, mereka juga telah menemui sebotol racun yang di tempatkan bersama surat tersebut. Titik plot *scene* pertengahan ini diakhiri dengan perancangan Maham Angga untuk mengenakan Jodhaa.

Plot kemudiannya bergerak kepada penceritaan bagaimana Maham Angga memanipulasi dua aset dalam simpanan Jodhaa untuk menjratnya. Beliau terus menggunakan dua aset tersebut sebagai bukti untuk menghukum Jodhaa. Walhal, kedua-dua barang tersebut ditulis dan disimpan oleh Jodhaa sebelum dia berkahwin dengan Akbar. Racun tersebut ialah pemberian ibu Jodhaa. Ia diberikan kepada Jodhaa kerana ibunya tidak sanggup melihat kesedihan Jodhaa untuk menerima Akbar, iaitu seorang lelaki Islam yang ternyata berbeza adat dan budaya untuk dikahwinkan dengan

Jodhaa. Oleh itu, racun tersebut diberikan oleh ibunya sebagai penyelesaian terakhir kepada Jodhaa sekiranya dia tidak mahu berkahwin dengan Akbar. Namun, Jodhaa tidak melakukan tindakan tersebut dan hanya menyimpan racun tersebut di dalam tempat pakaiannya. Ada pun, kandungan surat yang dijumpai bersama-sama botol yang mengandungi racun pula menyatakan bahawa Jodhaa berada dalam keadaan tidak selesa hidup di Rajput bersama suaminya. Dia juga meminta dan merayu kepada Sujamal untuk datang ke Rajput bagi menyelamatkannya. Maham Angga, cuba memasang perangkap kepada Jodhaa dan Sujamal dengan mengirim surat tersebut kepada Sujamal tanpa pengetahuan Jodhaa. Sujamal yang percaya surat tersebut datang dari Jodhaa meminta untuk bertemu Jodhaa di suatu tempat yang tersembunyi untuk menyelamatkan adiknya. Jodhaa juga tidak dapat mengesan perangkap ke atasnya lalu bertemu Sujamal seperti yang dijanjikan. Semasa bertemu dengan Sujamal, Jodhaa terkejut kerana Sujamal memberitahu bahawa dia mendapat surat dari Jodhaa dan datang untuk menyelamatkannya sebagaimana yang diinginkan oleh Jodhaa. Namun, Jodhaa menafikan bahawa surat tersebut dikirimnya kepada Sujamal. Semasa komunikasi antara mereka berlangsung, Maham Angga yang merupakan perancang kepada situasi tersebut memanggil Akbar dan cuba menyalakan api kemarahannya terhadap Jodhaa dengan memberitahu isi surat tersebut kepadanya dan mengarahkannya untuk melihat pertemuan yang telah dirancang tersebut. Dengan perasaan marah, Akbar mengarahkan pengawalnya untuk memberkas Sujamal tetapi dia berjaya melarikan diri. Jodhaa dipersalahkan oleh Sujamal kerana menyangka dia ingin memerangkap Sujamal akibat lari dari naungan Ameer dan dalam masa yang sama Jodhaa juga terus dipersalahkan oleh suaminya, Akbar kerana menyangka Jodhaa tidak jujur terhadapnya. Akbar menyangka Jodhaa bertemu dengan bekas tunangnya iaitu Ratan Singh sebagaimana yang diceritakan oleh Maham Angga kepadanya. Dengan perasaan kecewa, Akbar

mengarahkan Jodhaa dihantar pulang ke Ameer. Titik plot kedua dalam *scene* ini menunjukkan kekecewaan Akbar terhadap kecurangan Jodhaa kepadanya. Maka, beliau bertindak menghalau Jodhaa dari kediamannya. Pulanglah Jodhaa kembali ke Ameer.

Plot seterusnya menceritakan kepulangan semula ibu Akbar ke istana Rajput. Setelah diberitahu berkaitan peristiwa yang menimpa Jodhaa oleh salah seorang gundik di Raja, beliau terus mengarahkan untuk bertemu Salima iaitu antara Gundik lain yang diarahkan oleh Maham Angga agar berdiam diri dari menceritakan hal sebenar kepada Akbar berkaitan surat tersebut. Mallika Hamida Banu terus mengarahkan Salima untuk mengaku di hadapan Akbar atas perancangan yang dibuat oleh Maham Angga. Beliau juga memberitahu kepada Akbar kebenaran surat tersebut dan kebenaran berkaitan Sujamal yang didakwa oleh Mahama Angga sebagai bekas tunangnya hanya seorang lelaki yang dianggap sebagai abangnya iaitu Sujamal. Ternyata, tuduhan terhadap Jodhaa adalah palsu. Dengan perasaan yang sangat marah, Akbar mengarahkan Maham Angga untuk keluar dari istana di Raja atas kesalahan fitnah yang dilakukannya.

Keesokannya, Akbar ke Ameer untuk menjemput Jodhaa pulang kembali ke pangkuannya. Semasa kedatangannya ke Ameer, bermulalah episod di mana Akbar cuba untuk memenangi hati isterinya kembali. Akbar berjaya memenangi kembali hati Jodhaa dengan kebijaksanaan dan kebaikannya. Jodhaa dibawa pulang semula

Setelah kembali ke Rajput, Akbar kembali sibuk menyelesaikan permasalahan rakyatnya. Beliau juga menyamar sebagai rakyat biasa dan turun ke tengah masyarakat. Perkara pertama yang ditujunya ialah pasar awam. Di sana beliau mendengar rintihan dari rakyatnya yang bukan beragama Islam berkaitan cukai ziarah<sup>292</sup> yang dikenakan ke

---

<sup>292</sup> Cukai ziarah merupakan cukai yang dikenakan terhadap penganut Hindu yang ingin keluar menziarahi dan memberi penghormatan kepada Dewa dan Dewi mereka. Oleh itu, mereka perlu membayar cukai tersebut kepada kerajaan Mughal.

atas mereka. Mereka mengadu bahawa kerajaan Mughal menetapkan cukai yang tinggi walhal, jumlah pendapatan mereka sendiri tidak mampu untuk membayar cukai tersebut disamping terpaksa mencari punca pendapatan yang lebih bagi menyara keluarga. Setelah kembali ke istana, Jalaluddin Akbar mengumumkan untuk menamatkan cukai ziarah yang dikutip ke atas golongan bukan Islam demi untuk memberi keadilan kepada mereka. Perkara ini membuatkan sebahagian besar dari pembesar dan juga penasihat kerajaannya mempersoalkan tindakan Akbar kerana memutuskan sesuatu perkara sebelum meminta nasihat dari mereka. Mereka juga menyatakan bangkangan terhadap perkara tersebut. Namun, Akbar dengan tegas membalas ketidakpuasan hati mereka dengan menyatakan bahawa keputusan itu adalah muktamad kerana cukai yang dikenakan adalah tidak adil dalam membebankan rakyatnya yang beragama selain dari Islam. Berita ini disampaikan kepada rakyatnya dan ia memberi khabar yang baik kepada mereka. Kegembiraan tersebut dikongsi dengan rakyatnya dengan melawat ke kawasan perumahan mereka. Lawatan secara aman dan penuh kegembiraan itu bertukar menjadi kekalutan apabila Akbar yang dibawa menaiki kuda dipanah oleh seorang individu yang menghendap dari salah satu lonteng kedai di kawasan berhampiran. Akbar rebah dan jatuh dari tunggangannya. Keadaan Akbar lemah dan tidak sedarkan diri. Titik plot pada *scene* ini diakhiri dengan usaha dan ikhtiar pembesar dan tabib menyelamatkan Akbar dan akhirnya Akbar mula sedar dan pulih.

### **c) Pengakhiran:**

Resolusi filem ini memaparkan usaha Sharifuddin (abang ipar Jalaluddin Akbar) dan Sujamal bergabung tenaga dan berusaha membunuh Akbar untuk membalas dendam dan ingin merampas takhta kekuasaan Akbar. Akhirnya, Sharifuddin mengisytiharkan untuk berperang dengan kerajaan di bawah kekuasaan Akbar. Bagi mengelakkan



pertumpahan darah, Akbar meminta tenteranya untuk mengangkat bendera putih yang menyatakan keamanan dan perdamaian dari peperangan. Tindakan yang dilakukan oleh tentera Akbar telah mendapat persetujuan dari pihak Sharifuddin yang dibantu oleh Sujamal sendiri. Sujamal tidak mengetahui niat buruk Sharifuddin di mana beliau sendiri telah memerintahkan seorang dari tenteranya untuk lari ke pihak Jalaluddin dan menyamar sebagai pengawal di Raja bagi pihak Akbar dengan hasrat untuk membunuhnya. Apabila perkara tersebut diketahui Sujamal secara tidak sengaja, beliau bertindak menghantar beberapa tentera yang berada di pihaknya untuk memberitahu Akbar berkaitan pakatan yang telah dilakukan oleh Sharifuddin dengan tentera upahannya. Titik plot ini diakhiri dengan perancangan yang disusun Sujamal untuk melaporkan kepada pihak Akbar tentang pengkhianatan Sharifuddin.

Plot seterusnya menceritakan tentang rancangan Sujamal yang akhirnya berjaya dihidu oleh Sharifuddin lalu mengarahkan pengawalnya untuk membunuh tentera pakatan Sujamal tanpa sempat mereka bergerak untuk bertemu dengan Akbar. Lantas, Sujamal nekad mengambil keputusan untuk lari dari kepongan tentera Sharifuddin dan bergerak sendirian ke kawasan kawalan Akbar untuk memberitahu Akbar secara bersemuka. Dalam perjalanan ke sana, beliau telah dipanah oleh tentera-tentera Sharifuddin. Namun, beliau sempat untuk sampai ke kawasan Akbar dan memberitahunya sebelum rebah di pangkuan Akbar. Titik plot *scene* ini berakhir dengan kematian Sujamal dipangkuan Akbar.

Penceritaan diteruskan dengan arahan Akbar kepada pasukan utamanya untuk bersama dengannya bertemu dengan Sharifuddin untuk menyelesaikan ketidakpuasan Sharifuddin terhadapnya. Sharifuddin mengusulkan agar mereka berlawan secara perseorangan dan seandainya Sharifudddin menang beliau ingin menakluki keseluruhan

India. Adapun, sekiranya beliau kalah, beliau diminta untuk tunduk di bawah kerajaan Mughal. Perlawanan tersebut telah dimenangi oleh Akbar dan Sharifuddin diminta taat pada pemerintahan Mughal. Peristiwa tersebut telah menjadikan kerajaan Mughal kembali tenteram. Ia juga menjadi titik permulaan bahawa perbezaan agama yang dianut oleh Jodhaa dan Akbar dapat diterima oleh kesemua rakyatnya. Mereka menjalani hidup bersama serta bebas menjalani agama masing-masing.

Realisme dan kaedah pembinaan teks menerusi struktur *New-Historicism* digabungkan dalam membentuk penyampaian wacana teks dan mewarnai perjalanan filem ini. Unsur realism bertindak sebagai reaksi kepada realiti iaitu kehidupan pemerintahan Islam yang menginspirasi corak perjalanan filem. Sementara, *new-historicism* diaplikasi dengan membentuk perjalanan cerita dari sebuah bentuk pensejarahan di India semasa zaman pemerintahan Sultan Akbar suatu masa dahulu. *New-historicism* merupakan teori sastera yang dipengaruhi kuat oleh fahaman Marxist. Fahaman ini menjadikan sejarah manusia sebagai satu asas dalam pembuatan cerita.<sup>293</sup>

Rumusan plot dalam filem *JODHAA AKBAR* dapat dinyatakan seperti berikut:

<i>ACT I</i>	<i>ACT II</i>	<i>ACT III</i>
<p>- Babak ini dimulakan dengan paparan kerajaan Hindustan sebagai kerajaan Islam yang kuat dan kukuh.</p> <p>-Ia juga turut memperkenalkan watak utama iaitu seorang pemerintah Muslim kerajaan Islam Mughal</p>	<p>- Babak konfrontasi dikembangkan dengan konflik yang melanda Akbar dan Jodhaa kerana perkahwinan antara dua agam itu tidak disukai oleh pembesar Mughal.</p> <p>- Konflik terus berkembang ke atas kejadian yang</p>	<p>- Filem ini dileraikan dengan ketegasan dipaparkan Akbar menjawab kesemua tohmahan yang dilemparkan ke atas Jodhaa dan keputusannya.</p> <p>- Ia juga diakhiri dengan peperangan yang</p>

<sup>293</sup> John Hill & Pamela Church Gibson (1998), *The Oxford Guide to Film Studies*. United States of Amerika: Oxford University Press Inc., New York, h.111.

<p>yang besar dan berpengaruh dan bagaimana keputusan pemerintah Mughal untuk berkahwin dengan puteri Ameer iaitu Jodhaa.</p>	<p>menimpa pemaisuri Mughal oleh salah seorang penasihat kerajaan yang tidak berpuas hati dengan perkahwinan tersebut.</p> <p>-Konflik yang paling besar apabila Akbar dipanah oleh penjenayah yang tidak diketahui yang cemburu dengan corak pemerintahannya.</p>	<p>melibatkan Akbar dan abang iparnya; Sharifuddin yang mahu merebut gelaran pemerintah agung bagi kerajaan Hindi dan berakhir dengan kemenangan Akbar. Sharifuddin diminta untuk taat kepada pemerintahan Akbar.</p>
---	--	---

Jadual 2: Plot dalam filem *JODHAA AKBAR*

#### 4.2.3 TEMA

Filem *JODHAA AKBAR* berkembang dari persoalan keadilan rakyat dan politik semasa yang ditunjangi oleh kerajaan Islam Mughal.

Persoalan keadilan di bawah naungan kerajaan Islam dikembangkan dengan memperlihatkan strategi Akbar memberi persamaan hak dan keadilan kepada semua rakyat di bawah naungan kerajaannya.

Aspek keadilan yang dibawa dalam filem ini memberi mesej bahawa setiap agama ternyata mempunyai keindahannya sendiri-sendiri. Islam yang selama ini dipandang sebagai agama kekerasan oleh dunia barat cuba digambarkan sebagai Islam yang sangat jauh berbeza pengamalannya dengan wajah Islam sebenar yang mereka gambarkan seperti sebuah agama yang kejam dan tidak terbuka. Contohnya, menerusi salah satu adegan di malam pernikahan Jodhaa dan Akbar di mana, hubungan yang didasarkan perjodohan politik ternyata membawa perasaan kesal hingga Jodha tidak mahu menjalankan kewajibannya sebagai isteri sehingga hatinya benar-benar boleh menerima kehadiran Akbar Pada saat itu, Akbar digambarkan sebagai seorang yang

mampu bertoleransi dan menyatakan bahawa sekiranya perkahwinan tersebut tidak disukainya, Islam sendiri tidak memaksa. Islam memberi pilihan kepadanya untuk meminta taklik dan sebagai seorang Islam beliau tidak mungkin akan memaksa Jodhaa. Jodhaa juga menyatakan bahawa, agamanya juga tidak menyukai suatu perkahwinan yang diputuskan dan oleh kerana itu, dia tidak sesekali akan memutuskan ikat yang dianggap suci dalam agamanya.

Persoalan keadilan dalam agama juga digambarkan dalam filem ini. Prinsip yang dipegang Akbar ialah setiap agama itu mempunyai keindahannya tersendiri, dan sekiranya manusia boleh merasakan dan melihat dengan cara pemikiran yang sama dengannya, akhirnya manusia akan saling lengkap- melengkap antara satu dengan lain dan mampu saling mengekspresikan agama dan budaya masing-masing.

#### 4.3 ANALISIS MESEJ DAKWAH DALAM FILEM

##### **I. Mesej Dakwah**

Filem *MY NAME IS KHAN* dan *JODHAA AKBAR* merupakan antara filem Hindustan yang memaparkan kehidupan masyarakat Islam. Filem *MY NAME IS KHAN* memfokuskan realiti masyarakat Islam yang terpaksa berdepan sikap prejudis masyarakat Barat. Manakala, filem *JODHAA AKBAR* memfokuskan pemerintahan kerajaan Islam di bawah pimpinan Jalaluddin Mohamad Akbar di India dan bagaimana muamalah pemerintah Islam dengan masyarakat Islam dan bukan Islam pada abad tersebut. Sebagai filem yang membawa unsur Islam, kedua-dua filem ini tidak lari dari memaparkan mesej-mesej dakwah di dalamnya. Kedua-dua filem ini secara tidak

langsung memaparkan lakon layar yang mengandungi mesej dakwah dalam konteks akidah, syariah dan akhlak dalam jalan ceritanya.

Analisis bagi bahagian ini akan dilakukan dalam konteks analisis terhadap mesej dakwah yang disampaikan dalam lakon layar filem dan juga analisis terhadap mesej dakwah yang disampaikan menerusi sinematografi filem. Lakon layar akan dinilai menerusi dialog dan teks yang diungkapkan oleh watak dalam kedua-dua filem yang dikaji. Manakala, aspek sinematografi filem dinilai dari aspek subteks, muzik, *shot* dan aspek-aspek teknikal yang berupaya menampilkan mesej dakwah menerusinya.

a) Mesej Akidah

Mesej akidah merupakan mesej dakwah yang menyumbang kepada usaha menimbulkan pengetahuan manusia terhadap kewujudan Allah, nabi dan rasul, hari kiamat dan qāḍā' dan qāḍār-Nya di samping, menggerakkan kesedaran dan keyakinan manusia kepadanya.

BIL.	JODHAA AKBAR	MY NAME IS KHAN
1	Berdoa dengan penuh pengharapan mengharap pertolongan Allah Yang Maha Menyembuhkan	Membaca ayat al-Quran dari surah al-Ikhlas berkaitan Allah Yang Maha Esa.
2.	Al-Quran adalah kalam Allah sebagai kekuatan umat Islam	Setiap kali bermula sesuatu perbuatan dia membaca "Bīsmillāhīrrāḥmān āl-Rāḥīm"
3.	-	Bila ditimpa musibah menyebut "Innā lillāh wā Innā ilāhī Rāji'ūn"
4.	-	Hanya Allah yang boleh mengubah sesuatu perkara
5.	-	Redha dengan kematian anaknya

6.	-	Visual masjid sebagai tempat ibadat umat Islam
7.	-	Berdoa

Jadual 3: Mesej Akidah dalam filem *MY NAME IS KHAN* dan *JODHAA AKBAR*

Menerusi jadual 3 di atas, dapat dilihat perbandingan mesej akidah yang ditampilkan dalam lakon layar kedua-dua filem yang dikaji. Walau bagaimanapun, filem *Jodhaa Akbar* hanya mempunyai dua mesej berbentuk akidah sahaja berbanding filem *MY NAME IS KHAN*. Mesej akidah yang ditonjolkan menerusi *JODHAA AKBAR* merupakan mesej yang termasuk dalam usaha menggerakkan kesedaran dan keyakinan kepada Allah Yang Maha Penyembuh. Setelah memahami kewujudan dan kebesaran Allah ia secara tidak langsung akan menyedarkan manusia untuk meyakini-Nya.

Mesej akidah yang diaplikasi dalam filem *MY NAME IS KHAN* pula meliputi ciri-ciri yang wujud dalam unsur akidah. Babak permulaannya, menunjukkan jalan cerita yang menyentuh usaha menimbulkan pengetahuan terhadap kewujudan Allah SWT menerusi bacaan *ṣūrāḥ āl-Īkhlāṣ* oleh Rizwan Khan dan babak seterusnya banyak menyentuh berkaitan usaha menggerakkan kesedaran dan keyakinan penonton terhadap Allah SWT serta *qāḍā'* dan *qāḍār-Nyā*. Mesej akidah yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Membaca ayat al-Quran dari *ṣūrāḥ āl-Īkhlāṣ*.

Filem *MY NAME IS KHAN* ini memulakan jalan ceritanya dengan menggambarkan watak utamanya iaitu Rizwan, seorang lelaki Muslim. Babak pertama dalam filem ini memperlihatkan perjalanan Rizwan yang ingin melepasi pemeriksaan keselamatan di sebuah lapangan terbang di luar negara. Sepanjang perjalanannya untuk melepasi laluan masuk kapal terbang, beliau tidak putus dari membacakan *ṣūrāḥ āl-Īkhlāṣ* yang

mengandung mesej akidah iaitu kekuatan dan kekuasaan Allah SWT tidak dapat ditandingi dan dikuasai mana-mana kuasa lain. Teks atau dialog yang diungkapkan merupakan mesej dalam bentuk ketuhanan yang terdapat dalam filem ini.

Firman Allah SWT:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾  
وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾

(Sūrah al-Īkhlās, (112):1-4)

*Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah yang Maha Esa; "Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; "Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakan; "Dan tidak ada sesiapa pun yang serupa dengan-Nya"*

Ayat al-Quran yang dibacakan Rizwan memberi suatu mesej akidah yang cukup baik. Ia tidak hanya diungkapkan tanpa sebarang sebab dan alasan. Menerusi babak ini, Allah SWT digambarkan sebagai Allah Yang Esa dan tiada duanya. Pemahaman berkaitan kewujudan Allah SWT ditonjolkan pada permulaan cerita ini.

Berdasarkan *scene* di lapangan terbang ini. Pengarah secara bijaknya memberi *extreme shot* ke arah pergerakan mulut watak utama untuk memperkenalkan identiti watak utama dalam filem iaitu Rizwan Khan. Dialog yang menuturkan bacaan al-Quran dari surah al-Ikhlās berhasil memperkenalkan identiti watak utama sebagai seorang Muslim. Lontaran dialog dengan *pitch* dan *volume* yang rendah memberi kesan dramatik yang baik dalam menunjukkan apa yang dirasakan oleh watak tersebut.

Struktur fikir-emosi yang dimanfaatkan dengan *gesture* tangannya menggenggam dan jari-jemarinya bermain-main dengan butir-butir batu seolah-olah persis rangkaian tasbeih.

Mesej tersebut adalah sesuai dengan garapan serta perjalanan cerita hidup Rizwan sebagai Muslim yang penuh emosi dan sentiasa ditimpa pelbagai dugaan dan cabaran. Walaupun menerima pelbagai masalah, Rizwan sentiasa yakin dengan kuasa Allah SWT. Beliau juga sentiasa mengharap dan menggantungkan sepenuh pengharapan hanya kepada Allah SWT kerana telah ada padanya pengetahuan tentang kewujudan Allah yang akhirnya memangkin kesedaran dan keyakinan terhadap kuasanya.

2. Membaca *bāsmālāh* pada permulaan perbuatan dengan ungkapan “*Bīsmillāhīrrāḥmān āl-Rāḥīm*”.

Sepanjang siri perjalanan Rizwan Khan menuju ke USA untuk bertemu dengan Presiden USA, beliau telah menulis diari yang ditujukan kepada isterinya, Mandira. Setiap permulaan catatan yang dilakukan, akan dimulakan dengan ucapan “*Bīsmillāhīrrāḥmān āl-Rāḥīm*”. Permulaan ayat iaitu “*Bīsmillāhīrrāḥmān āl-Rāḥīm*” yang diungkapkan Rizwan merupakan satu teks yang mempunyai mesej akidah yang jelas berkaitan pergantungan manusia kepada Allah. Mesej ini dapat menyuntik kesedaran dan keyakinan kepada pencipta alam iaitu Allah SWT.

Membaca *bāsmāllāh* merupakan suatu perkara yang baik untuk dipraktikkan dalam kehidupan seorang Muslim. Ungkapan *bāsmālāh* dengan cara yang ikhlas bererti manusia telah mengakui kekuasaan dan kebesaran Allah sekaligus kita akan sedar bahawa setiap perbuatan dan pekerjaan sama ada berjaya atau tidak, usaha yang kita kerahkan bergantung pada Allah pada akhirnya. Maka, usaha dan perjuangan yang



dilakukan merupakan suatu ikhtiar dalam mengharap redha-Nya. Ini kerana maksud “Bismillāhīrrāḥmān āl-Rāḥīm” ialah “Aku memulakan sesuatu Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih”.

Hadis Nabi SAW dari Abu Hurairah r.a. yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dan Ibn Majah:

كل أمر ذي بال لا يبدأ فيه بيسم الله فهو أقطع<sup>294</sup>

(رواه ابن ماجه)

*Maksudnya: Daripada Abu Hurairah r.a dari Nabi SAW bahawasanya baginda telah bersabda: “Setiap perkara yang penting yang tidak dimulai dengan (membaca) Bismillāhīrrōḥmānīrrōḥīm, maka ia (perkara) itu akan terputus, iaitu kurang keberkatannya.*

Hadis lain berkaitan kepentingan membaca bāsmāllāh:

عن عبدالرحمن بن أبي الزناد عن ابيه: عن أبان عثمان قال: سمعت عثمان بن عفان رضي الله عنه يقول: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: (( ما من عبد يقول في صباح كل يوم ومساء كل ليلة: بسم الله الذي لا يضر مع اسمه شيء في الأرض ولا في السماء وهو السميع العليم - ثلاث مرات - فيضره شيء ))<sup>295</sup>

(رواه الترمزي)

*Maksudnya: Daripada Abdul Rahman bin Abi Zinad, daripada bapanya: daripada Aban Uthman berkata: Aku mendengar dari Uthman ibn Affan r.a berkata: Nabi SAW bersabda: sesiapa yang berdoa : "Dengan nama Allah yang tiada dimudaratkan sesuatu apapun dengan nama-Nya*

<sup>294</sup> Ṣūnān Ibn Mājah, *Ābwāb al-Nikāh*, hadis no. 1894, h. 2590. Rujuk juga hadis, Sunan Abi Dawud dengan lafaz matan berbeza. Abu Dawud berkata hadis ini daripada Yunus, ‘Āqīl, Ṣāī’d ibn ‘Ābd Āzīz, daripada Abu Hurairah dan dari Nabi SAW – “Mūrṣāl”, Permulaan Kitab Adab, no. hadis 4840, h. 1579. Ṣālīḥ bīn ‘Ābd Āzīz bin Mūḥāmmād bin Ibrahim (1999), *al-Kitāb al-Ṣittāh*. Rīyādh: Dār al-Ṣālām lil āl-Nāṣyr wā āl-Ṭāūzī’.

<sup>295</sup> Āl-Tirmīzī, *Kitāb al-Dā’awāt*, hadis no. 3388, h. 2000. Abu ‘Isa berkata bahawa hadis ini *Ḥāṣṣān Ghārib Ṣāḥīḥ*. Rujuk juga dari riwayat Ibn Majah, *Kitāb Ābwāb al-Dūā’*, hadis no. 3869, h. 27089. Ṣālīḥ bīn ‘Ābd Āzīz bin Mūḥāmmād bin Ibrahim (1999), *al-Kitāb al-Ṣittāh*. Rīyādh: Dār al-Ṣālām lil āl-Nāṣyr wā āl-Ṭāūzī’.

*samada di bumi dan di langit, dan Dialah maha mendengar dan maha mengetahui" sebanyak tiga kali, maka ia tidak ditimpa kesusahan bala dan musibah sehinggalah subuh esoknya, dan barangsiapa membacanya ketika subuh tiga kali, ia tidak ditimpa kesusahan bala dan musibah sehingga petangnya".*

Hadis di atas menganjurkan membaca *bāsmālāh* dan diikuti oleh doa lain. Ia digalakkan untuk diamalkan dalam kehidupan seharian seorang Muslim bagi mengelakkan kemudaratan.

Selain itu, kita juga digalakkan membaca *bāsmālāh* ketika hendak makan.

حدثنا علي بن عبد الله : أخبرنا سفيان قال: الوليد بن كثير أخبرني أنه سمع وهب بن كيسان : أنه سمع عمر بن أبي سلمة يقول : كنت غلاما في حجر رسول الله صلى الله عليه وسلم وكانت يدي تطيش في الصحيفة، فقال لي رسول الله صلى الله عليه وسلم : (( يا غلام سم الله وكل بيمينك وكل مما يليك )) فما زالت تلك طعمتي بعد.<sup>296</sup>

*Maksudnya: Dari Amr bin Abi Salamah, Rasulullah ṣhāllāllāhū ‘ālāihī wā ṣāllām bersabda, “Wahai anakku, jika engkau hendak makan ucapkanlah bīṣmillāh, makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah makanan yang berada dekat dengan mu.”*

Menerusi dua hadis yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan, Islam menganjurkan umat nya untuk memulakan setiap tindakan, sama ada makan atau melakukan aktiviti seharian dengan menyebut nama Allah SWT. Ini menunjukkan setiap tindakan yang bermula dengan menyebut nama Allah maka, Muslim tersebut akan sentiasa dilindungi-Nya.

<sup>296</sup>Sahih Bukhari, *Kīṭāb al-Āṭ ‘īmāh*, no hadis. 5376, h. 464. Ṣālīh bin ‘Ābd Āzīz bin Mūhāmmād bin Ibrahim (1999), *al-Kīṭāb al-Ṣīṭāh*. Riyādh: Dār al-Ṣālām lil al-Nāsyir wā al-Ṭāūzī’.

3. Bila ditimpa musibah Rizwan selalu menyebut "Innā lillāh wā Innā ilāhī Rājī'ūn"

Firman Allah SWT dalam ṣūrāh āl-Bāqārāh:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

(Ṣūrāh āl-Bāqārāh, (2):156)

*“(Iaitu) orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”*

Menerusi suatu babak dalam filem ini, Rizwan mengucapkan “Innā lillāh wā Innā ilāhī Rājī'ūn” apabila ibunya ditimpa kesedihan. Ia berpunca dari kedegilan adiknya yang tidak mahu pulang ke kampung untuk menjeguk ibunya setelah sekian lama menetap di luar negara. Tambahan, adik Rizwan bersikap sedemikian kerana cemburu dengan perhatian lebih ibunya kepada Rizwan. Hal ini menyebabkan Ibu Rizwan berasa sangat sedih dengan tindakan adiknya. Bagi mengubati kegusaran ibunya, Rizwan mengucapkan Innā lillāh wā Innā ilāhī Rājī'ūn. Ayat yang diungkapkan Rizwan merupakan teks dakwah yang memberi mesej akidah yang cukup jelas. Ia sebagai panduan kepada sesiapa yang ditimpa musibah agar bersabar dan segera kembali kepada Allah dengan penuh keredaan menerima segala qāḍhā' dan qāḍār Ilahi. Musibah yang ditimpakan kepada setiap manusia merupakan salah satu bentuk ujian Allah yang diberikan kepada manusia untuk menilai sejauh mana kasih manusia pada pencipta-Nya. Ia secara tidak langsung menggerakkan kesedaran penonton dan keyakinan kepada Allah SWT.

4. Hanya Allah yang boleh mengubah sesuatu perkara.

Menerusi filem ini, Rizwan dikenali sebagai individu yang mahir membaiki peralatan-peralatan elektrik, kereta dan sebagainya. Kemahiran yang dimilikinya dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk mencari dana bagi membolehkan dirinya bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain sehingga sampai ke USA. Rizwan telah membuat papan iklan dengan perkataan di atasnya "*Repair almost everything*" iaitu boleh membaiki hampir kesemuanya.

Dalam satu babak, setelah seharian penat membaiki kereta-kereta yang rosak di tengah jalan, Rizwan berehat sambil menulis diari peribadinya. Tiba-tiba ditampikan watak seorang kanak-kanak lelaki Afrika terjatuh dari basikalnya dan dia meminta pertolongan:

Kanak-kanak Lelaki:

*"Tumit saya berdarah."*

Kemudian Rizwan menjawab:

*"Maaf, tapi saya tidak boleh membaiki tumit kamu"*

Dialog yang berlangsung antara watak utama iaitu Rizwan dan watak sampingan iaitu kanak-kanak Afrika tersebut mempunyai maksud yang tersirat yang boleh difahami. Walaupun, pada zahirnya ungkapan yang dikeluarkan oleh Rizwan membuatkan penonton geli hati, tetapi mesej secara tersiratnya ialah berkaitan kekuasaan Allah SWT terhadap segala perbuatan. Betapa lemahnya manusia kerana mampu menyelesaikan beberapa perkara dan tidak mampu menandingi kekuasaan Allah SWT. Mesej akidah ini dapat menyuntik kesedaran penonton terhadap keyakinan kepada Allah SWT.

5. Redha dengan kematian anaknya

Kematian ialah perkara yang berada dalam pengetahuan Allah SWT. Maka, ketentuan dalam hal-hal tertentu tidak dapat dihalang dan berada dalam kuasa-Nya. Antaranya berkaitan kematian. Ia merupakan salah satu daripada perkara yang berada dalam pengetahuan-Nya. Malah, pengetahuan dan ilmu manusia sendiri tidak mampu menggapai perkara-perkara ghaib dan ilmu-ilmu yang di dalam pengetahuan-Nya.

Firman Allah SWT:

﴿ وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ  
وَمَا تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِي ظُلْمَتِ الْأَرْضِ وَلَا رَطْبٍ  
وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴾

(Sūrāh al-Ān'ām, (6):59)

*“Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia lah sahaja; dan ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (Semuanya) ada tertulis di dalam Kitab (Lūh al-Māhfūz) yang terang nyata.”*

Lakon layar yang ditampilkan dalam babak ini dapat menggambarkan sikap Rizwan yang cukup tenang dan redha dalam mengharungi cabaran dan dugaan yang berlaku. Terutamanya ketika kematian anaknya, Sameer. Walau pun terpaksa menerima ujian yang berat, perwatakannya sebagai Muslim ditonjolkan dengan sifat yang sangat tenang dan redha dengan ketentuan Allah SWT. Keredhaannya digambarkan dengan menyebut, “*Īnnā lillāh wā Īnnā ilāhī Rāji‘ūn*”, kepada Allah kita datang dan kepada Allah kita akan

kembali. Mesej akidah ini jelas mempamerkan rasa redha seorang Muslim di atas ketentuan qāḍā' dan qāḍār-Nya. Aspek ini berkaitan dengan kekuatan iman seseorang. Iman yang kuat kepada Allah dan tabah menghadapi ketentuan-Nya menjadikan seorang Muslim itu sentiasa bersedia dan redha dalam apa jua cabaran dan ujian dari-Nya.

#### 6. Visual masjid sebagai tempat ibadat umat Islam

Sub-teks masjid yang diambil secara *establish shot* menampakkan keseluruhan lokasi ibadat umat Islam dan dalam masa yang sama disertai dengan *voice over (V.O)* dari Rizwan Khan tentang kaitan doa dengan bangunan masjid tersebut.

Rizwan Khan (V.O):

*“Saya akan berdoa agar Allah memperkenankan hasrat saya”*

Sebagai tempat ibadah yang mulia, masjid sebagai rumah Allah SWT menjadi simbol dan identiti pengibadatan Muslim kepada Pencipta-Nya. Maka, sub-teks yang ditampilkan adalah selari dengan teks yang diungkapkan iaitu sebagai tempat ibadah umat Islam yang beriman. Mesej akidah yang cukup baik disampaikan hanya dengan menvisualkan sebuah masjid yang menjadi simbol keyakinan Muslim kepada Tuhan-Nya.

#### 7. Berdoa

Doa adalah senjata bagi orang yang beriman. Ia adalah satu ibadat yang sangat dituntut.

Sabda Rasulullah SAW:

وعن النعمان بن بشير عن النبي صلى الله عليه وسلم في قوله: {وقال ربكم ادعوني  
استجب لكم} [غافر:60] وقال: ((الدعاء هو العبادة وقرأ {وقال ربكم ادعوني  
استجب لكم}<sup>297</sup>

(رواه الترمذي)

*Maksudnya: Daripada Nu'man ibn Basheer, daripada Nabi SAW bersabda: Firman Allah: "Berdoalah kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan doamu." [Surah al-Ghafir:60] Sabda Nabi SAW: Doa ialah ibadah dan seterusnya baginda SAW membaca: "Berdoalah kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan doamu."*

Doa yang dipohon menunjukkan kerendahan hati dan pengharapan seorang hamba kepada Pencipta-Nya. Ia juga menunjukkan sejauh mana ikatan hati antara seorang hamba dengan Allah SWT.

Firman Allah SWT:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ ۖ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۗ  
فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾

(Surah al-Baqarah (2):186)

*"Dan apabila hamba-hamba Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka, (beritahu kepada mereka): Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruanku (dengan mematuhi perintah Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada Ku supaya mereka menjadi baik serta betul."*

<sup>297</sup> Ṣūnān Ṭirmīzī, *Kiṭāb Abwāb Tafsīr al-Qūrān*, hadis no. 2969, h. 1950, Hadis ini hadis Sahih. Ṣāliḥ bin 'Abd Ḍāzīz bin Muḥāmmād bin Ibrahim (1999), *al-Kiṭāb al-Ṣiṭṭah*. Riyādh: Dār al-Ṣalām lil al-Nāṣyr wā al-Ṭāwīzī'.

Subteks yang terhasil dalam filem memperlihatkan suatu mesej yang ironik terhadap akidah Muslim yang ditampilkan dalam kedua-dua filem iaitu pengharapan mereka kepada Tuhan Yang Esa. Pengharapan tersebut ditampilkan dengan *gesture* menadah tangan dan memohon doa dengan penuh pengharapan. Aspek fikir-emosi yang ditampilkan dalam sub-teks memberi unsur dramatik dalam babak filem yang ditampilkan ketika watak memohon doa kepada Allah SWT.

Watak Rizwan dalam filem ini digambarkan sebagai seorang Muslim yang tidak pernah lupa untuk memohon, berdoa dan sentiasa mengharap kepada Penciptanya. Walau dilanda pelbagai dugaan, pengharapan kepada Allah masih menjadi perkara utama bagi Rizwan. Rizwan bukan hanya berdoa selepas selesai menunaikan solat, dia juga berdoa kepada mangsa-mangsa peristiwa 9 November semasa menziarahi keluarga-keluarga mangsa tanpa menghiraukan pandangan masyarakat mereka semasa melihat perbuatannya.

Sebagai contoh, dalam filem *My Name Is Khan*, satu *scene* di kawasan rehat menuju ke USA memaparkan watak Rizwan mengangkat kedua tangannya dan berdoa memohon pertolongan Allah SWT agar dipermudahkan perjalanannya menuntut kebenaran setelah selesai menyempurnakan solatnya. Walau pun, babak tersebut diselang-selikan dengan menampilkan pandangan negatif masyarakat barat terhadap kelakuan Rizwan yang sedang bersolat, namun atas dasar keimanan pada Allah beliau tanpa peduli mengakhiri solatnya dengan berdoa dan berharap hanya pada-Nya tanpa memperdulikan apa yang berlaku disekelilingnya.

Selain itu, mesej ini juga terdapat dalam filem *Jodhaa Akbar* sebagaimana yang telah dijelaskan di atas. Ia juga turut terhasil menerusi sub-teks yang memperlihatkan



babak Hamidah Banu iaitu ibu kandung Akbar sedang berdoa dengan wajah yang penuh mengharap agar Allah SWT menyembuhkan anaknya Akbar sambil menadah kedua-dua belah tangannya.

8. Al-Quran adalah kalam Allah sebagai kekuatan umat Islam.

Mesej dakwah menerusi akidah yang ditampilkan dalam filem Jodhaa Akbar terhasil dari sub-teks yang memperlihatkan al-Quran sebagai sumber kebenaran dan kekuatan bagi umat Islam.

Menerusi satu *scene* ketika Akbar jatuh sakit akibat ditikam, ibunya tidak lepas dari berdoa pada Allah SWT. *Scene* tersebut juga dipaparkan sebuah naskah al-Quran yang diletakkan di hadapan ibu Akbar. Satu kedudukan yang ironik ditunjukkan dengan meletakkan al-Quran tersebut sebagai simbol atau sumber utama bagi umat Islam yang perlu bersandar padanya. Ia juga melambangkan mukjizat dan kekuatan Allah SWT dalam memandu kehidupan manusia. Aspek sinematografi yang ditampilkan menerusi sub-teks berhasil memberi mesej akidah yang baik berkaitan keagungan al-Quran sebagai kalam Allah.

#### Rumusan:

Kedua-dua filem ini menonjolkan mesej akidah dalam konteks pengharapan kepada Allah SWT. Ia disampaikan bukan hanya menerusi lakon layar yang divisualkan menerusi watak yang dipertanggungjawabkan malah, ia juga diperlihatkan menerusi teknik sinematografi yang menarik. Unsur naratif, dialog, lakon layar, *shot*, teks dan sub-teks yang diaplikasikan berhasil menjelaskan mesej akidah dalam kedua-dua filem

tersebut dan secara tidak langsung dapat menggerakkan kesedaran dan meletakkan keyakinan yang tinggi hanya pada-Nya.

b) Mesej Syariah

Mesej syariah dapat difahami menerusi dua aspek iaitu kewajipan *fārḍhū* iaitu yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim seperti solat dan membayar zakat dan perkara-perkara yang dikehendaki yang dapat mengatur kehidupan manusia dalam konteks sosial, ekonomi, pertanian, pendidikan dan sebagainya. Kesemua ini dikira sebagai suatu ibadah.

BIL.	JODHAA AKBAR	MY NAME IS KHAN
1.	Memberi salam sesama Muslim	Tetap menunaikan solat dalam pelbagai situasi dan keadaan
2.	Melaksanakan pemerintahan politik secara adil	Berusaha dalam menambah pendapatan
3.	Identiti Islam	Mempertahankan gaya hidup Islam.
4.	-	Menunaikan zakat
5.	-	Identiti Islam.

Jadual 4: Mesej Syariah dalam filem *MY NAME IS KHAN* dan *JODHAA AKBAR*

Jadual 4, menjelaskan bahawa kedua-dua buah filem memaparkan mesej-mesej syariah. Akan tetapi, mesej syariah dalam filem *JODHAA AKBAR* ditemui sebanyak tiga mesej sahaja dan merupakan mesej yang disampaikan dalam konteks syariat yang dikehendaki yang diperlukan dalam kehidupan manusia iaitu mesej muamalah antara Muslim dengan menyampaikan salam, pelaksanaan politik yang adil oleh pemerintah Akbar dan pemakaian yang menunjukkan identiti Islam. Manakala, bagi filem *MY NAME IS KHAN* pula, mesej syariah dalam konteks kewajipan *fārḍhū* yang dipertanggungjawabkan atas Muslim dan syariat yang dikehendaki dalam kehidupan Muslim berjaya disampaikan.

Mesej syariah yang disampaikan dalam filem *MY NAME IS KHAN* lebih meliputi unsur-unsur yang terdapat dalam mesej syariah berbanding filem *JODHAA AKBAR*.

Antara mesej syariah yang boleh dikemukakan dalam filem *JODHAA AKBAR*:

1. Memberi salam

Memberi atau melafazkan ucapan salam “*Āṣṣālāmū'ālāikūm*” kepada seseorang Islam yang lain adalah perkara yang disunatkan oleh hukum syara'. Bahkan memberi salam itu diletak dan diperuntukkan sebagai hak seorang Islam kepada seorang Islam yang lain. Adab memberi salam ini merupakan etika yang perlu dipraktikkan oleh semua umat Islam dan perlu dijadikan sebagai amalan dalam kehidupan seharian umat Islam.<sup>298</sup>

Menerusi filem ini, budaya memberi ‘salam’ dipraktikkan apabila bertemu antara sesama Muslim. Contohnya, sifat sebegini ditonjolkan dalam satu babak semasa Jalaluddin apabila bertemu dengan Sharifuddin dan Shamsuddin Atka Khan setelah beliau selesai menunaikan solat di Masjid Hazrat Khawaja Moinuddin Chisti, Dargah, Ajmer. *Scene* yang divisualkan memberi mesej yang baik kepada penonton tentang identiti Islam yang saling menghormati dan mendoakan kesejahteraan sesama Islam.

2. Melaksanakan pemerintahan politik yang adil untuk rakyat.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, pemerintahan Jalaluddin Mohammad Akbar merupakan pemerintahan Islam. Filem ini jelas menunjukkan cara dan kaedah yang dilaksanakan pemerintah Islam terhadap rakyat di bawah pimpinannya sama ada Muslim atau non-Muslim. Perkara ini semestinya merupakan syariat yang dituntut Islam agar pemimpin Islam yang memimpin sesebuah negara perlu melaksanakan amanah ini

---

<sup>298</sup> Jabatan Mufti Kerajaan, <http://www.mufti.gov.bn/irsyad/pelita/2008/bil290.pdf>, diambil pada 16 Mei 2011

dengan penuh keadilan dan sentiasa menjaga keselamatan dan keamanan rakyat di bawah pemerintahannya.

Permulaan filem *JODHAA AKBAR* telah ditampilkan suara *narrator* yang menceritakan struktur kerajaan Mughal yang merupakan kerajaan Islam di India. Selepas kedatangan kerajaan Islam Mughal di India, episode-episode pertumpahan darah yang sering berlaku semasa India berada di bawah naungan dinasti lain telah berjaya diubah. Lantas, kerajaan Islam Mughal mendokong usaha untuk membawa keamanan dan kasih sayang kepada masyarakatnya:

*“Sejarah Hindustan (India), telah menyaksikan pelbagai dinasti yang memerintah India dengan pedang dan pertumpahan darah. Sejak tahun 1011 M, ramai orang yang telah menyerang dan membinasakan tanah ini. Selepas tahun 1450 M, orang Mughal datang ke India dan menetap di sana serta menjaga Negara India dengan penuh kasih sayang dan penuh penghormatan.”*

Menerusi petikan tersebut, satu mesej yang padat dan ringkas berkaitan Islam berjaya disampaikan. Syariat Islam diturunkan untuk membawa keamanan dan kesejahteraan kepada manusia telah menjadikan masyarakat yang hidup di bawah pemerintahan Islam bebas dari keadaan yang huru-hara dan pemberontakan. Ia juga menampakkan bagaimana pemerintahan Islam yang diketuai oleh pemimpin Islam berjaya membawa dan mempamerkan akhlak-akhlak mulia dengan mengambil berat hal berkaitan dengan kasih sayang dan keamanan rakyat di bawah pemerintahannya. Haron Din (1988) menyatakan bahawa di antara tujuan perjuangan Islam ialah mencari keamanan dan kesejahteraan untuk semua umat manusia. Ini kerana Islam itu sendiri bererti damai, aman dan sejahtera.<sup>299</sup>

---

<sup>299</sup> Haron Din (1988), *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd., h. 23&27

Oleh itu, sebagai seorang individu Muslim kita perlu bertanggungjawab melaksanakan tuntutan Islam bukan hanya dalam konteks syariat yang difardhukan sahaja bahkan, dalam hal berkaitan dengan kehidupan manusia sejagat. Antara lain, umat Islam perlu menunjukkan contoh yang terbaik kerana Islam itu sudah meliputi semua aspek kehidupan. Menerusi penonjolan personaliti yang baik, ia akan menjadi medan dakwah dalam menyebarkan keindahan Islam itu sendiri.

Manakala, mesej *syār'īāh* yang dikemukakan dalam filem *MY NAME IS KHAN*:

1. Menunaikan Solat dalam pelbagai situasi dan keadaan tanpa meninggalkannya.

Solat merupakan rukun Islam yang kedua dan merupakan satu kefaradhuan ke atas Muslim. Solat merupakan ibadat manifestasi dari rasa keimanan kepada Allah. Haron Din (1988), menyatakan bahawa manusia dituntut bukan hanya untuk beriman kepada Allah, malah agama Islam menuntut umatnya untuk membuktikan keimanan mereka dengan perbuatan-perbuatan lahiriah seperti solat<sup>300</sup>.

Solat adalah tuntutan syariat yang memberi kesan kepada pembentukan diri dan peribadi Muslim. Ini kerana, apabila tiba waktu solat, umat Islam akan menunaikannya dalam apa jua situasi, keadaan dan masa. Perkara ini melatih umat Islam untuk mendisplinkan diri dalam setaip perkara dalam hidupnya yang dimanifestasikan daripada kewajipan bersolat.<sup>301</sup>

Menerusi filem ini, watak Rizwan Khan digambarkan sebagai seorang Muslim yang rajin menunaikan kewajipan solat lima waktunya dalam apa jua keadaan. Antaranya, dalam perjalanannya ke USA, bas persiaran yang dinaiki Rizwan telah

---

<sup>300</sup> *Ibid.*, h. 102

<sup>301</sup> Che Kamaruddin Md. Din et. al. (2006), *Asas-Asas Islam, Khalifah, Akhlak dan Kepercayaan*. Kuala Lumpur: iBook Publications Sdn. Bhd., h.15

berhenti rehat dan makan. Setelah selesai makan bersama sepasang suami isteri yang beragama Islam, Rizwan meminta diri untuk menunaikan solat. Namun, pasangan tersebut berasa bahawa tindakan Rizwan untuk menunaikan solat pada ketika ini (rentetan peristiwa 9 November) adalah suatu yang tidak sepatutnya kerana takut dengan pandangan masyarakat non-Muslim. Namun, Rizwan menafikannya. Babak tersebut digambarkan menerusi dialog berikut:

Pasangan Muslim:

*“Ke mana kamu hendak pergi? Sudah tiba masanya untuk bertolak.”*

Rizwan:

*“Sekarang adalah masa untuk bersolat”*

Pasangan Muslim (dengan wajah pelik):

*“Kamu hendak solat sekarang? di sini?, kewajipan bersolat perlu dilakukan berdasarkan sesuatu keadaan dan masyarakat sekeliling.”*

Rizwan:

*“Tidak, tidak, tidak. Kewajipan bersolat tidak perlu bergantung pada keadaan dan masyarakat sekeliling. Ia perlu dilakukan berdasarkan dasar keyakinan kamu.”*

Jawapan Rizwan membuatkan pasangan tersebut terdiam. Lalu, Rizwan terus menunaikan solat di kawasan lapangan berhampiran bas tanpa mempedulikan pandangan negatif masyarakat barat di sekelilingnya.

Atas dasar keimanan kepada Allah, Rizwan tidak merasa takut untuk menunaikan kewajipan solatnya walaupun situasi tersebut memperlihatkan bahawa wujud pandangan serong kepada umat Islam oleh masyarakat barat.

Aplikasi sinematografi yang baik dikesan dalam *scene* Rizwan yang sedang bersolat di tengah lapangan ketika bas yang dinaiki berhenti rehat di satu kawasan. Gerakan kamera secara *pan shot* dan *tracking shot* yang digunakan berjaya menggambarkan visual secara objektif dan subjektif. *Pan shot* yang digunakan berupaya

menunjukkan ruang dalam sesebuah *scene* yang ditonjolkan iaitu situasi sekeliling tempat Rizwan bersolat. Secara subjektifnya, perlakuan solat itu boleh dilakukan di mana-mana tempat dan keadaan asalkan ia bersih dari segala najis. Maka, menerusi *scene* ini, pengarah berjaya menterjemahkan *mise-en-scène* solat hanya dengan memberi komposisi yang betul menggunakan gerakan kamera yang tepat. *Tracking shot* pula diaplikasi secara selang seli dengan *pan shot* untuk menampakkan ruang dan kesan dramatik watak yang berada dalam *scene* tersebut. Gabungan pergerakan kamera secara *tracking* dan *zooming* digunakan semasa Rizwan bersujud ketika solat lantas memberi gambaran dan sudut dramatik berkaitan perilaku Rizwan dan menggambarkan keadaan jiwa Rizwan yang tidak lelah mendampingi tuhaninya iaitu Allah SWT.

## 2) Berusaha menambah sumber pendapatan

Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, mesej dakwah dalam konteks syariah mengandungi dua intipati sama ada mesej yang mengandungi tuntutan-tuntutan *fārdhū* atau mesej-mesej yang mengandungi perkara-perkara yang dapat mengatur kehidupan manusia dalam seluruh aspek sama ada politik, ekonomi, sosial dan sebagainya.

Mesej syariah kedua yang terdapat dalam filem *MY NAME IS KHAN* ialah usaha menambah sumber pendapatan yang merupakan unsur syariat yang dikehendaki dalam kehidupan manusia. Maka, usaha menambah sumber pendapatan atau mencari rezeki untuk melangsungkan keperluan hidup merupakan intipati yang terkandung dalam konsep syariah Islam.

Islam menggalakkan umatnya untuk berusaha mencari rezeki bagi melengkapkan kelangsungan hidup. Namun, manusia yang dikurniakan akal fikiran yang waras, perlu bijak menentukan kaedah yang selari dengan Islam untuk

memperoleh rezeki yang direndah oleh-Nya tanpa terjebak dengan kerja-kerja yang melanggar tata cara hukum Islam.

Firman Allah SWT:

وَلِكُلِّ دَرَجَاتٍ مِّمَّا عَمِلُوا وَمَا رَبُّكَ بِغَفِيلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٣٢﴾

(Surah al-An'am, (6):132)

*“Dan bagi tiap-tiap seorang (dari manusia atau jin), beberapa darjat (tingkatan balasan) disebabkan (amal baik atau jahat) yang mereka telah kerjakan; dan (ingatlah) Tuhanmu tiadalah lalai dari apa yang mereka lakukan.”*

Oleh itu, dalam filem *MY NAME IS KHAN*, selain mengandungi mesej dakwah dalam konteks tuntutan *fārḍhū* iaitu tuntutan bersolat sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, ia juga mengandungi mesej yang berkaitan perkara-perkara yang dituntut dalam kehidupan manusia. Salah satunya ialah mesej agar manusia berusaha dengan sepenuh keringat untuk menambah sumber pendapatan. Watak Rizwan digambarkan sebagai seorang Muslim yang sangat rajin dan kuat berusaha. Dalam usaha untuk bertemu dengan Presiden Amerika, beliau telah mengharungi pelbagai kesusahan, antaranya ialah kekurangan sumber kewangan bagi meneruskan perjalanan. Maka, atas inisiatif diri sendiri untuk menambah pendapatan bagi menampung perjalanan, Rizwan memanipulasi kebolehan dan kemahirannya dalam bidang teknikal dan mekanik untuk membaiki apa jua bentuk kerosakan seperti kereta dan sebagainya. Nilai dan semangat yang ditonjolkan oleh watak Rizwan mempamerkan mesej syariah iaitu tuntutan hidup kepada umat Islam khususnya dengan cara yang terbaik.



*Scene* ini berjaya ditunjukkan usaha keras Khan untuk memperolehi sumber pendapatan dengan keringat dan usaha sendiri. Sebagai contoh, satu sub-teks yang menarik ditampilkan bagaimana wajah Rizwan yang bersih bertukar menjadi hitam akibat membetulkan enjin pelanggannya yang kerosakan di tengah jalan. Tanpa penggunaan sebarang dialog, pengarah berjaya menjelaskan mesej menerusi visual dan *shot* yang menarik untuk menampilkan usaha dan kegigihan Rizwan bekerja dan mencari sumber kewangan.

### 3. Mempertahankan gaya hidup Islam.

Islam merupakan suatu cara hidup yang lengkap dan fleksibel. Yūṣūf āl-Qārḍhāwī (1983) menyatakan bahwa Islam tidak memisahkan agama dengan kehidupan manusia kepada perkara yang berlainan sebagaimana yang dilakukan oleh agama lain. Selain itu, Islam juga tidak diturunkan terhadap sesetengah golongan sahaja, tetapi merangkumi semua manusia. Perkara ini boleh dilihat menerusi hukum dan ajaran Islam yang meliputi setiap peringkat kehidupan manusia yang bermula sejak mereka berada dalam janin sehingga bertemu Allah SWT. Ini bererti, Islam tidak membiarkan umatnya berada dalam jalan yang tanpa panduan dan hidayah walau dalam usia dan peringkat mana sekalipun.<sup>302</sup> Maka, umat Islam tidak perlu merasakan bahawa hidup mereka di atas bumi ini kosong dan tanpa panduan. Ini kerana, Islam telah menyediakan panduan yang lengkap untuk menjadi Muslim yang diredhai-Nya.

Perkara utama yang perlu dititikberatkan ialah keimanan yang kuat dan utuh hanya pada Allah SWT. Iman yang utuh menjamin kejayaan hidup manusia di dunia

---

<sup>302</sup> Yusuf āl-Qārḍhāwī (1983), *Islam Dakwah Yang Syumul* (terj. Mohd. Rivai Batubara). Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), <http://ebookkuliaah.com/cara-hidup-islam-muslim-diary-news>, diambil pada 18 Mei 2011. *Lihat juga*, Ābū āl- Ā'la Māūdūdī (t.t), *Cara Hidup Islam* (terj. Yā'qūb Muhammad Hussin Wan Salim Muhammad Nur), <http://www.muslimdiary.com/downloads/Cara%20Hidup%20Islam%20-%20Sayyid%20Abu%20al-Ala%20al-Mawdudi.pdf>, diambil pada 8 Mei 2011, h. 3

dan akhirat. Ia juga memandu manusia untuk mengikut segala peraturan-Nya lantas, melahirkan umat Islam yang berdisiplin dan mempunyai akhlak yang mulia. Oleh yang demikian, umat Islam tidak akan merasa goyah walaupun dihujani dengan tentangan musuh-musuh Islam.

Menerusi filem *MY NAME IS KHAN*, digambarkan bahawa selepas kejadian 9 November, masyarakat Islam dipandang oleh masyarakat dunia terutama masyarakat barat dengan pandangan yang negatif dan stereotaip. Namun, walau apapun pandangan dunia barat terhadap umat Islam terutama terhadap Rizwan yang hidup di kalangan masyarakat non-Muslim, beliau masih teguh berpegang pada gaya hidup Islam. Antaranya, tidak meninggalkan solat, sentiasa berdoa dan mengeluarkan zakat serta bersedekah bagi yang memerlukan. Mesej ini jelas menunjukkan bahawa, Islam merupakan agama yang lengkap dan mampu membentuk jati diri yang kuat dikalangan umatnya. Islam telah memberi kekuatan kepada Rizwan untuk tetap menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim walaupun, Islam dan umatnya dikecam hebat selepas kejadian 9 November.

#### 4. Menunaikan zakat

Ibadah zakat merupakan rukun Islam yang keempat yang dituntut ke atas umat Islam. Zakat merupakan perkara *fārdhū* yang disyariatkan ke atas umat Islam dan ia termasuk dalam lima rukun Islam. Mesej *ṣyār'īāh* yang berkaitan dengan pemberian zakat turut diselitkan dalam filem *MY NAME IS KHAN*.

Firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ  
سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

(Ṣūrāh al-Ṭāūbāh, (9):103)

*“Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan [658] dan mensucikan [659] mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha mendengar lagi Maha Mengetahui.”*

Menerusi pemberian zakat ia dapat membersihkan diri manusia dari kerakusan dan cinta yang berlebih-lebihan kepada harta benda lantas menyuburkan sifat-sifat kebaikan dalam hati mereka dan memperkembangkan harta benda mereka. Zakat juga berfungsi memberi jaminan dari segi sosial untuk menyusun semula masyarakat yang tidak seimbang dari segi pendapatan. Ia juga antara lain, menganjurkan sikap bantu-membantu antara satu sama lain.<sup>303</sup>

Menerusi filem ini, watak Rizwan dipamerkan sebagai seorang Muslim yang sangat bertimbang rasa. Rizwan telah melaburkan duitnya untuk memberi zakat kepada keluarga mangsa runtuhannya 9 November. Kebanyakan mereka di kalangan non-Muslim. Persoalannya, adakah dibolehkan pemberian zakat kepada golongan bukan Islam?

Jika dirujuk kepada ulasan yang diberikan oleh Dr. Asri Zainul Abidin berkaitan pemberian zakat, beliau menjelaskan bahawa ulama fiqh menyebut bahawa

<sup>303</sup> Che Kamaruddin Md. Daud (2006), *op. cit.*, h. 18

pemberian zakat kepada orang bukan Islam adalah dilarang.<sup>304</sup> Perkara ini juga dibawa dalam penulisan Dr. Yusuf āl-Qārḍhāwī, bilangan pertama bukunya, yang menerangkan konsep asas berkaitan “Fiqh āl-Zākāh”.<sup>305</sup> Manakala, sebilangan mazhab yang lain ada yang membenarkannya dalam konteks melihat ayat 60 dari sūrāh āl-Tāūbāh yang maksudnya:

*“Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan, orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana.”*<sup>306</sup>

Para fūqāhā' yang membenarkan pemberian zakat kepada bukan Islam atas peruntukan ‘*al-muallafah qulubuhum*’ iaitu yang dijinakkan jantung hati mereka kepada Islam. Muallaf yang dimaksudkan ialah orang kafir yang ada harapan masuk Islam dan orang yang baru masuk Islam yang imannya masih lemah.<sup>307</sup>

Maka, pendapat ini juga disokong oleh Dr. Yusuf āl-Qārḍhāwī dan beberapa ulamak Islam yang lain. Menerusi bukunya, “Fiqh āl-Zākāh”, āl-Qārḍhāwī menjelaskan bahawa pemberian zakat boleh diberikan bahagian zakat muallaf kepada bukan Muslim yang berpengaruh dalam kaum atau masyarakat. Perkara ini diharapkan bagi menggalakkan golongan bukan Islam yang menerima zakat atau pengikutnya menerima Islam. Ia juga bagi mengurangkan sikap permusuhan terhadap Islam.<sup>308</sup>

<sup>304</sup> Asri Zainul Abidin (2008), "Isu Zakat Kepada Bukan Islam", *Minda Tajdid*, <http://drmaza.com/home/?p=470>, 23 Oktober.

<sup>305</sup> Yūṣūf āl-Qārḍhāwī (t.t.), *Fiqh āl-Zākāh*, bil. 1, [http://monzer.kahf.com/books/english/fiqhalzakah\\_vol1.pdf](http://monzer.kahf.com/books/english/fiqhalzakah_vol1.pdf), Saudi Arabia:Scientific Publishing Centre, h. 33

<sup>306</sup> Sūrāh āl-Tāūbāh, (9):60

<sup>307</sup> Asri Zainul Abidin (2008), *op. cit*

<sup>308</sup> Yūṣūf āl-Qārḍhāwī (t.t.), *Fiqh al-Zakah*, bil. 2, [http://monzer.kahf.com/books/english/fiqhalzakah\\_vol1.pdf](http://monzer.kahf.com/books/english/fiqhalzakah_vol1.pdf), Saudi Arabia:Scientific Publishing Centre, h. 34

Asri Zainul Abidin, Dr. (2007), menjelaskan bahawa situasi masyarakat di Malaysia juga sepatutnya mengimplementasi kaedah ini. Ini kerana, realiti pada hari ini menampakkan, unsur-unsur prasangka dan prejudis dalam diri umat bukan Islam makin berkembang. Wujud salah faham tentang sikap umat Islam di kalangan bukan Islam dengan menyangka ajaran Islam itu sentiasa membenci dan memusuhi mereka tanpa sebab. Antara salah faham yang timbul apabila mereka melihat ramai orang Islam yang mendapat bantuan kebajikan dan tidak diberikan mereka. Dr. Asri juga bersetuju dengan pandangan yang dikeluarkan oleh Yusuf āl-Qārḍhāwī, berkaitan hal yang membenarkan pemberian zakat kepada bukan Islam untuk tujuan melembutkan hati mereka.<sup>309</sup>

Oleh yang demikian, mesej syariah yang wujud dalam filem *My Name Is Khan* merupakan mesej yang baik di mana pemberian zakat yang dikeluarkan oleh Rizwan kepada keluarga mangsa 9 November dalam situasi Islam dan umatnya dianggap sebagai penganas setidaknya memberi reaksi positif kepada mereka.

Antara dialog yang menerangkan berkaitan pemberian zakat oleh Rizwan:

Rizwan:

*“It’s a annual zakat money. It’s a duty in Islam.”*

Mandira:

*“In Islam, they donate a certain percentage of their income each year in charity.”*

Menerusi dialog ini, bukan hanya Rizwan yang menjelaskan berkaitan zakat, malah Mandira juga turut sama menjelaskan hal berkaitan kemurnian Islam dalam pemberian zakat kepada golongan yang memerlukan.

---

<sup>309</sup>Asri Zainul Abidin (2008), “Keperluan Fikah Berinteraksi Dengan Bukan Islam”, *Utusan Malaysia*, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0722&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0722&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm), 22 Julai.

## 5. Identiti Islam

Yusuf āl-Qārḍhāwī (1995) menyatakan bahawa, Islam adalah agama yang menyeru umatnya untuk memperindahkan diri dengan mengenakan pakaian yang rapi, indah dan elok dipandang. Tujuan memperindahkan pemakaian sebagaimana saranan Islam ialah untuk menutup aurat dan perhiasan diri. Maka, bagi yang mengabaikan perkara tersebut, mereka tergolong di kalangan manusia yang menyimpang dari jalan Islam.<sup>310</sup>

Pemakaian yang bersih dan menutup aurat merupakan suatu usaha memperkenalkan identiti Islam. Terdapat beberapa *scene* yang menonjolkan identiti Islam yang merupakan antara mesej syariah dalam filem ini.

Salah satu *scene* yang menampilkan identiti Islam dengan pakaian ialah *scene* di zaman kanak-kanak Rizwan dan adiknya. Kedua-dua mereka ditampikan dengan imej berkopiah sewaktu ibu Rizwan ingin menghantarnya untuk belajar di salah sebuah rumah di kawasan mereka. Subteks yang jelas dapat memperlihatkan identiti Islam iaitu cara pemakaian yang dibawa oleh mereka menunjukkan bahawa mereka membawa identiti seorang Muslim.

Islam meletakkan hukum sunat ke atas pemakaian kopiah. Ulama berpendapat sesuatu yang menutupi kepala hukumnya sunat, tak kira ianya songkok, kopiah, serban dan sebagainya, dengan syarat ianya bertujuan untuk mengikuti sunnah Rasulullah.<sup>311</sup>

Selain daripada cara pemakaian, terdapat mesej lain yang menampilkan identiti Islam dalam filem *MY NAME IS KHAN* iaitu senaskah al-Quran. Al-Quran merupakan kitab Allah yang menjadi panduan dan peraturan hidup Muslim serta menjadi identiti

---

<sup>310</sup> Yusuf al-Qardhawi (1995), *Halal dan Haram dalam Islam* (terj. Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Islamiyah Pte. Ltd. h. 129

<sup>311</sup> Nik Mohd. Nizam Mohd Nasir (2009), 'Soal Jawab Agama Bersama', *Buletin Perkim*, Edisi 10. <http://eperkim.perkim.net.my/media/content/document/PERKIM%20BULETIN%20Nov.pdf>, diambil pada 8 Mei 2011, h. 7

Islam itu sendiri. Menerusi satu *scene* dalam bilik Rizwan Khan, setelah mereka menerima panggilan daripada sahabat Mandira berkaitan runtuhannya WTC, Mandira lalu mengarahkan Khan membuka televisyen untuk mengetahui berita itu dengan lebih lanjut. *Scene* ini disambung dengan satu *shot* dramatik iaitu gerakan kamera secara *track out* dari wajah gusar Mandira dan Rizwan dan diakhiri *shot* tersebut kepada senaskah al-Quran yang berada di posisi kiri Mandira lalu di *blur* kan kedua-dua watak dan difokuskan kepada al-Quran. Aspek sinematografi ini cuba memberi satu mesej yang baik dengan mengakhiri *scene* tersebut dengan al-Quran sebagai satu bentuk unsur yang sangat signifikan kepada identiti Islam. Berkemungkinan, pengarah cuba memberitahu bahawa selepas kejadian runtuhannya tersebut umat Islam akan menerima satu tamparan hebat dari penduduk dunia khususnya barat. Maka, penonjolan al-Quran itu difokuskan bagi memberi gambaran kepada Muslim.

Mesej yang menonjolkan identiti Islam juga ditampikan menerusi watak Haseena; adik ipar Rizwan Khan. Mesej berkaitan hijab diungkapkan menerusi dialog Haseena kepada dalam sebuah kelas di Universiti tempat dia mengajar:

Haseena:

*“My hijab is not just my religious identity. It is a part of my existence. It is me”*

Dialog yang dituturkan Haseena membuktikan identiti beliau sebagai Muslimah dan dialog tersebut diungkapkan secara yakin. Ia diperkukuhkan lagi dengan raut wajah yang serius dan yakin ketika menuturkan dialog tersebut menjadikan ia sebuah mesej yang tegas. Beliau berbangga dengan identiti Islam yang dianutinya walaupun berdepan dengan pandangan dan pemikiran serong masyarakat barat terutama pelajarnya yang kesemuanya beragama kristian.

*Costume* yang digunakan dalam filem *Jodhaa Akbar* juga memberi inteprestasi dan menunjukkan identiti Islam kepada wataknya. Sebagai contoh *costume-costume* seperti jubah, serban dan tasbih yang dipakai oleh penasihat dan pembesar Mughal jelas menunjukkan identiti Islam dapat dikesan dalam filem ini.

Rumusan:

Melalui mesej *ṣyār'īāḥ* ini, dapat difahami filem *Jodhaa Akbar* lebih memperlihatkan mesej kepimpinan. Manakala, filem *My Name Is Khan* menjurus kepada hubungan manusia dengan penciptanya melalui pengamalan *ṣyār'īāḥ*. Kedua-dua filem berjaya menyampaikan mesej *ṣyār'īāḥ* bukan hanya menerusi lakon layar yang divisualkan menerusi perantaraan watak malah, ia juga diperlihatkan menerusi teknik sinematografi yang tertentu seperti lakon layar, *shot*, *movement*, teks dan sub-teks.

c) Mesej Akhlak

Kriteria akhlak diukur sama ada menerusi syariat atau akal. Akhlak yang baik merupakan tindak tanduk yang bertepatan dengan syariat. Ia juga merupakan perbuatan yang diterima baik oleh akal manusia sekalipun tidak diperhalusi penerangannya dalam syariat.

<b>BIL.</b>	<b>JODHAA AKBAR</b>	<b>MY NAME IS KHAN</b>
1.	Berperikemanusiaan terhadap tahanan perang.	Berkaitan orang baik dan orang buruk. Orang baik melakukan perkara yang baik dan orang buruk melakukan perkara yang buruk.
2.	Berbesar hati menerima kunjungan dan ziarah dari pembesar luar.	Berpegang pada janji
3.	Mentaati suami.	Menyambut suami pulang dari kerja
4.	Islam sebagai sebuah agama yang	Suka membantu sesama manusia



	adil.	
5.	Menjaga maruah isterinya.	Sifat sabar
6.	-	Umat Islam bukan umat yang jahat

Jadual 5: Mesej Akhlak dalam filem *MY NAME IS KHAN* dan *JODHAA AKBAR*

Menerusi jadual 5 di atas, kedua-dua filem ternyata memaparkan mesej akhlak. Filem *JODHAA AKBAR* banyak menonjolkan mesej akhlak seorang pemerintah Islam dan bagaimana muamalah yang dijalankannya terhadap rakyat dan juga isterinya. Sikap pemerintah Muslim yang memimpin rakyat yang berbilang agama dipamerkan dengan beberapa peribadi yang baik. Beliau bukan sahaja bijak bermuamalah sesama rakyatnya yang beragama Islam malah, sebagai seorang pemerintah Islam juga, kebajikan rakyat yang bukan Islam juga turut diambil perhatian yang serius. Berbanding filem *JODHAA AKBAR*, mesej akhlak yang disampaikan menerusi *MY NAME IS KHAN* diterjemahkan ke dalam peribadi seorang Muslim biasa yang tidak mempunyai pangkat dan jawatan yang tinggi. Walau bagaimanapun, watak Rizwan dalam filem *MY NAME IS KHAN* ditonjolkan sebagai seorang Muslim yang sentiasa mengamalkan akhlak yang baik walaupun terpaksa hidup dikalangan masyarakat barat yang penuh dengan sentimen dan pandangan buruk kepada Muslim. Cubaan yang dihadapi dan rintangan yang terpaksa ditempuh tidak menjadikan Rizwan berpaling tadah dari Islam. Malah, segala rintangan tersebut masih ditangani secara bijaksana kerana beliau sedar identiti Islam yang dibawa bersama dengannya.

Antara akhlak-akhlak baik yang dipaparkan dalam filem *JODHAA AKBAR* ialah seperti berikut:

1. Berperikemanusiaan terhadap tahanan perang.

Watak Jalaluddin ditampilkan sebagai seorang Maharaja yang mempunyai sifat yang mulia iaitu memberi layanan yang baik terhadap tahanan perang. Sifat ini ditonjolkan semasa kerajaan Muhgal (kerajaan Islam) menghadapi kerajaan Mankeshwar (kerajaan Hindu) yang kalah semasa menentang Mughal. Sifat tersebut telah berjaya membuka mata dan memberi reaksi positif raja Mankeshwar yang selama ini telah tersalah anggap berkaitan prinsip dan polisi yang dibawa oleh Jalaluddin.

Semasa menghadapi tawanan perang, Jalaluddin berkata kepada semua tenteranya:

*“Mulai dari sekarang, tawanan-tawanan perang tidak akan menjadi hamba. Ini tidak betul! Saya mahu memerintah tanah ini, tetapi saya juga ingin memerintahnya dengan sifat perikemanusiaan.”*

Setelah mendengar ungkapan ini keluar dari mulut Jalaluddin, Raja Mankeshwar dengan hiba dan terharu berkata:

*“Saya telah silap memahami polisi kamu. Saya tidak akan mendapat kesusahan sekiranya saya memerintah wilayah saya di bawah kedaulatan empayar kamu.”*

Sebagai agama yang syumul, Islam telah menetapkan adab-adab tertentu berkaitan dengan tahanan perang menerusi peraturan dan undang-undang berkaitan peperangan iaitu tidak membunuh tawanan perang, menyiksa atau

menganiaya mereka. Sebaliknya, Islam menganjurkan agar tawanan perang wajib diberi layanan yang baik.<sup>312</sup> Ini dibuktikan menerusi firman Allah SWT:

وَيُطْعَمُونَ عَلَىٰ حُبِّهِ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ﴿٨﴾ إِنَّمَا نَطْعِمُكُمْ  
لِوَجْهِ اللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنْكُمْ جَزَاءً وَلَا شُكْرًا ﴿٩﴾

(Ṣūrāḥ al-Īnṣān, (76):8-9)

*“Mereka juga memberi makan makanan yang dihajati dan disukainya, kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan. (sambil berkata dengan lidah atau dengan hati): "Sesungguhnya Kami memberi makan kepada kamu kerana Allah semata-mata; Kami tidak berkehendakkan sebarang balasan dari kamu atau ucapan terima kasih.*

Selain itu, sifat perikemanusiaan Akbar ditonjolkan semasa beliau membuat keputusan agar rang undang-undang yang selama ini dilaksanakan oleh kerajaan Mughal berkaitan pengutipan cukai ziarah dihapuskan. Beliau mengambil keputusan tersebut setelah mendengar rintihan rakyatnya terutama di kalangan golongan yang susah. Maka, penghapusan cukai tersebut diharapkan agar dapat memberi keringanan terhadap rakyatnya dan dalam masa yang sama menunjukkan pemerintah Islam tidak zalim terhadap golongan bukan Islam kerana cukai ziarah tersebut adalah bayaran yang perlu dibayar oleh rakyat bukan Islam.

Akbar:

*“Kita orang Mughal bukan seperti penyerang yang lain yang datang ke India untuk merampas harta rakyat bagi kepentingan sendiri. Ini negara, dan saya tidak membenarkan sesiapa pun menghancurkannya, dan saya mahu memenangi hati semua golongan dan tingkat manusia tanpa mengira apa jua agama anutan mereka.”*

<sup>312</sup> Che Kamaruddin Md. Daud @ Nik Aminah Nik Idris et. al., (2006), *Asas-Asas Islam, Khalifah, Akhlak & Kepercayaan*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd., h. 54

Setelah pengumuman tersebut dibuat, kesemua rakyat jelata sangat gembira dan mula menunjukkan kehormatan mereka kepada Raja Akbar.

Wakil para peniaga pasar awam:

*“Wahai Tuanku, Tuanku telah berjaya memiliki hati keseluruhan rakyat.”*

2. Berbesar hati menerima kunjungan dan ziarah dari pembesar luar.

Akbar digambarkan mempunyai akhlak yang baik. Semasa kedatangan Raja Bharmal dan beberapa pengikutnya ke istana Mughal untuk bertemu dengannya, Jalaluddin menyambutnya dengan baik dan kedatangan mereka sangat dialu-alukan. Perkara tersebut boleh diperhatikan menerusi dialognya bersama Raja Bharmal.

Akbar:

*“Selamat datang! Saya sangat berbesar hati atas kesudian kalian untuk datang menemui saya walaupun terpaksa melalui perjalanan yang jauh.”*

Perwatakan Akbar yang penuh ceria diraut wajahnya menerima kehadiran dan kunjungan dari pembesar luar dikesan dalam *scene* tersebut. Ia jelas terpamer pada *gesture* dan cara Akbar berkomunikasi dengan mereka iaitu mendengar dengan penuh fokus dan minat terhadap mesej yang disampaikan.

Che Kamaruddin Md. Daud & Nik Aminah Nik Idris et. al., (2006), telah menyatakan bahawa Islam telah mengajar dan menganjurkan kepada para pemerintah Islam beberapa akhlak yang penting termasuklah mempamerkan akhlak yang baik dan bercakap dengan penuh kesopanan di hadapan masyarakat.<sup>313</sup> Perkara ini juga telah dijelaskan Allah SWT dalam al-Quran dengan menceritakan bagaiman akhlak yang

---

<sup>313</sup> Che Kamaruddin Md. Daud & Nik Aminah Nik Idris et. al., (2006), *op. cit.*, h. 52.

dipamerkan oleh Rasulullah yang bertindak sebagai seorang pemerintah Islam yang sebenar.

Firman Allah SWT:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ  
حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ  
عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

(Sūrāh āli-‘Imrān, (3):159)

*“Maka, dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu Wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka, bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang ang bertawakal kepada-Nya.”*

Sebagai semua agama yang lengkap, Islam menyarankan kepada penganutnya agar melengkapkan diri dengan akhlak dan sifat-sifat yang mulia. Perkara ini ditekankan kerana, usaha mempamerkan dan menonjolkan sifat mulia ini akan membuatkan Islam dan umatnya dipandang tinggi dan dipandang dengan penuh penghormatan oleh masyarakat bukan Islam yang hidup di kalangan masyarakat Islam.

### 3. Mentaati suami

Menerusi filem ini, Begum iaitu adik kepada Jalaluddin yang telah berkahwin dengan Sharifuddin digambarkan sebagai seorang isteri yang taat pada suaminya. Sifat ini dapat dilihat dalam suatu babak. Apabila Sharifuddin tidak memberi keizinan kepada Begum untuk menghadiri majlis perkahwinan Akbar dengan Jodhaa dengan alasan perkahwinan tersebut menyalahi hukum Islam, Begum hanya diam dan tidak membantah walaupun terbit rasa sedih kerana tidak dapat bersama-sama dengan abang kandungnya pada hari tersebut.

Sikap yang dipamerkan oleh Begum ini merupakan sifat baik yang sangat dianjurkan dalam Islam. Sebagai seorang isteri, sifat taat dan patuh pada perintah suami perlulah diikuti oleh isteri. Perkara ini bagi menjamin keharmonian dalam alam rumahtangga.

Firman Allah SWT:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا  
أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ ۗ فَالصَّالِحَاتُ قَنِينَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ

(Ṣūrāḥ āl-Niṣāā', (4):34)

*“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, Oleh kerana Allah telah melebihkan orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang perempuan, dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolongan-Nya.”*

Sebagaimana ayat al-Quran di atas, suami telah diberi tanggungjawab sebagai pemimpin kepada isteri dan dipertanggungjawabkan sebagai ketua bagi sebuah rumahtangga. Maka, sebagai mengimbangi tanggungjawab yang perlu dipikul oleh suami, para isteri wajib untuk mencintai suaminya dan selalu menggembirakan hati mereka. Usaha menggembirakan hati suami merupakan suatu usaha untuk mentaatinya. Oleh itu, untuk menggembirakan dan memberi kesenangan kepada suami, para isteri perlu mencantikkan dirinya di hadapan suami, melayan keinginan suami, melayan keluarga dan saudara-maranya dengan baik dan menjalankan semua perkara yang dapat memberi kegembiraan kepadanya selagi mana tidak melanggar batas-batas syariat Islam.<sup>314</sup>

#### 4. Islam sebagai sebuah agama yang adil.

Islam adalah sebuah agama yang melaksanakan keadilan multak bagi seluruh umat manusia. Syariat Islam tidak pernah menafikan hak-hak individu mahupun masyarakat berkaitan sesuatu perkara. Oleh itu, Islam menganjurkan sifat adil dalam diri agar setiap manusia akan merasa aman terhadap keselamatan diri, jiwa, harta benda, kehormatan dan segala perkara yang menjadi haknya<sup>315</sup>.

---

<sup>314</sup> Fatma Novida Matondang (2009), "Konsep Nusyuz Suami Dalam Perspektif Hukum Perkahwinan Isla", *Tesis*, Sekolah Pascasarjana Universitas Sumatera Utara, h. 66 &67, <http://repository.usu.ac.id/bitstream/123456789/5447/1/10E00026.pdf>

<sup>315</sup> Haron Din (1988), *op. cit.*, h. 219

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ  
تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

(Sūrah āl-Niṣā’, (4):58)

*“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat.”*

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Islam sangat menganjurkan umatnya agar memberi keadilan pada yang berhak memilikinya dan menyerahkan amanah pada yang berhak. Ini bererti, dalam urusan pemberi kuasa dan amanah, Islam sangat mementingkan prinsip keadilan dengan melantik dan menyerahkannya pada individu yang berhak atas tanggungjawab tersebut. Maka, keadilan dalam konsep Islam bukan hanya dalam menjatuhkan hukuman malah konteksnya lebih meluas.

Menerusi filem Jodhaa Akbar, sifat adil yang ditampilkan oleh watak Akbar dapat memberi mesej dakwah yang baik untuk difahami dan dipraktikkan. Akbar merupakan seorang pemimpin masyarakat yang adil. Sifat adilnya dapat dilihat menerusi beberapa perkara antaranya semasa beliau melantik Shamsuddin Atka Khan sebagai Perdana Menteri dan bukannya melantik Adham Khan yang mendakwa dirinya lebih tepat dipilih menjadi pemimpin. Perkara ini boleh dilihat dalam satu situasi di luar kamar Jalaluddin di istana Mughal. Dialog antara Adham Khan yang bertemu Akbar



untuk meminta keadilan dan mempersoalkan pemilihan Shamsuddin sebagai Perdana Menteri.

Adham:

*“Saya hendak tahu kenapa saya tidak dilantik sebagai Perdana Menteri...Ya, saya tahu kenapa, ini kerana kamu memilih Shamsuddin kerana kamu telah menganggapnya sebagai seorang bapa bukan?Sebab itu kamu memberi pangkat yang tinggi kepadanya.”*

Jawapan yang diberi kepada Adham:

*“Itu tidak benar, saya berikan jawatan tersebut kepada beliau kerana saya percaya dengan kebolehannya.”*

Jawapan yang keluar dari mulut Akbar tidak dapat memuaskan hati Adham Khan lagi, lalu terus-terusan mengherdik dan memarahi Akbar. Lantaran, Akbar yang tidak tahan mendengar cacian dari Adham mula bersusra seolah-olah bercakap dengan Maham Angga (ibu kepada Adham) yang berada bersama mereka.

Akbar:

*“Atas alasan apa kita perlu melantik dia sebagai Perdana Menteri, Badi Ammi? Dia telah lakukan jenayah yang begitu keji dan kejam. Dia sudah musnahkan Malwa (sebuah kerajaan Islam kecil di India) dan merogol kaum wanita. Dan selepas saya memerintahkan supaya tahanan-tahanan perang untuk tidak ditangkap dan dijadikan hamba serta tidak perlu memaksa mereka menukar agama mereka, Adham tidak mematuhi. Dia melakukan semua perkara yang saya tidak suka dan sering melakukan penentangan.”*

Maka, menerusi dialog yang diucapkan oleh Akbar ini, dapat dikenalpasti bahawa Akbar telah melakukan atau meletakkan sesuatu pada tempatnya dengan memberi keadilan terhadap rakyatnya. Pemilihan Shamsuddin sebagai Perdana Menteri merupakan langkah yang bijak kerana melihat kepada sifat dan kelakuan Adham semasa menakluki Malwa, terbukti dia bukanlah seorang pemimpin yang boleh memegang tanggungjawab dengan sempurna dan adil.

Dalam kehidupan sehari-harian, manusia memerlukan keadilan dalam hidup mereka. Akal yang waras juga dapat menilai sama ada kelakuan dan tindakan yang dilakukan itu baik atau buruk. Sebagaimana peribadi Adham dalam filem tersebut, ia merupakan tindakan yang bukan hanya menyalahi syariat Islam malah, ia juga menyalahi perbuatan baik yang diterima oleh akal manusia. Kesan perbuatan tersebut bukan hanya merugikan dirinya malah, reputasinya dan integritinya sebagai pemimpin turut terjejas.

#### 5. Menjaga maruah isterinya.

Islam menganjurkan agar para suami berbuat baik terhadap para isteri. Perkara ini merupakan salah satu dari akhlak-akhlak Islam yang dianjurkan menerusi dasar-dasar utama dalam undang-undang keluarga Islam.<sup>316</sup>

Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا يَحِلُّ لَكُمْ اَنْ تَرِثُوْا النِّسَاءَ كَرْهًا وَلَا تَعْضُلُوْهُنَّ  
لِتَذْهَبُوْا بِبَعْضِ مَّا ءَاتَيْتُمُوْهُنَّ اِلَّا اَنْ يَّاتِيَنَّ بِفَحِيْشَةٍ مُّبِيْنَةٍ وَعَاشِرُوْهُنَّ  
بِالْمَعْرُوْفِ

(*Ṣūrāḥ āl-Niṣāā'*, (4):19)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji*

<sup>316</sup> Che Kamaruddin Md. Daud @ Nik Aminah Nik Idris et. al., (2006), *op. cit.*, h. 48

*yang nyata. dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik.*

Akbar merupakan suami yang baik dan menjaga nama baik isterinya. Aspek ini dikesan menerusi perwatakan dan sikap yang ditunjukkan Akbar ketika mengingatkan Adham agar tidak menghina maruah isterinya, Jodhaa. Ia disampaikan menerusi dialog yang dituturkan Akbar.

Akbar:

*“Jaga mulut kamu Adham! Sebut namanya dengan hormat. Jangan lupa bahawa dia ialah Maharani India dan saya tidak akan bertahan mendengar sedikitpun cacian atau perkataan yang menentang dirinya.”*

Babak ini menonjolkan perwatakan Akbar yang cuba menjaga maruah isterinya dari cacian Adham.

Antara babak lain yang menampilkan sikap dan akhlak mulia Akbar dalam menjaga maruah isterinya ialah semasa Akbar dan menteri-menterinya dihidangkan makanan dengan masakan Jodhaa pada Hari Pir. Menerusi babak tersebut, Maham Angga cuba menjatuhkan air muka Jodhaa dengan bertindak untuk memberi arahan bahawa sekiranya seseorang itu memasak untuk dimakan oleh Maharaja, maka tukang masaknya perlu merasai terlebih dahulu makanan tersebut. Seandainya, makanan tersebut dijamin untuk dimakan maka, barulah Maharaja Akbar dibenarkan makan.

Maham Angga sengaja mencari jalan dengan mempergunakan kuasa dan etika di Raja demi untuk mencari kesalahan di pihak Jodhaa. Akbar yang tidak mampu menyebelahi isterinya dalam hal itu terpaksa akur dengan arahan Maham Angga. Dengan wajah yang kecewa, Jodhaa menurut perintah yang dikeluarkan oleh Maham Angga. Setelah Jodhaa merasai kesemua makanan tersebut, Akbar yang menyedari

kekecewaan di wajah isterinya cuba mengembalikan semula keceriaan di wajahnya dengan meminta kepada gundik untuk makan di piring yang sama yang digunakan oleh isterinya.

Akbar:

*“Setiap makanan yang dirasai oleh Jodhaa perlu dibawa kepadaku. Saya mahu makan dari piring yang sama yang digunakannya.”*

Selain itu, Akbar juga mengumumkan bahawa pada setiap Hari Pir di India, beliau akan hanya makan hasil dari air tangan isterinya, Jodhaa. Dialog yang diungkapkan itu membuatkan Jodhaa berasa senang hati dan tersenyum.

Akbar:

*“Makanannya sedap. Setiap suapan, Subhanallah, perlu dipuji. Saya sangat suka. Dan dengan itu saya mengumumkan bahawa pada setiap Hari Pir, saya akan makan dari masakan yang dimasak oleh Maharani India.”*

Mesej akhlak yang dikemukakan dalam filem *MY NAME IS KHAN* pula ialah:

1. Berkaitan orang baik dan orang buruk.

Menerusi filem ini, terdapat satu dialog yang selalu disebut dan menjadi satu ungkapan yang sinonim dengan filem ini iaitu ucapan yang diucapkan ibu Rizwan sejak zaman kanak-kanaknya:

*“Dalam dunia ini hanya terdapat dua ciri manusia. Manusia yang baik, melakukan perkara yang baik dan manusia yang jahat melakukan perkara-perkara jahat.”*

Dialog tersebut dimulakan dengan pertanyaan ibu Rizwan kepadanya berkaitan orang yang baik dan orang yang buruk dengan membuat perbandingan antara manusia yang memegang lolipop dan kayu. Perbandingan tersebut diteruskan dengan meminta Rizwan

memberitahu yang mana satu Muslim dan yang mana satu Hindu. Jawapan Rizwan ialah tiada perbandingan antara keduanya. Ibu Rizwan mengiakan dan dialog di atas diungkapkan.

*Scene* tersebut berjaya disampaikan dengan bantuan teknik sinematografi yang menarik. *Close-up shot* tangan ibu Rizwan yang sedang melukiskan dua manusia lidi yang memegang 'lolipop' dan seorang lagi memegang kayu digunakan untuk menunjukkan watak jahat dan baik menjelaskan *scene* yang dipaparkan. *Shot* tersebut membantu memaknakan dialog yang sedang diungkapkan.

Mohd. Nasir Omar (2010), menyatakan bahawa manusia dari sisi perspektif Islam adalah sama taraf dan tiada kelebihan atau keistimewaan yang diberikan atas orang Arab atau bukan Arab, Yahudi atau bukan Yahudi, lelaki atau wanita dan sebagainya. Islam juga tidak memandang manusia dan membeza-bezakan taraf antara manusia berdasarkan faktor-faktor lain seperti bangsa, bahasa, warna kulit dan geografi. Walau bagaimanapun, terdapat suatu perbezaan yang paling hampir yang boleh membezakan antara manusia iaitu akhlak. Akhlak merupakan teras penting dalam menentukan peribadi dan status seseorang manusia. Manusia boleh menjadi seorang individu yang baik menerusi akhlak yang ditampikan, bahkan manusia juga boleh menjadi sehina-hina peribadi hanya menerusi akhlak yang ditonjolkan.<sup>317</sup>

Islam memberi kedudukan istimewa kepada akhlak. Ini kerana, akhlak mencerminkan tujuan hidup seseorang manusia. Akhlak merupakan roh bagi Muslim. Malah setiap pekerjaan dan tindakan yang dilakukan oleh manusia dikuasai, dijiwai dan disahkan oleh akhlak. Akhlak Islam tidak akan tertegak tanpa disokong oleh dimensi

---

<sup>317</sup> Mohd. Nasir (2010), *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 33

Iman dan Syariat. Malah, tanpa akhlak, keimanan yang dipertahankan seseorang tidak akan berguna. Oleh itu, Islam memuliakan orang yang mempunyai akhlak yang baik.<sup>318</sup>

Menerusi filem ini, mesej akhlak yang ditonjolkan adalah mesej yang baik. Ia dikemukakan dalam beberapa babak filem ini. Peringatan berkaitan akhlak disampaikan menerusi perumpamaan manusia yang baik melakukan perkara yang baik dan manusia yang jahat terlibat dengan kerja-kerja jahat.

Manusia fitrahnya dikurniakan naluri atau sifat semulajadi yang bersih untuk menuju arah kebaikan. Malah, sifat semulajadi ini menjadikan manusia kesemuanya suka atau gemar dengan perkara yang baik. Manual al-Quran dan sunnah disertakan dalam memandu manusia agar tidak jauh dari jalan kebaikan. Tetapi, keadaan sekeliling manusia yang buruk serta longgarnya manusia dari ikatan iman dan Islam membuatkan manusia mudah terjerumus ke lembah kejahatan. Maka, dalam hal ini, manusia memerlukan suatu proses penyucian jiwa dan latihan jiwa agar kembali kepada fitrahnya.

## 2. Berpegang pada janji

Orang Islam yang beriman merupakan manusia yang berpegang pada janji kerana ia merupakan suatu ajaran yang sangat dituntut dalam Islam. Perkara ini dapat dilihat menerusi ganjaran besar iaitu ganjaran syurga yang dikurniakan Allah terhadap umat-Nya yang sentiasa berpegang.

---

<sup>318</sup> *Ibid.*, h.32

Fiman Allah SWT yang bermaksud:

*“..dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya; dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya. Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi yang akan mewarisi syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya.”<sup>319</sup>*

Kehidupan realiti juga menuntut manusia untuk sentiasa berpegang pada janji. Akhlak tersebut bukan sahaja salah satu dari perkara yang bertepatan dengan syariat Islam malah, ia diterima sebagai suatu tindakan yang baik dan dapat diterima oleh akal manusia.

Menerusi filem *My Name Is Khan*, watak Rizwan sebagai seorang Islam ditampilkan sebagai seorang individu Muslim yang sentiasa berpegang pada janji.

Ia dapat dikesan dalam satu dialog yang diungkapkan Rizwan:

*“A Khan always keep his word”*

Dialog ini memberi mesej dalam konteks zahir dan tersirat berkaitan pendirian dan kejujuran Rizwan Khan sebagai manusia dan secara tersiratnya menjelaskan sifat Muslim yang berpegang pada janji.

Matlamat Rizwan ke Amerika adalah untuk bertemu dengan Presiden USA. Ia adalah untuk menyampaikan satu mesej yang cukup bermakna bukan hanya terhadap dirinya malah dunia Islam iaitu *“..is not a terrorist.”*. Walaupun, di sepanjang pengembaraanya, Rizwan menghadapi pelbagai dugaan seperti ditangkap dan dipenjarakan, namun beliau masih berpegang pada janjinya dengan Mandira untuk bertemu dengan Presiden USA untuk menyampaikan mesej tersebut. Pengakhiran cerita

---

<sup>319</sup> *Sūrah al-Mū'minūn*, (23):1-8

ini menyaksikan Rizwan berjaya bertemu dengan Presiden dan menyampaikan mesej yang cukup bermakna buat dirinya dan seisi umat Islam bahawa dirinya yang meliputi keseluruhan umat Islam yang dihina akibat kejadian 9 November bukanlah golongan teroris sebagaimana yang didakwa oleh mereka.

### 3. Menyambut suami pulang dari kerja.

Akhlak baik dan taat yang ditunjukkan oleh adik ipar Rizwan iaitu isteri kepada adiknya. Sifat seorang Muslimah yang ditunjukkan oleh adik iparnya menunjukkan akhlak baik seorang wanita Islam iaitu selain menurut perintah syariat iaitu bertudung, beliau juga sangat taat pada suami. Setiap kali suaminya pulang dari tempat kerja, beliau akan menyambutnya sehingga ke kereta.

*Scene* ini dikesan sewaktu Haseena turun dari tangga rumahnya menghampiri kereta yang dipandu suaminya di halaman rumah lantas mengiringi sehingga masuk ke dalam rumah.

Robiatul Adawiyah Mohd (2009), menyatakan bahawa setiap suami atau isteri perlu mengetahui dan menyedari hak dan tanggungjawab masing-masing. Islam juga telah meletakkan beberapa peraturan berkaitan hak dan tanggungjawab isteri mahu pun suami. Hukum Islam mensyariatkan bahawa suami wajib untuk melayani isteri dengan baik dan dalam masa yang sama isteri wajib untuk mentaati suami dan melayaninya dengan sebaik mungkin.<sup>320</sup> Maka, apabila kedua-dua pasangan sama ada isteri atau suami telah memahami dan mengetahui hak-hak dan tanggungjawab masing-masing, ia

---

<sup>320</sup> Robiatul Adawiyah Mohd (2009), *Hak-Hak Isteri Dalam Perkahwinan Menurut al-Quran dan al-Sunnah*. Kertas Kerja Persidangan Pensyarah USIM, <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/handle/123456789/737/HAK-HAK%20ISTERI%20DALAM%20PERKAHWINAN%20MENURUT%20AL-QURAN%20DAN%20AL-SUNNAH.pdf?sequence=1>, h. 1



sekaligus membantu mereka untuk menjalani kehidupan berumahtangga dengan suasana yang harmoni disamping dapat mengekalkan kerukunan rumahtangga tersebut.

#### 4. Suka Membantu

Sikap tolong-menolong dan bantu-membantu merupakan akhlak yang baik. Ia membantu menjadikan sesebuah masyarakat dapat menjalani kehidupan yang sejahtera dan menjauhkan mereka dari sikap mementingkan diri sendiri. Islam juga menyarankan umatnya untuk saling bantu-membantu dalam kebaikan dan bukannya dalam perkara kejahatan.

Firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۗ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا  
اللَّهَ ۗ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

(Ṣūrāḥ āl-Mā'idāḥ, (5):2)

*“...dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.”*

Menerusi filem ini, Rizwan ditonjolkan sebagai individu Muslim yang mempunyai sikap yang pemurah dan suka menolong. Sikap mulia ini menjadikan dia disenangi manusia sekelilingnya. Rizwan sanggup kembali ke Georgia, apabila mendapati kenalannya iaitu ‘Mama Jenny’ dan penduduk kampung di sekitar Georgia ditimpa musibah besar iaitu banjir. Maka, atas dasar kemanusiaan, Rizwan sanggup

menunda pertemuannya dengan Presiden USA semata-mata untuk ke Georgia menghulurkan bantuan emosi dan tenaga. Sikap mulia Rizwan berhasil mententeramkan penduduk Georgia dan dalam masa yang sama memberi pengaruh kepada masyarakat luar yang lain untuk datang ke Georgia membantu mangsa musibah banjir.

Satu *scene* yang menarik dan ditampilkan secara dramatik dapat memberi kesan emosi kepada penonton. Unsur hujan yang mengiringi kedatangan masyarakat luar Georgia untuk memberi bantuan kemanusiaan kepada mangsa banjir membantu memberi kesan emosi pada *scene* ini. Ia seolah-olah meraikan sikap dan etika masyarakat yang datang membantu. Mesej akhlak tersebut ditonjolkan hanya dari sebuah sub-teks yang penuh dramatik dan disepadukan dengan selingan muzik yang memberi nilai tambah kepada unsur dramatik dalam *scene* tersebut. Muzik ‘Allah Yā Rāḥīm’ yang merupakan antara *soundtrack* filem ini membawa maksud Allah Maha Penyayang begitu *synchronized* dengan visual yang memaparkan sifat kasih sayang antara manusia.

## 5. Bersabar

Manusia tidak terlepas dari ujian dan dugaan hidup dari Allah SWT. Kesemua ujian yang diberikan ke atas manusia bukan untuk membebankan malah untuk menguji sejauh mana keimanan dan keyakinan manusia kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ  
وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَدَشِيرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

(Sūrah āl-Bāqārāh, (2):155)

*"Dan demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut kepada musuh dan dengan merasai kelaparan dan dengan berlakunya kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar".*

Sabar dan tabah dalam mengharungi musibah dan rintangan perlu ada dalam diri kerana ia akan menjadikan seorang hamba itu lebih kuat dalam redha terhadap qāḍhā' dan qāḍār dari-Nya. Sifat sabar ini juga boleh mematikan sikap-sikap negatif lain seperti marah, kecewa bersedih dan putus asa dengan rahmat-Nya. Manusia yang sentiasa diuji dan berjaya menangani ujian yang diberikan adalah manusia yang berjaya. Maka, mereka tergolong dalam lingkungan orang yang disayangi Allah.

Firman Allah SWT:

وَكَأَيِّن مِّن نَّبِيٍّ قَاتَلَ مَعَهُ رَبُّهُنَّ كَثِيرٌ ۖ فَمَا وَهَنُوا لِمَا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ  
وَمَا ضَعُفُوا وَمَا أَسْتَكَانُوا ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٦﴾

(Sūrah Āli-Īmrān (3): 146-147)

*“Dan berapa banyaknya nabi yang berperang bersama-sama mereka sejumlah besar dari pengikut (nya) yang bertakwa. Mereka tidak menjadi lemah dengan bencana yang menimpa mereka di jalan Allah, dan tidak lesu dan tidak (pula) menyerah (kepada musuh). Allah menyukai orang yang sabar.”*

Sifat sabar ini bukan hanya dituntut oleh Islam malah, dalam kehidupan seharian juga ia merupakan sifat yang diterima baik oleh akal manusia untuk dipraktikkan dalam kehidupan.

Sifat ini berjaya dikesan pada perwatakan Rizwan. Situasi paling ketara ketika mana beliau menerima berita kematian anaknya Sam. Sifat sabarnya itu diterjemahkan menerusi dialog “*Īnnā lillāh wā Īnnā ilāhī Rājīūn*”. Dialog ini cukup lengkap memberi gambaran betapa Rizwan mampu menterjemahkan rasa sabar dengan pergantungan terhadap ketentuan Allah.

*Scene* lain yang dapat dikesan menerusi latar di dalam penjara. Walaupun, di hukum dengan pelbagai hukuman yang bukan atas kesalahannya, Rizwan tetap sabar menerima dugaan tersebut. Paparan raut wajah Rizwan yang kekerutan menahan kesejukan dan kepanasan yang teramat tanpa melawan memberi mesej dramatik. Perwatakannya yang sabar memberi mesej yang baik tentang nikmat sabar sehinggakan dia berjaya dibebaskan tanpa sebarang pertuduhan.

#### 6. Umat Islam bukan umat yang jahat

*“Umat Islam bukan umat yang jahat”*. Dialog ini adalah salah satu dialog yang menampilkan mesej akhlak yang baik. Ia sekaligus memberitahu kepada masyarakat dunia bahawa Islam tidak sesekali berkompromi apabila seseorang melakukan kejahatan. Mesej ini disuarakan oleh Rizwan dalam menyatakan hasrat hatinya kepada

Mandira bahawa kekacauan dan porak peranda yang berlaku akibat peristiwa 9 November tidak boleh disalahkan atas orang Islam. Malah, dialog yang ringkas itu meliputi mesej yang ingin disampaikan berkaitan status Islam sebagai agama yang baik dan tidak menganjurkan kejahatan sesama manusia kerana ajaran Islam menjadikan akhlak sebagai unsur utama yang perlu dipelihara dalam kehidupan umatnya.

Ajaran Islam sangat mementingkan penjagaan akhlak. Malah, akhlak menduduki faktor terpenting dan dominan dalam Islam. Umat Islam diajar bukan hanya untuk mengamalkan akhlak yang baik dalam satu-satu situasi sahaja. Bahkan, ajaran Islam menganjurkan agar umatnya sentiasa memelihara akhlak dengan Allah yang menciptakan-Nya, sesama manusia dan juga alam sejagat.

Che Kamaruddin Md. Daud @ Nik Aminah Nik Idris et. al., (2006), menyatakan bahawa akhlak Islam menuntut umatnya memenuhi hak semasa masyarakat. Maka, setiap anggota masyarakat perlu menjaga hati, lidah dan tangannya daripada menyakiti hati insan lain dalam kumpulan masyarakat yang hidup bersamanya.<sup>321</sup>

Ini menunjukkan akhlak mempunyai posisi yang sangat tinggi dan penting dalam Islam. Mohd Nasir Omar (2010), menyatakan bahawa, oleh kerana akhlak merupakan suatu yang dominan dalam Islam, maka akhlak boleh diibaratkan sebagai satu roh yang menguasai jasad manusia. Maka, tanpa roh manusia akan mati. Begitulah juga sekiranya hidup manusia tanpa memiliki akhlak.<sup>322</sup> Sekiranya, manusia melangsungkan hidup tanpa mempertahankan adab, kesopanan, etika dan disiplin, maka ia hanya memandu manusia menuju pada jalan yang kosong dan sia-sia. Tanpa akhlak juga manusia akan semakin rakus dan tamak dalam mengejar kemewahan dan kelazatan

---

<sup>321</sup> Che Kamaruddin Md. Daud @ Nik Aminah Nik Idris et. al., (2006), *op. cit.*, h. 49

<sup>322</sup> Mohd Nasir Omar (2010), *op. cit.*, h. 81

dunia sehingga saling bertelagah dan bermusuhan antara satu sama lain. Akhirnya, akan lahirlah suatu masyarakat yang bongkok, saling iri hati antara satu sama lain dan akan hidup dalam suasana yang saling bermusuhan sekaligus menghapuskan keamanan dan kesejahteraan dalam hidup bermasyarakat. Islam mengajar penganutnya untuk mementingkan akhlak yang baik dan bukannya menganjurkan sifat buruk dan kejam.

#### 4.4 KRITIKAN TERHADAP FILEM

Filem *MY NAME IS KHAN* dan filem *JODHAA AKBAR* merupakan dua buah filem yang menampilkan mesej-mesej dakwah dan nasihat yang boleh memberi input yang baik kepada penonton. Walaupun filem-filem Hindi sangat terkenal dengan babak-babak yang menjolok mata, bersentuh-sentuhan antara lelaki dan wanita dalam keadaan yang mengasyikkan dan tarian yang dipenuhi dengan lentuk liuk pelakon-pelakonnya, namun masih terdapat filem-filem Hindi yang boleh diberi perhatian untuk dijadikan medium menyampaikan mesej Islam kepada manusia.

Keseluruhannya, bagi filem *MY NAME IS KHAN*, teknik penceritaan oleh watak utama atau pandangan dari sudut pertama yang ditonjolkan dalam filem tersebut secara tidak langsung dapat membantu penonton mendalami cerita ini dengan lebih baik. Manakala, penyertaan *narrator* pada permulaan cerita dalam filem *JODHAA AKBAR* bagi menceritakan secara ringkas sejarah India dan pewarisan takhta kerajaannya pula memberi suatu penjelasan awal yang baik kepada penonton dalam memahami skop penceritaan yang cuba dibawakan dalam filem epik tersebut.

Antara kelebihan yang terdapat dalam filem *MY NAME IS KHAN* ialah banyak menyelitkan mesej-mesej positif berkaitan Islam dan umatnya serta bagaimana Islam mengajar umatnya dalam mendepani sesuatu situasi yang berlaku. Walaupun filem ini

adalah filem Hindi, namun ia tidak boleh dilihat atau dipandang dari perspektif filem Bollywood kerana penghasilan dan cara garapannya jauh berbeza dari semua filem Hindustan yang pernah diterbitkan. Menerusi filem ini, nyanyian yang berjela-jela atau persalinan pakaian yang pelbagai, kesedihan yang klise seperti yang selalu ada dalam filem Bollywood serta tarian-tarian yang menggiurkan tidak dipaparkan. Walau bagaimanapun ia tidak mencatitkan penghasilan dan penerimaan peminat Bollywood. Filem ini berjaya menyingkap sikap rasis golongan barat seperti Amerika terhadap Islam. Lebih tepat lagi sikap buruk sangka keterlaluan terhadap apa saja yang berbau Islam, dari pakaian, peradaban, nama hingga apa jua yang berkaitan dengan Islam. Terdapat tiga isu penting yang dikupas dalam filem ini iaitu Islam, Cinta Seorang Autistik dan Pengorbanan. Secara ringkasnya, filem ini banyak diselitkan mesej-mesej dakwah yang baik dan turut dihiasi nasihat-nasihat yang boleh memberi faedah baik kepada penonton. Ia disampaikan secara santai dan tidak memberatkan penonton untuk berfikir dengan mendalam berkaitan sesuatu isu yang disampaikan. Sebagai contoh, filem ini banyak menampilkan gaya-gaya hidup Islam yang indah dan mudah seperti galakan berzakat, menghormati orang lain dan anjuran Islam agar memberi bantuan kepada mereka yang dalam kesusahan. Contoh-contoh akhlak Islam yang baik dan mulia banyak ditonjolkan oleh watak Rizwan Khan dalam filem ini.

Filem *JODHAA AKBAR* juga menampilkan mesej yang baik kepada penonton. Menerusi filem tersebut Islam ditampilkan sebagai agama yang menampilkan sifat kasih sayang yang tinggi. Ia terbukti dengan sikap yang cuba ditampilkan dan diterapkan oleh pemerintahnya iaitu Maharaja Akbar terhadap semua golongan manusia yang bernaung yang dibawah pemerintahannya. Walaupun filem ini menampilkan mesej dakwah yang sedikit dari filem *MY NAME IS KHAN*, namun mesej-mesej yang cuba ditonjolkan tidak

patut diketepikan. Filem yang berlatarbelakangkan pemerintahan Islam di India suatu ketika dahulu memberi gambaran kepada masyarakat bahawa Islam telah mula tersebar di bumi India sejak sekian lama dan perkara ini memberikan suatu input yang baik di mana Akbar cuba memaparkan sifat kasih sayang dalam pemerintahannya yang sekaligus memancarkan bahawa Islam adalah agama berkasih sayang dan bukanlah agama yang berlandaskan peperangan dan rusuhan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam kedua-dua filem tersebut yang perlu diberikan perhatian. Kelemahan-kelemahan tersebut perlu diperjelaskan kerana ia boleh memberi impak yang buruk terhadap pemahaman mengenai Islam itu sendiri.

Kelemahan dikesan dalam konteks lakon layar dan teknik sinematografi lain yang digunakan. Penggunaan *farma (frame)* digunakan untuk menerangkan sesebuah *scene*. Namun, aplikasi *angle of framing* yang tidak bersesuaian membawa implikasi pada maksud yang disampaikan. Sebagai contoh, penggunaan *high angle* dalam *scene* Rizwan memberi penghormatan terhadap masa kejadian runtuh WTC memberi erti bahawa watak Rizwan sebagai Muslim dalam *scene* tersebut kelihatan lemah dan terkongkong dan seolah-olah kejadian itu berlaku atas kesilapan orang Islam. *Angle* yang diambil memberi mesej yang kurang menyenangkan terhadap Islam itu sendiri.

Teknik sinematografi lain seperti beberapa *soundtrack* dan lirik lagu muzik dalam filem *MY NAME IS KHAN'* dikesan mempunyai mesej yang cuba memuja selain Allah SWT. Sebagai contoh menerusi lagu 'Sajda' lirik lagu yang dihasilkan menceritakan berkaitan kecintaan seorang lelaki kepada perempuan yang menjadi isterinya sehingga sanggup sujud kepada wanita tersebut. Tajuk lagu ini juga membawa maksud aku ingin sujud kepada kamu. Lirik seperti "Mahiya ishq mein khuda mil gaya"



pual membawa maksud bahawa hanya dengan kecintaan pada sang kekasih seolah-olah lelaki tersebut memperolehi tuahnya. Lirik tersebut juga menyebut perkaitan nilai arak dengan kemuliaan cinta si wanita sehingga dirinya ingin sujud pada wanita tersebut. Ia dikesan menerusi lirik, “Zara aakh se pila de, oh tera sajda karoon”. Walau pun, terdapat muzik lain dalam filem ini mempunyai mesej yang baik dan selari dengan visual yang dipaparkan, namun kehadiran muzik ‘Sajda’ sedikit sebanyak merosakkan mesej potisif dalam filem ini.

Kritikan juga perlu diberi terhadap pemilihan muzik dalam filem *Jodhaa Akbar*. Ternyata sebagai filem yang mempunyai mesej Islam tidak mempunyai muzik yang memaparkan mesej Islam. Kesemua muzik yang didendangkan dalam filem ini hanya berkisar keindahan *Jodhaa* di mata Akbar menerusi lagu “*Jashn-E-Bahara*” bermaksud seperti sinaran bunga api dan bunga-bunga yang mekar dan muzik berkaitan kebesaran Akbar menerusi lagu “*Azeen-O-Shaan*” yang bererti Daulat Tuanku.

Kekurangan juga dikesan dalam lakon layar filem. Antaranya *scene* yang menunjukkan ibu Rizwan sedang memberi nasihat kepadanya berkaitan orang baik dan orang jahat. Dialog yang diungkapkan selain membawa mesej yang baik, ia juga menunjukkan persamaan antara semua agama. *Scene* tersebut juga menjelaskan bahawa kebaikan dan kejahatan yang ada pada manusia tiada kaitannya dengan agama yang dianuti. Dialog yang diungkapkan adalah seperti:

Ibu Rizwan:

*Sekarang beritahu saya, mana ialah Hindu, dan mana orang Islam.*

Rizwan:

*Kedua-duanya sama.(dari aspek tingkahlaku)*

Ibu Rizwan:

*Dalam dunia ini hanya terdapat dua ciri manusia. Manusia yang baik, melakukan perkara yang baik dan manusia yang jahat melakukan perkara-perkara jahat.*

Walaupun pada zahirnya kata-kata tersebut hanya menggambarkan sikap dan tingkahlaku manusia secara amnya, namun ia cuba untuk membuat persamaan antara agama dan bukan sekadar membezakan manusia mengikut sikap dan tingkahlaku manusia. Hakikatnya, kebaikan dan kejahatan sememangnya ada pada manusia, tetapi itu tidak boleh disamakan dengan kaitannya terhadap agama yang dianuti oleh seseorang manusia. Islam sebagai agama yang suci tidak mungkin sama dengan agama yang lain. Ini kerana Islam itu *yā'lū wālā yū 'lā 'ālāih*, yang bererti Islam adalah agama yang tinggi dan tidak ada yang mampu menandinginya.

Perkara kedua yang perlu diberi perhatian ialah berkaitan mesej perkahwinan antara Rizwan dan Mandira yang jelasnya bukan beragama Islam. Walaupun perkahwinan campur antara berlainan agama merupakan adat yang telah dapat diterima di Bollywood, namun ia sedikit sebanyak memberi mesej yang negatif terhadap Islam yang jelas melarang perkahwinan berlainan agama kecuali pasangan tersebut telah memeluk Islam. Ia merupakan suatu syariat yang perlu diikuti oleh Muslim kerana Islam tidak menetapkan sesuatu yang boleh memberi faedah buruk kepada umatnya.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَةَ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ<sup>ع</sup> وَلَا مَؤْمِنَةً حَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَا  
أَعَجَبَتْكُمْ<sup>ظ</sup> وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا<sup>ع</sup> وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ حَيْرٌ مِّنْ

مُشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ<sup>ط</sup> أَوْلِيَّكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ<sup>ط</sup> وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَى الْجَنَّةِ  
وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ<sup>ط</sup> وَيُبَيِّنُ<sup>ط</sup> آيَاتِهِ<sup>ط</sup> لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾

(Sūrah āl-Bāqārāh, (2): 221)

*“Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam); dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu. Dan janganlah kamu (kahwinkan perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki-lelaki kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam) dan sesungguhnya seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik daripada seorang lelaki musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. (yang demikian ialah kerana orang kafir itu mengajak ke neraka sedang Allah mengajak ke syurga dan memberi keampunan dengan izin-Nya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) kepada umat manusia, supaya mereka dapat mengambil pelajaran (daripadanya).”*

Selain itu, menerusi filem *JODHAA AKBAR* juga perkahwinan campur yang melibatkan dua agama berbeza juga turut menghiasi filem ini. Walaupun, Akbar merupakan seorang pemerintah Islam, beliau tetap membenarkan perkahwinan tersebut dilaksanakan dengan sebab menjaga kepentingan dan kemaslahatan masyarakat daripada mencetuskan peperangan. Perkahwinan tersebut dilaksanakan bagi memenuhi permintaan kerajaan-kerajaan lain yang bukan beragama Islam bagi bernaung di bawah pemerintahannya.

Selain itu, beliau juga ingin menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang syumul dan memberi keadilan yang sama kepada semua manusia. Mesej tersebut secara tidak langsung memberi input yang salah berkaitan Islam. Walaupun Islam menekankan konsep keadilan namun, ia bukannya dengan memberi persamaan terhadap semua

agama. Konsep keadilan Islam yang jauh lebih berstruktur tidak disampaikan secara yang betul dalam filem ini.

Kritikan lain dalam filem *JODHAA AKBAR* menerusi aspek lakon layar yang dipaparkan oleh watak Akbar sewaktu menziarahi makam Hazrat Moinuddin Chisti iaitu salah seorang alim ulamak silam yang sangat dikagumi ilmu dan amalanya. Namun, akibat taksub dengan kealimannya, rakyat India mendirikan sebuah kawasan yang menempatkan makam beliau dan dijadikan tempat bergantung harap untuk menyampaikan hajat mereka kepada Allah. Aspek ini jelas membawa mesej yang mengelirukan berkaitan Islam kepada penonton. *Scene* ketika mana Akbar menziarahi makamnya di Dragah, Ajmeer dan berdoa di hadapan makamnya juga memberi mesej yang mengelirukan. Antara dialog yang dituturkan dalam *scene* tersebut:

*“Tolong aku Khawaja!Tolong aku!Aku datang kepadamu dengan satu impian Impian untuk menyatukan India. Tolong aku tunaikan impian ini wahai yang dimuliakan.”*

Lakon layar yang dipaparkan jelas mengelirukan ditambah imej Akbar yang divisualkan sedang menadah tangan dan berdoa di hadapan makam ulamak tersebut dengan memakai kopiah.

Seandainya dinilai dan diamati dari perspektif pengarah filem ternyata elemen kesamarataan beragama cuba digarap secara halus oleh pengarah. Unsur-unsur pluralisme<sup>323</sup> seolah-olah cuba disuntik dalam beberapa babak dalam filem ini. Walau

---

<sup>323</sup> “Konsep pluralisme ialah konsep kesamaan dalam kepelbagaian agama. Konsep ini menekankan bahawa semua agama adalah sama dan menuju kepada kemuncak kebenaran yang sama. Bagi penganut-penganut aliran ini, agama-agama besar di dunia seperti Islam, Kristian, Yahudi, Buddha, Hindu dan yang seumpamanya, mempunyai dua struktur utama, iaitu, eksoterik (aspek luaran / zahir) dan esoterik (aspek dalaman / batin). Agama-agama ini, menurut mereka, hanya berbeza pada aspek luaran sahaja, sedangkan pada aspek dalamannya ia adalah sama, iaitu menuju pada tuhan yang satu.” Dipetik dari, Dr. Danial Zainal Abidin (2007), *Pluralisme dan Pendirian Islam*, Membina Minda Muslim Super, <http://www.danialzainalabidin.com/?p=13>,

pun cuba menampilkan mesej berkaitan keadilan dalam sistem pemerintahan Islam, filem *JODHAA AKBAR* juga banyak menampilkan babak-babak yang boleh mengelirukan penonton berkaitan Islam. Perkara ini dapat dilihat menerusi beberapa mesej yang dimasukkan dalam filem ini. Perkara pertama ialah tindakan Jodhaa iaitu puteri dari Rajput (Aishwarya Rai) yang sedang berdoa depan tokongnya semasa kejadian Akhbar (Hitrik Roshan) dipanah oleh pembunuh upahan. Di tempat yang sama, ibu kandung Akbar iaitu Hamida Banu sedang menadah tangan dan berdoa memohon dari Allah agar menyembuhkan anaknya. Namun, doa dari isteri Akbar iaitu Jodhaa yang beragama Hindu dizahirkan sebagai penyebab kepada kesembuhan Akbar. Doa dari Jodhaa lebih berhasil memberi suatu keajaiban kepada kesihatan Akbar. Watak Jodhaa yang sedang bermunajat tanpa henti lebih diberi penekanan melebihi doa ibu Akbar. Kesannya, ‘munajat’ dari Jodhaa memberi keajaiban terhadap kesembuhan Akbar lantas, mampu menyedarkan Akbar dari koma. Perkara ini boleh mengelirukan penonton berkaitan kekuasaan Allah SWT yang ditandingi oleh suatu kuasa lain yang diterapkan dalam filem ini. Jelasnya, terdapat unsur plural yang cuba disuntik dalam filem ini.

Antara lain, berkaitan agama baru yang divedok dari Islam dan cuba dijadikan agama rasmi oleh Akbar merupakan suatu perkara yang boleh mengelirukan penonton. Doktrin agama yang diagungkan oleh Akbar tidak banyak ditampilkan dalam filem ini namun, apabila kita menjejaki sejarah pemerintahan Akbar selepas zaman pemerintahan Humayun Kabir di India, perkara tersebut memang wujud. Ia ditonjolkan dengan disertakan unsur-unsur kasih sayang, toleransi dan pemberian hak yang adil dan sama ke atas semua agama. Walaupun filem ini hanya memaparkan sebahagian daripada

---

diambil pada 5 September.

doktrin agama “Dīn-i Ilāhī” (*Divine Faith*) namun, sedikit sebanyak ia boleh memberi kesan buruk terhadap kefahaman penonton.

“Dīn-i Ilāhī” merupakan agama ciptaan Akbar yang memberi penekanan terhadap aspek kasih sayang antara semua agama dan jauh sekali membenarkan sikap berat sebelah dalam segala hal. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa wujud fahaman liberalisme yang cuba disuntik dalam filem *Jodhaa Akbar* ini dan ia secara tidak langsung memberi kesan buruk terhadap pemahaman berkaitan Islam. Doktrin agama yang dikemukakan oleh Akbar ini bertujuan untuk menggabungkan unsur-unsur terbaik dari agama yang menghimpun semua nilai-nilai baik dan dengan demikian mendamaikan perbezaan pendapat di kalangan rakyatnya. Abu Ali al-Banjari an-Nadwi (1992) menjelaskan berkaitan agama “Dīn-i Ilāhī” ini dengan menyatakan bahawa ia merupakan satu saranan yang dibuat oleh sekumpulan ulama’ di zaman Akbar yang cuba mendapatkan perhatian dari Akbar. Lalu, segala hadis dan al-Quran ditafsirkan mengikut kehendak dan perkara-perkara yang difikirkan logik dengan pemikiran Akbar. Bagi memberi satu nafas baru kepada Islam yang dikatakan telah lama dan tidak mengikut arus moden, mereka menyarankan agar suatu pembaharuan dilakukan oleh Akbar terhadap ajaran Islam. Saranan tersebut menyenangkan Akbar dan ditambah pula dalam menghadapi rakyatnya yang menganuti agama yang berbeza, Akbar menginginkan mereka disatukan dalam satu wadah yang baru lalu mencipta agama kesatuan.<sup>324</sup>

Akbar mempromosi toleransi terhadap agama lain. Beliau berpendapat tidak semua agama di dunia ini boleh menyatakan bahawa agamanya sahajalah yang benar dan ini juga termasuklah Islam. Akbar juga dicatatkan pernah mengarahkan rakyatnya

---

<sup>324</sup> Abu Ali al-Banjari an-Nadwi (1992), *op. cit.*, h.73-79

untuk menggantikan lafaz “Āṣṣālāmū‘ālāikūm” kepada lafaz “Āllāhū Ākbār” dengan membesarkannya. Beliau juga antara lain memerintahkan rakyatnya untuk sujud kepadanya sebagai salah satu cara membesarkannya<sup>325</sup>. Doktrin ini dilihat mempunyai persamaan dengan konsep serta fahaman yang dibawa dalam Pluralisme.

Antara perkara lain yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada penonton di mana watak Akbar sebagaimana watak dalam sejarahnya juga diketengahkan sebagai seorang Maharaja yang tidak mengamalkan cara hidup Islam secara menyeluruh walaupun lahir sebagai seorang Muslim. Fokus utama filem ini lebih kepada cara hidup dan kepercayaan Jodhaa. Apa yang boleh dilihat, Jodhaa banyak melakonkan watak sedang beribadat kepada patung berhala manakala, Akbar sering digambarkan akan turut serta dalam upacara tersebut. Lebih malang lagi, watak Akbar bersolat tidak dipamerkan oleh pengarah filem. Babak yang disandarkan untuk membuktikan Akbar seorang Muslim hanya dengan adegan-adegan pengucapan salam dan puji-pujian kepada Allah SWT sahaja.

Zaini Hamza (1990), menyatakan bahawa dakwah merupakan suatu tuntutan yang perlu dilakukan. Keperluan dakwah masa kini merupakan suatu yang prioriti kerana beberapa faktor seperti kekalahan umat Islam dalam menghadapi serangan penjajah dari sudut pemikiran dan kebudayaan. Kesannya, akhlak dan akidah umat manusia semakin tandus dan lemah. Seterusnya, faktor dualisme yang diamalkan dalam sistem pendidikan telah melahirkan dua golongan individu yang lahir dikalangan umat Islam sendiri yang tiap satu daripadanya menolak pemikiran masing-masing dan hanya taksib pada pegangan sendiri terhadap Islam. Faktor ketiga ialah kemasukan aliran kebudayaan yang ikut serta kecanggihan dan inovasi teknologi dari Barat. Lantas,

---

<sup>325</sup> *Ibid.*, h. 79-80

paparan kehidupan bebas yang menolak gaya hidup Islam menjadi santapan masyarakat.<sup>326</sup>

Penerapan unsur-unsur pluralisme agama amat ketara dipersembahkan kepada penonton secara tersendiri menerusi filem ini. Walaupun tidak dipamerkan secara jelas, namun ia dapat dikesan dalam beberapa babak. Unsur pluralisme agama dapat dilihat dalam babak malam perkahwinan Akbar dan Jodhaa. Setelah malam perkahwinan tersebut selesai, Akbar masuk ke kamar untuk beradu bersama isterinya tetapi Jodhaa digambarkan seperti dalam keadaan yang tidak selesa untuk menerima Akbar.

Lalu Akbar berkata:

*Jika engkau tidak bersetuju dengan perkahwinan ini untuk selamanya maka engkau boleh Khūllā, iaitu isteri boleh meminta agar dilepaskan ikatan perkahwinan daripada suami menurut ajaran Islam.”*

Jodhaa menjawab sambil berkata:

*Dalam agama Hindu, ikatan perkahwinan ini adalah kekal lama sama seperti 7 kelahiran semula.*

Setelah mendengar penjelasan Jodhaa, suaminya seolah-olah menerima penjelasan tersebut dengan mengambil kira ajaran Hindu yang disampaikan lebih bermakna dari Islam. Perkara ini, sekiranya diperhatikan dengan lebih terperinci, dapatlah difahami bahawa teknik garapan dan pengarahannya yang dilakukan filem ini lebih menyetengahkan unsur pluralisme dalam beragama.

Walaupun masih terdapat mesej-mesej dakwah yang baik yang boleh diperhatikan dalam filem *JODHAA AKBAR* ini, namun unsur-unsur negatif tersebut sekiranya tidak dapat ditangani dengan baik oleh penonton, ia akan mengakibatkan suatu kesan yang buruk kepada masyarakat. Walaupun unsur-unsur tersebut tidak

---

<sup>326</sup> Zaini Hamza (1990), “Respon Masyarakat Bukan Islam Terhadap Gerakan Dakwah di Malaysia: Satu Analisis”, (Seminar Kerohanian dan Dakwah, Asrama Kinabalu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 28-30 Februari), h. 1



diperlihatkan secara zahir dan jelas namun, unsur-unsur pluralisme agama yang mengagungkan kebebasan manusia sejagat telah diterapkan dalam filem tersebut. Nilai-nilai baik yang terdapat dalam agama Islam hanya diambil sebahagiannya dan dicantumkan dengan ajaran agama-agama lain agar ia lebih universal. Perkara ini mengurangkan kesucian Islam itu sendiri dan dalam masa yang sama akan memberi impak kepada penilaian masyarakat terhadap Islam.

Firman Allah SWT:

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ﴿١﴾ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾ وَلَا أَنْتُمْ ﴿٣﴾  
عَبِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿٤﴾ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ ﴿٥﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا  
أَعْبُدُ ﴿٦﴾ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿٦﴾

(Sūrah āl-Kāāfirūn, (109):1-6)

*“Katakanlah: “Hai orang kafir, aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah. Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah. Untukmulah agamamu, dan untukkulah, agamaku“.*

#### 4.5 KESIMPULAN

Ringkasnya, filem *JODHAA AKBAR* dan *MY NAME IS KHAN* menampilkan mesej-mesej dakwah yang baik dan merangkumi ketiga-tiga unsur yang digariskan. Mesej dakwah dalam kedua-dua filem meliputi mesej akidah, syariah dan akhlak. Kaedah mesej yang diselitkan dalam kedua-dua filem adalah sama umumnya. Namun,

perbezaan dapat dilihat menerusi kaedah aplikasi mesej yang disampaikan. Menerusi filem *JODHAA AKBAR*, oleh kerana ia mengisahkan pemerintahan Islam dalam sesebuah negara maka, mesej dakwah lebih meliputi kaedah muamalah antara pemimpin Islam dengan masyarakatnya yang berbilang agama. Oleh itu, mesej akhlak banyak diselitkan. Bagi filem *MY NAME IS KHAN* pula, ia merupakan filem yang menceritakan kehidupan Muslim yang terpaksa berjuang mempertahankan identiti Islam dalam kehidupannya. Cabaran dan rintangan yang terpaksa ditempuhi oleh seorang Muslim yang hidup di kalangan masyarakat Barat yang sentiasa prejudis dengan Muslim dan Islam, menjadikan filem ini lebih banyak menyelitkan dan menonjolkan mesej-mesej ketuhanan yang berkaitan akidah dan penonjolan akhlak Muslim dalam mendepani kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, mesej dakwah dalam kedua-dua buah filem disampaikan dengan cara yang mudah dan menarik untuk difahami.

## BAB V

### ANALISIS METODE AL-MĀW'IZĀH AL-ḤĀṢĀNĀH DALAM FILEM *MY NAME IS KHAN* DAN *JODHA AKBAR*.

#### 5.0 PENDAHULUAN

Bahagian ini akan menganalisa penggunaan metodologi *āl-Māw'izāh āl-Ḥāṣānāh* yang disertakan dalam filem *MY NAME IS KHAN* dan *JODHAA AKBAR*. Ia akan dikategorikan mengikut *uṣlūb tārghīb*, *tārḥīb*, *tābṣyīr*, *tāndzīr* dan *tāzkiyyāh āl-Nāfṣ* yang kesemuanya terkandung dalam *mānhāj āl-Māw'izāh āl-Ḥāṣānāh*.

#### 5.1 METODE AL-MĀW'IZĀH AL-ḤĀṢĀNĀH

##### a) Uṣlūb Tārghīb

Nasihat dengan menggunakan *uṣlūb tārghīb* merupakan nasihat yang boleh mendorong dan memberi rangsangan kepada sasaran dakwah untuk melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Nasihat yang menggunakan *uṣlūb tārghīb* ini dilakukan menerusi rangsangan terhadap emosi, teknik dorongan dengan memenuhi kehendak sasaran, secara pemberian ganjaran dan insentif serta teknik jangkaan terhadap kesan pada sesuatu kelakuan atau tindakan.

Bil.	MY NAME IS KHAN	JODHAA AKBAR
1.	Dr. Faisal Rehman menasihati sekumpulan jemaah Islam yang dikumpulkannya di dalam masjid untuk mempertahankan Islam dan umatnya.	TIADA

Jadual 1: *Uṣlūb Tārghīb* dalam Filem

Menerusi jadual 1 di atas, dapat dilihat bahawa penerapan *uṣlūb tārghīb* dalam filem hanya diselitkan dalam filem *MY NAME IS KHAN* sahaja. Manakala, tidak terdapat

sebarang nasihat menerusi uṣlūb ṭārghīb dalam filem *JODHAA AKBAR*. Perkara ini berkemungkinan, filem *JODHAA AKBAR* menampilkan tema pemerintahan dan beraja berbanding *MY NAME IS KHAN*. Oleh itu, filem *JODHAA AKBAR* lebih banyak menampilkan nasihat secara ṭānḏzīr menerusi peringatan dan amaran untuk menonjolkan kuasa dan martabat dalam sesebuah pemerintahan.

Uṣlūb Ṭārghīb yang ditampilkan dalam filem *My Name Is Khan* disampaikan dalam konteks memberi nasihat dengan cara mempengaruhi naluri dan emosi sasaran untuk merangsang semangat mereka mempertahankan Islam. Nasihat yang diberikan seperti berikut:

1. Dr. Faisal Rehman menasihati sekumpulan jemaah Islam yang dikumpulkannya di dalam masjid untuk mempertahankan Islam dan umatnya.

Dr. Faisal Rehman:

*“Wahai Jemaah semua, saya tiada masalah dengan golongan Kristian atau Yahudi. Bahkan, saya juga tiada masalah dengan golongan Hindhu. Lagi pun, saya juga merawat banyak pesakit-pesakit yang beragama Hindu di Hospital St. Benedict. Tapi, saya sangat marah apabila kebaikan yang diberikan kepada mereka tidak dibalas setimpalnya kepada kita sebagai umat Islam. Darah saya naik, bila Yahudi membunuh sahabat-sahabat kita di Palestin. Juga bila orang India yang beragama Hindu membunuh wanita dan kanak-kanak Islam dengan pedang mereka. Itulah yang menyebabkan kemarahan saya. Tidakah kamu merasa marah? Jawablah.*

Jemaah:

*“Ya, kami sangat marah.*

Dr. Faisal Rehman:

*Jadi, buatlah sesuatu.*

Nasihat yang diberikan oleh Dr. Faisal merupakan suatu nasihat yang mempengaruhi naluri dan emosi khalayaknya. Dengan memprovokasi kisah penderitaan dan kesusahan

yang dihadapi Muslim akibat serangan dan pencabulan hak dari non-Muslim, beliau berjaya menaikkan emosi marah dikalangan jemaahnya. Malah, mereka mula terdorong untuk bertindak sebagaimana yang dianjurkan oleh Dr. Rehman iaitu menyertai pengeboman berani mati untuk membalas kejahatan yang menimpa umat Muslim. Maka, *uṣlūb tārḥīb* yang disertakan dalam nasihat tersebut telah berjaya merangsang semangat jemaah Islam yang berada dalam masjid tersebut untuk berasa yakin dalam usaha mempertahankan Islam dari terus diperlekehkan.

b) *Uṣlūb Tārḥīb*

<b>Bil.</b>	<b>MY NAME IS KHAN</b>	<b>JODHAA AKBAR</b>
1.	Rizwan menasihati sekumpulan golongan yang ekstrem mempertahankan Islam dengan cara yang salah.	TIADA

Jadual 2: *Uṣlūb Tārḥīb* dālām Fīlem

Jadual 2 menunjukkan penggunaan *uṣlūb tārḥīb* yang disampaikan dalam filem *MY NAME IS KHAN*. Nasihat secara *tārḥīb* hanya diaplikasikan dalam filem *MY NAME IS KHAN* manakala, dalam filem *JODHAA AKBAR* *uṣlūb* ini tidak diaplikasikan. Penjelasannya seperti berikut:

1. Rizwan menasihati sekumpulan golongan yang ekstrem mempertahankan Islam dengan cara yang salah.

Dalam sebuah masjid, Rizwan terdengar sekumpulan umat Islam sedang bermesyuarat sesama mereka dan diketuai oleh seorang pemuda bernama Dr. Faisal Rehman berkaitan dengan pengorbanan diri. Bagi menaikkan semangat kumpulan tersebut, Dr. Faisal Rehman telah mengemukakan kisah pengorbanan Nabi Ibrahim ke atas anaknya Ismail.

Dr. Faisal Rehman:

*“Allah SWT telah meminta Nabi Ibrahim a.s untuk mengorbankan anaknya. Tanpa sebarang persoalan, Nabi Ibrahim a.s bersetuju untuk mengorbankannya anaknya Ismail a.s. Tugas ini menjadi tanggungjawab kita kini. Kita perlulah turut sama mengalirkan darah kita demi Islam. Inilah tuntutan Allah!, dan inilah tuntutan Islam!”*

Kemudian, Rizwan bangun dan cuba untuk menasihati kumpulan tersebut tentang salah faham mereka berkaitan pengorbanan yang dituntut ke atas Ibrahim a.s.

Rizwan Khan:

*“Ibu saya ada menceritakan kisah pengorbanan Nabi Ibrahim kepada saya suatu ketika dahulu. Nabi Ibrahim a.s tidak meragui kasih sayang Allah SWT. Kisah ini memberi suatu gambaran berkaitan kekuatan, keteguhan iman dan keyakinan Nabi Ibrahim a.s kepada Allah SWT. Oleh itu, walaupun dihasut oleh “sesuatu” secara berulang kali, Nabi Ibrahim masih tidak ragu-ragu dengan jalan kebenaran yang diyakininya. Nabi Ibrahim tidak termakan hasutan yang dibisikkan. Baginya, Allah tidak akan sesekali akan membenarkan darah keturunannya ditumpahkan. Dan kerana keyakinan itu, dia berada di pihak yang benar. Allah SWT telah menyelamatkan nabi Ismail a.s. Ibu saya juga beritahu: “Rizwan, kisah ini menunjukkan bahawa jalan Allah itu ialah jalan yang penuh dengan kasih sayang dan bukannya kebencian dan peperangan”*

Rizwan menasihati sekumpulan jemaah Islam yang sedang berkumpul di masjid dengan cara memberi kefahaman berkaitan pengorbanan sebenar yang dituntut ke atas seorang Muslim. Pembunuhan dan pergaduhan hanya akan membenarkan banyak nyawa yang tidak berdosa mati. Maka, keputusan tersebut bukanlah suatu pengorbanan sebenar yang dituntut dalam Islam.

Rizwan menasihati jemaah tersebut dengan cara ‘memancing’ emosi dengan mengemukakan balasan yang akan mereka perolehi hasil perbuatan tersebut. Sekiranya mereka masih bertekad melakukannya maka, ini menunjukkan mereka masih ragu-ragu dan tidak yakin dengan jalan Allah. Perkara ini ditegaskan dalam kisah nabi Ibrahim yang dikisahkan oleh Rizwan. Walaupun pelbagai desakan dan godaan yang diterima,

baginda tetap yakin bahawa Allah SWT tidak akan sesekali membenarkan darah keturunannya dipersia-siakan kerana Allah itu Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Hakikatnya, pengorbanan yang dituntut ialah penyerahan iman dan keyakinan hanya pada-Nya.

Peringatan dan ancaman yang diberikan menjadikan jemaah tersebut gusar dan gerun lantas, bertindak untuk tidak terlibat dengan kerja-kerja ekstrem seperti pembunuhan secara terbuka menggunakan bom dan sebagainya. Maka, sebaik sahaja Rizwan memberi nasihat kepada mereka, bangkit salah seorang dari mereka dan berkata:

*“Apa yang diberitahu oleh saudara kita ini adalah betul. Jalan Allah ialah jalan yang berteraskan kasih sayang. Oleh sebab itulah, nabi kita iaitu Nabi Muhammad SAW mendapat gelaran sebagai kekasih Allah”*

Nasihat yang dikemukakan oleh Rizwan berhasil untuk memamatkan hasrat sekumpulan jemaah Islam tersebut untuk melakukan rusuhan dan pengeboman secara terbuka.

c) Ūslūb Tārghīb dān Tārḥīb

<b>Bil.</b>	<b>MY NAME IS KHAN</b>	<b>JODHAA AKBAR</b>
1.	Ibu Rizwan menasihati anaknya semasa mendapati Rizwan bercakap bahasa kasar	TIADA

Jadual 3: Uslub Tārghīb dan Tārḥīb dalam Filem

Uslub Tārghīb dan Tārḥīb diselitkan secara bersama dalam filem *MY NAME IS KHAN*.

Ia dinyatakan seperti berikut:

1. Semasa Ibu Rizwan mendapati anaknya menggunakan perkataan kotor dan kasar, beliau menasihati Rizwan dengan menggunakan ūslūb tārghīb dān tārḥīb.

Rizwan:

*“Mereka semua adalah sial. Mereka semua patut mati dalam keadaan tidak tenteram.”*

Setelah mendengar perkataan tersebut keluar dari mulut anak remajanya (watak Rizwan semasa remaja), ibunya terus marah dan mengarahkan Rizwan untuk diam dan tidak lagi menyebutnya. Lalu, membawa Rizwan ke satu sudut untuk menjelaskan kepada Rizwan hal berkaitan akhlak dan peribadi yang baik yang perlu diikuti. Oleh kerana, Rizwan merupakan anak “Autisme”, ibunya terpaksa mencari cara yang mudah untuk menasihati Rizwan iaitu dengan melukis watak jahat dan watak baik dalam sebuah buku.

Ibu Rizwan:

*Mari sini Rizwan. Tengok sini. Ini ialah kamu. Rizwan, dan ini pula ialah seorang individu yang memegang kayu ditangannya dan dia memukul kamu.*

Rizwan menjawab:

*Perkara itu jahat. Memukul orang ialah perbuatan yang jahat.*

Ibu Rizwan:

*Ya, betul. Ia adalah perbuatan jahat. Dan dalam keadaan lain, ini ialah kamu. Rizwan, dan ini pula ialah seorang individu yang memegang ‘gula-gula lolipop’ dan memberikan pada kamu.*

Rizwan:

*‘Gula-gula lolipop’ manis. Ia adalah benda baik.*

Ibu Rizwan:

*Sekarang beritahu saya, mana ialah Hindu, dan mana ialah orang Islam.*

Rizwan:

*Kedua-duanya sama. (dari aspek tingkahlaku)*

Ibu Rizwan:

*Bagus. Ingatlah satu perkara anakku, Dalam dunia ini hanya terdapat dua ciri manusia. Manusia yang baik, melakukan perkara yang baik dan manusia yang jahat melakukan perkara-perkara jahat.*



Sebagai seorang ibu kepada anak-anak kurang upaya seperti Rizwan, ibunya terpaksa menggunakan pendekatan yang lebih mudah untuk difahami ketika menasihati anaknya itu. Kenyataan yang diberikan oleh ibunya ialah untuk memudahkan Rizwan mengenali ciri-ciri akhlak dan sikap manusia disekelilingnya. Ia juga antara lain, memberi pelajaran kepada Rizwan bahawa untuk menjadi orang yang baik, perlu melakukan perkara yang baik. Jadi, *ūṣlūb* ini termasuk dalam *ūṣlūb ṭārḡhīb dān ṭārḡīb*. *Ūṣlūb ṭārḡīb* disampaikan secara tegas iaitu dengan cara menghalang Rizwan dari menyebut perkataan-perkataan yang salah agar beliau sedar kesilapannya dan dalam masa yang sama nasihat tersebut diselitkan unsur *ṭārḡhīb* iaitu galakkan dan rangsangan serta jangkaan terhadap tindakan yang dilakukan. Menerusi nasihat yang diberikan, ia akan mendorong sasaran mengubah perilaku kepada suatu yang ingin dibentuk dan meninggalkan perkara tersebut kerana kesannya digambarkan sebagai suatu yang buruk.

#### d) Ūṣlūb Ṭābsyīr

*Ūṣlūb ṭābsyīr* merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk menyampaikan nasihat. Ia merupakan satu khabar gembira yang dapat menggembirakan seseorang atau perkhabaran yang seiring dengan perkara yang disukai oleh manusia. Selain itu, *ūṣlūb* ini juga dapat menzahirkan rasa kegembiraan seseorang dengan tindakan dan ekspresi pada wajah dan air muka.

<b>Bil.</b>	<b>MY NAME IS KHAN</b>	<b>JODHAA AKBAR</b>
1.	Menjelaskan kepada Mandira bahawa menjadi orang Islam bukanlah suatu perkara yang jahat	TIADA
2.	Menjelaskan berkaitan perihal solat kepada dua orang Musafir Islam yang bersama dengannya menuju ke USA	TIADA
3.	Khan memberi nasihat dan semangat kepada penduduk Georgia yang dalam kesediaan akibat kematian saudara mereka.	TIADA

Jadual 4: Ūṣlūb Ṭābṣyīr dalam Filem

Jadual 4 menunjukkan ṣlūb ṭābṣyīr yang diaplikasi dalam filem yang dikaji. Rajah menunjukkan tiada sebarang ṣlūb ṭābṣyīr yang deselitkan dalam filem *JODHAA AKBAR* berbanding filem *MY NAME IS KHAN*.

Nasihat āl-Māw‘īzāh āl-Hāṣānāh yang disampaikan dalam filem *MY NAME IS KHAN* juga merangkumi ciri-ciri yang terdapat dalam ṣlūb ṭābṣyīr. Penjelasannya seperti berikut:

1. Menjelaskan kepada Mandira bahawa menjadi orang Islam bukanlah suatu perkara yang jahat

Setelah berlakunya peristiwa 9 November 2001 di USA. Umat Islam dikecam dan dihina kerana Islam digelar sebagai agama terroris. Peristiwa tersebut juga memberi kesan kepada rumahtangga Mandira dan Rizwan yang akhirnya Mandira menyatakan kekesalan mengahwini Rizwan yang mengakibatkan anaknya dibunuh atas sebab dia ialah dari keluarga Islam. Oleh yang demikian, dalam satu dialog yang ditujukan kepada Mandira, Rizwan menyatakan kepadanya bahawa kenyataan yang dibuat oleh Mandira sebelum ini ialah salah.

Hakikatnya, menjadi umat Islam bukanlah suatu perkara yang jahat. Ini kerana, kejadian tersebut belum dibuktikan siapakah dalang sebaliknya dan menjadi suatu kekesalan sekiranya Islam dan umatnya dituduh melakukan perkara tersebut. Sedikit sebanyak, nasihat yang diberikan secara tidak langsung memberi satu perkhabaran baik kepada penonton terutamanya umat Islam agar terus yakin bahawa Islam bukanlah agama penganas seperti yang digambarkan dan didakwa. *Ūslūb Ṭābṣyīr* ini juga menjadi suatu khabaran baik yang seiring dengan perkara yang disukai manusia iaitu berkaitan status. Status yang tinggi menjadi daya penarik kepada manusia. Maka, dengan meletakkan status yang tinggi kepada Islam dan umatnya bererti ia menjadi perkhabaran yang menggembirakan manusia untuk terus berada dalam lingkungan yang terbaik.

2. Rizwan menjelaskan kepada dua orang Musafir Islam yang bersama dengannya menuju ke USA berkaitan perihal solat.

Musafir:

*Awak nak ke mana? Sudah masanya kita akan bertolak semula.*

Rizwan:

*Sekarang adalah waktu solat.*

Musafir:

*Kamu hendak solat sekarang? Di sini?. Kamu sepatutnya solat bergantung pada keadaan sekeliling dan keadaan orang disekeliling.*

Rizwan:

*Tidak. Tidak, solat tidak boleh bergantung pada keadaan sekeliling dan keadaan orang disekeliling. Ia perlu dilakukan atas dasar keimanan kamu.*

Nasihat yang diberikan oleh Rizwan membuatkan kedua-dua Musafir Islam tersebut tersentak dan berdiam diri. Berkemungkinan mereka terkesan dengan nasihat yang diberikan lantas, tidak memberi sebarang respond dan hanya terdiam kaku.

Perkara berkaitan solat dan kewajipannya perlulah dilakukan tanpa mengira masa dan keadaan. Ia dilakukan atas dasar keimanan pada Allah. Oleh itu, nasihat yang disampaikan Rizwan terselit mesej atau perkhabaran yang baik kepada umat Islam yang tidak meninggalkan tuntutan solat dalam apa jua keadaan dan situasi. Pensyarahan solat merupakan suatu arahan Allah kepada umat Islam dan ia merupakan suatu perkara baik yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam. Menerusi solat, manusia sentiasa dekat dengan Allah dan kasih sayang serta rahmat-Nya sentiasa memayungi hamba-hambanya yang taat pada perintah-Nya. Oleh sebab itu, ia merupakan suatu perkhabaran yang baik yang boleh menggembirakan

3. Rizwan Khan memberi nasihat dan semangat kepada penduduk Georgia yang dalam kesedihan akibat kematian saudara mereka.

Perkongsian cerita berkaitan anaknya, Sam yang telah dibunuh menjadikan penduduk-penduduk di Wilhemnia merasakan bahawa bukan mereka sahaja yang ditimpa masalah. Malah, banyak dugaan yang lebih teruk menimpa orang lain. Perkara ini menjadikan mereka melupakan sedikit kesedihan yang dialami dan kembali ceria. Nasihat dan semangat yang diberikan oleh Rizwan kepada penduduk di kawasan tersebut memberi impak baik kepada mereka. Nasihat yang diberikan disertai *ūṣlūb ṭābṣyīr* mampu menjadikan mereka kembali bersemangat dan tabah menempuh hari-hari muka.

Nasihat yang dikemukakan Rizwan menyebabkan terzhahir di wajah mereka kegembiraan dan rasa terharu atas apa yang diucapkan. Maka, menurut konsep *ṭābṣyīr*,

nasihat yang dikemukakan menjadi suatu perkhabaran baik yang membuatkan sasaran gembira dan terpancar riak kegembiraan di wajah mereka.

e) Ūslūb Tāndzīr

Nasihat secara tāndzīr dikemukakan dengan memberi peringatan serta khabaran yang dapat menakutkan dan menjadikan sasaran gusar dan bimbang. Ketakutan yang ditimbulkan berfungsi sebagai dorongan untuk sasaran kembali mentaati dan mematuhi perintah Allah SWT. Ia juga digunakan kepada golongan yang alpa, sesat, fasik dan golongan semakin jauh dari jalan-Nya.

<b>Bil.</b>	<b>MY NAME IS KHAN</b>	<b>JODHAA AKBAR</b>
1.	Adik kepada Rizwan Khan menasihatinya agar tidak meneruskan niatnya berkahwin dengan orang bukan Islam kerana status hubungan itu haram	Sharifuddin mengingatkan Akbar bahawa perkahwinan dengan Jodhaa yang bukan beragama Islam merupakan suatu perkara yang dilarang agama.
2.	Rizwan nasihati anaknya agar tidak menaikkan suara walaupun dalam keadaan marah.	Mengingatkan dan menasihati tenteranya agar melayan tahanan perang dengan baik dan tidak membunuh atau menyeksa mereka.
3.	Peringatan berkaitan golongan yang mengikut hasutan syaitan akan hilang rasa keimanan dan keyakinan pada Allah SWT.	Mengingatkan Saadir Adaasi (salah seorang penasihat di Raja) agar menghormati agama lain.

Jadual 5: Ūslūb Tāndzīr dalam Filem

Jadual 5 menunjukkan bahawa, terdapat nasihat secara tāndzīr yang diselitkan dalam kedua-dua filem yang dikaji. Persamaan yang ditemui antara kedua-dua filem ini ialah nasihat yang dikemukakan dengan memberi peringatan keras berkaitan tindakan yang salah dalam hal perkahwinan yang melibatkan berlainan agama. Peringatan tersebut merupakan suatu nasihat yang ditonjolkan untuk mengingatkan seseorang dari alpa dan jauh dari jalan-Nya.

1. Menerusi filem *MY NAME IS KHAN*, Rizwan telah dinasihati oleh adiknya agar tidak meneruskan niat untuk berkahwin dengan orang bukan Islam kerana status hubungan itu haram.

Adik Rizwan:

*Kamu tidak boleh berkahwin dengan dia. Ini merupakan suatu yang haram dan suatu penghinaan!. Kalau kamu teruskannya. Saya akan memutuskan hubungan dengan kamu.*

Menerusi kata-kata ini, Adik Rizwan sangat marah dengan tindakan abangnya untuk berkahwin dengan perempuan yang berlainan agama. Maka, dia menasihati Rizwan untuk mematikan hasrat dan kehendak tersebut.

Menerusi filem kedua iaitu filem *JODHAA AKBAR*:

Sharifuddin menasihati abang iparnya, Akbar agar tidak meneruskan niat untuk mengahwini puteri Ameer iaitu Jodhaa atas alasan perkahwinan tersebut salah di sisi Islam kerana Jodhaa beragama Hindu dan tetap dengan agamanya walaupun berkahwin dengan Akbar.

Sharifuddin:

*“Tuanku, sekurang-kurangnya tuanku mempertimbangkan semula keputusan itu. Dia seorang Rajput yang beragama Hindu. Lamaran sebegitu tidak patut berlaku. Tolong mempertimbangkan keputusan itu semula.”*

Sharifuddin menasihati abang iparnya agar tidak meneruskan hasratnya untuk menerima lamaran dari kerajaan Brahmal untuk berkahwin dengan puterinya yang berlainan agama.

Kedua-dua filem menyelitkan unsur yang sama iaitu nasihat dalam konteks memberi peringatan terhadap kesalahan yang membabitkan perkahwinan antara berlainan agama. Ini kerana perbuatan tersebut adalah haram di sisi Islam dan sekiranya diteruskan ia merupakan tindakan yang telah menghina Islam. Amaran yang dikemukakan ini bukan hanya dilafazkan sebagai suatu dialog dalam satu jalan cerita tetapi, ia juga turut memberi kesan terhadap kefahaman penonton berkaitan larangan terhadap tindakan tersebut.

Perkahwinan antara berlainan agama merupakan suatu perkara yang dilarang dalam Islam. Firman Allah SWT:

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَةَ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ ۚ وَلَا أُمَّةٌ مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَا  
 أَعْجَبَتْكُمْ ۗ وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا ۚ وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ  
 مُّشْرِكٍ وَلَا أَعْجَبُكُمْ ۗ أُؤْتِيكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ ۖ وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى الْجَنَّةِ  
 وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ ۖ وَيُبَيِّنُ آيَاتِهِ لِّلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾

(Ṣūrāḥ āl-Bāqārāḥ: (2):221)

*“Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam); dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu. Dan janganlah kamu (kahwinkan perempuan-perempuan Islam) Dengan lelaki-lelaki kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam) dan sesungguhnya seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik daripada seorang lelaki musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. (yang demikian ialah kerana orang-orang kafir itu mengajak ke neraka sedang Allah mengajak ke syurga dan memberi keampunan Dengan izin-Nya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) kepada umat manusia, supaya mereka dapat mengambil pelajaran (daripadanya).”*

Di Malaysia, larangan untuk berkahwin berlainan agama juga turut dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Malaysia dan juga termaktub dalam undang-undang keluarga Islam wilayah-wilayah persekutuan.

Fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Malaysia juga telah melarang perkahwinan antara bukan agama, adalah seperti berikut:<sup>327</sup>

*“Sebenarnya HALAL dan SAH seorang lelaki Islam berkahwin dengan perempuan KITABIAH iaitu Yahudi dan Nasrani TETAPI disyaratkan pada Yahudiah bahawa keturunan mereka menganut agama ini sebelum bangkit nabi Isa a.s. dan pada Nasriah bahawa hendaklah diketahui dengan yakin keturunan mereka menganutnya sebelum di bangkit Nabi kita Muhammad s.a.w. Adapun perempuan-perempuan Kitabiah yang ada sekarang ini sukar hendak memenuhi syarat-syarat tersebut.”*

Undang-undang Islam yang diwartakan di wilayah persekutuan pada 1984 juga turut menjelaskan bahawa perkahwinan berlainan agama sama sekali tidak dibenarkan:<sup>328</sup>

*Seksyen 10: Orang daripada agama lain:*

*(1) Tiada seseorang lelaki boleh berkahwin dengan seseorang bukan Islam kecuali seorang Kitabiyah.*

*(2) Tiada seseorang perempuan boleh berkahwin dengan seseorang bukan Islam.*

Oleh yang demikian, nasihat yang diberikan ini menjadi suatu peringatan di samping, suatu ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat berkaitan pandangan Islam terhadapnya.

---

<sup>327</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/perkahwinan-berlainan-agama-0>, diambil pada 16 Mei 2011.

<sup>328</sup> Bahagian II (Perkahwinan) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan 1984), Seksyen 10(1) dan (2).



Nasihat lain secara *tānḏzīr* yang disampaikan dalam filem *My Name Is Khan*

ialah seperti berikut:

1. Rizwan menasihati anaknya agar tidak menaikkan suara apabila marah.

Rizwan:

*Ya, sangat kuat. Tidak elok begitu. Tidak elok.*

Nasihat Rizwan kepada anaknya agar tidak menaikkan suara lagi menunjukkan bahawa perbuatan tersebut ialah salah dan bukan perbuatan yang baik. Peringatan yang diberikan adalah dinyatakan sebagai satu bentuk nasihat agar perbuatan tersebut tidak diulang lagi. Akhirnya, Sam memohon maaf kepada ayahnya.

2. Nasihat menerusi *ūṣlūb tānḏzīr* juga dinyatakan dalam satu babak di mana Rizwan memberi peringatan terhadap sekumpulan jemaah Islam yang sedang bermesyuarat dalam sebuah masjid bersama dengan Dr. Faisal Rehman.

Semasa sekumpulan Muslim berkumpul dan bermesyuarat, ketua mereka iaitu Dr. Faisal cuba membangkitkan semangat juang jemaah dalam kumpulannya dengan mengambil contoh kisah pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. Namun, setelah mendapati apa yang disampaikan oleh Dr. Faisal adalah suatu konsep yang menyimpang dari skop sebenar pengorbanan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim maka, Rizwan cuba menjelaskan kepada mereka dan memberitahu bahawa Dr. Faisal cuba meracuni pemikiran mereka. Setelah Rizwan menasihatkan mereka bahawa apa yang dikatakan oleh Dr. Faisal berkaitan konsep pengorbanan itu ialah salah dan membawakan contoh pengajaran di sebalik pengorbanan Nabi Ibrahim a.s, mereka mula yakin bahawa Dr. Faisal salah.

Lantas, salah seorang dari kalangan mereka bertanya semula kepada Rizwan berkaitan kenyataannya tentang ‘seseorang’ yang dikatakan telah menjadi penghasut dalam kisah Nabi Ibrahim a.s:

*“Siapakah yang dimaksudkan kamu berkaitan godaan luar yang menghasut Nabi Ibrahim? Adakah ianya daripada kaum kafir?”*

Untuk menyedarkan mereka tentang kebenaran, Rizwan menyatakan bahawa hasutan tersebut datang dari godaan syaitan. Kenyataan yang diberikan oleh Rizwan ini sedikit sebanyak membuatkan jemaah tersebut kaget dan terus mendiamkan diri kecuali Dr. Faisal yang dilihat ingin terus memberontak.

Rizwan memberi peringatan dan ancaman dengan menegaskan bahawa jalan yang telah mereka pilih ialah jalan yang berpaksikan nafsu dan dipandu oleh syaitan. Sekiranya mereka tidak cuba mengeluarkan diri daripadanya maka, mereka tergolong dalam kumpulan orang yang termakan hasutan syaitan. Ini memberi kesan besar terhadap keimanan dan ketauhidan mereka pada Allah SWT. Ia menjadikan mereka terus jauh dari rahmat-Nya.

3. Akbar Khan mengingatkan tenteranya agar melayan tahanan perang dengan baik dan tidak membunuh atau menyeksa mereka.

Islam merupakan agama yang menganjurkan sifat ihsan dan pemaaf. Maka, menerusi filem *JODHAA AKBAR*, Akbar ditonjolkan sebagai seorang pemimpin Islam yang berhati mulia dan pemaaf. Ini dapat diperhatikan menerusi satu babak pertempuran antara kerajaan Mughal dan kerajaan Mankeshwar kerana kerajaan Mankeshwar tidak mahu menerima kedaulatan kerajaan Mughal. Setelah kalah dalam pertempuran

bersama kerajaan Mughal, Raja Mankeshwar dan beberapa tahanan perang telah dibawa menghadap Jalaluddin.

Kebiasaanya, pada siri-siri peperangan yang lepas, tahanan perang yang kalah akan diperintah bunuh oleh Bhairam Kham iaitu penjaga kerajaan Mughal sejak Akbar masih kecil. Akan tetapi, sejak Akbar mula matang dalam memerintah empayar Mughal, beliau tidak lagi membenarkan tahanan perang dibunuh. Tindakan ini mula dipamerkan Akbar sejak menghadapi tahanan dari kerajaan Mankeshwar.

Semasa Bhairam Singh bersuara agar Raja Mankeshwar dibunuh, Akbar mula menunjukkan kekuasaanya:

*“Tidak Khan Baba (panggilan Akbar kepada Bhairam Singh), dia bergantung pada belas ihsan kita. Dia patut dimaafkan dan bukannya dibunuh.”*

Namun, Bhairam Singh tidak mendengar kata-kata Akbar dan cuba untuk membunuh Raja Mankeshwar. Lalu, Akbar kembali bersuara:

*“Cukup Khan Baba. Selama ini saya hanya berdiam diri. Mulai sekarang, hanya saya yang akan membuat keputusan. Selepas setiap peperangan saya hanya mahu kita memberikan belas kasihan terhadap tawanan-tawanan perang.”*

Setelah mendengar kata-kata ini daripada Akbar, Bhairam Singh terus diam dan tidak mampu berkata-kata.

Uslub *tāndzīr* yang digunakan dalam *JODHAA AKBAR* ini antara nasihat yang disampaikan secara tegas dan peringatan untuk memperbetulkan kesalahan dan kekhilafan yang berlaku. Ternyata, nasihat tersebut bukan sahaja disampaikan untuk menyedarkan sasaran malah, ia sebagai satu cara menyedarkan hakikat sebenar sesuatu perkara.

4. Mengingatkan Saadir Adaasi (salah seorang penasihat di Raja) agar menghormati agama lain.

Menerusi filem *JODHAA AKBAR* Saadir Adaasi iaitu salah seorang daripada penasihat di Raja digambarkan sebagai seorang Muslim yang berusaha merosakkan hubungan baik antara Muslim dan Non-Muslim. Beliau juga antara orang kanan kerajaan yang membantah keputusan Jalaluddin yang ingin menghapuskan cukai ziarah yang selama ini dikutip oleh kerajaan Mughal. Ketidakpuasan hatinya dengan keputusan-keputusan dan pemikiran yang dibawa Jalaluddin akhirnya menjadikan dirinya belot dan bergabung secara senyap dengan Sharifuddin untuk menghapuskan Jalaluddin. Namun, setelah Sharifuddin kalah dalam satu pertarungan dengan Jalaluddin, Saadir Adaasi dibawa menghadap Jalaluddin. Dalam situasi ini, Jalaluddin cuba menerangkan semula pegangannya dan pemikirannya kepada Saadir untuk memberi kefahaman kepadanya berkaitan prinsip yang dibawanya dalam kerajaan iaitu untuk menjaga hal semua kaum dan agama di bawah naungannya.

Jalaluddin:

*“Saadir yang saya hormati, saya seorang pengikut Islam, tetapi saya masih menghormati agama-agama lain. Dan saya juga memberi kebebasan rakyat di bawah empayar saya untuk mengamalkan agama mereka masing-masing.”*

Nasihat yang diberikan Akbar disampaikan dengan tutur kata dan panggilan yang terhormat. Ia bagi menjadi maruah Saadir sebagai penasihat di Raja. Peringatan yang diberikan ialah untuk memberi kesedaran terhadap kesalahan yang telah dilakukan dan tidak sesekali berhasrat untuk memalukannya. Setelah mendengar nasihat tersebut, Saadir hanya terdiam dan riak wajahnya menunjukkan bahawa timbul rasa kecewa dengan apa yang telah dilakukannya kepada Jalaluddin. *Ūslūb ṭāndẓīr* yang digunakan

ternyata mendukung kaedah yang tebaik iaitu disampaikan dengan cara yang menyenangkan agar sasaran yang dinasihati kembali menginsafi kesalahan yang dilakukan dan berusaha mengubah kelakuan tersebut ke arah kebaikan.

#### f) Tāzkiyyāh āl-Nāfs

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, *tāzkiyyāh āl-Nāfs* merupakan suatu cara atau kaedah untuk membaiki dan mensucikan jiwa atau diri seseorang manusia. Proses penyucian diri ini akan menjadikan individu lebih dekat dengan pencipta-Nya.

Proses penyucian diri bermula dari dalam diri manusia. Umumnya, kehidupan manusia sentiasa selari dan mengalami pelbagai bentuk pembangunan dan kemajuan. Dari hari ke hari dan tahun ke tahun, dunia mengalami pelbagai tahap pembangunan dan pemodenan. Namun, sebagai umat Islam, di samping mengejar pembangunan dan kemajuan dari aspek material dan duniawi, pembangunan dalam konteks jati diri tidak boleh diabaikan.

Pembangunan dari konteks spritual dan rohani penting dalam menjadikan Muslim sebagai umat contoh. Ia lebih kepada usaha untuk menghapuskan sifat-sifat *māzmūmah* seperti menipu, mencuri, korupsi, kejam, tidak adil dan sebagainya. Apabila sifat-sifat ini dapat dikeluarkan dalam diri maka, sifat-sifat terpuji seperti adil, amanah, pemurah dapat dibangunkan. Proses penghapusan sifat-sifat terkeji dan pembangunan sifat-sifat terpuji ini dikenali sebagai *tāzkiyyāh āl-Nāfs*.

Menerusi kedua-dua filem yang dikaji, gabungan antara mesej dan nasihat yang diselitkan berguna dalam usaha membangun sifat-sifat mulia dalam diri. Ketiga-tiga mesej iaitu mesej akidah, syariah dan akhlak dalam filem ini merupakan antara

contoh proses *ṭāzkiyyāh āl-Nāfṣ*. Mesej-mesej yang disertakan merupakan suatu nasihat yang disampaikan secara *āl-Hāṣānāh* untuk difahami oleh penonton.

<b>BIL.</b>	<b>MY NAME IS KHAN</b>	<b>JODHAA AKBAR</b>
1.	Visual solat Rizwan Khan di lapangan	Visual Hamida Banu (ibu Akbar) sedang memohon doa
2.	Rizwan menjelaskan berkaitan solat kepada dua orang Musafir yang bersamanya.	Watak dan perwatakan pemerintah Islam iaitu Akbar yang menganjurkan sifat kasih sayang dan keadilan.
3.	Rizwan menasihati sekumpulan ekstremis yang cuba mempertahankan Islam dengan cara yang salah	Akbar memberi nasihat kepada penasihatnya berkaitan konsep <i>mūāmālāh</i> dalam Islam ketika berhadapan dengan tahanan perang

Jadual 6: *Ūṣlūb Ṭāzkiyyāh āl-Nāfṣ* dalam Filem

Jadual 6 menunjukkan *ūṣlūb ṭāzkiyyāh āl-Nāfṣ* yang disampaikan dalam filem. Terdapat beberapa *ūṣlūb ṭāzkiyyāh āl-Nāfṣ* dikesan dalam kedua-dua buah filem dalam konteks naratif, lakonan dan aspek sinematografi.

a) *Uṣlūb Ṭāzkiyyāh āl-Nāfṣ* dalam filem *MY NAME IS KHAN*;

Menerusi salah satu *scene* dalam *MY NAME IS KHAN*, visual yang kelakuan Rizwan bersolat di tengah lapangan merupakan signifikan kepada usaha memberi nasihat secara tersirat kepada penonton. Nasihat yang diberikan hanya dijelmakan menerusi sub-teks merupakan satu nasihat yang menjelaskan usaha penyucian jiwa agar penonton faham bahawa tuntutan solat perlu dilakukan di mana sahaja tanpa sebarang alasan.

*Ūṣlūb ṭāzkiyyāh āl-Nāfṣ* setersunya dikesan dalam *scene* Rizwan menjelaskan kepada dua musafir Muslim yang bersama dengannya menuju ke New York berkaitan solat, perkara ini merupakan suatu nasihat yang baik bukan hanya ditujukan kepada Muslim tersebut malah, mesej tersebut dapat difahami secara baik oleh penonton. Aspek lakonan dan cara penegasan yang ditonjolkan dalam watak Rizwan merupakan satu

aspek nasihat yang memberi unsur baik kepada jiwa. Maka, perkara ini boleh dinyatakan sebagai unsur *tāzkiyyāh āl-Nāfṣ* iaitu usaha mengadaptasi sesuatu yang baik untuk menghilangkan perkara-perkara yang keji.

*Uṣlūb tāzkiyyāh āl-Nāfṣ* seterusnya dikesan ketika Rizwan menasihati sekumpulan ekstremis yang cuba mempertahankan Islam dengan cara yang salah. Nasihat yang diberikan oleh Rizwan berkaitan konsep pengorbanan merupakan suatu mesej yang baik untuk dikongsikan. Nasihat tersebut bukan sahaja mematikan hasrat mereka untuk melakukan pemberontakan dan peperangan balas malah, ia berhasil menumbuhkan sifat ihsan agar peperangan yang dirancang tidak dilaksanakan kerana akan mengakibatkan jutaan nyawa lain akan terkorban. Nasihat yang disampaikan Rizwan memberi kesan kepada watak-watak lain dalam *scene* tersebut dan dalam masa yang sama nasihat yang diberikan secara tersiratnya memberi satu mesej yang baik kepada penonton untuk menghilangkan keinginan dan hasrat buruk berkaitan pemahaman jihad dalam Islam.

a) *Uṣlūb Tāzkiyyāh āl-Nāfṣ* dalam filem *JODHAA AKBAR*;

Filem *JODHAA AKBAR* juga dikesan menyelitkan beberapa *uṣlūb tāzkiyyāh āl-Nāfṣ* dalam nasihat yang diberikan.. Segala nasihat dan mesej yang disampaikan dalam filem ini memberi manfaat yang baik kepada penonton. Aspek ini boleh menjadikan suatu perkara yang buruk dapat dihapuskan lantas, sifat-sifat *māḥmūdāh* dapat ditanam dalam diri penonton.

*Uṣlūb Tāzkiyyāh āl-Nāfṣ* yang pertama dikesan dalam filem ini ialah ketika ibu Akbar iaitu Hamida Banu menadah kedua tangannya dan berdoa kepada Allah SWT untuk memberi kesembuhan dan keselamatan kepada anaknya, Akbar yang sedang

koma akibat dipanah oleh penjenayah yang tidak dapat dikesan. Sub-teks yang dipaparkan dapat memberi nasihat kepada penonton motif dan tindakan Hamida bahawa umat Islam perlu sentiasa berharap dan memohon sepenuh hati dan jiwa kepada Allah SWT dan hanya kepada-Nya lah tempat bergantung harap. Nasihat secara tersirat diselitkan dalam *scene* ini memberi signifikan bahawa proses penyucian jiwa berlaku dalam keadaan manusia sering mengingati Allah SWT.

*Scene* lain yang dikesan membawa *ūṣlūb ṭāzkiyyāh āl-nāfṣ* dalam filem ini ialah watak dan perwatakan pemerintah Islam iaitu Akbar yang menganjurkan sifat kasih sayang dan keadilan. Lakonan yang ditampilkan dalam watak Akbar memberi mesej dan teladan yang baik kepada penonton. Ia menggambarkan bahawa untuk menjadi umat Islam dan pemimpin Islam yang baik, unsur adil dan kasih sayang perlu dipraktikkan. Sifat-sifat terpuji ini memberi suatu input yang baik kepada penonton dan semestinya apabila ia menjadi ikutan. Sifat ini mendorong unsur-unsur terpuji dalam diri lantas, sifat-sifat yang keji dapat ditinggalkan.

*Ūṣlūb ṭāzkiyyāh āl-nāfṣ* dalam filem *JODHAA AKBAR* juga dikesan dalam *scene* sewaktu Akbar memberi nasihat kepada penasihatnya berkaitan konsep *mūāmālāh* dalam Islam ketika berhadapan dengan tahanan perang. Lakonan yang ditunjukkan oleh watak Akbar memberi mesej dan nasihat secara tersurat dan tersirat berkaitan adab Islam terhadap tahanan perang dan kermuniaan sifat dan akhlak Islam yang perlu diteladani oleh manusia khususnya masyarakat Islam. Apabila sifat-sifat mulia ini dilaksanakan dalam kehidupan maka, ia akan menangkis sifat-sifat buruk yang ada dalam diri. Secara tidak langsung proses *ṭāzkiyyāh āl-Nāfṣ* telah berlaku.



Menerusi contoh-contoh yang diberikan dapatlah difahami bahawa proses *tāzkiyyāh āl-Nāfṣ* bukan sahaja diselitkan dalam nasihat *āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh* malah, ia juga didapati dalam mesej-mesej dakwah yang ditampilkan. Ini bermakna, proses *tāzkiyyāh āl-Nāfṣ* akan berlaku sekiranya nasihat yang diberi dapat diterima dengan baik di samping, mesej dakwah yang disampaikan cuba diaplikasikan dalam kehidupan. Kesemua mesej dakwah dan nasihat yang diberikan secara tidak langsung memberi kefahaman yang baik kepada penonton untuk keluar dari sifat-sifat buruk lantas, menghayati sifat-sifat terpuji yang disampaikan.

## 5.2 KESIMPULAN

Metode *āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh* dalam kedua-dua filem tersebut juga berjaya dikenalpasti. Nasihat yang disampaikan menerusi *ūṣlūb-ūṣlūb* tertentu dilakukan bergantung kepada situasi dan keadaan yang berlaku. Seandainya ia memerlukan kepada usaha membentuk tingkahlaku yang baik dan dikehendaki maka, uslub berbentuk *tārḡhīb* dan *tābṣyīr* lebih sesuai digunakan kerana kedua-dua *ūṣlūb* ini berfungsi sebagai satu dorongan dan rangsangan dengan mengemukakan suatu yang boleh menggembirakan dan menyenangkan sasaran. Namun, sekiranya dalam satu situasi memerlukan usaha menyeru dan mengajak sasaran yang semakin alpa, lalai dan jauh dari agama maka, aplikasi *ūṣlūb tārḡhīb* dan *tāndzīr* lebih berkesan. Ini kerana, menerusi *tārḡhīb* dan *tāndzīr* setiap balasan dan ancaman yang diberikan berfungsi untuk menakutkan sasaran supaya mereka sedar atas kesilapan yang dilakukan dan bertekad untuk mengubahnya. Ini bererti Islam merupakan suatu agama yang anjal dan mampu berinteraksi dalam apa jua bentuk keadaan dan situasi yang berlaku dalam hidup manusia.

Maka, teori āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh yang dikesan dalam filem adalah seperti berikut:

1) Pemetaan ringkasan kajian uslub āl-Māw'izāh āl-Hāṣānāh dalam filem;

a) Filem *MY NAME IS KHAN* dan *JODHAA AKBAR*

<b>BIL.</b>	<b>TEORI</b>	<b>MY NAME IS KHAN</b>	<b>JODHAA AKBAR</b>
1.	Uslub Targhib	/	X
2.	Uslub Tarhib	/	X
3.	Uslub Targhib dan Tarhib	/	X
4.	Uslub Tabsyir	/	X
5.	Uslub Tandzir	/	/
6.	Uslub Tazkiyyah al-Nafis	/	/

b) Filem *MY NAME IS KHAN*

<b>BIL.</b>	<b>MY NAME IS KHAN</b>
1.	Uslub Targhib
2.	Uslub Tarhib
3.	Uslub Targhib dan Tarhib
4.	Uslub Tabsyir
5.	Uslub Tandzir
6.	Uslub Tazkiyyah al-Nafis

c) Filem *JODHAA AKBAR*

<b>BIL.</b>	<b>JODHAA AKBAR</b>
1.	Uslub Tandzir
2.	Uslub Tazkiyyah al-Nafis

2) Pemetaan ringkasan kajian uşlūb āl-Māw'izāh āl-Hāşānāh dalam konteks naratif, sinematografi dan lakonan dalam filem;

a) Filem *MY NAME IS KHAN*

BIL.	TEORI	NARATIF	SINEMATOGRAFI	LAKONAN
1.	Ūşlūb Ṭarḡhib	ADA	TIADA	ADA
2.	Ūşlūb Ṭarḡhib	ADA	TIADA	ADA
3.	Ūşlūb Ṭarḡhib đan Ṭarḡhib	ADA	TADA	ADA
4.	Ūşlūb Ṭābsyīr	ADA	TIADA	ADA
5.	Ūşlūb Ṭāndżir	ADA	TIADA	ADA
6.	Ūşlūb Ṭāzkiyyāh āl- Nāfş	ADA	ADA	ADA

b) Filem *JODHAA AKBAR*

BIL.	TEORI	NARATIF	SINEMATOGRAFI	LAKONAN
1.	Ūşlūb Ṭarḡhib	TIADA	TIADA	TIADA
2.	Ūşlūb Ṭarḡhib	TIADA	TIADA	TIADA
3.	Ūşlūb Ṭarḡhib đan Ṭarḡhib	TIADA	TIADA	TIADA
4.	Ūşlūb Ṭābsyīr	TIADA	TIADA	TIADA
5.	Ūşlūb Ṭāndżir	ADA	TIADA	ADA
6.	Ūşlūb Ṭāzkiyyāh āl- Nāfş	ADA	ADA	ADA

Kesimpulannya, filem *MY NAME IS KHAN* menyelitkan uşlūb āl-Māw'izāh āl-Hāşānāh lebih banyak daripada filem *JODHAA AKBAR* sama ada dalam konteks teori atau unsur naratif, sinematografi dan lakonan yang ditampilkan. Filem *MY NAME IS KHAN* juga mengaplikasi unsur-unsur nasihat dalam kesemua teori 5T āl-Māw'izāh āl-Hāşānāh yang digunakan iaitu ṭarḡhib, ṭarḡhib, ṭābsyīr, ṭāndżir dan ṭāzkiyyāh āl-Nāfş. Adapun, terdapat dua daripada teori 5T āl-Māw'izāh āl-Hāşānāh sahaja yang diaplikasi dalam filem *JODHAA AKBAR* iaitu ṭāndżir dan ṭāzkiyyāh āl-Nāfş.

## BAB VI

### KESIMPULAN DAN SARANAN

#### 6.0 PENDAHULUAN

Penyebaran dakwah yang menitikberatkan kaedah atau cara yang terbaik menjanjikan keberhasilannya terhadap dakwah Islam. Aplikasi metode dakwah yang bersesuaian dan menepati kehendak dan keperluan sasaran serta disampaikan menerusi medium yang lebih sinonim dengan sasaran akan lebih memudahkan mesej dakwah diterima. Maka, kepelbagaian dalam dakwah bukan sahaja berkaitan aspek mesej, malah kaedah dan medium terbaik yang dapat menyalurkan mesej dakwah tersebut turut memberi impak terhadap tugas dakwah.

Dakwah menerusi filem antara ruang dan peluang yang boleh dijadikan sebagai satu platform alternatif terhadap penyampaian dakwah masa kini. Pelbagai mesej berkaitan Islam dan kehidupan boleh disatukan dalam menghasilkan sebuah filem yang dapat memberikan maklumat kepada masyarakat. Penghasilan skrip yang bermutu dan berkualiti serta disepadukan dengan teknik sinematografi filem yang terbaik akan menjadikan sebuah filem dakwah diterima dan menjadi kegemaran ramai. Maka, medium ini tidak boleh dipandang sepi oleh para pendakwah yang ingin menjadikannya sebagai salah satu alternatif dalam menyalurkan mesej dakwah mereka kepada masyarakat.

Oleh yang demikian, filem wajar dijadikan sebagai salah satu agen penyaluran mesej dakwah bagi menangkis sindrom *Islamphobia* yang turut disebarkan oleh masyarakat Barat menerusi filem-filem mereka. Tambahan, Islam dan umatnya sering

digambarkan sebagai umat yang mundur dan lemah menerusi filem-filem mereka untuk tontonan masyarakat dunia. Oleh itu, umat Islam perlu bangkit lebih maju seiring dengan perubahan zaman. Penerokaan terhadap dunia digital dan teknologi moden perlulah dipandang dari sudut positif agar ia dapat diaplikasikan untuk tujuan dakwah. Lantas, filem-filem yang berkualiti dan terbaik dapat dihasilkan dalam usaha membuktikan tanggapan dan dakwaan barat terhadap Islam adalah suatu pembohongan. Penerbitan filem dakwah antara suatu kaedah yang boleh dilakukan untuk membersihkan kembali mesej Islam dan masyarakatnya agar kembali dihormati oleh masyarakat dunia.

Secara keseluruhannya, kajian ini berupaya mencapai objektif yang digariskan, iaitu:

1. Menghurai konsep filem dakwah yang berfungsi sebagai salah sebuah medium penyampaian maklumat Islam.

Filem merupakan sebuah instrumen atau medium yang boleh menyalurkan maklumat berkaitan Islam. Sebagai sebuah alat yang penting untuk tujuan pengajaran dan hiburan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yusuf *āl-Qārḍhāwī*, keupayaan filem sebagai wadah penyampaian Islam atau sebagai medium ‘*āmār mā’rūf ḍān nāḥī mūnkār*’ tidak dapat disangkal. Walau bagaimanapun, penentuan hukum berkaitannya bergantung pada peranan dan kandungan yang ditayangkan.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, filem dakwah bukan sekadar filem yang dihasilkan berlatarbelakangkan Islam semata-mata. Ini kerana filem dakwah merupakan antara karya sastera Islam yang menitikberatkan aspek kemurniaannya bermula daripada pemilihan skrip, penulis skrip, pelakon serta aspek pengarah dan

pengarahannya yang mempunyai ciri-ciri tersendiri. Kesemua aspek ini perlu diberi penelitian agar filem dakwah yang dihasilkan mempunyai kualiti dan kesan terbaik dalam menyampaikan mesej Islam kepada penonton.

Filem dakwah merupakan antara karya yang terhasil menerusi sastera Islam. Walau bagaimanapun, filem-filem yang terhasil dari karya yang mempunyai unsur-unsur Islam juga tidak boleh diketepikan. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, filem-filem yang mempunyai unsur Islam perlu menyembunyikan atau membataskan paparan realiti masyarakat sebenar yang negatif dan disampaikan secara sederhana dan berlapik. Maka, pendedahan realiti sebenar yang ternyata memberi kesan buruk kepada penonton seperti pemaparan aksi-aksi di ranjang dan unsur-unsur kejahatan yang ternyata memberi kesan negatif perlulah disembunyikan dan dibataskan. Aspek ini diperjelaskan hasil dari perbincangan oleh Ab. Aziz Mohd Zin, berkaitan babak-babak yang dianggap ditegah oleh syarak untuk dijadikan tujuan dakwah. Babak-babak yang mampu memberi pengajaran dan dalam masa yang sama mempunyai unsur yang baik lebih banyak dari yang buruk maka, ia dibolehkan. Sebaliknya, babak yang membawa unsur yang buruk lebih banyak dari yang baik, maka ia diharamkan keseluruhannya. Oleh yang demikian, filem yang dihasilkan dari karya sastera Islam atau yang berunsur Islam dapat dinyatakan sebagai filem dakwah kerana kedua-duanya menampilkan usaha dakwah untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah yang mungkar.

2. Menginterpretasi mesej dakwah yang ditampilkan dalam filem-filem Hindustan berunsur Islam yang terpilih.

Objektif kedua yang digariskan dalam kajian ini juga berjaya dicapai iaitu menginterpretasi mesej dakwah yang ditampilkan dalam filem-filem Hindustan dalam filem *MY NAME IS KHAN* dan *JODHAA AKBAR*.

Mesej dakwah yang dipaparkan bukan hanya dikesan menerusi dialog atau teks yang dinyatakan dalam filem, malah ia juga turut dikesan dalam sub-teks, *shot*, muzik, latar dan *costume* yang menjadi aspek penting dalam memahami bahasa filem.

Keseluruhannya, mesej-mesej berunsur akhlak paling banyak mendominasi mesej dakwah dalam kedua-dua filem ini. Perkara ini dapat dinyatakan bahawa mesej berkaitan akhlak lebih mudah untuk dipaparkan dan diterjemahkan untuk diteladani oleh penonton. Namun, bukan bermakna mesej-mesej selainnya sukar untuk disampaikan.

Mesej akhlak antara mesej dakwah yang lebih mudah dipamerkan secara tindakan dan gaya seperti senyuman, hubungan baik dengan manusia lain, ketaatan, dedikasi dan perbuatan-perbuatan baik yang lain.

Menerusi filem *MY NAME IS KHAN*, sifat dan keperibadian yang ditonjolkan oleh Rizwan Khan yang beragama Islam telah memberi imej baik terhadap Islam. Sikapnya yang selalu sabar, berpegang pada janji, sering memberi bantuan pada yang memerlukan ditonjolkan dalam filem ini dan secara tidak langsung memberi gambaran yang baik terhadap Islam. Selain itu, menerusi filem *JODHAA AKBAR*, sikap dan akhlak baik seorang maharaja yang beragama Islam lebih banyak ditonjolkan dalam

filem ini sekaligus menggambarkan kepimpinan Islam mempunyai kepimpinan yang mampu memberi keadilan sejagat.

3. Meneliti dan menghuraikan metode penyampaian dakwah iaitu metode *āl-Māw'izāh āl-Ḥāṣānāh* dalam filem-filem Hindustan terpilih.

Menerusi kajian yang telah dijalankan, analisis yang dilakukan terhadap kedua-dua filem Hindustan yang terpilih telah berhasil menemui metode *āl-Māw'izāh āl-Ḥāṣānāh* yang diselitkan dalam beberapa babak. Walaupun jumlah penggunaan metode *āl-Māw'izāh āl-Ḥāṣānāh* yang diselitkan dalam filem-filem tersebut tidak menunjukkan jumlah yang banyak, namun ia berjaya untuk diteliti, dihuraikan serta dikategorikan mengikut *ūṣlūb-ūṣlūb* tertentu. Walau bagaimanapun, penggunaan metode *āl-Māw'izāh āl-Ḥāṣānāh* antara kedua-dua filem adalah tidak sama.

Menerusi filem *MY NAME IS KHAN* ternyata metode *āl-Māw'izāh āl-Ḥāṣānāh* yang disampaikan menerusi *ūṣlūb ṭārghīb* dan *ṭābṣyīr* paling banyak ditonjolkan. Sebagaimana yang telah dijelaskan, kedua-dua *ūṣlūb* sama ada *ūṣlūb ṭārghīb* dan *ṭābṣyīr*, kedua-duanya merupakan tindakan yang digunakan untuk menggembirakan seseorang dan jauh dari cara penyampaian yang membuat orang menjauhkan diri. Dalam usaha memurnikan kembali nama Islam rentetan peristiwa 9 November yang cuba digambarkan dalam filem ini, nasihat-nasihat yang lebih mudah dan menyenangkan serta memberi khabar baik kepada penonton berkaitan Islam lebih banyak diaplikasikan. Walau bagaimanapun, nasihat menerusi *ūṣlūb ṭāndzīr* dan *ṭārḥīb* turut sama diselitkan dalam usaha memberi peringatan terhadap kekhilafan dan kesalahan yang digambarkan dalam filem tersebut.



Filem *JODHAA AKBAR* pula hanya mengaplikasi satu bentuk nasihat sahaja iaitu *ṭāndẓīr*. *Ūṣlūb* ini digunakan untuk mendorong dan memberi rangsangan kepada sasaran untuk taat dan kagum dengan kebesaran serta kekuasaan Allah SWT hasil dari *īndẓār* yang disampaikan. Sebagai contoh, sebagai seorang panglima perang dan merangkap maharaja India, Raja Akbar menonjolkan kredibilitinya sebagai pemimpin Islam dengan memberi penegasan dan peringatan kepada tentera-tenteranya agar memberi layanan yang baik terhadap tahanan perang dan tidak membunuh atau menyeksa mereka.

Filem *MY NAME IS KHAN* dan *JODHAA AKBAR* antara filem Bolywood yang mempunyai mesej Islam yang baik. Kedua-dua filem hindi ini diterbitkan selepas tahun 2001 rentetan runtuhnya bangunan *World Trade Centre* di New York. Kekalutan yang berlaku setelah kejadian tersebut menjadikan Islam dan umatnya dipandang dengan suatu pandangan yang sinis dan cukup negatif oleh masyarakat Barat. Maka, penerbitan kedua-dua filem tersebut sekurangnya-kurangnya menjadi suatu penawar dalam menjernihkan kembali nama Islam di mata dunia. Sebagai contoh, menerusi filem *MY NAME IS KHAN*, watak Khan yang dilakonkan oleh seorang aktres yang cukup terkenal iaitu Shah Rukh Khan sedikit sebanyak dapat menjelaskan kepada masyarakat dunia bahawa Islam dan umatnya bukanlah golongan penganas sebagaimana yang dinyatakan oleh mereka. Walau bagaimanapun, filem-filem yang sengaja dimasukkan mesej-mesej Islam serta dicampuradukkan dengan unsur-unsur agama lain yang boleh mengelirukan masyarakat perlulah diberi perhatian lebih oleh penggiat seni filem. Suatu bentuk perbincangan yang lebih terbuka dengan masyarakat boleh dilaksanakan agar mereka lebih sedar dan berwaspada dengan kehadiran filem-filem sebegini. Oleh itu, penghasil-penghasil filem perlu mendalami ilmu Islam dengan lebih mendalam agar

mereka juga tidak hanyut dengan cubaan dan agenda buruk yang cuba merosakkan mesej Islam. Kaedah yang terbaik ialah dengan menghasilkan lebih banyak filem-filem dakwah yang berkualiti untuk disajikan kepada masyarakat agar filem-filem yang merosakkan minda masyarakat dapat diketepikan. Usaha ini antara suatu paradigma baru dalam dakwah dan ia menjadi contoh terhadap penghasilan filem dakwah di masa hadapan. Maka, pendakwah perlu lebih terbuka dan melibatkan diri dalam lapangan yang lebih luas dan pelbagai agar Islam dapat dikembangkan dan disebarkan ke serata dunia.

## 6.1 SARANAN DAN CADANGAN

Sebuah filem dakwah yang berkualiti bukan hanya perlu menitikberatkan penghasilan naskah atau skrip yang bermutu dan mampu menyalurkan maklumat Islam yang mudah dan menyenangkan penonton malah, kemahiran dalam menerokai teknik sinematografi yang terbaik perlu diberi perhatian. Oleh itu, pendakwah dan penggiat seni perlu bersatu hati dan tenaga dalam menyumbang buah fikiran dan ilmu bagi menghasilkan sebuah filem dakwah yang mampu mengisi kelompongan filem-filem berkualiti yang mampu memberi input yang baik kepada masyarakat.

### a) Saranan kepada pendakwah

Pendakwah perlu lebih bijak dan pantas dalam mencari ruang dan peluang untuk berdakwah. Kemunculan pelbagai medium dan teknik yang mampu membantu melancarkan dan meluaskan penyebaran dakwah Islam perlulah diterima secara terbuka. Ia penting untuk dimanfaatkan pada jalan dakwah agar peluang dan ruang tersebut tidak menjadi suatu yang sia-sia dan hanya dieksploitasi oleh musuh Islam yang akhirnya akan merugikan Islam dan umatnya.

Pendakwah juga perlu terlibat sama secara serius dalam pembikinan dan penghasilan filem dan drama sama ada sebagai penghasil skrip, pengarah, penerbit mahupun sebagai kru-kru sampingan. Ia penting agar mereka dapat menjadi ‘*gatekeeper*’ dalam sesebuah produksi untuk saling nasihat-menasihati dan secara tidak langsung menyumbang buah fikiran bukan sahaja dalam menghasilkan sesebuah filem malah berkaitan sesuatu perkara yang menyumbang kepada *āmār mā’rūf dān nāhī mūnkār*.

Selain itu, para pendakwah disaran untuk turun ke lapangan bagi melihat secara realiti kaedah penghasilan sesebuah filem. Cara sebegini dapat memberi input dan pengalaman baru kepada pendakwah agar tidak didakwa hanya mampu berkata-kata tanpa melihat sendiri keadaan dan suasana yang berlaku sekitar penggambaran dilakukan. Kaedah turun padang ini dapat memberi peluang kepada pendakwah untuk mengenali kru-kru produksi dengan lebih dekat dan rapat. Hubungan yang terbina ini merupakan suatu usaha permulaan yang baik bagi pendakwah untuk menyalurkan pendapat dan idea-idea dalam memberi nafas baharu terhadap dunia perfileman. Hakikatnya, filem-filem yang dihasilkan dewasa ini tidak mampu mengangkat nama dan imej Islam pada tahap yang membanggakan. Perkara ini berlaku akibat ketandusan ilmu dan pengetahuan dikalangan penggiat seni berkaitan ilmu-ilmu Islam. Maka, ia menyukarkan mereka untuk menghasilkan filem-filem dakwah yang bermutu. Maka, kesatuan yang diperolehi hasil hubungan baik yang dibina oleh pendakwah dan kru-kru produksi akan memberi kesan terhadap penghasilan filem dakwah yang berkualiti pada masa hadapan.

#### b) Saranan kepada pengarah-pengarah filem dan drama

Penggiat seni seperti pengarah-pengarah filem perlulah lebih terbuka untuk menerima kehadiran para pendakwah untuk bekerjasama bagi menghasilkan lebih banyak filem-filem dakwah di masa hadapan. Mereka juga perlu lebih terbuka untuk menerima pandangan-pandangan tokoh-tokoh agama berkaitan adab-adab dan etika yang sepatutnya diaplikasi semasa menghasilkan sebuah filem agar filem yang dihasilkan tidak sekadar untuk mengaut keuntungan yang lumayan malah persoalan kualiti dan kesan jangka panjang kepada masyarakat perlulah diberi perhatian.

Selain itu, persoalan khalayak atau penonton filem perlu dititikberatkan. Khalayak umumnya mempunyai minat dan latar belakang yang berbeza-beza terhadap sesebuah filem. Maka, sebagai pengarah yang bijak, penyelidikan awal perlulah dilakukan sebelum menghasilkan sesebuah filem. Pelbagai genre dan tema boleh dimanipulasi dalam menghasilkan sebuah filem dakwah yang berkualiti. Dinamika ini akan menjadikan filem dakwah tidak statik dan beku serta mampu sealiran dengan filem-filem international.

#### c) Saranan kepada penerbit filem dan drama

Penghasilan sebuah filem atau drama tidak akan menjadi kenyataan tanpa sumbangan kewangan dari penerbit-penerbit filem. Maka, penerbit-penerbit filem atau drama terutamanya yang beragama Islam perlulah memberi sokongan dan galakkan kepada pembikin-pembikin filem untuk menghasilkan lebih banyak filem-filem berkualiti, filem yang mampu menyampaikan mesej Islam yang baik kepada penonton dan filem yang mampu mengubah persepsi masyarakat berkaitan Islam dan umatnya. Para penerbit disaran agar tidak sekadar membuat pelaburan demi untuk mengaut

keuntungan hasil daripada filem-filem yang diterbitkan tanpa sebarang mesej yang baik kepada penonton. Mereka sepatutnya lebih menyokong pengarah-pengarah filem yang ingin menghasilkan filem-filem yang mampu menyalurkan mesej yang bermanfaat kepada masyarakat daripada filem-filem yang hanya berunsur khayalan, hiburan dan mitos semata-mata.

d) Saranan kepada masyarakat.

Masyarakat merupakan penonton atau khalayak utama yang menjadi sasaran penghasil-penghasil filem. Masyarakat Malaysia umpamanya perlu lebih terbuka dan optimis dalam menilai filem-filem dakwah. Ia membantu usaha menaiktaraf filem-filem dakwah. Tanpa sokongan daripada masyarakat, industri perfileman yang berlatarbelakangkan dakwah Islam tidak akan berkembang pesat malah ia akan menyukarkan penerbit-penerbit filem untuk melabur sumber kewangan mereka bagi menerbitkan filem-filem dakwah.

e) Saranan kepada institusi pendidikan

Industri perfileman yang berlatarbelakangkan dakwah Islam tidak mampu dikecap tanpa sokongan dari semua pihak. Malah, sebagai medium pendidikan yang melahirkan graduan-graduan yang memimpin masa depan negara juga perlu bekerjasama menyokong usaha untuk meluaskan empayar perfileman Islam terutamanya di Malaysia. Sememangnya, telah wujud beberapa IPTA dan IPTS yang menjadikan subjek perfileman sebagai subjek yang ditawarkan di institusi-institusi pendidikan tertentu, namun sejauh mana subjek tersebut mampu untuk membina jati diri mahasiswa dalam menghasilkan filem yang mempunyai jati diri Islam yang kukuh dan mampu mengangkat nilai-nilai masyarakat yang baik. Maka, boleh dinyatakan bahawa subjek-

subjek yang mengajar kaedah dan tatacara penghasilan filem dan drama dakwah belum lagi terlaksana. Oleh yang demikian, setiap IPTA atau IPTS terutamanya yang mendokong subjek-subjek media dakwah perlulah mengisi kelompongan-kelompongan ini demi untuk melahirkan individu-individu Muslim yang mampu mewarnai industri perfileman dakwah pada masa hadapan.

f) Saranan kepada institusi kerajaan

Kerajaan merupakan badan induk dalam mengorganisasi keperluan masyarakat. Malah, kuasa pemerintahan dan undang-undang juga berada di bawah kawalan kerajaan. Maka, kerajaan juga terlibat sama dalam mengawal masuk filem-filem luar dan memberi perlepasan kepada filem-filem dalam negara untuk ditonton oleh masyarakat Malaysia. Kebanjiran filem-filem yang berunsurkan hiburan, mitos, kepercayaan karut dan memaparkan budaya keruntuhan budaya sesebuah masyarakat hanya akan merosakkan minda dan memburukkan akhlak masyarakat. Penayangan filem-filem yang memaparkan aksi ganas dan seks turut memberi kesan negatif yang berpanjangan kepada masyarakat. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menentukan filem-filem yang telah disahkan bersih untuk ditayangkan kepada masyarakat dan mengenyepikan filem-filem yang tidak bermanfaat untuk diberikan hak untuk ditayangkan kepada masyarakat.

Selain itu, kerajaan juga disaran untuk mewujudkan satu akta atau *guideline* kepada penghasil-penghasil filem tempatan agar ia dapat dijadikan panduan dalam menghasilkan sebuah filem. Ia penting dalam menjamin penghasilan filem yang bersih daripada disertai budaya-budaya kuning yang hanya merosakkan masyarakat dalam tempoh jangka panjang.

Kerajaan khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) disaran untuk menubuhkan satu badan khusus bagi menyeragamkan kembali perkara-perkara berkaitan garis panduan pelaksanaan filem dakwah agar penghasilannya tidak dicemari perkara-perkara atau unsur-unsur yang menghilangkan ciri-ciri Islam yang cuba disampaikan. Perkara ini sudah terlaksana sebagaimana yang sedang dijalankan di TVALHIJRAH. Setiap produksi yang ingin menyiarkan drama atau filem mereka di stesyen tersebut perlu mengikut etika atau tatacara yang telah ditetapkan iaitu tiada sebarang adegan bersentuhan antara lelaki dan perempuan. Maka, perkara yang sama juga perlu dilakukan dalam industri perfileman negara agar filem-filem yang dihasilkan mampu mengikut acuan Islam dan budaya Melayu yang penuh dengan kesopanan dan tatasusila yang murni.

## 6.2 PENUTUP

Penghasilan sebuah filem dakwah yang berkualiti tidak hanya diperjuangkan oleh satu-satu badan sahaja. Maka, setiap unit dalam masyarakat perlu bersatu dan saling bekerjasama agar filem-filem yang akan diterbitkan pada masa hadapan mampu memberi input yang baik kepada masyarakat.

Filem merupakan manifestasi berkaitan cara hidup manusia yang pelbagai. Ia juga merupakan cara untuk manusia mencurahkan idea, kreativiti dan pengalaman yang ada untuk diberi manfaat kepada manusia lain. Maka, sebagai salah sebuah medium komunikasi massa yang mampu menjangkau sasaran atau khalayak yang luas, filem antara medium yang penting yang boleh dimanipulasi kelebihannya untuk menyebarkan dakwah Islam. Penguasaan ilmu berkaitan sinematografi dan pengarahan di samping tidak mengabaikan teknik dan metodologi dakwah yang mampu memberi daya penarik kepada sasaran dakwah perlu disinergikan dalam menghasilkan sebuah filem dakwah

yang berkualiti. Perkara ini menuntut seorang da'ie mempelajari ilmu perfileman dan sentiasa turun ke lapangan masyarakat.